

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 23

Isnin

20 Disember 2010

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

- Perutusan Daripada Dewan Rakyat (Halaman 1)
- Urusan Mesyuarat (Halaman 2)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 2)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2011 (Halaman 29)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 75)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 20 Disember 2010

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

[*Setiausaha membacakan Perutusan*]

“16 Disember 2010

Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,
Dewan Rakyat telah meluluskan Rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 2010
2. Rang Undang-undang Pemberi Pinjam Wang (Pindaan) 2010
3. Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2010
4. Rang Undang-undang Bank Simpanan Nasional (Pindaan) 2010
5. Rang Undang-undang Fi (Jabatan Meteorologi Malaysia) (Pengesahan) 2010
6. Rang Undang-undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2010
7. Rang Undang-undang Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa 2010
8. Rang Undang-undang Agensi Inovasi Malaysia 2010
9. Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara 2010

Yang Ikhlas,

t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Pau Chiong Ung** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) bagaimanakah pihak kementerian menyalurkan informasi dasar-dasar terkini negara kepada rakyat seperti Strategi Transformasi Ekonomi; dan
- (b) adakah artikel dasar kerajaan oleh PEMANDU disalurkan dalam semua akhbar pelbagai bahasa agar semua warganegara dapat memahami dasar-dasar kerajaan dengan baik.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]: Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada makmal Program Transformasi Ekonomi (ETP) kerajaan telah menganjurkan Hari Terbuka di Kuala Lumpur, Kuching dan Kota Kinabalu untuk menyampaikan pencarian tersebut kepada rakyat dan menerima maklum balas sebelum kerajaan melancarkannya secara rasmi. Seperti mana yang disarankan oleh pucuk pimpinan negara zaman di mana pihak kerajaan mengetahui segala-galanya atau *government knows all and best* dengan izin sudah berakhir.

Dengan demikian hari terbuka tersebut dianjurkan khas untuk menerima maklum balas daripada warga seluruh negara. Untuk mencapai status negara maju menjelang 2020 apakah hala tuju. Lebih daripada 12,000 orang menghadiri ketiga-tiga hari terbuka tersebut. Selain itu Unit Pengurusan Pelaksanaan dan Prestasi PEMANDU di bawah Jabatan Perdana Menteri mewujudkan blog dan akaun tutor tersendiri. Ini yang boleh diikuti dengan mudah melalui laman web PEMANDU iaitu www.PEMANDU.gov.my. Saluran media sosial yang digunakan ini amat efektif untuk berhubung dengan rakyat mengenai dasar-dasar terkini di bawah ETP dan juga status perkembangan projek-projek dan inisiatif di bawahnya sering dimuat naik dengan izin *uploaded* untuk pengetahuan umum.

Langkah ini ternyata efektif kerana bilangan pengikut akaun tutor dan blog PEMANDU meningkat dari hari ke sehari. Sememangnya pihak kerajaan dan semua kementerian yang terlibat secara langsung di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) mengambil berat tentang menyalurkan sebanyak maklumat yang boleh kepada rakyat supaya mereka memahami tentang dasar-dasar dan perkembangan yang sedang kerajaan jalankan. Unit PEMANDU mempunyai pasukan komunikasi tersendiri yang berusaha untuk menyalurkan maklumat-maklumat tersebut kepada akhbar tempatan. Setakat ini pengisian-pengisian telah dimuatkan dalam akhbar Bahasa Melayu, Cina, India, Inggeris dan juga akhbar tempatan di Sabah, Sarawak.

Walau bagaimanapun kami sedar bahawa usaha harus dipertingkatkan supaya kaedah-kaedah ini lebih efektif dengan hanya menggunakan sumber atau *resources* yang terhad dan sedia ada. Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini pun Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Yang Berhormat tadi keluar dalam surat khabar *The Star* dan surat khabar lain mengenai Government Transformation Program. Ini dikeluarkan setiap minggu untuk makluman orang ramai. Kalau kita lihat apakah kandungannya segala perkara yang ada dalam GTP dimasukkan.

Pertama yang baru dilancarkan itu, Mass Rapid Transit yang diumumkan oleh Perdana Menteri sudah ada. Apakah isunya? Integriti dan *transparency* itu kenyataan Perdana Menteri. Lepas itu kita ada pendidikan bahasa Melayu dan Inggeris. Apakah tengah dijalankan? Lepas itu elektrik dan air di kawasan luar bandar. Lepas itu sebelah sini adalah wanita dan pembangunan mereka dan sini jenayah. So maka segala komponen GTP dimasukkan setiap kali. Ini baru satu contoh Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Pau Chiong Ung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan diberi tadi. Soalan tambahan saya ialah sejak ETP dilancarkan pada September 2010. Adakah ianya telah disambut dengan kukuh? Adakah ianya dapat mencapai sasaran seperti dijangka? Boleh minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi sedikit penjelasan perbezaan antara ETP dengan NEP atau NEM? Sekian.

■1010

Dato' Devamany a/I S. Krishnasamy: Untuk makluman Yang Berhormat, GTP dan ETP adalah sesuatu yang baru dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Model Baru Ekonomi telah dimuktamadkan baru sebulan yang lalu di peringkat keduanya. Maka, pergerakan GTP telah bermula dengan baik. Contohnya, jenayah telah berkurangan hampir 20% daripada inisiatif yang dicadangkan oleh orang awam dan juga orang-orang yang terlibat. Itu baru satu contoh.

Kita ada enam komponen GTP di mana pendidikan, jenayah, infrastruktur luar bandar, pendapatan isu rumah miskin dan juga perkara yang berkaitan dengan perkara-perkara yang ada kepentingan rakyat. Maka sekarang – hujung tahun ini mereka akan menyediakan laporan kerana perancangannya bukan seperti dahulu yang secara umum tetapi ia spesifik. 70,000

kilometer jalan akan dibina – di mana akan dibina, berapa kosnya, telah pun ditulis dengan begitu jelas sekali. Kalau tidak dicapai, nanti orang akan mencari kita.

Keduanya ETP. ETP ini telah dijanakan dan baru bermula. Pengumuman pertama untuk The Greater Kuala Lumpur dan *Klang Valley*, kita nampak sekarang telah ada RM36 bilion dengan Mass Rapid Transit telah pun bermula perjuangan itu. Yang Berhormat Senator yang menjadi penjananya daripada Majlis Ekonomi iaitu NEAC, Yang Berhormat Tan Sri Amirsham pun ada di sini, mungkin beliau lebih mengetahui. Kita juga ada pakar-pakar daripada sini, Yang Berhormat Dato' Idris Jala pun ada di sini. Kedua-dua mereka ada di sini.

Saya pasti bahawa mereka akan beri jaminan bahawa pendekatan korporat dalam menjanakan kerajaan, transformasi untuk rakyat dari segi ekonomi dan juga kesejahteraan sosial akan tetap berlaku. Kedua-dua mereka ada di sini. Saya kerdil dalam hal ini kerana mereka terlibat dengan begitu banyak sekali. Saya yakin, Model Ekonomi Baru yang dijana oleh NEAC dan program – ianya program, bukannya satu pelan. Itu program, segala-galanya program – sudah begitu jelas diberi. Maka, saya pasti dengan adanya kesejahteraan ini, wawasan Malaysia bagi tahun 2020 untuk *high income economy*, keterangkuman dan juga *sustainability* dengan izin, akan tetap tercapai. Yakinlah Yang Berhormat. Sama-samalah kita bawa Malaysia ke arah itu.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ringkas sahaja Tuan Yang di-Pertua. Apakah langkah-langkah pemantauan yang telah dilakukan untuk memastikan bahawa segala informasi yang disalurkan seperti dihuraikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu telah sampai kepada sasarannya?

Saya timbulkan perkara ini Tuan Yang di-Pertua, kerana dua minggu yang lalu saya memberi ceramah kepada sekumpulan pensyarah-pensyarah muda di Pantai Timur. Masih ramai lagi pensyarah – ini pensyarah, bukan cikgu. Pensyarah-pensyarah universiti muda ini, dia tidak tahu lagi apa itu ETP, NEM – sebahagian besarnya. Jadi saya dapat kesan bahawa apa Yang Berhormat Timbalan Menteri cakap itu tadi hanya di peringkat kementerian sahaja. Patut ditinjau apa yang berlaku.

Tuan Yang di-Pertua: Okey Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Patut ditinjau apa yang berlaku di akar umbi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sasaran.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih. Saya menyambut baik saranan daripada Yang Berhormat. Mungkin oleh kerana perkara ini baru dilancarkan tetapi banyak yang telah dibuat. Cuma, kita kena *reach out* dengan seberapa ramai orang yang boleh. Alternatif media melalui twitter, facebook bergerak dengan begitu pantas sekali. Saya sedihlah mereka mungkin tidak terlibat dalam twitter dan facebook. Dalam surat khabar dan berita sudah keluar. Kita akan cubalah. Di peringkat antarabangsa pun kita melibatkan diri Tuan Yang di-Pertua,

dengan pelajar-pelajar di UK melalui *CEKU magazine*, *blog*, *Financial Times*, *Young Corporate Malaysians Summit*, MIDA, MITI. Maka, ianya begitu agresif.

Ada sembilan orang pegawai – empat orang di GTP dan lima orang di ETP, untuk memastikan bahawa maklumat ini sampai ke bawah. Akan tetapi malangnya Tuan Yang di-Pertua, kalau ada berita sensasi, mereka suka baca. Metro begitu popular tetapi ETP berat sedikit hendak mencerna. Inilah masalahnya. Maka, kita perlu anjakan paradigma. Akan tetapi, saya setuju bahawa kita akan teruskan *engagement* ini dengan rakyat supaya mereka lebih faham. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

2. Datuk Hajah Fatimah binti Hamat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah kerajaan bercadang memberikan kuasa polis tambahan kepada guru disiplin di sekolah bagi membendung pelbagai masalah disiplin pelajar.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Hajah Fatimah binti Hamat yang mengemukakan pertanyaan ini. Kementerian mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat Senator tentang permasalahan disiplin di kalangan pelajar-pelajar di negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator dan Dewan yang mulia ini, buat masa ini kementerian tidak bercadang untuk memberi kuasa polis bantuan kepada guru-guru disiplin di sekolah. Namun demikian, bagi membendung penularan kegiatan jenayah di sekolah-sekolah dan membantu pihak sekolah dalam mengawal masalah disiplin pelajar, PDRM telah menempatkan pegawai perhubungan sekolah yang berperanan menekankan kepada pelajar-pelajar tentang senario jenayah semasa, penglibatan pelajar sekolah dalam aktiviti jenayah, memberi nasihat dan kesedaran serta menyediakan maklumat-maklumat terkini seperti risalah-risalah, ceramah, aktiviti sosial, pameran dan kaunseling tentang kejadian jenayah semasa kepada pihak sekolah. Terima kasih.

Datuk Hajah Fatimah binti Hamat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, cadangan memberi kuasa polis tambahan kepada guru disiplin ini bukanlah satu perkara yang baru tetapi telah pun diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak semenjak tahun 1997 lagi. Adalah penting saya rasa guru disiplin diberi kuasa polis tambahan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan tambahan.

Datuk Hajah Fatimah binti Hamat: ...bagi menangani kes ini. Soalan tambahan saya, ada guru disiplin yang takut untuk bertindak kerana bimbang pelajar terbabit akan mengambil pelbagai tindakan seperti memukul atau merosakkan kereta guru. Apakah langkah kerajaan bagi memastikan guru-guru dapat dilindungi dari undang-undang termasuk tidak boleh di saman bagi setiap tindakan yang dilakukan? Bagaimanakah guru-guru disiplin ini dapat diberi perlindungan

keselamatan ekoran tindakan agresif segelintir pelajar yang berani mencederakan guru khususnya guru-guru wanita? Terima kasih.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan perlindungan daripada tindakan undang-undang oleh pelajar, kementerian berpendapat, ia tertakluk kepada dasar dan ketetapan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia.

Berkaitan perlindungan keselamatan pula, kementerian sedar ada kes-kes di mana guru-guru dcederakan oleh pelajar. Namun, bilangan kes-kes sebegini adalah masih terkawal. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, keselamatan individu di negara ini termasuk guru-guru sekolah adalah menjadi tanggungjawab pihak polis. Sekiranya ada tindakan agresif sebegini seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat, pihak polis tidak akan bertolak ansur dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya mengikut undang-undang yang sedia ada. Terima kasih.

■1020

Tuan Ahmad bin Hussin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih kepada Timbalan Menteri. Soalan saya ialah adakah Kelab Pencegahan Jenayah dan Rakan Cop yang telah ditubuhkan bagi setiap sekolah menengah yang menghadapi masalah disiplin pelajar-pelajar. Adakah kesemua sekolah-sekolah ini telah pun menubuhkan kelab-kelab yang saya sebutkan tadi dan apakah kaedah, cara, pemantauan yang boleh dibuat bagi mengelakkan gengsterisme yang berleluasa di sekolah sekarang ini? Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan Kelab Pencegahan Jenayah di sekolah dan juga Rakan Cop. Adakah rakan Cop ditubuhkan atau didaftarkan di sekolah-sekolah? Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang pihak sekolah ada menubuhkan kadet polis dan juga Kelab Pencegahan Jenayah di pihak sekolah dan juga pegawai perhubungan sekolah pun ada disediakan di setiap sekolah. Pegawai perhubungan sekolah ini berperanan untuk mengawal disiplin dan juga bagi ceramah-ceramah, mengedarkan risalah-risalah untuk mengatasi masalah disiplin di sekolah. Terima kasih.

3. Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan kemajuan yang telah dicapai oleh MIFC setakat ini. Apakah strategi jangka pendek dan sederhana bagi memantapkan usaha menjadikan Malaysia sebagai hab kewangan Islam di peringkat global di samping menghadapi saingan dari pusat kewangan Islam serantau.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak dilancarkan pada tahun 2006, Malaysia International Islamic Financial Center (MIFC) telah berjaya mencapai kemajuan dalam pelbagai aspek. Antaranya pertama, Malaysia merupakan peneraju utama dalam penerbitan sukuk di peringkat global. Dalam tempoh separuh tahun pertama 2010, Malaysia menguasai lebih 50% daripada jumlah terbitan sukuk di pasaran global.

Kedua, Malaysia menduduki tangga teratas dalam senarai besar di dunia yang mempunyai sukuk tersenarai yang terbesar iaitu sebanyak USD27.57 bilion. Ketiga, Malaysia menerima pelbagai pengiktirafan daripada komuniti kewangan Islam antarabangsa seperti Anugerah Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Terbaik di Persidangan Sukuk London 2010. Ini ialah bagi tiga tahun berturut-turut dan Anugerah Pusat Kewangan Islam tahun 2010 oleh *The Asset* magazine, Hong Kong. Keempat, industri kewangan Islam Malaysia menjadi pusat rujukan kepada negara-negara yang berminat untuk memajukan industri tersebut seperti negara Perancis, Australia dan Korea Selatan.

Kelima, Malaysia diterima oleh negara-negara Islam sebagai tuan rumah kepada institusi kewangan Islam antarabangsa iaitu *Islamic Financial Standards Board* (IFSB) dan juga yang terakhir, Pasaran Likuiditi Islam Antarabangsa yang akan ditempatkan di Kuala Lumpur. Langkah-langkah strategik berterusan yang dilaksanakan bagi memantapkan kedudukan Malaysia sebagai hab kewangan Islam global adalah seperti berikut;

- (i) menggalakkan penerbitan sukuk dalam pelbagai mata wang asing yang tidak terhad kepada Ringgit Malaysia semata-mata. Ketika ini Malaysia menguasai lebih daripada 60% jumlah sukuk di pasaran global dan sebahagian besarnya dalam dominasi Ringgit Malaysia;
- (ii) menyediakan persekitaran yang kondusif bagi melahirkan modal insan yang kompeten seperti penubuhan institusi pembangunan modal insan khusus bagi kewangan Islam seperti *International Center for Education in Islamic Finance* (INCEIF) dan *International Syariah Research Academy for Islamic Finance* (ISRA); dan
- (iii) menggalakkan peserta pasaran global menyertai industri kewangan Islam Malaysia. Ini adalah kerana sebagai sebuah pasaran kewangan Islam yang dinamik dan mampan, ianya memerlukan penglibatan peserta pasaran yang merangkumi semua aspek kewangan seperti perbankan, takaful, pengurusan dana serta perkhidmatan sokongan profesional.

Dengan ini, langkah berterusan akan diambil oleh kerajaan bagi terus menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa yang unggul. Terima kasih.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih di atas jawapan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Dalam satu konvensyen yang saya hadiri baru-baru ini di Korea, terdapat ramai ataupun kecenderungan pemain-pemain industri dari Korea, Jepun yang menunjukkan minat terhadap sistem kewangan Islam. Jadi soalan saya, adakah MIFC bersedia untuk menembusi pasaran-pasaran baru, di samping menjalin hubungan dengan pemain-pemain industri ini supaya ianya dapat dipertingkatkan lagi.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, tahniah kerana sehingga hari ini perkembangan perbankan Islam telah mencecah sehingga RM250 bilion di dalam sistem perbankan kita di Malaysia, yang lebih kurang 16.6%. Kita memerlukan *organic growth* dengan izin, lagi. Adakah kerajaan bersedia untuk mewajibkan agar semua agensi kerajaan, kementerian, jabatan kerajaan dan juga GLC dan GLIC supaya sama-sama memberi sokongan sepenuhnya terhadap sistem kewangan Islam. Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Terima kasih Yang Berhormat. Pertamanya memang daripada segi hubungan MIFC dan Malaysia dengan negara-negara Islam ataupun negara-negara lain yang berminat melaksanakan sistem kewangan Islam ini memang baik. Tadi saya ada sebut di antara negara-negara yang sedang menunjukkan minat dan melawat Malaysia untuk mendapat maklumat yang lebih lanjut seperti mana yang saya sebut tadi Perancis, Australia dan Korea Selatan bahkan Jepun. Jadi proses ini akan berterusan. Keduanya, daripada segi pertumbuhan *organic growth* ini, memang seperti mana Yang Berhormat sebut tadi jumlah asetnya telah meningkat begitu besar.

Kita ingat pada satu masa kita sasarkan 20% aset keseluruhan sistem perbankan di Malaysia ini yang mengandungi aset kewangan perbankan Islam. Hari ini kita sudah pun melepasi 20% tersebut. Jadi kalau pada masa dahulu dianggap bahawa 20% ini satu sasaran yang agak tinggi kerana pada permulaannya agak perlahan pertumbuhannya kerana sesuatu yang baru, 2%, 5% tetapi hari ini saya telah dimaklumkan bahawa ianya sudah melebihi 20% aset perbankan Islam.

Perbankan di Malaysia ini terdiri dari aset daripada kewangan Islam dan ini menunjukkan pertumbuhan yang masih baik. Saya kira dalam perbankan Islam ini, pertumbuhannya 5% - 6% setahun itu masih ada. Yang lebih menggalakkan daripada segi pertumbuhan ialah daripada segi insurans Islam atau Takaful. Pertumbuhan purata sekarang yang kita lihat ialah lebih kurang 20% setahun. Ini satu pertumbuhan yang pesat. Cuma buat masa ini aset takaful ini merupakan lebih kurang 8% daripada aset keseluruhan insurans di Malaysia.

Peningkatannya pesat tetapi daripada segi peratusannya masih lagi dipertingkatkan. Jadi ini adalah antara kejayaan-kejayaan yang sememangnya merupakan kejayaan yang besar bagi negara kita dan ini diiktiraf dengan persetujuan negara-negara Islam untuk menubuhkan institusi kewangan Islam antarabangsa di Malaysia ini. Satunya *Islamic Finance Standards Board* (IFSB) dan yang baru-baru ini, yang baru diluluskan undang-undangnya di Dewan Rakyat dan akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini ialah untuk mewujudkan pasaran likuiditi antarabangsa supaya boleh menggalakkan lagi pertumbuhan dan perdagangan aset-aset kewangan Islam ini. Terima kasih.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Kalau saya boleh...

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid - oleh sebab saya nampak Yang Berhormat Tan Sri Datuk Amirsham pun ada. Saya gunakan budi bicara saya, nanti selepas ini Yang Berhormat boleh tanya satu lagi tambahan. Yang Berhormat Tan Sri Datuk Amirsham selepas Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid. Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid dahulu.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah kesungguhan Malaysia sebagai peneraju kewangan Islam global di dalam cadangan penggunaan dinar emas sebagai alternatif bagi menggunakan pergantungan terhadap USD sebagai mata wang komersial di peringkat kebangsaan pada hari ini? Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Penggunaan dinar emas atau emas secara keseluruhannya sebagai mata wang global ini masih lagi di peringkat awal. Memang terdapat minat di *Islamic Development Bank* (IDB) umpamanya yang berusaha untuk mempromosikan tetapi ia masih di peringkat awal, masih di peringkat perbincangan - *intellectual discourse*. Ini kerana ia bukan sesuatu yang mudah dilaksanakan. Pengalaman dunia pada suatu masa yang menggunakan emas sebagai mata wang telah akhir-akhirnya mengalami masalah besar, sehingga penggunaan emas itu sendiri telah dipisahkan daripada mata wang. Jadi untuk kembali mendapat sokongan negara-negara kepada penggunaan emas sebagai mata wang, ini agak sukar buat masa ini tetapi masih lagi di peringkat penyelidikan, perancangan dan perbincangan.

Namun begitu, Bank Negara Malaysia ada menggunakan secara kecil-kecilan peringkat awal satu kaedah di mana perdagangan antarabangsa antara negara-negara Islam itu, kita ada semacam apa yang dinamakan *Gold-based Trade Payment Arrangements* di antara negara-negara ahli. Ini merupakan *Bilateral Payment Arrangement*. Ini boleh *settled* dengan emas secara berkala. Bermakna baki daripada perdagangan ini setelah dikontrakan, akhir-akhirnya secara berkala boleh *settled*, dilunaskan dengan emas.

Ini hanya peringkat yang awal dan apa yang dibentuk oleh Bank Negara ini adalah bersama dengan Bank Pembangunan Islam. Akan tetapi ini masih kecil lagi dan saya rasa ia memerlukan masa yang panjang sebelum penggunaan emas sebagai mata wang ini dapat diterima pakai. Soal dinar ini hanya panggilan, kita boleh panggil apa sahaja. Akan tetapi yang asasnya emas yang digunakan sebagai *settlement currency*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya mempersilakan Yang Berhormat Tan Sri Datuk Amirsham bin A. Aziz, kerana yang menjawabnya pun ada kepakaran untuk menjawab. Saya mempersilakan Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk Amirsham bin A. Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahnia! Malaysia memang mempunyai kelebihan dalam produk sukuk. Akan tetapi saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri berkongsi dengan kita, strategi kita bagi menyaingi pusat kewangan Islam seperti Singapura, Timur Tengah dan London yang menawarkan perkhidmatan *wealth management* ataupun *asset management* secara berlandaskan syariah. Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Ya. Memang Yang Berhormat menyentuh tentang satu perkara yang penting iaitu hala tuju dan masa hadapan negara kita untuk mempertahankan kedudukan unggul kita dalam pasaran kewangan ini. Buat masa ini, memang kita mendahului negara-negara lain.

Banyak kelebihan yang telah saya huraikan tadi. Akan tetapi tidak bererti bahawa kita dapat mengekalkan kedudukan ini selama-lamanya sekiranya kita tidak terus berusaha dan mara ke hadapan, kerana cabaran daripada persaingan dari negara-negara lain ini memang kelihatan hari ini. Bukan sahaja dari negara-negara Islam, bahkan negara-negara yang bukan Islam tetapi berminat kerana melihat kewangan Islam ini adalah satu potensi, sebagai satu *potential commercial or commercial reasons*. Jadi ini yang perlu dilaksanakan.

Dari segi infrastrukturnya, dari segi rangkaian institusi-institusi kewangan yang kita ada pelbagai tadi itu - mungkin saya boleh sebut. Malaysia kini mempunyai 17 buah bank Islam, empat buah bank Islam antarabangsa, sembilan jendela perbankan Islam, 12 buah syarikat takaful dan empat buah syarikat retakaful, sebuah syarikat takaful antarabangsa, 15 buah syarikat pengurusan dana Islam dan 34 buah syarikat jendela pengurusan dana Islam. Memang ada semuanya. Kita barangkali sebuah negara yang mempunyai rangkaian yang lengkap.

Dalam sukuk kita memang ke hadapan. Akan tetapi, bagaimana kita terus memajukan institusi-institusi ini dan pasaran-pasaran ini? Saya hanya melihat bahawa oleh sebab kita diterima oleh masyarakat antarabangsa sebagai tuan rumah kepada institusi kewangan Islam antarabangsa seperti IFSB dan juga pasaran *liquidity* antarabangsa ini. Ini menunjukkan satu yang bukan sahaja pengiktirafan, tetapi penerimaan bahawa Malaysia akan terus menjadi negara peneraju kepada kewangan Islam.

Dari segi cara-cara terperinci, strategi terperinci, saya yakin sekiranya boleh Bank Negara mempunyai semua maklumat ini, tetapi saya lihat ia kepada satu kedudukan kita dan kemampuan untuk terus mara ke hadapan. Dari segi *strategic asset management* Yang Berhormat tanya itu, saya tidaklah ada maklumat spesifiknya. Akan tetapi dari segi kesedaran bahawa kita dikelilingi oleh negara-negara yang cuba mengatasi kita, itu memang ada. Kesungguhan, kesedaran, peranan kita di peringkat antarabangsa sebagai peneraju. Inilah akhirnya saya rasa ia menentukan bahawa negara kita terus berada di hadapan dalam pasaran kewangan Islam antarabangsa. Terima kasih.

4. **Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid** minta Menteri Kerja Raya menyatakan tidakkah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula sistem jalan ke Genting Highlands yang sehingga kini tidak selamat kerana sering kali berlaku kemalangan maut. Apakah langkah-langkah keselamatan yang perlu ditambah supaya jalan ini lebih selamat digunakan.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid dan juga untuk makluman Dewan yang mulia ini. Jalan dari persimpangan Genting Sempah menuju ke puncak

Genting Highlands, Pahang adalah jalan milik persendirian dan ia tidak diwartakan sebagai Jalan Persekutuan. Oleh itu pada masa kini jalan tersebut diselia dan di selenggara oleh Genting Malaysia Berhad ataupun dahulu dikenali sebagai *Resort World* Berhad, iaitu pemilik pusat peranginan Genting Highlands.

Walau bagaimanapun, juru perunding yang bertanggungjawab untuk mereka bentuk jalan-jalan persendirian bagi kegunaan awam seperti jalan susur ke Genting Highlands diwajibkan mendaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia. Sehubungan dengan itu, reka bentuk jalan tersebut perlu mematuhi spesifikasi dan garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan Kerja Raya dan *Road Engineering Association of Malaysia* (REAM). Kementerian ini bersedia untuk memberikan khidmat nasihat dan bantuan kepakaran teknikal bagi tujuan menambah baik aspek geometri dan keselamatan jalan tersebut jika diperlukan oleh pemilik jalan berkenaan. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Yang Berhormat. Jawapan tadi amat mengecewakan kita kerana jalan ini sering menempah maut. Apakah kementerian tidak bercadang untuk melihat aspek ini sebagai satu campur tangan dari pihak kerajaan? Tidakkah kementerian dengan kerjasama PDRM untuk memeriksa kenderaan sebelum menuruni cerun dari segi keselamatan breknya, *gearbox* dan memberi peringatan kepada pemandu supaya mereka perlu lebih cermat dan perlahan.

■1040

Tidakkah pemandu kenderaan ini dapat diperiksa dari tahap keadaan diri mereka supaya tidak mabuk ataupun tidak menampakkan seperti orang kalah judi? Terima kasih.

Dato' Yong Khoon Seng: Terima kasih Yang Berhormat Datuk. Sebenarnya daripada pihak Kementerian Kerja Raya, kita bagi kalau diperlukan nasihat teknikal dari segi geometri dan aspek-aspek keselamatan jalan. Sebenarnya apa yang berlaku dalam kemalangan maut atau kemalangan yang serius di jalan itu adalah berdasar kepada mekanik kenderaan tersebut dan juga kecuaiannya manusia. Ini perlu juga saya setuju dengan Yang Berhormat, kita perlu mengetatkan penguatkuasaan dari segi aspek-aspek ini. Seterusnya kita akan minta pihak bukan sahaja PDRM dan juga pihak JPJ supaya memeriksa kenderaan-kenderaan yang diguna ini dan juga pihak JPJ untuk menentukan *drivers* atau pemandu-pemandu ini juga adalah dalam keadaan yang baik. Kita tahu ada juga beberapa kali di mana pemandu-pemandu sendiri pun tidak ada lesen. Penguatkuasaan ini perlu dipertingkatkan lagi. Sekian, terima kasih.

Ir Haji Zamri bin Haji Yusuf: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah dalam hal ini pihak kementerian adalah pihak yang mengawal spesifikasi dan juga garis panduan pembinaan jalan walaupun oleh persendirian. Jadi, saya ingin tahu daripada pihak kementerian, setelah juga diberikan deposit untuk membina jalan ini, apakah pihak kementerian tidak ada jalan yang lebih baik daripada sekadar memberikan nasihat untuk memastikan penyeliaan dan juga diselenggarakan dengan baik jalan ini.

Yang keduanya, saya ingin dapatkan penjelasan kepada kementerian juga tentang apakah tindakan kementerian setelah hampir setiap tahun menerima syor penambahbaikan jalan ini melalui Mesyuarat Agung Keselamatan Jalan Raya (MKJR) yang telah berikan syor hampir setiap tahun kepada jalan-jalan yang perlu diperbaiki. Terima kasih.

Dato' Yong Khoo Seng: Terima kasih. Sebenarnya ada dua aspek yang ditanya tadi. Sememangnya kalau di mana jalan persendirian yang dibuat di mana ada pembangunan dan juga permohonan untuk taman perumahan atau apa-apa pembangunan pusat peranginan, kita perlu juga ambil CF. CF tidak boleh dikeluarkan kalau jalan-jalan dan lain-lain aspek tidak selamat. Yang ini faktor berbalik kepada pihak berkuasa tempatan untuk meluluskannya.

Kedua, cadangan untuk menambah baik jalan dari segi aspek keselamatan jalan, memang kita mengertinya. Kita perlu juga kalau jalan-jalan persendirian perlu diselenggara oleh pihak kementerian. Mereka perlu juga diwartakan dan diserahkan kepada kementerian supaya kita boleh campur tangan. Dalam aspek teknikal, kita sentiasa kalau diperlukan, kita akan bagikan, khususnya dari segi geometri iaitu dari segi cerun-cerun di mana jalan itu diadakan dan kita sentiasa memantau pihak untuk mematuhi supaya *elevation* atau geometri jalan-jalan tersebut. Sekian, terima kasih.

5. **Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan bagaimana pihak kementerian menangani isu penutupan kilang secara tiba-tiba atau menerusi notis yang singkat. Apakah bentuk-bentuk perlindungan serta pampasan bagi para pekerja yang menjadi mangsa dalam kes-kes sebegini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah Mazlan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menjawab soalan Senator Puan Usha Nandhini, saya ingin memaklumkan bahawa penutupan kilang secara tiba-tiba atau menerusi notis yang singkat merupakan satu tindakan tidak bertanggungjawab pihak majikan yang membebankan para pekerja, terutama yang berpendapatan rendah. Syarikat dan majikan perlu mematuhi peruntukan undang-undang termasuklah memberikan notis kepada Jabatan Tenaga Kerja, 30 hari sebelum penutupan syarikat berlaku melalui Borang PK untuk tujuan pemantauan dari segi pembayaran faedah penamatan kerja, notis penamatan dan juga penempatan semula pekerja ke syarikat lain.

Di peringkat negeri, Jabatan Tenaga Kerja adalah pengerusi kepada Jawatankuasa Pemberhentian dan Penempatan Pekerjaan di mana mesyuarat diadakan setiap bulan dengan agensi-agensi berkaitan seperti Setiausaha Kerajaan Negeri, Unit Perancang Ekonomi, MIDA, juga wakil kepada majikan melalui MEF dan juga wakil pekerja melalui MTUC untuk mendapat input dan maklumat awal berhubung cadangan penutupan sesebuah syarikat.

Alhamdulillah, Kerajaan Malaysia yang sangat prihatin dan sentiasa mendahulukan rakyat, akan menubuhkan Tabung Bantuan Kehilangan Pekerjaan sebagai satu langkah khusus untuk membantu pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja berikutan penutupan syarikat dan kegagalan pekerja untuk memperolehi faedah penamatan kerja seperti mana yang telah

diperuntukkan di bawah Akta Kerja 1955. Penubuhan tabung ini dianggap satu keperluan memandangkan ia selaras dengan matlamat Model Baru Ekonomi untuk memantapkan sistem jaringan keselamatan sosial negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah sementara ini, Tabung Bantuan Kehilangan Pekerjaan dengan peruntukan sejumlah RM80 juta akan dilancarkan dalam masa yang terdekat, diselaraskan oleh Jabatan Tenaga Kerja dan pembayaran dibuat melalui PERKESO. Dalam masa yang sama, Kementerian Sumber Manusia akan mengkaji satu kaedah yang lebih mantap dan berupaya untuk menangani masalah ini untuk jangka panjang. Terima kasih.

Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya, daripada bilangan pekerja yang telah diberhentikan kerja, berapakah peratusan golongan wanita yang menjadi mangsa dan apakah bantuan pihak kementerian bagi membantu mereka mendapatkan pekerjaan semula. Apakah pihak kementerian tidak melihat notis sebanyak 30 hari yang diperlukan sebelum seseorang majikan itu menutup kilang mereka sebagai satu tempoh yang terlampau singkat? Terima kasih.

Dato' Maznah Mazlan: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya memohon untuk membentangkan jumlah pekerja yang diberhentikan daripada Januari hingga Disember 2010 iaitu seramai 10,477 yang mana 9,808 adalah pekerja tempatan dan saya mohon untuk memberi angka pekerja wanita secara bertulis.

Mengenai dengan bantuan kepada mereka yang diberhentikan kerja sama ada lelaki ataupun perempuan, kita menggunakan kaedah yang sedia ada. Pertama, pegawai-pegawai Jabatan Tenaga Kerja akan berusaha mencari kekosongan dan membuat penempatan secepat yang mungkin dan jawatankuasa yang saya sebutkan tadi, yang diwujudkan di peringkat negeri yang dipengerusikan oleh Jabatan Tenaga Kerja adalah salah satu mekanisme di mana kita berhubung dengan majikan secara rapat dan dapat mengetahui kekosongan yang ada dan cuba membuat penempatan.

Selain daripada itu, program-program lain yang diadakan di Kementerian Sumber Manusia iaitu melalui Karnival Pekerjaan di mana majikan dibawa oleh Jabatan Tenaga Kerja ke karnival-karnival pekerjaan untuk menemui mereka yang mencari pekerjaan adalah merupakan salah satu lagi kaedah. Selain daripada itu, pegawai-pegawai Jabatan Tenaga Kerja di peringkat negeri juga sentiasa proaktif dalam usaha untuk menempatkan semula mereka yang kehilangan pekerjaan. Mengenai notis yang pendek, ini telah mengambil kira semua faktor dan termaktub di dalam Akta Kerja 1955. Terima kasih.

■1050

Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Tuan Yang di-Pertua, Adakah pihak kementerian tiada membuat kajian dengan teliti penyelidikan sebab-sebab mengapa tuan empunya kilang menutup kilang-kilang mereka. Terima kasih.

Dato' Maznah binti Mazlan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada soalan Yang Berhormat Datuk Hajah Wan Hazani. Saya ingin memaklumkan bahawa kenapa kilang tutup serta-merta,ada banyak faktor. Salah satu antaranya ialah mungkin ada masalah pengurusan dan masalah dalaman syarikat itu sendiri, mungkin daripada segi modal dan lain-lain.

Kedua, kita sering dapati bahawa penggulungan tikar atau syarikat-syarikat yang menggulung tikar ini sering berlaku apabila negara menghadapi krisis ekonomi seperti pada akhir 2008 dan keseluruhan 2009 di mana pada jangka masa itu kita dapati kita menghadapi satu kegawatan kerana sebahagian daripada syarikat yang ada di negara ini banyak bergantung kepada pasaran dan juga mempunyai rakan-rakan daripada negara-negara yang terjejas daripada kegawatan ekonomi tersebut.

Oleh itu, ini kita dapati bahawa kalau kita hendak kajian, saya percaya sebab-sebab dari satu syarikat yang lain itu berbeza-beza tetapi secara keseluruhannya saya lihat inilah faktor utama kenapa syarikat-syarikat ini kadang-kadang terpaksa menggulung tikar. Mungkin ada juga sebab-sebab lain tetapi buat masa ini kajian saya percaya memang ada dibuat bukan hanya oleh Kementerian Sumber Manusia tetapi oleh MIDA dan lain-lainnya dan perlu dirujuk. Mungkin Yang Berhormat Senator boleh memperoleh ataupun mendapat daripada soalan lain di sesi yang akan datang atau menghubungi pihak berkenaan. Terima kasih.

6. Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan jumlah peruntukan dan pemantauan terhadap pengagihan *Netbook 1Malaysia* kepada pelajar sekolah menengah di seluruh negara memandangkan kualiti dan penyelewengan pembahagian telah mula dikesan walaupun ia baru sahaja dilancarkan.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz.

Tuan Yang di-Pertua, sejumlah RM1 bilion telah diperuntukkan untuk pelaksanaan projek-projek *Netbook 1Malaysia* melibatkan pengagihan sebanyak satu juta unit *netbook* kepada kumpulan sasar berdasarkan nisbah berikut.

- (i) 65% diagihkan kepada pelajar-pelajar dari keluarga berpendapatan isi rumah di bawah RM3,000 dengan keutamaan diberi kepada pelajar sekolah menengah kerajaan atau bantuan kerajaan yang masih tiada pemilikan komputer dan langganan jalur lebar di seluruh negara; dan
- (ii) 35% dibahagikan kepada golongan berpendapatan rendah kurang dari RM3,000 pendapatan isi rumah sebulan yang tinggal di kawasan kurang liputan serta kawasan yang telah atau sedia perkhidmatan dengan sasaran pengagihan meliputi kampung-kampung tradisi, kampung-kampung baru dan pusat penempatan masyarakat setempat di seluruh negara.

Had pemberian bagi kedua-dua kumpulan sasar ini adalah satu unit komputer riba atau *netbook* bagi satu isi rumah sahaja. Fasa pertama yang melibatkan pengagihan sebanyak 123,000 unit komputer riba atau *netbook* kepada kumpulan sasaran telah dilaksanakan sebagai projek perintis. Fasa dua yang melibatkan 577,000 unit komputer riba dan fasa tiga yang melibatkan 300,000 unit komputer riba sedang dalam proses pelaksanaan.

Pelaksanaan pengagihan *Netbook* 1Malaysia tersebut dipantau oleh pejabat-pejabat wilayah, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia di seluruh negara di mana maklum balas diperoleh daripada pelajar-pelajar sekolah yang telah menerima *netbook* serta pihak berkepentingan di negeri-negeri tersebut termasuk guru sekolah, pejabat pelajaran daerah dan ketua kampung yang berkenaan bagi menilai keberkesanan kaedah yang dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini kementerian belum menerima sebarang aduan rasmi mengenai penyelewengan pengagihan *netbook*. Namun begitu, kementerian melalui SKMM bersama-sama Kementerian Pelajaran Malaysia akan mengadakan pemantauan dan penambahbaikan proses secara berterusan bagi memastikan tidak berlaku penyelewengan agar manfaat daripada inisiatif pengagihan *netbook* 1Malaysia tersebut dapat dinikmati oleh kumpulan sasar. Terima kasih.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Oleh kerana daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyatakan bahawa kebanyakannya dibahagikan kepada kampung-kampung tradisi. Sebagai contoh di Gua Musang. Terdapat banyak *netbook* yang diagihkan di sana dan ada tempatnya yang tidak ada dapat capaian *broadband*. Jadi saya ingin tanya kepada pihak kerajaan.

Bagaimanakah kerajaan memastikan aspirasi dan objektif kerajaan dalam memastikan *netbook* ini dapat digunakan betul-betul. Selalunya kita bekalkan kepada pelajar yang tidak mempunyai capaian *broadband* ataupun mempunyai bekalan elektrik yang mencukupi yang pertama. Soalan kedua, sekiranya didapati sebagaimana laporan dalam akhbar sebelum ini terdapat penyelewengan dari segi pengagihan. Apakah tindakan yang akan dibuat oleh pihak kerajaan khususnya kepada pembekal dan juga kepada penerima yang telah menyeleweng penggunaan serta penerimaan *netbook* tadi. Terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz. Tuan Yang di-Pertua, memang benar ramai penerima *netbook* tersebut adalah dari kawasan yang tidak ada liputan. Namun demikian, sebagaimana yang kita tahu bahawa *netbook* ini adalah satu-satunya komputer yang kecil dan senang dibawa ke sana ke mari. Oleh yang demikian, oleh kerana ini adalah komputer riba dan ia boleh dibawa ke tempat di mana ada liputan. Untuk memperbanyakkan lagi tempat yang mempunyai liputan untuk internet, maka kerajaan sebagaimana yang telah saya umumkan di Dewan Rakyat baru-baru ini, melalui SKMM akan menyediakan dan melaksanakan sebanyak 2,000 Kampung WiFi di seluruh Semenanjung Malaysia dan 500 di Sabah dan 600 Kampung WiFi di Sarawak. Jadi itu adalah cara bagaimana

kita cuba menyampaikan perkhidmatan tersebut kepada golongan yang sekarang belum lagi dapat menikmati perkhidmatannya.

Berkenaan dengan penyelewengan. Apakah tindakan kerajaan? Setakat ini sebagaimana yang telah saya katakan, oleh kerana pemantauan yang rapi oleh sekolah-sekolah, maka saya percaya penerima dari sekolah iaitu murid-murid kita yang di sekolah tidak akan menyalahgunakan pemberian ini dan setakat ini tidak ada penyelewengan yang didapati. Begitu juga berkenaan dengan pemberian kepada orang-orang kampung di mana mereka diberi oleh kerana kementerian percaya mereka hendaklah menggunakan perkhidmatan yang baru ini supaya mereka juga akan dapat melanggan internet, melayari internet sebagaimana orang di bandar dapat lakukan.

Saya percaya tidak ramai, kalau ada pun tidak ramai yang akan menyeleweng. Akan tetapi dalam sekumpulan yang besar memang ada penyelewengan. Namun demikian, jumlahnya saya percaya tidak besar. Terima kasih.

■1100

7. **Datuk Akbar bin Ali** minta Menteri Pelancongan menyatakan:-

- (a) apakah rasional yang munasabah hingga kementerian terpanggil untuk menderma sebanyak RM3 juta kepada Shoe Makers Association untuk menganjurkan The Shoes Festival di PWTC KL pada Mac/April 2010, apakah pulangnya dan mengapakah tidak ada peserta bumiputera; dan
- (b) apakah maklum balas terhadap pelbagai teguran dalam Laporan Ketua Audit Negara 2009, khususnya mengenai Program Promosi Produk khusus sebanyak RM14.7 juta yang tidak mematuhi peraturan kewangan dan kelemahan dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan Program Homestay.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Akbar bin Ali sahabat saya. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan sentiasa menggalakkan idea-idea baru yang inovatif dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia serta meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Di antara program yang berjaya dilaksanakan serta mendapat sambutan masyarakat tempatan dan pelancong antarabangsa adalah Malaysia International Shoes Festival, dengan izin. Setelah mengkaji faktor-faktor kejayaan negara-negara tarikan pelancong utama dunia seperti Perancis dan Itali, adalah didapati bahawa salah satu faktor utama yang menjadikan negara-negara ini pilihan destinasi para pelancong adalah kerana ia merupakan pusat rekaan dan promosi fesyen dunia yang turut menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara-negara tersebut.

Sehubungan dengan itu, dalam mengambil kira kelebihan kompetitif Malaysia melalui sokongan Yang Berbahagia Profesor Dato' Jimmy Choo iaitu seorang rakyat Malaysia dan merupakan pereka kasut terkenal di dunia dan juga ikon Malaysia di dalam industri ini.

Kementerian Pelancongan telah melancarkan Malaysia International Shoes Festival sebagai sebuah produk pelancongan *niche* dengan izin, yang mempunyai kaitan rapat dengan industri pelancongan serta industri sokongan seperti fesyen dan fabrik. Kejayaan yang Berbahagia Profesor Dato' Jimmy Choo juga dilihat sebagai platform terbaik untuk menarik peminat fesyen terutamanya fesyen kasut untuk datang ke Malaysia bagi melihat inspirasi dan formula kejayaan beliau di pentas fesyen kasut dunia. Ini lantas menyumbang sebagai daya tarikan pelancong ke Malaysia. Malaysia International Shoes Festival telah diadakan pada 2 hingga 4 April 2010 di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Kos pelaksanaan program ini seperti disebut oleh Yang Berhormat Senator, adalah bagi membiayai sewa dewan, tempat pameran dan promosi. Pelbagai aktiviti juga telah dilaksanakan sebagai pengisian program ini. Di antaranya termasuk pertunjukan fesyen kasut berjenama tempatan, seminar, bengkel, pameran, jualan, pertandingan rekaan kasut berinovasi dan kreatif, promosi jualan di pusat beli-belah dan persidangan pereka-pereka fesyen kasut.

Tuan Yang di-Pertua, secara langsung acara ini telah berjaya menjanakan keuntungan berjumlah RM5 juta, iaitu pulangan sebanyak 66% daripada hasil jualan pameran yang telah berlangsung selama tiga hari. Pameran ini juga turut disertai oleh 39 *exhibitors* dengan izin, yang terdiri daripada pengusaha industri kasut tempatan yang mempamerkan lebih daripada 100 jenis jenama kasut. Penyertaan ke acara ini terbuka kepada semua pengusaha dan pengilang kasut.

Jemputan untuk menyertai pameran ini juga dikemukakan kepada semua pengusaha dan pengilang kasut tanpa mengira kaum atau bangsa. Turut menyertai pameran ini adalah wakil-wakil persatuan, pengeluar kasut dari negara China, Taiwan, Filipina, Vietnam dan Indonesia. Sebagai daya tarikan pelancong dalam masa tiga hari tersebut, pameran ini telah berjaya menarik kira-kira 45,000 orang pengunjung dari dalam dan luar negara seperti China, Indonesia, India, Afrika Selatan, Perancis, Iran, Jerman, Australia, United Kingdom, Korea Selatan, Taiwan, Mauritius, Filipina, Vietnam dan negara Timur Tengah. Pulangan daripada nilai publisiti juga adalah tinggi apabila acara Malaysia International Shoes Festival ini turut melibatkan kehadiran kira-kira 100 media tempatan dan asing, yang menguar-uarkan aktiviti-aktiviti penganjuran acara ini melalui pelbagai medium seperti akhbar-akbar utama, media elektronik seperti *blogger* dan *facebook*.

Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan soalan (b). Kenyataan yang mendakwa Kementerian Pelancongan membelanjakan RM14.7 juta bagi membiayai program promosi produk khusus tanpa peruntukan adalah tidak benar. Ini adalah kerana peruntukan sebanyak RM36.5 juta yang dipohon oleh Kementerian Pelancongan untuk melaksanakan program tersebut telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Di samping itu juga, kelulusan yang berkaitan telah diperolehi daripada Kementerian Kewangan.

Program Homestay Malaysia diberi penekanan dan tumpuan yang serius oleh Kementerian Pelancongan, sebagai salah satu produk pelancongan yang berpotensi tinggi untuk

menarik ramai pelancong ke Malaysia, dengan menawarkan satu bentuk pengalaman yang unik dari segi kebudayaan dan gaya hidup masyarakat kampung.

Selain daripada itu, Program Homestay Malaysia juga bermatlamat untuk meningkatkan pendapatan serta taraf hidup masyarakat luar bandar, di mana kejayaan daripada industri pelancongan dapat dinikmati bersama oleh semua lapisan masyarakat. Ini juga dapat mengurangkan penghijrahan masyarakat luar bandar ke bandar. Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara 2009, adalah didapati bahawa hanya lapan daripada 70 buah rumah yang didaftar sebagai Homestay, tidak diurus dan dijaga dengan baik. Pihak kementerian telah mengambil tindakan susulan terhadap lapan buah rumah tersebut, di mana empat daripada lapan buah rumah tersebut telah digugurkan kerana pengusaha tidak lagi berminat untuk mengusahakan Homestay. Manakala empat buah rumah lagi dikekalkan kerana telah melaksanakan penambahbaikan dan memenuhi syarat pendaftaran yang ditetapkan.

Pihak kementerian juga telah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan pemeriksaan semula semua rumah Homestay di seluruh negara. Hasil pemeriksaan semula itu, 472 buah rumah telah digugurkan kerana tidak mencapai tahap kualiti yang telah ditetapkan, dan terdapat pengusaha yang sudah tidak berminat untuk melaksanakan Program Homestay lagi. Bagi memastikan kesediaan fizikal rumah dan infrastruktur Homestay sentiasa terjamin, Kementerian Pelancongan telah menetapkan agar pemeriksaan semula semua premis Homestay dilaksanakan setiap tiga tahun bermula tahun 2010.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membangunkan keupayaan dan kemahiran pengusaha Homestay, kementerian telah bekerjasama dengan Institut Kemajuan Desa (Infra) dengan mewajibkan kursus asas Homestay sebagai syarat pendaftaran Homestay. Kursus-kursus tersebut ialah:

- (i) Kursus Sijil Kemahiran Malaysia Homestay (Tahap 2);
- (ii) Homestay Enhancement Training Programme;
- (iii) Latihan Kebudayaan; dan
- (iv) Kursus Malaysia Welcomes The World.

Pihak Kementerian Pelancongan juga telah mewujudkan Buku Panduan Homestay pada bulan Disember 2008 sebagai panduan pendaftaran dan pengurusan Homestay. Mulai Disember 2010, Kementerian Pelancongan telah memulakan usaha untuk menerbitkan buku panduan pengendalian Homestay yang lebih lengkap dan terkini yang akan diedarkan kepada semua pengusaha Homestay sebagai panduan untuk mengelolakan Homestay mereka dengan lebih efisien. Sekian, terima kasih.

■ 1110

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Yang Berhormat Dato' di atas jawapan yang panjang lebar. Namun, sebahagian besar saya kurang berpuas hati. Ini kerana jawapan itu nampak *plausibly right* dengan izin. Soalan saya, adakah munasabah festival ini yang dianjurkan secara

ad-hoc tetapi bertaraf antarabangsa boleh menarik pelancong luar negara begitu ramai melainkan hanyalah kebetulan.

Ini kerana biasanya festival bertaraf antarabangsa dia mesti dirancang sekurang-kurangnya setahun atau dua tahun lebih awal *along the road* dimasukkan di dalam *international calendar of events* dengan izin. Akan tetapi, ini dirancang secara *ad-hoc*.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, soalan yang sama Yang Berhormat. Ringkas, ringkas.

Datuk Akbar bin Ali: Kedua, betul disebutkan ada pulangan sebanyak RM5 juta tetapi pulangan itu bukanlah dinikmati oleh Kementerian Pelancongan. Itu dinikmati oleh persatuan berkenaan. Jadi apakah pulangan sebenar yang boleh didapati oleh kementerian memberikan sebanyak RM3 juta itu dan memberi RM3 juta...

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat. Cukup, cukup.

Datuk Akbar bin Ali: Sikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, cukuplah.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Akbar. Bagi menjawab soalan yang pertama iaitu bahawa festival ini adalah *ad-hoc*. Ini juga tidak benarlah. Tidak berapa benar. Kerana ia dirancang enam bulan sebelum ianya dilaksanakan. Oleh itu, promosi di luar negara telah pun dijalankan bahkan saya sendiri apabila pergi *South Africa* pada bulan Februari, saya juga mempromosi acara ini. Oleh itu, terdapat juga ramai pelancong-pelancong daripada *South Africa* turut hadir untuk melihat dan menyaksikan acara *international show* festival ini.

Soalan yang kedua. Pulangan RM5 juta itu ianya tidak terus menerus pulang kepada kementerian kerana jika kementerian melabur ianya adalah satu pelaburan untuk menjana ekonomi negara. Banyak acara di mana kementerian beri peruntukan untuk membantu organisasi ataupun persatuan untuk mengadakan acara. Akan tetapi, pulangan daripada acara-acara tersebut tidak terus menerus datang ke kementerian tetapi ianya masuk kepada sistem ekonomi negara. Oleh itu, jika ianya RM5 juta pulangan maka di dalam sistem ekonomi negara itu ada *economic growth* kepada negara kita. Sekian, terima kasih.

Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah pendekatan dan arahan kerajaan agar *Tourism* Malaysia bekerjasama dengan agensi-agensi pelancongan di negeri agar usaha mempromosikan industri pelancongan Malaysia ini lebih bersepadu, efektif dan menarik. Terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Kementerian Pelancongan memang bekerjasama dengan negeri-negeri untuk meningkatkan industri pelancongan. Di dalam perkara ini, Kementerian Pelancongan telah pun menempatkan pegawai kementerian pejabat pelancongan di setiap negeri di negara kita, supaya mereka ini boleh

bekerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri dan juga khususnya dengan Exco Negeri yang bertanggungjawab dengan industri pelancongan.

Keduanya, *Tourism Malaysia* juga telah pun menempatkan pegawai-pegawai di semua negeri di Malaysia supaya mereka boleh menjalankan promosi dan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk mempromosi industri pelancongan di negara kita. Sekian.

8. Tan Sri Datuk Dr. Jins bin Shamsudin minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah program-program yang akan dilaksanakan bagi melaksanakan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan tidakkah kementerian bercadang untuk menggalakkan belajar tulisan jawi di sekolah rendah dan menengah kebangsaan bagi memudahkan pelajar membaca al-Quran.

Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi]: *Bismillahhir Rahmannir Rahiim. Assalammualaikum*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan bahasa Melayu terus kukuh sebagai Bahasa Kebangsaan, Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperkenalkan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia (MBMBI) yang merupakan dasar penting KPM untuk memastikan bahasa Malaysia berkembang sebagai bahasa ilmu, bahasa perhubungan utama dan sebagai alat perpaduan ke arah membina negara bangsa untuk mencapai hasrat Gagasan 1Malaysia.

Di dalam pelaksanaan MBMBI ini, mata pelajaran Bahasa Malaysia akan dimartabatkan melalui pengukuhan kurikulum yang bersifat *modular*. Pengukuhan asas berbahasa dan meningkatkan pendekatan pengajaran dan pembelajaran melalui pelbagai kaedah didik hibur yang menyeronokkan dan menarik. Bahasa Malaysia standard juga digunakan berorientasi kurikulum. Penggunaan Bahasa Malaysia yang betul dalam mata pelajaran lain akan menyokong P&P Bahasa Malaysia. Dalam masa yang sama, kredit Bahasa Malaysia akan dijadikan syarat untuk kemasukan ke IPTA.

Menyentuh galakkan pembelajaran tulisan jawi di peringkat sekolah rendah dan menengah. Langkah ini sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Program j-QAF. Program j-QAF mula diperkenalkan pada tahun 2005. Ia dilaksanakan bagi memperkasakan kurikulum pendidikan Islam di peringkat sekolah rendah dan antara fokus utama program ini ialah penguasaan bacaan dan tulisan Jawi serta asas Bahasa Arab. Sebanyak 4,467 buah sekolah telah melaksanakan program ini dengan bilangan guru seramai 15,445 orang. Manakala di peringkat sekolah menengah, murid-murid dibekalkan buku teks Pendidikan Islam dalam tulisan jawi dan mereka di benarkan menjawab dalam peperiksaan awam dalam dua versi sama ada dalam tulisan jawi ataupun rumi. Terima kasih.

Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran yang telah pun menjawab soalan tadi. Soalan tambahan saya ialah tidakkah kementerian bercadang untuk memberi pandangan atau nasihat kepada khususnya Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan melalui filem

negara. Untuk menerbitkan filem-filem yang berhubung dengan bahasa Kebangsaan. Ini kerana sebagai contohnya setiap seminar yang diadakan berhubung dengan Bahasa Melayu.

Khususnya baru-baru ini, saya menghadiri Kementerian Pelajaran telah mengadakan persidangan meja bulat mengenai bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan semua itu tidak digambarkan dan tidak itu – kalau dapat digambarkan melalui filem negara dapat kita tayangkan di sekolah-sekolah dan di mana-mana dapat melihatnya. Begitu juga baru-baru ini saya telah menghadiri Dewan Bahasa dan Pustaka anjuran Sabah mengadakan satu seminar dan saya telah memberikan ceramah berhubung dengan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa rasmi negara, bahasa perpaduan. Ini juga kalaulah digambarkan...

Tuan Yang di-Pertua: Okey, Yang Berhormat. Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin: Itu soalan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin: Kalau boleh itulah soalan saya kalau boleh kementerian dapat memberi cadangan kepada Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan khususnya filem negara menggambarkan dan menayangkan. Sekiranya itu dapat digambarkan dan saya merasa seminar juga bahasa mengenai guru-guru di seluruh negara juga diadakan di Ipoh baru-baru ini. Akan tetapi, tidak digambarkan. Sekian, terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Kita akan beri perhatian terhadap saranan daripada Yang Berhormat. Cuma ini saya maklumkan bahawa sebenarnya Kementerian Pelajaran memang mengadakan apa yang disebut sebagai Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan yang melibatkan berbagai kementerian. Terbaru kita adakan pada 30 November baru-baru ini yang melibatkan enam kementerian termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

■1120

Semuanya diwakili oleh KSU-KSU kementerian berkenaan. Di situlah kebiasaannya kita membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha kita untuk mengukuhkan penggunaan bahasa Kebangsaan. Apa Yang Berhormat Senator bangkitkan itu *insya-Allah* kita akan bawa dalam mesyuarat tersebut. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, adakah ura-ura pada pihak Kementerian Pelajaran atau pihak kerajaan untuk mengadakan satu kajian menyeluruh sebab-musabab kegagalan memasyarakatkan bahasa Kebangsaan ini sama ada sebagai bahasa komunikasi sosial ataupun sebagai bahasa ilmu atau sebagai bahasa pengucapan budaya tinggi, sebab-musabab kegagalannya setelah 50 tahun lebih kita merdeka? Saya rasa tentu Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak akan berpandangan yang lain daripada saya bahawa kita gagal sebenarnya dalam memasyarakatkan bahasa Kebangsaan sebagai bahasa komunikasi sosial, sebagai bahasa ilmu dan sebagai bahasa pengucapan budaya tinggi. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat Senator di atas soalan tersebut. Sebenarnya kita memang berusaha untuk memartabatkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bukan sahaja sebagai bahasa komunikasi, bahasa ilmu, bahasa tamadun, bahasa perpaduan dan sebagainya. Oleh kerana itulah kita melihat daripada pelbagai sudut tentang masalah penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan ini.

Apa yang kita dapati barangkali ialah satu daripada faktornya ialah masalah budaya berbahasa dalam kalangan masyarakat kita yang nampaknya tidak sama dengan bangsa-bangsa seperti bangsa Perancis, Jepun yang begitu patriotik dalam menggunakan bahasa. Bahkan kadang-kadang kita lihat sesama orang Melayu pun kalau mereka berbual sesama mereka, mereka berbahasa Inggeris ataupun bercampur antara Inggeris dan Melayu. Itu pun juga masalah budaya berbahasa yang dalam kalangan masyarakat kita. Jadi, oleh kerana itu sebenarnya banyak faktor dan ini melibatkan usaha daripada pelbagai peringkat. Akan tetapi kita tidak pernah mundur ke belakang dalam usaha untuk memartabatkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan ini. Terima kasih.

9. **Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dibuat untuk membantu petani-petani dan pekebun-pekebun kecil yang bergantung hidup sepenuhnya kepada pertanian, tetapi tidak memiliki tanah walaupun seekar dan sepanjang hayat mereka menjadi pekerja kepada tuan-tuan tanah. Berapakah jumlah kumpulan petani tanpa tanah ini di seluruh negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani I [Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Pertanian memberikan peluang kepada petani-petani yang tidak mempunyai tanah tetapi berminat dan berupaya mengusahakan aktiviti pertanian serta memenuhi syarat-syarat untuk menyertai Taman Kekal Pengeluaran Makanan dan pembangunan kawasan tumpuan pembangunan pertanian atau tanah terbiar.

Walau bagaimanapun kementerian ini tidak mempunyai data berkaitan dengan bilangan petani yang tidak mempunyai tanah kerana program yang diusahakan dan usaha-usaha yang telah atau membantu petani adalah dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian yang kepada pengusaha-pengusaha yang memiliki tanah atau mengusahakan tanah secara sah atau mempunyai kebenaran daripada tuan-tuan tanah. Terima kasih.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah isu petani-petani yang tidak mempunyai tanah ini, kalau dahulu kerajaan mengatasinya melalui skim seperti FELDA, FELCRA, Rancangan Tanah Belia secara berkelompok dan sebagainya. Apakah kementerian mempunyai rancangan seperti yang saya sebutkan tadi walaupun dengan skala yang lebih kecil, walaupun dalam bentuk seperti mereka boleh memiliki dua ekar tanah untuk bercucuk-tanam dan sebagainya sama ada secara

TOL atau sewa dan sebagainya? Ini disebabkan tanah-tanah kerajaan ini masih banyak lagi, di Pahang, Johor dan sebagainya. Terima kasih.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tadi saya sudah sebutkan tadi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, kita ada dua buah program yang saya sebutkan tadi iaitu kita – Itu pun ada syarat-syarat tertentu. Bagi mereka yang tidak ada tanah ini, biasanya mereka ialah pekerja. Mereka bekerja di ladang-ladang dan sebagainya. Kalau di Kedah pun, kebanyakan petani-petani di Kedah ada yang tidak mempunyai tanah. Akan tetapi mereka sewa ataupun pajak. Jadi, berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat Senator itu boleh kita lihatlah. Akan tetapi walau bagaimanapun FELDA dan FELCRA ini adalah di bawah kementerian lain. Bukan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Terima kasih.

Tuan Boon Som a/l Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah perancangan kementerian mengenai penyelarasan jangka panjang pada masalah banjir di kawasan pertanian khususnya di utara Kedah dan Perlis? Terima kasih.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Yang Berhormat, saya ucapkan terima kasih di Kedah – Memang di Kedah ini masalah banjir ini sebenarnya bukan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Banjir ini di bawah NRE iaitu di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar iaitu di Kedah kita memang kita perlu pada tambatan banjir. So, kita Kementerian Pertanian, kita hanya menjaga bekalan pertanian dan sistem pengairan dan sebagainya. Untuk mengatasi banjir ini ialah di bawah kementerian NRE. Terima kasih.

10. **Puan Hajah Zainun binti A. Bakar** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah kerajaan bercadang memperluaskan sistem atas talian bagi memudahkan proses permohonan cadangan pembangunan sebagaimana yang dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang dikenali sebagai "KUL-Submission".

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Wira Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zainun yang telah pun mengemukakan soalan pada pagi ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah pun membangunkan sistem yang membenarkan proses pengemukakan dan pemprosesan permohonan secara atas talian ataupun *one-stop center online* yang dilaksanakan secara serentak di sepuluh buah PBT pada 4 Januari 2011. Sebenarnya kementerian saya telah pun melaksanakan dan memperkenalkan sistem *online* versi ini sejak tahun 2008.

Setakat ini terdapat 104 buah PBT di seluruh negara yang telah pun diperkenalkan dengan sistem OSC *online*. Seperti yang saya katakan tadi sepuluh buah PBT akan dengan rasminya dilaksanakan secara serentak pada tahun hadapan 4 Januari. Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, sepuluh buah PBT yang saya sebutkan tadi adalah Majlis Bandaraya Johor,

Johor Bahru; Majlis Bandaraya Kuala Terengganu; Majlis Bandaraya Shah Alam; Majlis Bandaraya Petaling Jaya; Majlis Perbandaran Kuantan; Majlis Perbandaran Alor Gajah; Majlis Perbandaran Sungai Petani; Majlis Perbandaran Sepang; Majlis Perbandaran Nilai; dan, Majlis Perbandaran Kuala Kangsar.

Tadi Yang Berhormat Senator telah membangkitkan mengenai OSC *online* yang berada di DBKL. Memang benar pada peringkat awal iaitu pada sebelum tahun 2008, DBKL merupakan salah satu PBT perintis yang telah pun dipilih oleh kementerian saya semasa percubaan pelaksanaan di peringkat awal. Sistem yang ada diguna pakai DBKL adalah sebenarnya berasal daripada kementerian saya. Tuan Yang di-Pertua, sementara itu pula, sesi-sesi bengkel *hands-on training* versi *online* kepada kakitangan PBT yang akan mengendalikan sistem ini sedang dilaksanakan oleh pihak kementerian. Kementerian menjangkakan semua 104 buah PBT di Semenanjung Malaysia akan dibekalkan dengan sistem ini menjelang penghujung suku pertama tahun 2011. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Zainun binti A. Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, sejauh manakah kejayaan dan keberkesanan “KUL-Submission” dalam mengurangkan kos, menjimatkan masa dan mewujudkan komunikasi berkesan antara pemaju, DBKL dan agensi teknikal bagi cadangan pembangunan?

■1130

Sejauh manakah pihak berkuasa tempatan lain yang memang menghadapi masalah dalam memproses cadangan pembangunan dapat memanfaatkan KUL-Submission ini bagi meningkatkan kecekapan PBT berkenaan dalam memproses permohonan cadangan pembangunan? Terima kasih.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Terima kasih banyak-banyak kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zainun. Walaupun DBKL bukan di bawah kementerian saya, namun demikian saya mengetahui bahawa dengan sistem OSC Online diperkenalkan dan diguna pakai oleh DBKL, ia telah pun menunjukkan keberkesanan apabila pemaju-pemaju perumahan di kawasan DBKL ini ingin membuat sebarang perancangan.

Mengikut laporan yang saya terima daripada pihak pemaju, saya difahamkan bahawa dengan penggunaan OSC Online ini, maka ia adalah amat mudah bagi pemaju-pemaju ataupun pemohon-pemohon untuk perancangan perumahan di kawasan-kawasan tertentu. Ia bukan sahaja menjimatkan kos tetapi ia juga menjimatkan masa kerana apabila ia dijalankan *online*, maka kita dapat menjimatkan masa daripada enam bulan kepada – paling lama pun, empat bulan masa yang diambil. Jikalau dahulunya sebelum sistem OSC diperkenalkan, mungkin empat hingga enam bulan, tetapi dengan sistem ini, maksimum masa yang diambil untuk memberikan kelulusan oleh 11 agensi kerajaan pada bila-bila masa dan apa juga perancangan juga dapat diluluskan dalam tempoh masa empat bulan.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Satu lagi kelebihanannya ialah pihak pemaju dan pemohon boleh mengemukakan permohonan secara *online* di mana-mana pun, tidak mengira sama ada kita di Malaysia ataupun di luar Malaysia – di England kah, di Amerika Syarikat kah. Selagi kita ada *internet*, kita boleh mengemukakan permohonan itu. Sekian, terima kasih.

11. Dato' Zaitun binti Mat minta Menteri Kewangan menyatakan kesan cadangan Khazanah Nasional Berhad untuk mengurangkan secara agresif dalam Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs) khususnya syarikat utama di Bursa Malaysia.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, keputusan Khazanah Nasional Berhad untuk mengurangkan pegangan dalam beberapa syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang dikuasainya adalah selaras dengan saranan kerajaan yang ingin menyaksikan kadar peningkatan apungan *liquidity* serta kebolehlaburan (*invest ability*) saham-saham GLC. Keadaan ini juga dijangka akan menggalakkan lagi kemasukan pelaburan luar negara ke Malaysia di samping mengurangkan penglibatan kerajaan dalam beberapa buah GLC.

Di samping itu juga, Khazanah secara berterusan melupuskan pegangan dalam pelaburan-pelaburan yang dianggap kurang strategik. Sungguhpun demikian, Khazanah tetap komited untuk mengekalkan pegangan kawalannya dalam beberapa buah GLC utama yang dikuasainya khususnya yang berkepentingan strategik kepada negara.

Khazanah telah dan akan terus memastikan agar penjualan saham serta pelupusan pegangan dalam GLC dilakukan secara berhemah, sistematik, tersusun dan konstruktif. Sepanjang tahun 2009, Khazanah telah melakukan sejumlah lapan pelupusan aset tidak teras berjumlah RM3.1 bilion. Di antara pelupusan utama melibatkan saham syarikat termasuk Tenaga Nasional Berhad, Malaysia Airport Holdings Berhad dan PLUS Expressways Berhad. Terima kasih.

Dato' Zaitun binti Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana menjawab. Soalan tambahan saya, Khazanah Nasional Berhad yang merupakan milik kerajaan diamanahkan untuk menguruskan aset komersial kerajaan dan menjalankan pelaburan strategik semenjak September 1993 dan kini mempunyai pelaburan pegangan di dalam lebih 50 buah syarikat.

Soalan saya, apakah kriteria bagi Khazanah bagi melupuskan pegangan saham dalam GLC ini? Mengapakah Khazanah melupuskan pegangan saham dalam GLC yang membuat keuntungan serta apakah langkah Khazanah memastikan kepentingan rakyat negara ini dilindungi? Sejauh manakah Model Ekonomi Baru (MEB) dapat meningkatkan peranan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang dimiliki Khazanah di dalam membangunkan usahawan

Bumiputera? Ini kerana, di masa lalu GLC lebih mengutamakan syarikat luar negeri atas alasan syarikat Bumiputera tiada kepakaran. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Terima kasih Yang Berhormat, banyak soalan dalam satu. Tentang mengapa itu, saya sudah jawab tadi iaitu salah satunya ialah pelupusan syarikat-syarikat yang tidak strategik. Maknanya, tidak begitu kritikal sama ada Khazanah pegang atau tidak pegang syarikat tersebut.

Keduanya, kalau pun dalam syarikat-syarikat strategik – kadang-kadang pegangan itu terlalu besar, jadi tidak ada salahnya dilepaskan 5% kah atau 10% kah supaya terdapat lebih *liquidity* dalam pasaran. Ini boleh menarik pelabur-pelabur asing kerana apabila pelabur-pelabur asing datang ke Bursa, dia mahu melabur dalam syarikat-syarikat yang kukuh dan kuat. Jadi kalau saham-saham syarikat-syarikat ini terikat dengan pegangan Khazanah umpamanya, maka peluang pelabur-pelabur asing hendak datang sini agak terhad. Kedatangan pelabur-pelabur asing ini penting kerana mereka *provide liquidity* dan juga harga saham boleh naik apabila pelabur-pelabur besar masuk. Jadi ini juga keputusan strategik yang diambil.

Namun begitu, tidak bererti bahawa Khazanah telah melupuskan pegangan dalam syarikat-syarikat strategik. Saya hendak baca beberapa syarikat sebagai maklumat tambahan. Contohnya adalah seperti berikut:

| Syarikat (GLC) | Pegangan Saham (%) |
|---------------------|--------------------|
| Axiata Group | 44 |
| CIMB Group Holdings | 28 |
| Malaysia Airlines | 69 |
| Malaysia Airport | 60 |
| Pos Malaysia Berhad | 32 |
| Proton Holdings | 42 |
| Telekom Malaysia | 34 |
| TNB | 35 |

Jadi, banyak lagi pegangan dalam syarikat-syarikat yang kelihatan strategik kepada negara kita.

Tentang peranan Khazanah Nasional Berhad dalam Model Baru Ekonomi ini, satunya, syarikat-syarikat GLC ini adalah syarikat-syarikat yang besar dan berkemampuan serta mempunyai kewangan yang kukuh. Jadi sudah tentu dalam agenda negara dalam membentuk sebuah negara berpendapatan tinggi, syarikat-syarikat ini mempunyai peranan yang penting kerana ini adalah syarikat besar yang boleh membuat pelaburan yang besar, membangunkan infrastruktur sepertimana yang dijangka oleh kerajaan dan mempunyai peranan penting.

Kedua, agenda Bumiputera yang Yang Berhormat sebutkan tadi, memang ini juga agenda penting kerana GLC juga perlu memainkan peranan untuk membantu golongan

Bumiputera dalam mencapai matlamat supaya golongan Bumiputera ini tidak ketinggalan. Jangan kita mengejar status negara maju dan berpendapatan tinggi dengan peranan semakin besar yang dimainkan oleh syarikat-syarikat GLC, pada masa yang sama kita tertinggal ke belakang golongan Bumiputera yang perlu dibawa bersama.

Jadi memang GLC diberi mandat oleh kerajaan untuk turut membantu golongan Bumiputera dengan pelbagai cara. Salah satunya dari segi sistem vendor yang memang ada GLC membantu golongan Bumiputera dari segi perolehan sesetengah peralatan. Keduanya, walaupun GLC diamanahkan untuk turut mencapai agenda Bumiputera, tetapi tidak semestinya GLC melaksanakan dengan cara yang tidak menguntungkan. Maknanya, perlu kompetitif dan bersaing. Bumiputera pun perlu mampu bersaing dan tidak semestinya kerana Bumiputera, maka ia akan mendapat kerja-kerja dari GLC.

Jadi kalau semua ini dibuat, maka kita akan ada suasana *win-win* (menang-menang). GLC untung terus dapat memainkan peranan dalam ekonomi negara yang semakin besar, golongan Bumiputera juga dapat dibantu bersama, negara juga dapat mencapai matlamat negara maju Wawasan 2020 dan berpendapatan tinggi dan pada masa yang sama peluang untuk semua masyarakat juga terus terbuka sepertimana yang ada sekarang. Terima kasih.

■1140

12. Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor minta Perdana Menteri menyatakan setakat mana keberkesanan laman sesawang e-Government dapat menolong masyarakat luar bandar khususnya dari negeri kurang maju dalam menyelesaikan masalah mereka.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Murugiah a/l Thopasamy]:
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor yang menanyakan soalan berkaitan dengan sesawang e-Government. Tuan Yang di-Pertua kerajaan elektronik ataupun e-Government merupakan salah satu daripada tujuh aplikasi perdana di bawah Koridor Raya Multimedia (MSC) yang telah dilancarkan pada bulan Ogos 1996. Aplikasi-aplikasi kerajaan elektronik (EG) dibangunkan bagi meningkatkan produktiviti dan keberkesanan perkhidmatan awam dalam menyediakan penyampaian perkhidmatan kerajaan secara *online* melalui penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

Sehingga kini bilangan laman sesawang atau portal yang telah dibangunkan oleh agensi sektor awam adalah seperti berikut iaitu 243 laman web portal agensi kerajaan peringkat persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan, 583 laman web portal agensi kerajaan peringkat negeri dan Badan Berkanun Negeri dan 123 laman web portal pihak berkuasa tempatan. Portal *myGovernment*, www.malaysia.gov.my merupakan gerbang utama berasaskan konsep pusat setempat untuk memudahkan orang awam mencapai maklumat dan menggunakan perkhidmatan

online yang disediakan oleh agensi di peringkat persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan.

Sehingga kini sebanyak 2,417 perkhidmatan *online*, 321 perkhidmatan bayaran secara *online* boleh diakses melalui portal *myGovernment*. Selain daripada itu sebanyak 3,067 borang juga boleh dimuat turun melalui portal *myGovernment*. Perkhidmatan *online* yang disediakan khususnya yang memberi tumpuan kepada konsep rakyat kepada kerajaan dan rakyat kepada masyarakat perniagaan telah dapat memudahkan orang ramai berurusan dengan kerajaan. Melalui pelbagai saluran elektronik seperti *kiosk* dengan izin, *Interactive Voice Responds* (IVR), telefon dan perkhidmatan *internet* serta mempercepatkan urusan seperti memproses permohonan, membuat pertanyaan dan pembayaran bagi pelbagai perkhidmatan kerajaan yang disediakan.

Antaranya seperti e-Declare Kastam – Kastam Diraja Malaysia, Katalog Induk Kebangsaan – Perpustakaan Negara Malaysia. Semakan status pendaftaran pekerjaan – Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, *e-Filing* – Lembaga Hasil Dalam Negeri, semakan keputusan permohonan kemasukan ke IPTA, Program Pengajian Lepas STPM/Setaraf – Kementerian Pengajian Tinggi, semakan jadual temu duga pekerjaan – Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), sistem semakan status permohonan MyKad/MyPR – Jabatan Pendaftaran Negara dan *MySMS*.

Pada tahun 2010 jumlah transaksi perkhidmatan *online* di sektor awam adalah sebanyak 67,372. Dalam usaha menambah baik dan mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada orang awam, kerajaan juga telah melaksanakan Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi iaitu *High Speed Broadband* ke seluruh negara yang telah dilancarkan pada tahun 2008. Sehingga 1 Disember 2010, penembusan jalur lebar isi rumah yang dicatatkan adalah sebanyak 54.9% iaitu bersamaan 3.49 juta langganan jalur lebar isi rumah. Pencapaian ini adalah hasil pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program yang dirancang telah dan sedang giat dilaksanakan di bawah Inisiatif Jalur Lebar Negara. Terima kasih.

Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Soalan tambahan saya ialah bilakah kemudahan-kemudahan terutamanya negeri yang kurang maju, kemudahan termoden seperti sesawang *e-Government*, *WiFi* atau internet akan dinikmati dengan sepenuhnya oleh Orang Asli ataupun bumiputera di pendalaman, memandangkan di kawasan Parlimen Gua Musang pun tidak dapat liputan atau talian sepenuhnya. Terima kasih.

Dato' Murugiah a/l Thopasamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Buat masa ini kerajaan telah pun menyediakan peluang untuk rakyat Malaysia tidak kira luar bandar ataupun dalam bandar untuk akses terus ke laman web. Akan tetapi dengan adanya masalah yang melibatkan jalur lebar ini, yang masih tidak dapat dihubungkan dan ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Apabila semua peluang ini

diwujudkan oleh kementerian berkaitan, saya yakin dan percaya semua rakyat di luar bandar dapat menggunakannya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat kini selesai sudah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2011

Bacaan Kali Yang Kedua

Timbalan Yang di-Pertua: Minta Menteri di Jabatan Perdana Menteri mula menjawab.

11.47 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Dewan Negara yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Bajet 2011 dan menyentuh perkara-perkara berkaitan hal ehwal Islam. Saya juga mengucapkan terima kasih untuk memberikan peluang awal untuk dikemukakan daripada jabatan ataupun daripada Kementerian, Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi saya telah meneliti isu-isu yang telah dibangkitkan. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai keprihatinan, pandangan, teguran juga cadangan serta saranan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin menjelaskan mengenai fatwa berkaitan dengan pentafsiran ayat-ayat *al-Quran* khususnya oleh orang yang bukan Islam yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bagi hal ehwal agama Islam Malaysia telah membincangkan isu tersebut dalam Muzakarah Khas yang telah diadakan pada 3 Disember 2010 dan juga telah mengambil ketetapan sebagai berikut.

“Bersesuaian dengan kaedah Usul al-Fiqh Sadd az-Zarai maka Muzakarah bersetuju bahawa perbuatan orang-orang bukan Islam membaca dan menghuraikan teks-teks al-Quran sewenang-wenangnya mengikut fahaman sendiri dengan tidak menepati maksud yang sebenar di samping tidak terdapat unsur-unsur keikhlasan dan kejujuran adalah merupakan satu penghinaan terhadap kesucian al-Quran dan boleh mendatangkan keraguan dan fitnah di dalam

masyarakat. Oleh itu, ianya perlu dihentikan dengan segera. Muzakarah juga telah menasihatkan semua pihak supaya berhati-hati agar tidak menyalahgunakan ayat-ayat suci al-Quran demi meraih sokongan atau mendapat sesuatu kepentingan.”

Ini teks daripada yang dikeluarkan oleh Muzakarah Fatwa yang telah pun bersidang baru-baru ini. Keputusan tersebut merupakan pandangan hukum yang boleh diambil sebagai nasihat juga sebagai panduan serta ingatan kepada masyarakat Islam dan juga yang bukan Islam. Namun keputusan ini tidak diistilahkan sebagai fatwa berdasarkan kepada undang-undang, ia harus melalui pihak berkuasa fatwa di negeri untuk dijadikan fatwa kerana negeri-negeri sahaja mempunyai *authority* ataupun kuasa dengan izin berbuat demikian.

Apabila ia menjadi fatwa yang diwartakan maka masyarakat Islam tertakluk kepada fatwa ini serta boleh dikenakan tindakan undang-undang jika menyalahi dan melakukan perbuatan yang mencanggahi fatwa tersebut. Akan tetapi keputusan Muzakarah ini harus dihormati dan diambil sebagai panduan oleh semua pihak.

■1150

Dalam masa yang sama seperti mana yang disebut di dalam keputusan tersebut, ditegaskan bahawa Islam tidak menghalang mana-mana pihak orang yang bukan Islam untuk membaca, mendalami teks-teks suci Islam termasuk al-Quran dan tafsirannya, tetapi ia hendaklah dilakukan dengan jujur dan ikhlas bagi tujuan tersebut.

Mengenai peruntukan undang-undang bagi menghalang perbuatan tersebut, dimaklumkan tindakan ini boleh diambil tindakan berdasarkan seksyen 288 dan seksyen 298e(1) kanun keseksaan dalam mahkamah sivil yang memperuntukkan mana-mana orang yang menimbulkan, menyebabkan suasana yang tidak harmoni dalam masyarakat, melukakan perasaan agama seseorang, benci-membenci, sakit hati dan sebagainya boleh dihukum dengan hukuman penjara bagi satu tempoh tidak kurang dari dua tahun dan tidak lebih dari lima tahun.

Sehubungan dengan itu, berdasarkan keputusan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia bagi hal ehwal agama Islam yang menasihatkan agar semua pihak tidak menyalahgunakan ayat-ayat al-Quran untuk kepentingan tertentu. Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap pihak-pihak berkenaan bagi memastikan keharmonian pelbagai kaum di Malaysia terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya beralih kepada isu-isu berkaitan mahkamah syariah dan penyeragaman undang-undang...

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Minta laluan.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Ya, sila.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memaklumkan kepada Dewan ini jika seseorang yang bukan Islam, yang boleh membaca al-Quran dengan baik serta boleh menghuraikan dan mentafsirkan

mengikut apa yang terkandung di dalam hadis ataupun al-Quran. Apakah ia dibolehkan dalam masyarakat sekarang?

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya sebutkan tadi, di mana saya mengatakan *muzakarah* harus dihormati. Ditegaskan juga bahawa yang bukan Islam, tidak menjadi kesalahan untuk membaca bahkan menghuraikan termasuk hadis dan juga termasuk mentafsirkan al-Quran terutamanya kepada yang dapat membaca - saya tidak tahu, mungkin ada juga yang dapat membaca dengan baik dan mungkin dapat memahami dengan baik, kerana mungkin faktor kehidupan di kampung bersama dengan masyarakat Islam dan sebagainya.

Tidak menjadi satu kesalahan tetapi seperti saya sebutkan tadi dengan izin, *recap* - saya tutupkan tadi dengan harus di mana ada kejujuran dan keikhlasan supaya tidak nanti menimbulkan sensitiviti ataupun menimbulkan rasa tidak senang hati orang Islam kerana kitab suci dibaca untuk tujuan amalan. Akan tetapi jika dibaca untuk tujuan kepentingan tertentu di sebalik bacaan tersebut, maka ia akan menyebabkan timbul rasa tidak senang di kalangan orang lain. Jadi kesimpulannya tidak menjadi satu kesalahan untuk dibaca oleh orang lain, tetapi kita tutupkan sedikit dengan harus ada kejujuran dan juga keikhlasan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya menarik perhatian dengan beralih kepada isu yang berkaitan dengan mahkamah syariah dan juga penyeragaman undang-undang Islam yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn. Yang Berhormat membangkitkan mengenai isu-isu berkaitan kes-kes tertunggak di mahkamah syariah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kes yang berdaftar ataupun kes yang masih dalam proses perbicaraan di mahkamah syariah di seluruh negara dalam tempoh lima tahun, mengambil jumlah sekitar 40,043 kes dan jumlah keseluruhan kes yang diuruskan ialah sebanyak 456,744 kes. Saya ulang - 456,744 kes.

Pecahan jumlah kes yang masih dalam perbicaraan mengikut jenis-jenis yang tinggi pendaftarannya daripada 73 jenis kes keseluruhan adalah seperti berikut - ini yang paling banyak kes-kes yang didaftarkan iaitu:

- (i) pengesahan ataupun perintah nikah sebanyak 12,116 kes;
- (ii) tuntutan penceraian 7,777 kes;
- (iii) tuntutan pengesahan cerai taklik sebanyak 5,506 kes;
- (iv) tuntutan fasakh 4,600 kes; dan
- (v) tuntutan pengesahan lafaz cerai sebanyak 4,444 kes.

Punca-punca peningkatan kes dalam proses mengambil masa yang agak sedikit panjang di mahkamah syariah merupakan faktor yang agak subjektif. Bagaimanapun, di antara punca-punca yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut:

- (i) nisbah kekuatan tenaga pengurusan kes di mahkamah syariah khususnya jawatan hakim dengan jumlah kes yang diuruskan masih lagi

rendah. Contoh nisbah yang tidak setara antara kekuatan bilangan jawatan hakim dan bilangan kes yang diuruskan boleh di lihat di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan - jumlah kes yang diuruskan dari tahun 2005 sehingga bulan Oktober 2010 sebanyak 44,783 kes, bilangan perjawatan hakim sebelum tahun 2008 ialah 13 orang dan juga lima orang hakim mahkamah tinggi dan tujuh daripada mahkamah rendah syariah;

- (ii) ketidakhadiran pihak-pihak terlibat di dalam perbicaraan; dan
- (iii) kurangnya kefahaman orang awam berhubung dengan prosedur kes di mahkamah syariah.

Usaha serta langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah kes-kes yang belum selesai dan mengambil masa di mahkamah syariah ialah:

- (i) proses penyelesaian kes melalui Majlis Sulh ataupun mediasi, iaitu penyelesaian kes melalui perbincangan antara pihak-pihak yang bertikai dengan dibantu oleh pegawai mahkamah dengan tempoh penyelesaian selama tiga bulan. Statistik menunjukkan 50% kes hingga 70% kes yang melalui proses Majlis Sulh dapat diselesaikan secara baik tanpa melalui proses perbicaraan yang memakan masa;
- (ii) pemakaian aplikasi e-Syariah dalam pengurusan kes. Melalui sistem ini, catatan perbicaraan setiap prosiding, perbicaraan dapat disimpan di dalam sistem dan boleh dikeluarkan serta-merta apabila ada proses rayuan ataupun semakan. Kemudahan ini telah dapat memendekkan masa pengurusan kes terutamanya kes rayuan;
- (iii) perbicaraan pada waktu malam, iaitu bagi kes-kes yang memerlukan penghakiman segera disebabkan pihak-pihak ataupun saksi-saksi yang sukar hadir ke mahkamah disebabkan masa kerja yang ketat ataupun tinggal jauh daripada lokasi mahkamah dan menghadapi masalah untuk berulang alik ke mahkamah bagi memberikan keterangan;
- (iv) menyediakan buku panduan proses penceraian di mahkamah syariah, iaitu sebagai satu rujukan yang lengkap dalam bentuk carta aliran proses yang boleh dijadikan garis panduan dan memberikan kefahaman dengan cara yang mudah kepada orang awam berhubung dengan proses yang perlu mereka lalui dalam kes-kes penceraian. Ada apabila pihak-pihak yang mempunyai maklumat satu prosedur perjalanan perbicaraan kes akan lebih lancar;
- (v) perwujudan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK). Bahagian ini ditubuhkan dengan objektif untuk memberikan, memastikan kecekapan

dan keberkesanan kes-kes penguatkuasaan perintah nafkah yang tidak dipatuhi oleh suami dan juga ayah;

- (vi) memberikan latihan kepada hakim dan pegawai mahkamah untuk menambahkan kemahiran dan kecekapan menguruskan kes sebelum perbicaraan dan semasa perbicaraan;
- (vii) menyediakan kemudahan rumah transit secara percuma kepada pihak-pihak yang terlibat di dalam kes perbicaraan di mahkamah syariah, bagi tujuan memudahkan dan menggalakkan pihak-pihak hadir ke mahkamah; dan
- (viii) melantik hakim syarie daripada kalangan wanita bagi tujuan untuk menambah kekuatan bilangan hakim sedia ada seiring dengan penambahan bilangan kes. Pada bulan Jun 2010 yang lalu, dua orang hakim wanita telah diberikan tauliah sebagai hakim Mahkamah Rendah Syariah di Wilayah Persekutuan. Hakim wanita diberikan tanggungjawab seperti mana hakim lain untuk mendengar semua kes termasuk penceraian, kecuali kes permohonan wali hakim.

Berdasarkan usaha-usaha dan langkah-langkah yang dijalankan bagi mengatasi kes tertunggak di mahkamah syariah seluruh Malaysia, didapati bahawa berlaku pengurangan kes tertunggak dalam tempoh lima tahun sebagaimana berikut:

- (i) tahun 2005 - kes yang tertunggak ialah kes yang masih lagi berjalan dan mengambil masa iaitu sebanyak 67.2%;
- (ii) tahun 2006 - kes yang masih berjalan dan mengambil masa sebanyak 66.4%;
- (iii) tahun 2007 - dikurangkan kepada 63.32%;
- (iv) tahun 2008 - 59.69%; dan
- (v) tahun 2009 - peratusan kes berkurangan sebanyak 34.49%.

■1200

Sehingga sekarang, November yang lalu 2010 peratus kes yang masih berjalan dan mengambil masa itulah sebanyak 22.73%. Kesimpulannya...

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya ingin mencelah.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan kepada jawapan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi kita lihat banyak usaha-usaha di pihak kerajaan untuk mengurangkan kes yang tertunggak. Jadi saya ingin tahu

bagaimanakah klasifikasi dan kategori kes ini yang dinamakan kes tertunggak kerana kes masih berjalan. Bagi pendapat saya ia bukan kes yang tertunggak.

Jadi saya ingin tahu klasifikasi yang dinyatakan tertunggak, yang pertama. Kedua, disebut tentang tadi jumlah kes di Wilayah Persekutuan adalah 40,000 dengan bilangan hakim sebanyak 13 orang. Jadi saya ingin tanya adakah nisbah hakim dengan kes ini ditinjau juga berbanding dengan kes-kes di Mahkamah Sivil bagi memastikan beban tugas yang dipikul oleh Hakim Syarie ini setimpal dengan gaji yang beliau terima dan juga setimpal dengan rakan mereka di Mahkamah Sivil.

Ketiga berkaitan dengan tadi disebut antara kes yang tertunggak banyak melibatkan kes pengesahan nikah. Jadi kalau kes ini melibatkan pengesahan nikah lebih kurang 12,000 kes tertunggak di seluruh negara, saya percaya kes ini melibatkan negeri-negeri yang mungkin berada di sempadan. Jadi adakah pihak kerajaan bercadang untuk menambahkan kes atau mewujudkan Mahkamah Syariah khusus untuk membicarakan kes-kes sebegini kerana kes ini saya rasa hanya tertumpu di kes-kes yang melibatkan negeri-negeri di sempadan. Saya pohon pandangan menteri.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Terima kasih kepada Senator Mumtaz. Banyak soalan dan laju soalnya. Pertamanya saya sebab itu dari soalan asal menyebut tentang kes-kes yang tertunggak. Akan tetapi saya dalam jawapan saya, saya tidak menyebut tertunggak. Kes yang masih lagi berjalan dan juga mengambil masa. Sebab kalau kita kategorikan tertunggak maknanya kes itu ia sudah terhenti dan tidak berjalan. Kes ini berjalan akan tetapi mengambil masa yang agak panjang. So, di Mahkamah Syariah, apa yang berlaku ialah bukan kes tertunggak akan tetapi kes yang masih berjalan akan tetapi mengambil tempoh masa yang panjang.

Keduanya berkenaan tentang *ratio* ataupun 13 orang di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan dan diukur dengan 14,000 lebih kes yang kita kendalikan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan yang memang saya sebutkan tadi, kita akan melihat di sudut perbandingan sebagai mana cadangan Senator untuk kita bandingkan dengan rakan-rakan yang di Mahkamah Sivil bagaimana *ratio* yang sebenarnya.

Cuma sedikit saya ingin tambahkan bahawa memang kita ada lagi kekosongan lebih daripada 40 perjawatan daripada hakim-hakim mahkamah seluruh Malaysia. Ini kerana perjawatan hakim-hakim di mahkamah kita bermula dengan LS44. So, setiap orang yang memasuki perkhidmatan dia bermula dengan LS41. Jadi tempoh untuk mencapai bagi hakim-hakim di Mahkamah Syariah bagi ditingkatkan kepada LS44 ini dia mengambil masa paling minimumnya ialah tiga tahun, paling minimum.

Kalau perjawatan-perjawatan yang lain mengambil tempoh sampai enam dan lima tahun. Akan tetapi JPA memberikan kebenaran dan kita sedang melakukan daripada masa ke semasa

di mana ada calon-calon yang sudah sampai kepada tiga tahun kita memproses dan berkecukupan untuk meningkat.

Selain daripada itu juga, peratus yang paling tinggi jumlah kes 12,000 lebih daripada kalangan orang yang berkahwin. Proses penceraian mohon pengesahan penceraian dan sebagainya. Cadangan Yang Berhormat, kita mengambil kira untuk akan tetapi buat masa sekarang belum lagi ada pemikiran kalau untuk mewujudkan mahkamah khas untuk penceraian. Akan tetapi saya ingin menegaskan bahawa pada tahun ini kita telah berbincang dan menjadikan KPI daripada JKSM.

KPI JKSM ialah kita hendak mengurangkan kes-kes yang tadi kalau kita sebutkan dengan istilahnya tertanggung. Akan tetapi saya sebut tadi istilahnya masih berjalan akan tetapi mengambil masa tiga tahun ke atas menjadi *target* 2011 kita selesaikan kes yang sudah menjangkau tiga tahun berada di mahkamah dan menjadi *priority* sehingga dalam KPI kita juga kita akan memperbanyakkan kalau perlu kes-kes perbicaraan pada waktu malam.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Yang Berhormat Menteri.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Sila.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sudah dengar banyak jawapan daripada itu tadi termasuk isu-isu hakim. Yang saya hendak tanya sekarang ini Hakim. Dengan hakim-hakim saya dengan hakim-hakam. Hakim ini apa bidang tugas dia, siapa ahli dia? Siapa pula atau kes yang bagaimana yang harus melalui proses hakim ini, bagaimana prosedur dia dan apakah keputusan oleh hakim ini boleh diguna pakai terus ataupun mereka masih terpaksa melalui proses bicara di dalam mahkamah bagi keputusan seterusnya. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Senator yang bertanya soalan. Saya akan bekalkan maklumat kerana prosedur pelantikan dan sebagainya termasuk maklumat-maklumat yang lengkap tentang hakim ini akan saya sampaikan secara bertulis kepada Yang Berhormat Senator kerana saya tidak memiliki maklumat itu sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat mencadangkan juga supaya disemak semula undang-undang berlandaskan syariah yang tidak seragam antara negeri-negeri dan menyebabkan ia tidak dapat dikuatkuasakan. Dimaklumkan bahawa usaha ke arah penyeragaman undang-undang Islam di Malaysia sentiasa diberikan keutamaan oleh kerajaan sama ada di peringkat persekutuan ataupun negeri menerusi gerak kerja yang berterusan dan komprehensif.

Sebagai contoh kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil sejak daripada tahun 1988 lagi yang telah berfungsi antara lain untuk mengkaji, menyemak dan menggubal undang-undang yang seragam untuk pemakaian di seluruh negara.

Dalam melaksanakan fungsi tersebut dan mendapatkan maklum balas daripada negeri-negeri bagi menyemak, menggubal undang-undang Islam yang seragam antara negeri-negeri.

Jawatankuasa ini mengadakan perbincangan dengan negeri-negeri melalui Majlis Dialog Undang-undang dan Persidangan Penyelarasan Undang-undang Syarak dan Sivil yang keahliannya terdiri daripada Mufti-mufti, Ketua-ketua Hakim Syarie, Penasihat Undang-undang Negeri, Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri-negeri serta Majlis Agama Islam Negeri-negeri seluruh Malaysia.

Berkaitan isu yang kerap timbul akibat ketidakseragaman undang-undang Islam di negeri-negeri antara lain ialah sebagaimana berikut:

- (i) perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah Negeri-negeri tidak dapat dikuatkuasakan di Wilayah Persekutuan dan sebagainya disebabkan tiada peruntukan mengenai penguatkuasaan perintah bersaling dalam Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan, Akta 1993, Akta 505. Bagaimanapun saya tegaskan bahawa proses ini dibuat untuk tujuan perintah bersaling ini dibuat secara pentadbiran melalui Wilayah Persekutuan;
- (ii) prosedur yang berbeza antara negeri-negeri seperti sebagai contoh keperluan dokumentasi bagi prosedur pernikahan, pendaftaran, penceraian dan juga pendaftaran rujuk adalah berbeza mengikut apa yang ditetapkan undang-undang negeri tertentu;
- (iii) terdapat negeri yang memperuntukkan kesalahan-kesalahan tertentu yang tidak terdapat di negeri-negeri lain. Sebagai contoh Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah 1995 memperuntukkan tentang kesalahan perempuan berlagak seperti lelaki yang tidak diperuntukkan dalam undang-undang kesalahan jenayah syariah di setengah-setengah negeri yang lain.

Jadi ini merupakan ketidakseragaman yang masih lagi boleh berlaku. Namun pihak kerajaan sedang mengusahakan dengan setinggi mungkin, sedaya mungkin bagi untuk diseragamkan. Apa pun suasananya keadaannya amat bergantung kepada penerimaan negeri-negeri kerana Majlis Agama Islam, Jabatan Agama Islam Negeri-negeri adalah terletak di bawah kuasa Jadual 9 negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berkaitan dengan isu mengenai Lembaga Tabung Haji yang dikaitkan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn. Mengenai cadangan pembinaan bangunan untuk kemudahan Jemaah Haji di Mekah. Saya merasakan ini satu cadangan yang baik akan tetapi apa pun saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa pembelian untuk tanah di Mekah ataupun di Madinah hanya dikhususkan kepada warganegara tempatan dan lebih menjurus kepada

penduduk setempat di Mekah dan juga di Madinah. Jadi maknanya ruang untuk kita hendak beli ini adalah merupakan sesuatu yang amat berisiko tinggi. Sebab yang pertamanya kita terpaksa namakan dengan nama orang lain, menumpang atas nama dan proses pembangunan di Mekah, di Madinah kadang-kadang ada hotel yang baru siap semalam di isi dengan peralatan untuk kegunaan penginapan katil dan sebagainya, tetapi belum disewakan proses diruntuhkan dibuat berlaku. Pampasan dibuat begitu tinggi. Maknanya bukan hanya sekadar diruntuhkan sahaja akan tetapi pampasan tinggi. Namun pampasan itu akan pergi kepada penama yang dinamakan kepada orang yang kita hendak namakan untuk menjadi kalau saya katakan sebagai *proxy* dan sebagainya.

■1210

Maka ini menjadi suatu halangan *business* yang sukar untuk kita hendak memiliki hartanah di Kota Mekah. Ini kerana kalau di Kota Mekah sekarang ini boleh saya umpamakan kalau sekaki dalam lingkungan lebih kurang RM60,000. Jadi maknanya kalau nama saya di atas ini Tuan Yang di-Pertua, dekat-dekat RM60,000 kena bayar. Jadi, sebesar kita punya meja yang kita duduk ini, maknanya sudah menjangkau sampai ratusan ribu dan bahkan lebih kurang RM250 juta bagi satu ekar. Walau bagaimanapun, pihak Tabung Haji mencari kebijaksanaan dengan program-program ataupun kita mengadakan *joint venture* pintar ataupun kerjasama pintar dengan rakan-rakan yang berada di Arab Saudi.

Berhubung dengan kos untuk menunaikan ibadat haji pada tahun hadapan. Tabung Haji amat menyedari bahawa kos untuk menunaikan haji meningkat dari tahun ke tahun memandangkan pembangunan pesat di Mekah pada masa kini yang memberikan kesan kepada kadar harga pasaran premis-premis baru yang akan disewa oleh Tabung Haji. Tabung Haji kini sedang mengenal pasti bangunan yang wajar disewa untuk tahun 1432.

Dalam hal ini, Tabung Haji sentiasa berusaha mendapatkan bangunan-bangunan yang memenuhi spesifikasi dan standard yang diperlukan untuk jemaah haji Malaysia di mana kita mengambil kira, kalau jarak biasanya paling jauh kita dalam satu kilometer ataupun kita sebutkan yang baru ini kita ada lebih kurang 950 meter jarak daripada *qaiyad* Masjidil Haram.

Jadi, ini jarak-jarak yang kira-kira hampir untuk jemaah haji kita. Ada orang yang duduk tujuh kilometer, lapan kilometer di luar sana. Akan tetapi, Tabung Haji amat prihatin dengan kepentingan dan juga kebajikan jemaah haji, maka kita sewa bangunan-bangunan yang wajar dengan harga dan juga berdekatan. Apatah lagi dengan mengambil kira tahun ini, Tabung Haji sentiasa berusaha mendapatkan bangunan-bangunan yang memenuhi standard dan spesifikasi yang diperlukan oleh jemaah haji.

Untuk maklumat Dewan yang mulia, pada masa yang sama terdapat peraturan terbaru iaitu semua rombongan haji dalam semua negara di dunia perlu disediakan ruang minimum iaitu empat meter persegi untuk setiap jemaah di Mekah. Ia tidak boleh kurang daripada jumlah tersebut dan berbanding tahun yang lalu 3.5 meter persegi sebelum ini. Jadi maknanya dalam

erti kata, kalau bilik itu ia mengandungi lebih kurang lapan meter persegi, maka ia tidak boleh lebih isian daripada dua orang. Jadi, ini peraturan yang telah ditetapkan yang semakin mengecilkan. Kalau dahulu kalau satu bilik dua katil, kita boleh ekstra, tambahan satu katil. Akan tetapi sekarang ini, jumlah empat meter persegi adalah untuk seorang. Jadi, lapan meter persegi untuk dua orang setiap bilik.

Oleh itu, situasi kenaikan bayaran haji untuk musim 1432 Hijrah adalah suatu yang amat diberikan perhatian tinggi oleh pihak Tabung Haji. Namun, Tabung Haji akan terus berusaha agar kadar kenaikan ini tidak membebankan jemaah haji termasuklah mempertimbangkan penyewaan bangunan yang agak jauh sedikit. Ini pun dalam perkiraan kita ambil kira.

Yang Berhormat juga minta penjelasan mengenai subsidi haji untuk tempoh lima tahun yang lalu. Dimaklumkan, jumlah subsidi haji yang ditanggung oleh Lembaga Tabung Haji bagi seorang jemaah haji bagi tempoh lima tahun yang lalu di mana pada tahun 2006, kos haji yang sebenar ialah RM10,133 di mana bayaran waktu tahun 2006 ialah RM8,973 dan subsidi ialah RM1,160. Begitu juga tahun 2007, bayaran subsidi meningkat lagi kerana kos haji meningkat sebanyak RM10,141, maka subsidi ialah RM1,168 sedangkan bayaran haji kekal RM8,973. Tahun 2008, kos sebenar ialah RM11,319 dan subsidi meningkat RM2,346 dan bayaran haji kekal RM8,973. Tahun 2009, kos sebenar ialah RM12,603 dan subsidi, RM2,632 dan bayaran ditingkatkan sedikit menjadi RM9,980. Tahun 2010, tahun ini, kos haji berdasarkan peningkatan pelbagai prasarana dan juga makanan dan sebagainya, pengangkutan, ia menjadi RM13,040 dan subsidi RM3,060. Bayaran haji hanya RM9,980.

Berkaitan dengan sistem kuota agihan haji untuk menunaikan ibadat haji, suka saya jelaskan bahawa Tabung Haji telah mengadakan sistem pendaftaran dan pemilihan jemaah haji iaitu apa yang dinamakan sistem pendaftaran haji terbuka. Di bawah sistem ini, umat Islam digalakkan merancang pemergian haji mereka dengan mendaftar lebih awal. Dalam erti kata mudah ialah siapa yang daftar dahulu, maka senarai itu didahulukan untuk pemergian haji apabila memenuhi jumlah simpanan.

Sistem ini telah berjalan dengan baik di mana mereka yang mendaftar lebih awal, telah terpilih lebih awal daripada mereka yang mendaftar lewat. Cuma yang sering menjadi isu perbincangan ialah isu rayuan di mana jemaah-jemaah haji ini dan mereka membuat rayuan yang dalam pelbagai keadaan. Untuk makluman, musim haji untuk 1431 Hijrah, untuk makluman Dewan sebanyak hampir 60,000 rayuan sedangkan tempat yang boleh diberikan pertimbangan adalah amat terhad. Selain daripada jemaah haji yang telah dapat, ada rayuan-rayuan yang datang dan jumlah rayuan itu sekitar 60,000 jemaah haji. Rayuan ini ia datang daripada pelbagai tempat, yang datang daripada individu perseorangan, daripada syarikat, kerajaan dan sebagainya termasuk daripada pejabat Yang Berhormat, daripada sampailah semua berkumpul di Tabung Haji dan termasuk yang berkumpul di pejabat saya selaku Menteri yang bertanggungjawab kepada Tabung Haji.

Jadi rayuan ini sedangkan tempatnya begitu terhad. Kekosongan tempat adalah hasil daripada penolakan mereka. Ini kosong tadi adalah disebabkan kerana orang yang tolak atas pelbagai sebab. Di antaranya disebabkan kerana mati, ada yang disebabkan kerana sakit, ada yang disebabkan kerana anak hendak pergi belajar di luar negeri, hendak temankan anak, ada disebabkan kerana mengambil peperiksaan dan sebagainya, mereka tarik diri. Jadi, kekosongan ini amat terhad, rayuan 60,000. Jadi, Dewan dapat membayangkan bagaimana payahnya proses pertimbangan ini.

Biasanya kriteria timbangan ataupun menimbang untuk rayuan ini, kita utamakan yang pertama, orang yang ingin mengiringi muhrim yang telah terpilih. Keluarganya, yang muhrimnya itu yang telah terpilih belum ada pengiring. Kedua, mereka yang menghadapi isu kesihatan namun perakuan doktor layak untuk menunaikan fardu haji. Jadi, ada yang datang dengan kesihatannya yang agak terbatas tetapi doktor rekomen masih lagi boleh pergi haji tetapi bimbang pada tahun hadapan tidak mampu. Jadi juga termasuk dalam orang yang kita timbang, termasuk juga golongan Orang Kurang Upaya (OKU).

Pada masa yang sama juga terdapat sejumlah mereka yang terpilih daripada mereka yang telah menunaikan ibadat haji walaupun nisbah mereka agak kecil. Tabung Haji sedang berusaha untuk memperketat syarat terpilih bagi golongan ini. Saya juga amat memahami ada di sana orang yang sudah terpilih dan juga kemudian, mungkin atas faktor-faktor pelbagai yang ada di hadapan tadi termasuk mengiringi muhrim dan sebagainya. Dia minta pergi. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang ada orang ini dia merasakan kalau dia pergi haji itu dia merasakan lebih sempurna kalau dia dapat pergi tambah balik lagi dan sebagainya untuk dia menjadi semakin baik. Jadi, faktor pemikiran yang sebegitu dia tidak menyedari bahawa dia telah menyekat kuota orang lain yang belum menunaikan ibadat haji.

Jadi kadang-kadang yang datang jenis ini Tuan Yang di-Pertua, dia menangis, merayu, duduk di atas kaunter pejabat, jadi, yalah kita orang laki-laki, tambah-tambah kalau yang menangis pula yang perempuan, dia rasa tersentuh Yang Berhormat Senator Yusof Husin. Tabung Haji dalam usaha untuk mengekang keadaan yang seperti ini, kita cuba untuk tahun ini, mulai daripada tahun ini, tidak dibenarkan orang yang balik dari haji untuk mendaftar kali yang kedua pada tempoh lima tahun. Jadi tahun ini kita cuba memastikan, balik sahaja dia tidak boleh daftar dalam tempoh lima tahun. Adalah diharapkan jumlah golongan ini dapat kita kecilkan yang merayu dan pergi kali kedua ini dan pemilihan mereka adalah lebih kepada yang mengiringi muhrim.

Berhubung dengan kuota haji, dimaklumkan bahawa penetapan bilangan kuota haji adalah berasaskan masih kekal sebagaimana yang diperuntukkan oleh dipersetujui sepakat negara-negara OIC pada 1987 di mana angka bilangan orang yang boleh menunaikan ibadah haji ialah berdasarkan kepada 0.1% bilangan penduduk Islam sesebuah negara.

■1220

Sedikit keistimewaan kepada Malaysia 0.1% ini ialah berdasarkan jumlah keseluruhan rakyat Malaysia, bukan jumlah rakyat Muslim negara Malaysia. Jadi, untuk Malaysia ini *special* sedikit. Dia beri semua rakyat dan jumlah itu dibenarkan untuk menunaikan ibadah haji. Kuota ini masih lagi diguna pakai berdasarkan angka bilangan penduduk yang berdaftar secara rasmi di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Setiap tahun Tabung Haji berusaha memohon kenaikan kuota dan keputusan mengenainya adalah menjadi hak mutlak Kerajaan Arab Saudi. Jadi, kadang-kadang pernah berlaku, orang sudah terbang, jemaah haji yang pertama, rayuan kita dua minggu, orang pertama KT1 sudah terbang dua minggu baru dia beritahu kuota tahun ini dibenarkan untuk diberi sedikit tambahan. Itu yang kadang-kadang kita minta maaf kepada jemaah haji kita yang lain, kita beritahu yang dalam keadaan dua atau tiga hari dia terlewat dan baru mahu terbang. Jadi, ada setengah itu dia tanya kenapa telah lewat.

Oleh sebab itu kita ada kaedah, kita suruh jemaah haji yang diletakkan dalam senarai *standby* dan timbul pula apabila *standby* dia kata, saya fikir saya boleh pergi. Kita kata, "Makcik, kapal terbang ini bila kata *standby* ada kosong baru boleh pergi". Dia kata, "Makcik tidak faham *standby* ini, ingat sudah boleh pergi". Jadi, ini kedudukan yang berlaku untuk jemaah haji. Apa pun saya mengucapkan terima kasih atas keprihatinan sebab kedua-duanya Senator-senator dan Yang Berhormat-Yang Berhormat ini semua kita amat prihatin untuk orang yang mahu pergi haji, tetapi jumlah kuotanya adalah terlalu terhad kepada kita. Sila.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Minta laluan. Terima kasih di atas penjelasan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya hanya mahu tahu sedikit mengenai jaminan kementerian kepada jemaah-jemaah haji agar mereka ini tidak tertipu oleh agen-agen yang menjalankan haji ini, bukan sahaja waktu haji malah ketika ini selepas musim haji kita ada buat satu program yang dipanggil ziarah umrah. Program ini juga selalu kena tipu. Dia kata, tunggu visa dari Arab dan sebagainya. Duit telah bayar ini tetapi tidak dapat pergi. Apa jaminan kementerian tentang perkara ini? Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan soal jemaah-jemaah haji yang kena tipu di tengah jalan ini, ini pun satu masalah. Sebenarnya, syarikat-syarikat swasta yang menganjurkan jemaah haji, mereka ini kita benarkan untuk mereka turut sama beroperasi memainkan peranan di mana syarikat-syarikat ini ia berdaftar di bawah Tabung Haji, tetapi amat malang ada lagi syarikat-syarikat ia tidak daftar pun dengan Tabung Haji tetapi dia menggunakan kaedah-kaedah dengan menggunakan visa-visa selain daripada visa untuk negara kita. Dia menggunakan visa daripada negara luar selain daripada Malaysia dan dengan janji, harapan boleh menunaikan ibadah haji. Jadi, pelbagai kaedah. Ada setengah itu kata perlu bertolak awal. Bertolak awal maksudnya dia menggunakan visa umrah dan dia bawa orang pergi duduk di sana dan kemudian apabila sampai musim haji, orang yang visa umrah ini dia sepatutnya sudah balik, tetapi ini ialah saya pun mungkin tidak

faham banyak tentang jemaah, minta maaf. Mungkin dia mahu buat haji itu baik, tetapi pergi dengan visa yang tipu. Ini pun satu hal. Visa umrah biasa visa untuk ziarah. Jadi, ini timbul tetapi untuk syarikat-syarikat swasta yang berdaftar dengan kita tidak menjadi masalah.

Satu lagi kita sering memberikan peringatan kepada syarikat swasta yang menganjurkan haji dan berdaftar dengan Tabung Haji supaya mereka memastikan visa-visa yang mereka dapat itu, sebab itu di bawah *control* ataupun di bawah seliaan bersama dengan Tabung Haji dan juga pihak kedutaan. Jadi, kita boleh mengekang. Akan tetapi yang tidak berdaftar ini, dia menggunakan kesempatan bahkan sebagaimana yang Senator sebutkan tadi bahawa bukan sekadar untuk haji, umrah pun begitu juga. Jemaah haji terbaru yang berlaku. Ada syarikat yang menawarkan sekarang ini boleh pergi buat umrah sedangkan peraturannya kapal yang terakhir hari ini atau semalam kapal terakhir tahun ini yang balik dari Mekah ke Malaysia dan ia ditutup sebulan selepas daripada itu untuk tujuan pentadbiran, pembersihan, dan sebagainya. Jadi, dia menjanjikan kata boleh membuat umrah. Akan tetapi untuk ziarah, visanya tidak dikeluarkan dan tiket telah dibayar. Saya tidak boleh meletakkan soal jaminan ini, sebab ia terikat dan bukan di bawah bidang dan lingkungan tanggungjawab Tabung Haji. Jadi, ini keadaan yang berlaku kepada kita.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: [*Bangun*]

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Yang Berhormat Menteri, saya mahu tahu satu lagi mengenai...

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Sila.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Pengawalan harga daripada pihak swasta mahu pergi haji ini. Kita lihat tadi harga yang diberikan oleh kementerian antara RM10,000 ke RM13,000 tetapi pihak swasta kita dapat dengar kalau mahu elok sedikit, saya mahu tahu berapa jauh elok dia? Kalau ikutkan harga terlalu tinggi. RM50,000, RM60,000, seorang dan RM150,000 pun ada yang baru-baru ini yang saya lihat. Apa bezanya antara harga yang Tabung Haji buat RM10,000 ini dengan RM150,000 yang pihak swasta buat ini, yang sampai orang berkejar, kononnya elok sangat. Akhirnya ada juga yang terkandas. Mahu tahu apakah perbezaan kementerian?

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Pertamanya kalau tanya perbezaan itu ialah dia isu *relative*, dengan izin. Perbezaan itu ada setengah-setengah itu dia bukan beza apa sangat pun. Kadang-kadang bezanya hanya dia merasakan kepuasan ustaz ataupun juru bimbing, mutawif itu dia memang meminati orang itu lama dan mengikuti. Jadi, orang itu berada dengan agensi tersebut. Maka, dianggap itu kepuasan dia. Kalau di sudut penempatan, kita sedia maklum dia bergantung amat kepada sekarang lagi kita kena daftar untuk mahu menyewa bangunan-bangunan yang sedia ada.

So, amat bergantung, kalau dia dapat hotel yang baik maka baiklah. Akan tetapi kalau sekiranya dia dapat hotel yang jaraknya jauh dan tidak baik kemudian untuk masakan pula dia

tidak mendapat tukang masak yang baik, jadi akan banyak masalah yang berlaku. Hal yang seperti ini di luar lingkungan tugas dan tanggung jawab saya Menteri di Jabatan Perdana Menteri, kerana ini merupakan pilihan daripada jemaah itu sendiri. Dia memilih untuk pergi dengan syarikat tersebut dan tentunya kadang-kadang ini masalah kewangan. Sebab ada hotel-hotel yang bila kita telah mula untuk *booking*, dia perlu bayar sampai jutaan ringgit. Jadi, syarikat-syarikat swasta ini kadang-kadang terhad kemampuan di sudut kewangan akan menyebabkan nanti dia terpaksa dapat hotel yang agak berjauhan. Itu yang timbul seperti Yang Berhormat sebutkan tadi. Sila.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya mohon penjelasan dua perkara. Pertama, isu syarikat sama ada yang membawa jemaah haji atau pun ziarah umrah ini memang berleluasa di mana orang ramai tertipu. Jadi, tidakkah kerajaan bercadang supaya Tabung Haji menyenaraikan syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Tabung Haji dan senarai ini diberitakan kepada penyimpan-penyimpan Tabung Haji supaya mereka mengenal pasti syarikat mana yang berdaftar dengan Tabung Haji untuk mengelakkan penipuan berlaku.

Kedunya, mengenai dengan peratus yang dibenarkan oleh Arab Saudi di mana 0.1% dan kadang-kadang ditambah peratus itu di saat akhir. Tidakkah kerajaan bercadang atau mempunyai ruang untuk merayu supaya peratus ini dapat dinaikkan ataupun menggunakan visa melalui rundingan dengan negara-negara lain supaya diberi kepada Malaysia untuk lebih ramai jemaah haji dapat menunaikan haji. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Terima kasih kepada Senator Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin. Pertama berkaitan dengan senarai ini memang telah sedia maklum senarai-senarai yang berdaftar ini kita telah ada dalam laman web atau portal Tabung Haji dan juga termasuk senarai-senarai ini boleh didapati daripada setiap kaunter-kaunter Tabung Haji di setiap negeri termasuk di daerah. Cumanya mungkin kita perlu menguar-uarkan lagi supaya mereka dapat sedia maklum. Akan tetapi saya sebenarnya melihat pengurusan Tabung Haji dengan syarikat swasta yang menjadi masalah ini, dia kadang-kadang berdasarkan pengalaman orang yang pergi yang lepas, tahun depan jadi tidak sama semula. Ini kerana orang yang lepas dia balik dia kempen, dia kata syarikat ini bagus, ustaz pembimbing dan makannya elok, tempatnya elok, dan sebagainya. Akan tetapi apabila dia pergi tahun depan, dia tidak tahu hotel itu sudah bertukar termasuk juga keadaan dia di sana.

Saya mengambil contoh beberapa pengalaman syarikat-syarikat sejak dahulu. Tahun ini dia bawa cukup cemerlang dan *excellent*. Akan tetapi tahun depan apabila dia telah daftar dan *booking* kapal terbang, tiba-tiba visa haji dia tidak keluar, sedangkan *booking* tadi akan hangus, habis, dan modal untuk bergerak ke sana telah berkurangan. Jadi, belanja dia di sana akan menyebabkan dia tersekat dan terhad. Ini keadaan-keadaanlah dan banyak lagi keadaan yang lain. Akan tetapi senarai tadi kita sediakan, boleh kita rujuk, dan mungkin saya akan minta

Tabung Haji untuk menguar-uarkan lagi senarai ini supaya orang dapat sedia maklum. Selain daripada itu juga peratusan untuk menunaikan haji ini kita sedia maklum, bahawa kita berhubungan dengan Kerajaan Arab Saudi pada setiap tahun.

■ 1230

Bahkan untuk maklumat Ahli-Ahli Yang Berhormat dia tiap-tiap kali bulan Mei ataupun bulan April dan Mei yang akan datang biasanya dia akan menjemput semua negara dunia yang menunaikan ibadat haji untuk supaya diberikan taklimat. Apa kesalahan, apa kebaikan, apa kecemerlangan apa yang jemaah haji kita sudah lakukan pada 2010 ini. Jadi dalam kesempatan itu memang tiap-tiap tahun kita merayu memang saya ingat oleh kerana memang Tuhan takdirkan untuk Mekah itu dijaga oleh orang Arab yang mempunyai satu kekuatan sendiri. Oleh sebab kalau tidak nanti yang orang kita ini merayu lembut sangatkan.

Mungkinlah kalau orang lembut suruh jaga Kaabah dengan-dengan Kaabah itu dibagi kepada orang. Oleh sebab rayuan ini dia datang pelbagai Arab dia pegang dengan peraturan dia, sebab dia kata kita bagi semua dia kata semua negara pakat-pakat hendak merayu dan termasuk negara-negara yang saya sebutkan tadi yang kuota dia banyak tetapi dia tidak dapat memenuhi untuk dipinjamkan. Ini Kerajaan Arab Saudi kata yang tidak cukup itu urusan dia dengan kami dia kata tidak ada urusan dia dengan kita. Jadi ini kaedah yang diguna pakai.

Apa pun amat-amat berterima kasih kepada Kerajaan Arab Saudi kerana saban tahun sentiasa memberikan perhatian tinggi kepada Kerajaan Malaysia. Perhatian tinggi ini untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat semua tiap-tiap kali musim haji petang raya dia akan jemput pergi istana untuk ada majlis jamuan bersama dengan Raja. Ini tiap-tiap tahun berlaku dan dalam ucapan dia, dia tidak pernah lekang memuji Malaysia sebagai negara contoh dalam melaksanakan ibadat haji.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn juga telah menyarankan supaya gred gaji Pegawai Tadbir Agama Daerah (PTAD) dan Pegawai Syariah, dinaikkan agar selaras gred jawatan-jawatan lain dalam perkhidmatan awam. Pihak Jabatan Agama Islam (JAIN) dan juga Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) sedang meneliti untuk penaiktarafan perjawatan Pegawai Tadbir Agama Daerah zon dan jajahan. Bagi Pegawai Hal Ehwal Islam gred S44 ke S48. Gred perjawatan pada masa sekarang ialah S44 bagi daerah, zon dan juga jajahan yang luas. PHEI gred S41 bagi daerah, zon dan jajahan yang kecil.

Bagi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mencadangkan beberapa model penaiktarafan untuk diguna pakai oleh pihak JAIN dan SUK negeri dalam merangka model sesuai digunakan berdasarkan faktor keluasan daerah, zon dan juga jajahan populasi penduduk dan juga beban tugas yang dipertanggungjawabkan. JAKIM juga bertindak sebagai penyelarasan penaiktarafan tersebut untuk dipanjangkan kepada pihak JPA untuk pertimbangan dan kelulusan. Kertas cadangan tersebut mengguna pakai model penaiktarafan yang telah dicadangkan oleh pihak JAKIM.

Manakala bagi Pegawai Syariah pula skim yang dikhaskan untuk perjawatan Pegawai Syariah LS bagi Pegawai Undang-undang Syariah terdapat dua kategori perkhidmatan Pegawai Syariah di Malaysia iaitu Skim Perjawatan Pegawai Syariah guna sama persekutuan dan Skim Perjawatan Pegawai Syariah Negeri. Taraf gred skim perjawatan Pegawai Syariah adalah tertakluk kepada ketetapan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Ketika ini perjawatan Pegawai Syariah boleh ditempatkan untuk bertugas sebagai Pegawai Suluk, Pegawai Syarie di Jabatan Bantuan Guaman, Pegawai Penyelidik Hakim, Pegawai Pendakwa Syarie, Hakim, Pegawai Syariah di kementerian tertentu.

Pegawai Bahagian Sokongan Keluarga dan pegawai di Bahagian Pengurusan JKSM. Secara khusus berkenaan jawatan dibangkitkan itu Pegawai Pendakwa Syarie gred yang ditawarkan di setiap negeri LS41/LS44 Pegawai Pendakwa Syarie dan LS48/LS52 Pegawai Pendakwa Syarie. Manakala jawatan Pegawai Suluk gred yang ditawarkan ialah gred LS41 Pegawai Suluk, LS44 Pegawai Suluk Kanan.

Bagi jawatan hakim di Mahkamah Syariah pula gred yang ditawarkan untuk Hakim Mahkamah Rendah Syariah ialah gred LS44. Bagi Hakim Mahkamah Tinggi Syariah pula gred yang ditawarkan ialah LS48/LS52 dan LS54 Kanan. Tugas untuk menyelaras dan menyemak serta mencadangkan kepada pihak JPA berkaitan gred gaji Pegawai Syariah dipertanggungjawabkan kepada JKSM ataupun Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Oleh yang demikian pihak JKSM sejak penubuhan daripada tahun 1998 sentiasa berusaha mencadangkan agar pihak JPA agar taraf gred Pegawai Syariah khususnya hakim dinaik taraf. Hasilnya pada tahun 2003 gred jawatan Hakim Mahkamah Rendah Syariah dinaikkan daripada LS41 kepada LS44. Pada tahun 2004 pula gred jawatan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dinaik taraf dengan mewujudkan pelbagai gred mengikut kekananan iaitu LS48, LS52 dan LS54.

Fungsi JKSM untuk menyemak gred perjawatan Pegawai Syariah sentiasa dilaksanakan. Ketika ini juga pihak JKSM bersama beberapa jabatan kehakiman negeri yang lain telah menyediakan kertas cadangan peningkatan jawatan Pegawai Syariah khususnya Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan Ketua Hakim Syarie kepada taraf gred yang lebih tinggi dan juga wajar. Malah kertas cadangan bagi negeri Terengganu dan juga Perak telah diangkat untuk pertimbangan pihak JPA. Keputusan dan kelulusan menaik taraf gred jawatan masih dalam penelitian dan adalah tertakluk di bawah kuasa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Mengenai cadangan supaya dinaikkan elaun bilal dan juga siak. Sukacita dinyatakan selain daripada peruntukan mengikut negeri dan juga sama ada secara berkala ataupun tetap oleh kerajaan-kerajaan negeri. Kerajaan Persekutuan sedang berusaha secara serius bagi melihat secara mendalam dan terperinci bagi tujuan tersebut. Ini kerana ianya melibatkan jumlah masjid sebanyak 5,738 buah masjid mukim dan kariah seluruh negara dengan jumlah bilal dan siak ataupun noja seluruh negara adalah seramai 11,476 orang.

Tuan Yang di-Pertua Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn banyak Dato' ya, membangkitkan mengenai hotel-hotel yang masih gagal mematuhi piawaian halal JAKIM. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum permohonan sijil halal adalah bersifat terbuka dan menjadi hak pihak hotel sama ada untuk memohon atau tidak. JAKIM tidak mempunyai bidang kuasa untuk memaksa mana-mana hotel untuk memohon sijil halal tersebut. Oleh yang demikian JAKIM tidak dapat memastikan sesuatu hotel itu mematuhi piawaian halal atau tidak jika pihak hotel tersebut tidak memohon untuk mendapat sijil halal. Yang Berhormat juga bertanya adakah kerajaan bercadang mewajibkan semua hotel agar mempunyai sijil halal yang sah sebelum dibenarkan beroperasi.

Kerajaan berpandangan belum terdapat keperluan untuk mewajibkan hotel yang belum beroperasi untuk memiliki memohon sijil halal. Ini kerana proses pengauditan halal JAKIM mendahulukan proses audit dilaksanakan di premis hotel ataupun dapur hotel tersebut, termasuk memastikan bahan dan juga ramuan yang digunakan dalam masakan adalah menepati piawaian yang ditetapkan. Namun begitu JAKIM mempunyai senarai hotel yang mendapat pensijilalan halal untuk rujukan pengguna. Untuk memudahkan para pengguna terutamanya umat Islam mendapatkan info mengenai dapur hotel yang telah mendapat pengesahan halal daripada JAKIM, JAIN atau MAIN. Pengguna boleh melayari portal halal JAKIM di alamat www.halal.gov.my dan laman-laman web JAIN yang lain Jabatan Agama Islam yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Ng Fook Heng membangkitkan mengenai tempoh yang lama untuk mengeluarkan sijil halal. Kita mengakui bahawa di sana ada satu tempoh yang tertentu dan sedikit kelewatan pada tempoh awal pemulangan. Ini kerana baru-baru ini dipulangkan Halal Development Corporation (HDC) telah memulangkan peranan untuk mengeluarkan sijil halal kepada pihak JAKIM pada Ogos 2009 yang lalu. Namun begitu JAKIM telah mengambil beberapa langkah penambahbaikan bagi menyegerakan proses pensijilalan halal.

Antara langkah yang telah diambil:-

- (i) Permohonan melalui sistem *online* di sistem e-Halal;
- (ii) penetapan proses 30 hari maknanya dia tidak harus melebihi daripada tempoh tersebut selepas tarikh penerimaan bayaran untuk permohonan yang lengkap dan tidak mempunyai masalah;
- (iii) bekerjasama dengan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) bagi memproses permohonan di negeri mereka melalui penyeragaman sistem;
- (iv) mengadakan perjumpaan bersama pengusaha hotel dengan kerjasama pihak Kesatuan Pemilik Hotel Malaysia (MAH);
- (v) mengadakan *business reengineering process* (BPR) bersama dengan pihak MAMPU di mana kita berusaha untuk mematuhi. Sejak dahulu

kalau dahulu dua bulan sekarang ini tinggal sebulan untuk proses mendapatkan sijil halal.

Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim: Tuan Yang di-Pertua soal pensijilan logo halal ini sering dibincang sama ada di Dewan Rakyat dan juga di Dewan Negara. Persoalannya ialah apakah kerajaan sendiri bagi menguatkuasakan pensijilan ini bagi memastikan semua menjadi ikutan kepada setiap pengusaha ataupun pengendali hotel.

■1240

Adakah kerajaan sendiri bercadang memastikan bahawa setiap seminar, kursus dan sebagainya anjuran kerajaan mewajibkan dilaksanakan di hotel-hotel yang bertaraf halal bagi memastikan penggunaan secara meluas di dalam negara ini?

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Terima kasih Yang Berhormat Senator Ahmad Rusli. Memang menjadi salah satu daripada usaha yang secara bersama di antara JAKIM dan juga jabatan-jabatan agama Islam negeri dan termasuk kerajaan-kerajaan negeri memberikan arahan supaya kursus-kursus dibuat di hotel-hotel yang mempunyai sijil halal dan ini ke arah menggerakkan sebab *business strategy*. Oleh sebab itu menyebabkan hari ini kita tengok banyak hotel-hotel dan juga premis-premis makanan dan sebagainya walaupun tidak menjadi kewajipan wajib untuk mereka mendapatkan sijil ini, mereka berusaha mendapatkannya kerana ia merupakan satu nilai tambah kepada *marketing strategy* kepada restoran, hotel dan sebagainya.

Ini akan sentiasa berterusan di mana kita menguar-uarkan senarai nama dan seperti yang saya sebut tadi boleh dilayari dalam portal JAKIM untuk mengetahui hotel-hotel yang telah sedia ada sijil-sijil halal mereka bahkan kita bekerjasama dengan Persatuan Hotel-hotel Malaysia ataupun ringkasnya MAH untuk mereka memberikan taklimat. Dari semasa ke semasa perhubungan kita dengan Persatuan Hotel-hotel Malaysia (MAH) ini kita adakan untuk tujuan memberikan maklumat dan taklimat apa yang dimaksudkan dengan sijil halal dan bagaimana untuk tujuan mendapatkan ataupun memohon.

Bahkan yang lebih *advance* ada hotel, ada premis dan ada tempat-tempat lain yang menyediakan pegawai syariah yang ditempatkan di hotel atau tempat mereka. Jadi, ini merupakan satu nilai kesedaran yang semakin meningkat di kalangan masyarakat. Apa pun kita juga amat bergantung kepada kekuatan sijil halal ini kepada pindaan Akta Perihal Dagangan 1972 (APD) yang kita amat mengharapkan sesegera mungkin untuk dibentangkan di Parlimen untuk mendapat persetujuan diluluskan bagi APD 1972 diberikan dengan satu pembaharuan nilai tambah yang memberikan kesan ke arah penguatkuasaan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua..

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya mohon untuk mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan kepada gesaan-gesaan sebelum ini di pihak Dewan Rakyat mahupun Dewan Negara terdapat banyak cadangan agar pihak kerajaan khususnya JAKIM boleh mengeluarkan arahan dan garis panduan kepada semua jabatan kerajaan dan juga GLC bagi memastikan mana-mana kursus yang diadakan mesti dibuat di hotel yang halal. Adakah perkara ini bagi pendapat Yang Berhormat Menteri boleh kita laksanakan demi untuk mempercepatkan tindakan supaya semua hotel bagi memastikan mereka mempunyai dapur yang halal bagi kegunaan pegawai-pegawai awam dan juga kakitangan di GLC?Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Terima kasih dan memang sebagaimana Yang Berhormat Senator Mumtaz sebutkan tadi memang JAKIM mengeluarkan surat-surat seperti arahan untuk memaklumkan hotel-hotel yang mendapat sijil penarafan atau sijil halal tadi dan kemudian tempat ini digalakkan. Akan tetapi sedia maklum juga bahawa kita tidak boleh memaksa untuk orang lain berada di situ. Saya melihat strategi ini merupakan strategi yang saya rasa cukup baik kerana sebagaimana suatu ketika dahulu kita tengok bagaimana takaful sebagai contoh, ia tidak memaksa tetapi oleh kerana orang melihat kebaikannya maka ramai orang termasuk yang Muslim dan bukan Islam dan sebagainya juga terlibat dalam industri ini.

Begitu juga dengan pendekatan yang sedang kita jalankan. Dari semasa ke semasa kita akan melihat kalau keperluan kepada kewajipan dan sebagainya, ini hal yang akan dipertimbangkan kemudian. Akan tetapi saya berikan jaminan memang JAKIM sentiasa memberikan maklumat, arahan dan juga perkembangan hotel-hotel yang ada ini untuk supaya negeri-negeri dan juga Kerajaan Persekutuan mengadakan program di hotel-hotel yang mendapat sijil halal.

Yang Berhormat, mengenai dengan saranan agar JAKIM tidak memonopoli pengeluaran sijil halal. Saya suka memaklumkan sebenarnya tidak timbul soal monopoli ini kerana konsep Sijil Halal Malaysia bukanlah satu konsep perniagaan ataupun berorientasikan keuntungan. Saya maksudkan tidak berorientasikan keuntungan ini ialah kerana satu sijil untuk satu tahun itu untuk industri kecil cuma RM100 sahaja. Bagi industri sederhana adalah RM400 dan industri yang multi-nasional ia adalah RM700 setahun. Jadi bayangkan satu sijil yang kita hendak berikan itu memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak seperti KPDNKK, pegawai JAKIM termasuk daripada veterinar, Kementerian Kesihatan dan barang atau sampel yang dihantar itu kita perlu buat uji kaji. Jadi kalau sekiranya based kepada komersial kita tidak untung tetapi kita bimbang ada di sana syarikat-syarikat yang mendakwa mereka boleh mengeluarkan sijil daripada kumpulan swasta, ia tidak *test*, tidak *check*, tidak pergi tengok sampailah jauh lagi hendak bercakap soal pemantauan sebab ia tidak ada kuasa pemantauan.

Jadi saya mengharapkan supaya kita tidak disalahfahamkan atau *mislead* untuk memahami bahawa bukan kita memonopoli sebagaimana juga kita katakan Pejabat Pendaftaran

mengeluarkan sijil kelahiran, IC, pasport jadi tidak timbul soal monopoli. Kalau diberikan kepada orang sewenangnyanya, dia hantar sahaja borang lima minit kemudian sudah keluar sijil. Jadi kesahihan sebab ini melibatkan soal makanan yang memerlukan kepada kajian. *Ingredient* dalam itu mungkin kita terpaksa kecah kecilkan melalui *labs* tetapi kalangan-kalangan ini tidak mempunyai makmal atau pun *lab* yang mereka boleh adakan uji kaji. Oleh sebab itu tidak timbul soal kita monopoli dan pensijilan halal merupakan satu tuntutan agama dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan demi kepentingan umat Islam di negara ini.

Pensijilan Halal Malaysia bukan hanya dilaksanakan oleh JAKIM malah dilaksanakan juga oleh Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Ini kerana halal adalah tertakluk di bawah peruntukan agama Islam dalam Perlembagaan Malaysia yang mana Sultan-sultan merupakan Ketua Agama Islam Negeri. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pensijilan Halal Malaysia yang mengamalkan konsep '*Halalan Toyyiban*', bersih lagi suci turut melibatkan fungsi dan kepakaran agensi kerajaan lain seperti mana Kementerian Kesihatan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Jabatan Kimia Malaysia, Jabatan Standard Malaysia dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Maka tidak timbul isu di mana JAKIM memonopoli pensijilan halal di Malaysia kerana Pensijilan Halal Malaysia merupakan satu pelaksanaan tanggungjawab oleh kerajaan dengan menghimpunkan kepakaran dan autoriti pihak-pihak berkaitan bagi memastikan ianya dilaksanakan dengan baik dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya mengenai isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus Haji Abdullah. Yang Berhormat menyarankan agar JAKIM memantau kegiatan dakwah dan agama yang kurang produktif di masjid-masjid. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada dasarnya pentadbiran dan pengimarahkan masjid adalah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Walau bagaimanapun Kerajaan Persekutuan telah menyelaraskan dengan kerajaan negeri melalui Jabatan dan Majlis Agama Islam dengan menyediakan pelbagai program dakwah untuk mengimarahkan masjid-masjid di seluruh Malaysia. Salah satu contoh program yang dijalankan di masjid dan surau adalah mengadakan Program Kelas Pengajian Takmir di mana penyelarasan dan peruntukan kewangan dibiayai sepenuhnya oleh JAKIM. Manakala pelaksanaannya dijalankan di peringkat negeri.

Program Kelas Pengajian Takmir diperkenalkan oleh pihak JAKIM sejak tahun 1985 bagi tujuan membantu menyemarakkan lagi aktiviti pengimarahkan masjid dan surau yang kurang aktif. Pemantauan program tersebut dijalankan oleh Pegawai Penyelaras Takmir yang ditempatkan di negeri-negeri dengan kerjasama Pegawai Penyelaras Majlis Daerah (PPMD). Berdasarkan maklumat yang diperoleh sebanyak 7,531 masjid dan surau yang diimarahkan daripada jumlah keseluruhan masjid dan surau di seluruh negara iaitu 22,633 buah.

Mengenai saranan Yang Berhormat supaya masjid diberi perhatian dimaklumkan pada dasarnya kerajaan ada menyediakan peruntukan untuk memperbaiki dan menyelenggarakan

masjid-masjid yang uzur. Bagi tahun 2011 yang akan datang JAKIM telah mengemukakan permohonan kepada Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi tujuan baik pulih masjid-masjid seluruh negara. Walau bagaimanapun peruntukan tersebut akan diberikan berdasarkan kelulusan daripada ICU kepada masjid-masjid yang telah disenaraikan oleh pihak negeri kepada JAKIM. Ini amat bergantung kepada sokongan daripada negeri, masjid mana yang mereka hendak mengutamakan. Yang Berhormat juga menyarankan supaya bantuan kewangan diberikan kepada Majlis Masjid-Masjid seluruh Malaysia. Pada dasarnya kerajaan sentiasa memberi bantuan kewangan kepada bakal badan-badan bukan NGO Islam dalam menjalankan aktiviti dakwah bagi menyiarkan syiar Islam oleh NGO yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu sekiranya terdapat permohonan kita sedia untuk mempertimbangkan dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja..

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya mencelah sedikit Yang Berhormat.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Sila.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas perhatian yang diberikan terhadap beberapa saranan yang saya kemukakan dalam perdebatan bajet ini beberapa hari yang lalu.

■1250

Cuma dua perkara yang saya nak minta penjelasan lebih lanjut. Sebenarnya bila saya menyebut tentang perlunya diadakan pemantauan yang lebih teliti terhadap kegiatan-kegiatan dakwah di masjid itu, itu kerana ada pendakwah-pendakwah yang bersyarah itu kadang-kadang *counter productive* dan – minta maaf lah menggunakan perkataan – kerana ada orang menuduh seakan-akan ada penceramah-penceramah agama itu yang syok sendiri, tidak ada mengetahui tentang psikologi audiens dan seumpamanya dan menggunakan perkataan-perkataan yang kurang manis, menggunakan suara yang terlalu lantang yang memerlukan peningkatan kemahiran untuk berceramah. Itu maksud saya Yang Berhormat.

Mengenai masjid yang saya katakan itu, saya tertarik sebenarnya dengan sebuah masjid di Melaka yang merupakan sebuah masjid yang sudah tua tetapi tidak mendapat perhatian yang sewajarnya Saya percaya, banyak lagi masjid yang seumpama itu yang memerlukan perhatian yang lebih wajar. Barangkali ini bukan menjadi tanggungjawab kepada JAKIM sahaja, malahan juga barangkali jabatan muzium dan juga jabatan pelancongan.

Jadi, ia patut diberi perhatian. Saya secara spesifik saya merujuk kepada Masjid Kampung Hulu di Melaka yang mempunyai reputasi sebagai masjid yang baik dan bersejarah tetapi amat daif kelihatannya. Itu maksud saya Yang Berhormat. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dr. Firdaus yang telah membicarakan soal pemantauan masjid. Kita di JAKIM amat menyedari bahawa – memanglah agak sukar untuk kita menentukan kita punya penceramah, kita

punya pengkuliahan yang beri seminar sebab kadang-kadang kualiti masing-masing itu dia berbeza dan kadang-kadang selera pendengar itu pun juga berbeza. Ada selera pendengar yang memang dia suka yang jerit kuat-kuat. Yang Berhormat Yusof Husin mungkin lebih tahu, kata macam mana yang orang itu bercakap deras dia berasa sedap dengar. Ada juga yang dia tak minat.

Jadi, ini hal-hal yang agak sukar tetapi apa pun, kalau sampai melanggar batasan-batasan, kadang-kadang memberikan fakta yang tidak betul dan sebagainya, yang ini saya ingat jawatankuasa masjid ada peranannya untuk melaporkan dan juga memberitahu kepada pihak yang berwajib sebab kebanyakan mereka ini mendapat tauliah mengajar. Maklumat tauliah mengajar ini dikeluarkan oleh mufti negeri masing-masing, jabatan agama Islam negeri masing-masing. Ini satu hal dan memanglah saya sebutkan tadi kadang-kadang daripada penceramah ini, dia berdasarkan persepsi dia. Satu-satu ayat dan hadis itu, dia mengikut persepsi yang dihuraikan dan dihubungkan dengan isu-isu semasa dan ini mengikut persepsi masing-masing. Ini pun satu hal yang kadang-kadang boleh melukakan di antara kumpulan yang ada di masjid itu apatah lagi terdiri daripada pelbagai ideologi politik.

Jadi tentunya kalau dia berdiri atas *stand* ataupun atas pendirian untuk membawa ideologi politik yang dia pegang, jadi biasanya akan berlaku pertembungan pemikiran pada waktu itu.

Selain daripada itu juga – keduanya, saya juga akan mengambil perhatian tentang masjid – kalau tadi contoh Hulu Melaka kah yang sebagai masjid bersejarah yang mungkin bukan hanya – sebab, JAKIM dia dalam *authority* masjid yang di Wilayah Persekutuan. Itu pun ditanggung oleh JAWI tetapi yang di luar daripada itu kita akan –sebab, saya katakan tadi di bawah negeri tapi kita boleh bekerjasama dengan negeri supaya tengok masjid-masjid yang dianggap bersejarah dan sebagainya ini boleh diangkat untuk kepada negeri dan dipanjangkan kepada pihak JAKIM untuk mendapat bantuan dan juga mendapat bajet kalau sekiranya dibenarkan dalam bajet yang – mungkin tak tahun ini tetapi tahun akan datang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa...

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Mohon sikit penjelasan sebelum rumusan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Sebelum penggulungan oleh Yang Berhormat Menteri, kita nak sedikit penjelasan kerana kalau kita lihat kepada keadaan hari ini tentang halal itu tadi, kalau kita lihat, hotel baru sekitar 56, kemudian ada yang kita sahkan sebagai produknya sebagai pembekal makanannya dan juga *bread* nya tetapi belum kita sahkan sebagai rumah sembelihan. Jadi sebagai umumnya saya nak tanya sikitlah, apakah pendekatan kita? Kalau kita lihat kepada sudut fikah – kalau tak dilihat dari sudut fikah yang tepat, ia akan menyulitkan kehidupan kita. Jadi saya nak tanya sebab sebahagian daripada kediaman yang Ahli Dewan Negara tinggal juga tak termasuk dalam senarai yang disahkan halal ini.

Jadi buat masa ini, sebagai rumusannya, apakah kaedah yang kita hendak terima pakai? Kita nak tentukan wajib duduk di tempat yang memang halal sahaja kah ataupun yang belum disahkan haram ini boleh? Atau macam mana tentang hotel ini? Minta penjelasan sikit.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Terima kasih kepada Yang Berhormat Zamri. Sebelum penggulungan – bukan sebelum penggulungan, sebelum tutup. Dah gulung dah nak habis dah pun. Sebelum saya tutup kepada tentang sembelihan dan sebagainya tadi ini, kita amat fahamlah tentang makanan tetapi kita menggunakan pendekatan – dalam kaedah fikah, ia dipanggil untuk tujuan pengisbatan itu berbeza tetapi untuk tujuan yang lain daripada itu – dalam konteks muamalah kita ini, ia *aslu as syai' ibahah* ataupun dia gunakan kaedah asal suatu itu adalah merupakan harus. Jadi, jangan risau sangat apatah lagi kalau – saya tak dapat menyelami maksud rumah itu adakah rumah kita sendiri pun kita nak minta sijil halal.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Rumah sembelihan.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Ya?

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Belum ada rumah sembelihan yang disahkan. Mengenai hotel ini, belum ada rumah sembelihan yang disahkan.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Okey. Ia sebenarnya sudah ada dah sembelihan tapi saya ingat mungkin pasal ada maklumat yang tidak – sebab hotel pun bukan 56, kita ada pecahan-pecahan yang dikeluarkan oleh negeri dan sebagainya – lebih jauh daripada itu. Cumanya, kalau tadi ada tempat-tempat hotel, rumah sembelihan itu, ia biasanya ada sijil sembelihan. Ia belum ada sijil-sijil halal, ia mendapat sijil untuk menyembelih. Itu pun satu hal yang lain juga tapi bila sijil halal ini, ia mengandungi dua benda tadi yang saya sebutkan awal tadi, *halalan tayyiban* itu halal dan juga baik. Baik itu dalam pengertian kebersihannya, peraturan dan sebagainya yang dipatuhi. Akan tetapi apa pun, memang daripada semasa ke semasa kita bekerjasama dan memanglah kalau dalam soal sembelihan ini, orang Islam dan orang Melayu ini, kita amat sensitif dengan soal sembelih.

Oleh sebab itu saya pernah bawa cerita dahulu tentang orang tak kisah kalau ayam itu curi tapi bila dah curi, kawan yang curi itu dia pakat dengan kawan dia, dia kata kita kena sembelih dulu. Kawan dia kata tak payah sembelihlah, kita patahkan kepala pun jadilah – makan macam itu. Dia kata tak boleh, ayam tak sembelih haram makan tapi curi itu dia tak kira. Jadi apa pun, kita mengambil perhatian yang begitu tinggi untuk tujuan – portal kita itu kita akan tambah baik lagi. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Datuk Hajah Fatimah binti Hamat: Yang Berhormat Menteri.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Ada lagi?

Datuk Hajah Fatimah binti Hamat: Yang Berhormat Menteri, saya ingin mencelah. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Yang Berhormat Menteri, saya ingin mencelah

sedikit tentang pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran, hadis dan terjemahan oleh orang-orang yang bukan beragama Islam. Saya nak ulang sekali lagilah supaya semua pihak faham dan tidak terkeliru. Bagi pemikiran saya, orang yang kurang arif ini, saya rasa adalah tidak wajar sama sekalilah kita benarkan orang-orang yang bukan beragama Islam membaca Al-Quran, hadis dan tafsirannya khususnya di khalayak ramai supaya ianya tidak menimbulkan keraguan oleh orang-orang kita sendiri. Sekian, terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Terima kasih kepada Yang Berhormat Hajah Fatimah. Yang Berhormat, saya ingat tadi saya dah jawab dah soalan Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan tadi. Ini salah Yang Berhormat Datuk Rizuan sebab tak tolong maklumkan kepada Yang Berhormat Hajah Fatimah, pasal duduk sebelah kerusi sahaja. Apa pun, saya memang menyokong saranan tadi dan saya dah bacakan tadi bahawa JAKIM pada 3 Disember tahun ini dalam muzakarah fatwanya telah memberikan muzakarah fatwa – belum fatwa tetapi muzakarah fatwa. Muzakarah fatwa tidak membenarkan kalau sekiranya di sana tidak ada unsur-unsur yang tadi saya sebutkan iaitu unsur keikhlasan dan juga unsur keterbukaan untuk tujuan memang benar-benar untuk nak ayat itu dibaca, tetapi untuk tujuan kepentingan yang lain, ia tidak dibenarkan.

Untuk tujuan yang lain, bukan soal kita nak tak membolehkan orang tetapi nak menjaga keharmonian sesama Islam dan juga yang bukan Islam. Jangan nanti ada tafsiran persepsi yang lain yang menyebabkan keharmonian dan juga perhubungan kita yang baik ini tercalar kerana persepsi yang silap kerana yang kawan baca itu pun kadang-kadang bukan niat dia untuk baca terpesong tetapi oleh kerana dia tak faham, dia telah memesongkan dan yang satu pihak yang dengar pula akan marah dan akan berlaku pertembungan pemikiran dan juga mungkin bergaduh.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: *[Bangun]*

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Yang Berhormat Datuk Rizuan ada lagi nak tambah pula?

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Tadi Yang Berhormat Menteri cakap kerajaan negeri yang boleh ambil tindakan undang-undang. Macam di Wilayah Persekutuan, bolehlah kerajaan negeri bawah persekutuan tetapi ada setengah orang ini dia gila. Dalam politik ini dia banyak orang gila, dia kata kalau nak buat juga, pergilah negeri Selangor tak kena ambil tindakan. Pergilah Kedah atau Kelantan atau Penang. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, oleh kerana masa sudah cukup, terserah kepada Menteri sama ada ingin selesaikan sekarang ataupun sambung pada jam 2.30 petang. Saya kasihan tengok dua Menteri lagi menunggu daripada tadi.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Tuan Yang di-Pertua, saya akan selesaikan dengan Yang Berhormat Datuk Rizuan di luar nanti lah saya beritahu kepada dia sebab soalan itu saya fahamlah. Umpama orang kata, 'sudah siang lagikan bersuluhlah'. Jadi

untuk nak bagi peringatan kepada orang lain, jangan asyik sebut nak bawa ke negeri-negeri ini – ini dia ada pertembungan politik.

Akhirnya Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa itulah sebahagian daripada yang sempat saya jawab kepada persoalan-persoalan. Yang mana tak sempat dijawab, perkara tersebut telah dicatat dan akan diambil tindakan sewajarnya oleh Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih di atas kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini dan juga Tuan Yang di-Pertua dan juga agensi-agensi yang berkaitan. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah memberi jawapan yang bernas dan cukup memuaskan selama satu jam lebih. [*Tepuk*] Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang nanti.

Mesyuarat dtempohkan pada jam 1.01 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kita sambung dan dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada Jabatan Perdana Menteri.

2.32 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat petang, salam hormat, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2011, yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri amat menghargai, pandangan, teguran, saranan dan juga cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bermula dengan menjawab isu yang telah pun dibangkit oleh Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin yang menyarankan agar tindakan diambil terhadap pegawai kerajaan yang menjalani kehidupan mewah, tidak sepadan dengan gaji atau pendapatan mereka. Untuk makluman Yang Berhormat, setiap penjawat awam disyaratkan untuk mengisytiharkan harta yang dimiliki oleh mereka kepada ketua jabatan meliputi emolumen dan juga sumber-sumber kewangan serta harta dari punca pendapatan persendirian yang sah.

Langkah tersebut merupakan suatu mekanisme bagi mengelakkan penjawat awam melakukan salah laku termasuk menerima rasuah. Sekiranya ketua jabatan mendapati pengisytiharan harta tersebut meragukan, penjawat awam boleh diminta memberi penjelasan atau ketua jabatan membuat siasatan lanjut mengenai sumber pendapatan dan harta yang penjawat awam itu miliki. Penjawat awam boleh dikenakan tindakan tatatertib yang setimpal atau

didakwa di mahkamah sekiranya didapati wujud bukti bahawa mereka telah melakukan sesuatu kesalahan termasuk rasuah.

Manakala Seksyen 36, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 pula telah memperuntukkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) boleh mendapatkan maklumat ke atas pemilik harta yang berlebihan Tidak bersesuaian dengan emolumen sekiranya mempunyai alasan yang munasabah ke atas mana-mana pegawai awam yang disyaki terlibat dalam perbuatan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim membangkitkan tentang saiz perkhidmatan awam yang katanya begitu besar berbanding dengan jumlah penduduk Malaysia seramai 27 juta orang. Untuk makluman Yang Berhormat, JPA sentiasa mengambil langkah bagi merasionalisasikan saiz perkhidmatan awam dengan melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:-

- (i) mengkaji semula fungsi dan struktur setiap agensi supaya sejajar dengan matlamat penubuhannya;
- (ii) mengawal pewujudan jawatan baru melalui kaedah *redeployment* dan *trade-off* dengan izin, pemansuhan jawatan kosong dan jawatan jumud yang tidak mempunyai penyandang; dan
- (iii) penajajaran semula perkhidmatan-perkhidmatan melalui *job enlargement*, *job enrichment* dan *outsourcing* dengan izin, ke atas perkhidmatan yang tidak diperlukan secara sepenuh masa dalam perkhidmatan awam.

Yang Berhormat Datuk Majjol Mahap menyarankan agar kerajaan mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memastikan agar pegawai dari Sabah mengisi jawatan tertinggi Persekutuan di Sabah selaras dengan Perkara 8 dalam Perjanjian 20. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan bersedia menempatkan pegawai yang berasal dari negeri Sabah untuk berkhidmat di Jabatan-jabatan persekutuan di negeri Sabah termasuk mengisi jawatan-jawatan tertinggi. Contohnya sebagai ketua jabatan. Sehingga kini seramai 35 orang pegawai Sabah telah menyandang jawatan-jawatan tersebut. Kerajaan akan menimbang pegawai-pegawai Sabah lain yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan tersebut dari semasa ke semasa tertakluk kepada merit dan juga kesesuaian pemohon.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim juga ingin tahu kenapa jumlah penjawat awam di Jabatan Perdana Menteri (JPM) bertambah iaitu 21,000 orang pada tahun 2003 dan kini tahun 2010, bertambah kepada 43,544 orang. Untuk makluman Yang Berhormat, penambahan jumlah penjawat awam ini berbanding tahun 2003 adalah disebabkan oleh faktor-faktor berikut:-

- (i) pewujudan 16 jabatan ataupun agensi baru;
- (ii) kemasukan tiga agensi dari kementerian lain ke JPM berikutan penyusunan semula tugas kementerian; dan

- (iii) penstrukturan semula jabatan, agensi ataupun unit di bawah JPM kerana peluasan skop fungsi agensi dan pewujudan pejabat cawangan di negeri-negeri.

Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin juga membangkitkan tentang perbelanjaan JPM dan mencadangkan supaya semua agensi termasuk JPM melakukan perbelanjaan berhemat.

■1440

Untuk makluman Yang Berhormat, JPM telah menerapkan amalan perbelanjaan secara berhemat sebagai budaya yang perlu dihayati dan diamalkan oleh semua jabatan, bahagian dan agensi di bawahnya iaitu mengikut keperluan dan bukannya kemahuan. Pemakaian Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2008 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2008 mengenai garis panduan belanja berhemat sentiasa diterapkan untuk memastikan setiap aktiviti dan juga program dapat dilaksanakan dengan kos yang rendah tetapi memberi impak maksimum yang hendak dicapai. Semua program dan juga aktiviti perlu dikaji kewajarannya dan juga kos yang terlibat supaya tidak berlaku perbelanjaan yang tidak perlu. Sebenarnya tiada kenaikan Tuan Yang di-Pertua - kos sehingga 400% berlaku di JPM seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof juga mencadangkan agar pendaftaran pengundi dijalankan secara automatik terhadap warganegara yang layak. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat. Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan pendaftaran pemilih secara automatik bagi pengundi yang mencapai umur 21 tahun, kerana sebahagian besar rakyat Malaysia tidak tinggal di alamat yang tercatat di dalam kad pengenalan mereka. Jika dilaksanakan sistem pendaftaran pemilih secara automatik, ia akan memberikan implikasi yang besar kepada mereka yang terlibat, memandangkan mobiliti penduduk yang sangat tinggi ekoran berpindah alamat kediaman, pertukaran tempat kerja dan sebagainya.

Oleh kerana jumlah mereka yang tidak membuat pertukaran alamat pada kad pengenalan adalah tinggi, maka ini akan menyebabkan bilangan mereka yang akan didaftarkan di luar kawasan tempat mereka bermastautin juga adalah tinggi. Bahkan mungkin ada di antara mereka yang tidak tinggal lagi menetap di alamat tersebut serta tidak mempunyai ahli keluarga di alamat yang didaftarkan. Jika hal ini berlaku, ia akan menimbulkan kesulitan kepada pemilih itu sendiri. Contohnya, jika alamat yang tertera di dalam kad pengenalan ataupun yang terdapat di pangkalan data alamat di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menunjukkan bahawa seseorang pemilih itu menetap di sesuatu alamat tertentu, sedangkan pada hakikat sebenarnya beliau telah berpindah ke suatu tempat baru tetapi tidak membuat pertukaran alamat di JPN, maka seseorang pemilih itu akan didaftarkan berdasarkan alamat lama pada kad pengenalannya.

Peraturan pendaftaran automatik ini juga jika dilaksanakan amat bertentangan dengan kehendak Perlembagaan Persekutuan mengenai tempat mastautin sebenar pemilih berkenaan.

Jika berlaku pilihan raya, maka pemilih berkenaan akan menghadapi kesulitan untuk menentukan di pusat mengundi manakah beliau akan mengundi kerana namanya tidak disenaraikan di tempat mengundi beliau bermastautin. Jika ramai pemilih yang berpindah tempat tinggal tetapi tidak memaklumkan kepada JPM, adalah dikhuatiri pemilih tidak akan kembali mengundi jika pusat pengundi mereka terletak jauh dari mereka. Oleh itu...

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun ini. Adakah Yang Berhormat hendak bagi laluan?

Datuk Liew Vui Keong: Boleh, silakan.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Seperti mana yang berlaku sekarang di mana pendaftaran pemilih yang dilakukan oleh SPR atau agensinya termasuk PPP juga mendaftar dan mengikut alamat kad pengenalan. Sebagai contoh dalam pilihan raya 2008 yang lalu di Kedah, saya difahamkan lebih 100,000 orang pengundi luar kawasan yang tidak balik mengundi.

Kesan ini terasa sepertimana di Dun Belantik, 1,000 orang pengundi luar yang dikenal pasti orang PAS semua tidak balik mengundi kerana mereka berada di luar kawasan dan keadaan ini sebenarnya telah berlaku sekarang. Tidak ada perbezaan jika pendaftaran pemilih secara automatik dilaksanakan, di mana barangkali kerajaan boleh mengarahkan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, buat penjelasan sahaja. Apa yang hendak minta diperjelaskan sahaja.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Saya hendak minta penjelasan, adakah kerajaan tidak boleh membuat satu arahan supaya semua pemegang kad pengenalan hendaklah menukar kepada alamat di tempat yang mereka ada sekarang, dengan memberi tempoh masa tertentu dan pendaftaran pemilih secara automatik dapat dijalankan selepas itu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, okey.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat atas pandangan Yang Berhormat. Seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa mengundi pada pilihan raya kecil ataupun awam adalah tanggungjawab seseorang warganegara yang telah pun layak untuk mengundi. Jadi sekiranya mereka tidak balik mengundi, kerajaan pun tidak boleh paksa mereka untuk berbuat demikian. Itu adalah tanggungjawab seseorang warganegara yang telah pun berkelayakan untuk menjadi seorang pengundi. Jadi ini juga tanggungjawab Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini untuk memaklumkan kepada semua yang berkenaan bahawa apabila masanya tiba, balikhlah ke tempat yang di mana telah pun mereka daftar untuk mengundi dan balikhlah untuk mengundi untuk menjalankan tanggungjawab mereka masing-masing.

Jadi adalah menjadi satu kekhuatiran, peratus pemilih yang keluar mengundi itu tidak akan kembali. Jadi berasaskan kepada hakikat ini, maka SPR belum lagi bercadang untuk

membuat pendaftaran pemilih secara automatik. SPR senantiasa mengkaji cara yang lebih efektif dan juga akan mempertimbangkan pelbagai cadangan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi, untuk mempertingkatkan lagi dan juga menambah baik lagi kaedah pendaftaran yang sedia ada ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Majjol Mahap telah pun mendakwa terhadap kesilapan semasa penggubalan Perlembagaan Persekutuan dan minta Orang Asli dimasukkan dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan. Untuk makluman Yang Amat Berhormat, Fasal (1) Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa adalah menjadi tanggungjawab Yang Dipertuan Agong untuk melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan juga anak negeri mana-mana antara negeri Sabah dan juga Sarawak dan kepentingan kaum-kaum lain mengikut peruntukan perkara ini.

Oleh yang demikian, seseorang itu hanya layak menikmati keistimewaan-keistimewaan sebagaimana diperuntukkan di bawah Fasal (2) Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan sekiranya menemui kriteria sebagai orang 'Melayu' yang ditakrifkan di bawah Fasal (2) Perkara 160, Perlembagaan Persekutuan dan 'anak negeri' sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Fasal (6) Perkara 161A, Perlembagaan Persekutuan. Sementara itu menurut Fasal (2) Perkara 160, Perlembagaan Persekutuan - Orang Asli ditakrifkan sebagai Orang Asli Semenanjung Malaysia.

Selanjutnya seksyen 3(1) Akta Orang Asli 1954 yang dikenali sebagai [*Akta 134*] mentakrifkan Orang Asli sebagai:

- (i) mana-mana orang yang bapanya ialah anggota kumpulan etnik Orang Asli, yang bercakap bahasa Orang Asli dan lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli, dan termasuk seorang keturunan melalui jurai lelaki orang itu;
- (ii) mana-mana orang daripada mana-mana kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa bayi oleh Orang Asli yang telah dibesarkan sebagai seorang Orang Asli, lazimnya bercakap bahasa Orang Asli, lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli dan ialah anggota suatu masyarakat Orang Asli; atau
- (iii) anak daripada mana-mana penyatuan antara seorang perempuan Orang Asli dengan seorang lelaki daripada suatu kaum lain, dengan syarat bahawa anak itu lazimnya bercakap bahasa Orang Asli, lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli dan masih lagi menjadi anggota suatu masyarakat Orang Asli.

■1450

Jadi berdasarkan peruntukan-peruntukan di atas, Orang Asli tidak termasuk golongan yang layak diberikan kedudukan istimewa menurut Perkara 153 Perlembagaan.

Sebenarnya, tiada kesilapan berlaku semasa penggubalan Perlembagaan yang menyebabkan Orang Asli tidak dimasukkan dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan. Semasa pembentangan pindaan kepada Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan di Dewan Rakyat pada 15 Ogos 1963, Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu telah pun menyatakan seperti yang berikut. Dengan izin;

“Clause 62 provides that the provisions of Clauses (2) to (5) of Article 153, so far as they relate to the reservation of positions in the public service, shall apply in relation to natives of a Borneo States as they apply in relation to Malays. It also provides that in a Borneo State Article 153 shall have effect with the substitution of references to natives of the State for references to Malays and that no reservation of a fixed proportion of scholarships or other educational privileges shall be reserved for natives.”

Sungguhpun begitu, kerajaan sememangnya amat prihatin dengan kesejahteraan dan juga kebajikan Orang Asli. Walaupun tidak diberikan keistimewaan di bawah Perkara 153, kesejahteraan, kebajikan dan kepentingan Orang Asli tidak diketepikan. Ini kerana, sejarah menunjukkan kesejahteraan, kebajikan dan kepentingan Orang Asli...

Datuk Maijol Mahap: Mohon mencelah.

Datuk Liew Vui Keong: ...Diambil berat sejak...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Ada Yang Berhormat minta laluan.

Datuk Liew Vui Keong: Boleh saya tamatkan perenggan ini dahulu, Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat. Yang Berhormat Datuk tunggu dulu.

Datuk Maijol Mahap: Ya.

Datuk Liew Vui Keong: Ini kerana sejarah menunjukkan kesejahteraan, kebajikan dan juga kepentingan Orang Asli diambil berat sejak sebelum Perang Dunia Kedua lagi dengan penggubalan *The Aboriginal Tribes Enactment* 1939 oleh Kerajaan Perak. Kerajaan Tanah Melayu seterusnya mengambil langkah memperluaskan pemakaian enakmen tersebut secara keseluruhan di Tanah Melayu dengan menggubal Akta Orang Asli 1954 pada tahun 1953.

Silakan, Yang Berhormat.

Datuk Maijol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya memahami tentang penerangan yang begitu panjang lebar mengenai dengan kedudukan Orang Asli dalam Perlembagaan kita secara khususnya Akta 153. Perdana Menteri telah membuat *cross references* dengan izin dengan begitu banyak artikel. *Some article* dalam Perlembagaan yang menunjukkan bahawa tidak ada keraguan mengenai kedudukan Orang Asli.

Akan tetapi apa yang saya ingin katakan dan ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah kalaulah semangat Perlembagaan itu khususnya Artikel 153 itu memang merangkumi Orang Asli, tidakkah mudah dahulu memasukkan sahaja Orang Asli itu tanpa membuat huraian dan juga *cross references*. Kadang-kadang bukan semua orang mengerti itu. Yang mengerti peguam-peguamnya dan orang-orang yang berpendidikan. Orang biasa tidak mengerti yang merujuk sana, merujuk sini. Barulah kita dapat jawapan. Tidakkah mudah kalau tulis sahaja Orang Asli bersama-sama orang Melayu, *native* Sabah dan Sarawak. Lebih mudah bagi pendapat saya. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Maijol. Walaupun terdapat ramai orang yang bukan peguam yang mungkin tidak faham dengan Perlembagaan dan juga undang-undang yang tertakluk di Perlembagaan ini, tetapi sejauh mana yang kita tahu bahawa undang-undang yang sedia ada di negara ini memang telah pun menjamin keistimewaan dan juga kesejahteraan kepada Orang-orang Asli. Ini tidak payah dikelirukan oleh sesiapa pun.

The spirit of the constitution and the law give protection and privileges to the Orang Asli. Ini boleh dirujuk kepada Rang Undang-undang Orang Asli 1953 Tuan Yang di-Pertua di mana objek dan sebab rang undang-undang tersebut digubal adalah seperti yang berikut. Dengan izin;

“Objects and reasons for Rang Undang-undang Orang Asli 1953; comprehensive legislation for the protection of the Aborigines of Malaya is lacking; The Government of Perak passed an enactment in 1939 and it is on the initiative of the Government of Kelantan, which submitted a draft bill to apply to that state only, that this bill has now been drafted without approval of all the other state and settlement government. The bill seeks to ensure that tribal organization and way of life of the aboriginal peoples of Malays shall be protected from the too rapid advance of civilization and from unscrupulous exploitation and the same time provide facilities for their education and for their development along the lines best suited to them. It is proposed that executive power under the bill will be vested in the Ruler in Council of Malay States and the High Commissioner in Nominated Council in the settlements; in general the bill follows The Aboriginal Tribes Enactment 1939 of Perak”.

Jadi selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kepentingan Orang Asli mengatasi kepentingan orang Melayu terutamanya dalam hal perizaban tanah Orang Asli. Dalam hal itu, huraian kepada rang undang-undang memperuntukkan seperti berikut. Dengan izin;

“Clause 6 and 7 seeks to provided for the creation of the Aboriginal areas and Aboriginal reserve and to ordain the consequences thereof. These consequences include that no Malay reservations shall be created in Aboriginal area or reserve; that no sanctuary for wild animals of forest reserve shall be

declared within them; and that within them alienation of land shall in general be limited to Aborigines.

Clause 9 seeks to preserve the rights of the Aboriginal communities within areas declared to be the Malay reservations if they were resident in them when the reservation was created.

Clause 10 prohibited that alienation of state or Crown land upon which fruit or rubber trees are grown without consulting the local aborigine and if they can establish ownership, compensating them. It happens time to time that Aborigines clear an area and plant it with rubber or fruit trees and then wander to another area intending to return to reap the crops later”.

Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai Orang Asli ini panjang lagi. Jadi saya di sini akan memberi jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat kerana saya rasa setakat ini telah pun mencukupi untuk...

Tuan Yang di-Pertua: Cukup. Cukup, Yang Berhormat. Cukup, cukup.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih. Saya akan terus kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok mengenai kes-kes rasuah.

Beliau ingin mengetahui dalam masa lima tahun lalu, berapakah kes rasuah mengikut kategori disiasat, didakwa dan juga dijatuhkan hukuman oleh mahkamah. Beliau juga ingin mengetahui punca suatu kes tersebut tidak didakwa atau dijatuhkan hukuman oleh mahkamah. Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang tahun 2006 sehingga bulan November tahun ini, sebanyak 6,178 kertas siasatan dibuka dan seramai 1,060 orang telah dituduh di mahkamah. Dalam tempoh yang sama, sejumlah 464 orang telah disabitkan di mahkamah.

Di antara punca kes rasuah tidak didakwa di mahkamah ialah kekurangan keterangan dan bukti yang diperolehi dalam sesuatu siasatan menyebabkan keterangan yang diperolehi tidak menemui *ingredient* dengan izin ataupun kesalahan rasuah di bawah peruntukan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Seterusnya tidak menunjukkan kepada tahap *prima-facie* dengan izin, untuk membawa kes ke mahkamah. Manakala antara punca kes tidak disabitkan kesalahan dan dijatuhkan hukuman di mahkamah adalah kerana beban pembuktian yang terletak di bahu pihak pendakwaan adalah melampaui batasan keraguan yang munasabah, *beyond rational doubt* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Manakala pihak pembelaan hanya perlu menimbulkan keraguan yang munasabah walau sekelumit mana pun untuk mendapatkan pelepasan dan pembebasan iaitu *raising reasonable doubt*, Tuan Yang di-Pertua.

■1500

Jadi antara punca perkara ini berlaku adalah saksi-saksi pendakwaan tidak memberikan keterangan yang konsisten dan bercanggah dengan kenyataan yang diberikan semasa penyiasatan, dan mereka telah pun dikatakan *turn off style* apabila mereka memberi keterangan di mahkamah. Dalam perkara substantif dengan kenyataan mereka kepada SPRM. Jadi terdapat

juga saksi-saksi yang enggan memberi keterangan langsung serta mengelak daripada hadir ke mahkamah.

Jadi ada juga saksi yang berpaling tadah kerana yang tertuduh adalah pihak yang berkepentingan dengannya, atau saksi takut atau keterangannya boleh mendatangkan implikasi yang negatif terhadap diri dan mata pencariannya. Kebanyakan kes rasuah yang melibatkan dua pihak berkepentingan di mana si pemberi dan penerima rasuah boleh beroleh keuntungan ataupun *victimless crime* dengan izin, berbanding dengan jenayah-jenayah lain yang mana mangsa yang terlibat akan lebih konsisten dalam memberi keterangan mereka.

Jadi dengan itu Tuan Yang di-Pertua, ada lagi satu soalan yang telah pun dibangkitkan...

Puan Chew Lee Giok: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat boleh mencelah?

Datuk Liew Vui Keong: Ya, silakan.

Puan Chew Lee Giok: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk. Di sini saya ingin bertanya apakah kaedah-kaedah yang akan diambil oleh kerajaan bagi mengurangkan kes rasuah ini. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Seperti Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan telah pun melancarkan satu konsep yang dikenali NKRA, di mana rasuah ini adalah yang kedua dalam teras NKRA ini, di mana kerajaan telah pun berjanji untuk membanteras rasuah ini selain daripada jenayah. Selain daripada itu, kerajaan telah pun menubuhkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi menggantikan agensi rasuah pada 1 Januari 2009, dan pada masa yang sama juga telah memperkenalkan akta-akta seperti Akta Perlindungan Saksi dan juga Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010. Pada masa yang sama juga, kerajaan telah menubuhkan 19 mahkamah rasuah untuk mendengar kes-kes rasuah sahaja di negara ini. Ini semua adalah inisiatif-inisiatif yang telah diambil oleh kerajaan untuk memerangi rasuah. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, bahawa Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 telah pun dilaksanakan pada 15 Disember bulan ini.

Akta ini melindungi mereka yang ada maklumat mengenai seseorang di mana mereka ada maklumat yang tidak wajar terhadap mereka dan boleh melaporkan tindakan tidak wajar kepada penguat kuasa agensi dalam sesebuah organisasi. Selain daripada itu, mereka juga boleh melaporkan tingkah-laku yang tidak dibenarkan dari segi undang-undang. Ini semua inisiatif kerajaan untuk memastikan bahawa masyarakat kita di negara ini akan dapat terus lebih berkesan, lebih berkualiti dan *corrupt free*. Ini adalah inisiatif kerajaan dan kita perlu semua kerjasama daripada pihak rakyat dan bukan ini sahaja inisiatif yang diberikan kerajaan, tetapi kita perlu semua pihak untuk bersama-sama memerangi rasuah daripada masyarakat kita. Jadi dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana telah mengambil bahagian...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun ni.

Datuk Liew Vui Keong: Boleh, silakan.

Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kita cukup memahami tugas SPRM yang gigih melaksanakan pendakwaan, dan kita juga sedar dengan penjelasan daripada pihak kerajaan ada beberapa kes yang tidak mempunyai bukti yang cukup dan sebagainya, terlepas daripada kes pendakwaan itu. Persoalan yang saya hendak kemukakan Tuan Yang di-Pertua adalah, kita sedar bahawa pendakwaan, penyiasatan dan juga liputan daripada media ini. Rakyat umumnya dapat mengetahui siapa yang ditahan, didakwa dan disiasat.

Jawapan daripada pihak kerajaan tadi juga menjelaskan ada yang terlepas, persoalannya apakah pihak kerajaan bercadang menggunakan satu mekanisme tertentu setelah kes itu selesai dan pihak yang terlibat terlepas misalnya untuk mencari satu jalan ataupun alternatif bagi membersihkan nama-nama mereka itu? Ini kerana reputasi mereka yang didakwa, ditahan, disiasat dan sebagainya, bukan sahaja kepada diri mereka yang terlibat tetapi juga melibatkan keluarga dan sahabat handai dan sebagainya. Apakah ada satu jalan alternatif untuk memberikan suatu dengan izin *clearance*, sebagai membersihkan nama baik mereka-mereka yang terlepas ini.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas soalan ini. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, apabila seseorang tertuduh sudah terlepas daripada pertuduhan di mahkamah, tertuduh itu telah pun dibebaskan daripada tuduhannya, itulah satu kemenangan dan juga kebebasan yang diperolehi oleh tertuduh. *That is* dia punya *innocent*, *innocent* telah pun dibuktikan dari mahkamah tidak bersalah. Jadi sekiranya tertuduh ingin mengambil tindakan sivil terhadap pengadu dalam kes itu, terpulang kepada tertuduh untuk membuat demikian kerana undang-undang memberikan tertuduh kebebasan untuk mengambil tindakan seperti *defamation* ataupun yang berkenaan terhadap pengadu yang telah pun memberi keterangan yang tidak elok, seperti saman malu.

Saya ingin menjelaskan lagi di sini iaitu bahawa apabila seseorang tertuduh di mahkamah atas apa-apa kesalahan sahaja, profesional pertama yang akan mereka lantik sebagai pembela mereka ialah peguam bela. Jadi kadangkala terhadap juga tertuduh dalam kes-kes yang berprofil tinggi telah pun disabit tidak bersalah daripada mahkamah. Ini menunjukkan bahawa, mereka telah melantik seorang peguam bela yang hebat. Jadi apabila seorang tertuduh yang berprofil tinggi, mereka mampu untuk melantik seorang peguam dan diperuntukkan dalam Perlembagaan kita, bahawa tertuduh bebas untuk melantik seseorang peguam untuk membela mereka. Jadi peguam ini boleh datang daripada Negara-negara Komanwel, termasuk Queen Counsel, *this is only a matter of course* - sama ada tertuduh boleh ataupun mampu menggaji mereka ini untuk membela mereka di mahkamah Malaysia ini.

Kebiasaannya apabila tertuduh melantik peguam-peguam yang terkenal ini, peguam yang terkenal ini kena bayar dengan *fees* yang besar, jadi mereka kena buktikan kepada *client* mereka bahawa mereka mesti boleh menang dalam kes itu. Itu tidak mengatakan bahawa pihak

pendakwaan tidak menjalankan tugas mereka. Seperti yang saya katakan tadi bahawa pihak pembelaan hanya perlu untuk membuktikan – membela kes mereka untuk memberikan satu bebanan kepada mereka iaitu atas kes keraguan. *That is to prove the innocent of the crime of reasonable doubt.* Itu sahaja. Di mana pendakwaan kena membuktikan kes *beyond reasonable doubt.*

■1510

So, sekiranya dalam sesuatu kes di mana hakim apabila untuk menjatuhkan hukuman ada keraguan dalam fikirannya bahawa tertuduh ini tidak bersalah. Dia akan bebaskan tertuduh. *That is the principle of* kita punya *criminal system.* Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habis Yang Berhormat?

Datuk Liew Vui Keong: Dengan itu...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Datuk Liew Vui Keong: Tidak mengapalah Yang Berhormat Datuk Akbar bin Ali.

Datuk Akbar bin Ali: Pendek sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Tolong ringkas dan padat Yang Berhormat.

Datuk Akbar bin Ali: Okey. Ini ada kaitan dengan Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati menimbulkan mengenai kemudahan untuk Senator. Saya jangkakan di bawah bidang kuasa Yang Berhormat Datuk dan saya tidak pasti ada jawapannya. Cuma saya hendak tambah apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati. Bilakah kemudahan persaraan untuk pegawai kerajaan dipanjangkan juga kepada Yang Berhormat Dewan Rakyat, Dewan Negara dan juga Dewan Undangan Negeri? Itu sahaja, yang telah diluluskan pada awal tahun lepas. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Akbar bin Ali. Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut Perkara 45(3) Perlembagaan Persekutuan tempoh jawatan seseorang Ahli Dewan Negara ialah tiga tahun dan manakala Perkara 45(3A) pula menghadkan tempoh perkhidmatan seseorang Ahli Dewan Negara kepada dua penggal sahaja. Jadi kerajaan berpendapat bahawa tempoh perkhidmatan yang dihadkan maksimum dua penggal iaitu selama enam tahun adalah memadai bagi seseorang yang dilantik sebagai Ahli Dewan Negara untuk menyumbang bakti kepada negara.

Berhubung dengan kenaikan elaun dan semua itu kerajaan bersedia menimbang untuk mengkaji cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator dan akan – namun dalam berbuat demikian, kedudukan kewangan kerajaan mesti akan diutamakan. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua saya berterima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat...

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Mohon sedikit laluan. Ada sedikit lagi penjelasan.

Datuk Liew Vui Keong: Okey, boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Satu, akhir sekali.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Yang akhir. Saya ada sebut dalam perbahasan tentang dua perkara yang berkaitan dengan undang-undang tetapi satu kita sudah dapat maklumanlah tentang laporan Datuk Mat Zain itu. Akan tetapi, tentang laporan kerugian MAS. Saya rasa tidak disebut tadi atau mungkin di bawah bidang kuasa orang lain. Jikalau di bawah bidang kuasa yang sama mungkin kita hendak tahulah laporan yang dibuat oleh MAS sendiri.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya rasa itu mungkin dalam bidang Menteri Kewangan untuk membuat jawapan kepada Yang Berhormat. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua saya rasa itu sahajalah perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai dengan tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri yang sempat saya jawab dan mana-mana perkara yang tidak sempat saya jawab, perkara tersebut telah dicatat dan akan diambil perhatian serta tindakan sewajarnya oleh Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Dato' Devamany.

3.13 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memulakan mukadimah dengan salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2011. Saya akan cuba jelaskan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang menyentuh bidang tugas secara khusus mengenai Unit Perancang Ekonomi, Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) dan PEMANDU.

Soalan ataupun topik yang mendapat perhatian ialah Talent Corporation. Di mana lima Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan perkara itu, iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Haji Riduan bin Abd. Hamid, Yang Berhormat Senator Ramakrishnan a/l Suppiah, Yang Berhormat Senator Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff, Yang Berhormat Senator Dato' Sri Dr. Mohd. Effandi bin Norwawi dan Yang Berhormat Senator Paul Kong Sing Chu. Maka tiga perkara yang telah disentuh mengenai Talent Corporation adalah mengenai:

- (i) punca kenapa begitu ramai rakyat dan juga pelajar yang telah keluar daripada Malaysia dan enggan kembali;
- (ii) apakah cara-cara dan kaedah usaha yang akan diambil untuk menarik mereka masuk ke dalam Malaysia; dan
- (iii) apakah pendekatan-pendekatan lain yang akan bakal digunakan untuk memperkasa golongan-golongan ini supaya datang ke sini.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab begitu ramai Ahli Yang Berhormat minat mengenai perkara ini, izinkan saya mengambil masa sedikit untuk menjelaskan Talent

Corporation ini. Pertama, Talent Corporation ini baru ditubuhkan akan hanya berfungsi pada bulan Januari 2011. Sebanyak RM30 juta telah diperuntukkan tahun depan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh *rolling plan* pertama dan baru ditubuhkan Jawatankuasanya, iaitu *Interim Committee* yang akan bertugas mulai Januari. Baru-baru ini 20 orang golongan-golongan cendekiawan dan juga ahli-ahli korporat telah dimasukkan dalam satu *lab* untuk membicarakan cara-cara dan kaedah yang bakal dibuat.

Segala cadangan Yang Berhormat itu akan kita masukkan, tetapi untuk makluman Yang Berhormat punca berlakunya masalah ini adalah kerana liberalisasi dan globalisasi. Di mana sempadan tidak lagi menjadi satu isu untuk modal insan menerokai peluang. Maka ini adalah bukan fenomena di sini. Singapura telah menarik begitu banyak golongan-golongan korporat dan juga akademik ke dalamnya untuk menjana ekonomi. Ini adalah satu budaya seluruh dunia *it is universal phenomena*, dengan izin. Maka tahap kualiti hidup juga menjadi isu dan juga pendidikan di Malaysia.

Keupayaan dan kapasiti pendapatan tinggi juga menjadi isu kerana kita terperangkap dalam *middle income trap* selama dua setengah dekad. Di mana graduannya kalau dulunya dapat RM2,500 sekarang RM2,000. Sedangkan harga inflasi telah meningkat begitu tinggi, maka itu sebabnya dalam Model Baru Ekonomi salah satu hala tuju utama dan induk adalah pendapatan tinggi *high income economy*. Di mana kita mensasarkan supaya rakyat akan dapat RM15,000 setahun US. Itulah hasrat kita iaitu RM50,000 setahun. Lebih kurang RM5,000 seorang sebulan. Itu barulah kita capai ke peringkat itu. Ini juga menjadi isu di mana ramai yang keluar dan keupayaan kapasiti pendapatan tinggi ini perlu diperkasa.

Faktor menolak itu kerana birokrasi, kita ada masalah meritokrasi, iklim dan ekosistem pembangunan kita kerana rakyat sekarang sudah banyak berpendidikan tinggi Tuan Yang di-Pertua. Ramai daripada mereka mahukan keselesaan dari segi perumahan, keselamatan, banyak terpaksa gunakan CCTV, kita kena gunakan pengawal keselamatan, *gated community* ini semua lambang di mana negara perlu lebih selamat. Segala faktor-faktor ini menjadi isu di mana kita perlu perkasakan.

Baru-baru ini saya telah pergi bersama Yang Berhormat Dato' Seri Liow, dengan Yang Berhormat Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek ke Dublin dan London untuk berbicara dengan pelajar-pelajar kita dan kita sempat berjumpa dengan hampir 30 pakar-pakar perubatan yang bekerja, daripadanya 95% bumiputera orang Melayu, pelajar-pelajar Melayu, pakar-pakar yang belum keluar, tidak mahu keluar untuk balik ke Malaysia.

So, kami tanya mereka kenapa tidak mahu balik? Isunya R&D. R&D di mana mereka boleh mencapai tahap kecemerlangan kerana peralatan teknologi yang begitu tinggi di sana dan juga proses iklim belajar yang begitu senang. Dia kata di sini *working hours* kita terlalu membebankan, maka dengan serta-merta Yang Berhormat Dato' Seri Liow *respond* dan beliau katakan boleh masuk *entry point* kepada JUSA ataupun peringkat 54 dan sebagainya. Inilah

pengistilahan yang perlu kita buat dan itulah sebabnya Talent Corporation diwujudkan untuk melihat di mana kita boleh memberi kelonggaran. Di mana kita perlu ubahsuai segala perkara-perkara yang ada yang menjadi penyekat kepada pembangunan ini.

Usaha menarik pula banyak. Talent Corporation akan menjadi satu pemangkin untuk mengurus kemasukan secara teliti dan teratur. Kita punya kajian pada tahun 2000, kita baru buat kajian, dahulu ada EPU buat pada tahun 2007 dapat makluman daripada luar. Hampir 734,000 orang keluar daripada tahun 2000, tetapi sekarang sudah tahun 2010 mungkin 1.3 juta dan kita kena tengok kategori mana yang keluar. Kategori mana yang tidak mahu masuk. Ini semua perlu penelitian yang jitu baru kita boleh buat langkah-langkah yang spesifik untuk mengatasi masalah. Itu sebabnya kita wujudnya Talent Corporation.

Persekitaran kondusif itu sebabnya Model Baru Ekonomi mewujudkan satu suasana yang berbeza untuk menjadikan kita dapat kompetitif di peringkat antarabangsa.

■ 1520

Kalau tidak kita tidak boleh. Mengapakah Singapura dapat menjanakannya dan mengapakah kita tidak boleh? Perkara-perkara ini bukan senang. Itu semua 12 sektor telah dikenal pasti dalam sektor-sektor tertentu untuk *Economy Transformation Plan*, dengan izin. Berapakah orang pekerja yang kita perlu? *Innovations* menjadi induk utama dalam pembangunan. Itulah lebih kurangnya...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan yang ringkas sahaja. Di samping memujuk pakar-pakar ini balik ke negeri kita, kalau pujukan itu gagal, adakah atau tidak difikirkan satu formula lain, formula menang-menang? Yang mana mereka barangkali boleh kekal di negara tempat mereka merantau tetapi pada masa yang sama, difikirkan satu cara, gaya, kaedah yang mana dia dapat memberikan khidmat kepada kita dengan segala kemudahan komunikasi sekarang sama ada komunikasi transportasi, komunikasi, perhubungan melalui telekomunikasi, atau mungkin difikirkan satu formula menang-menang.

Okeylah, kalau mereka tidak hendak pulang tidak mengapa. Biar mereka kekal di sana tetapi kata orang mengekalkan – Ini kalau boleh saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua, satu pepatah orang tua mengatakan, 'Tidak salah beralih tegak, asal di tanah yang sebingkah, tidak salah beralih duduk, tikar sehelai'. Tikarnya untuk Malaysia, tanahnya tetap Malaysia ke mana-mana sahaja mereka merantau. Tidak apa-apa. Terima kasih.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih dan saya terharu mendengar pepatah itu. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tepat sekali apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator. Itulah kaedah baru. Landasan yang akan diguna pakai adalah nasionalisme. Kadang-kadang ada pakar-pakar yang perlu ada di luar negara supaya mereka seperti mana

yang berlaku di negeri India, NASA dan juga *silicon valley* telah membantu menjana kecendekiawanan dan intelektualisme yang begitu tinggi Tuan Yang di-Pertua sehingga apabila mereka pulang ke negara asal mereka, mereka telah mentransformasikan ekonomi dengan begitu dahsyat sekali. Itulah yang tepat sekali. Mereka boleh bermastautin di sana tetapi keupayaan mental mereka kita janakan dengan rangkaian *virtual* yang kita ada. Itu yang menjadi landasan utama. Inilah salah satu reformasi yang bakal akan dibuat dalam *Talent Corporations* dan pas residen akan diberi kerana orang sudah pergi. Dia tidak lagi menjadi warganegara tetapi dia akan tetap dapat duduk di sini dengan pas residen. Beberapa idea-idea baru telah diwujudkan. Terima kasih dan itu akan menjadi...

Tuan Khoo Soo Seang: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencelah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan. Saya ingin berikan peringatan kepada Ahli Yang Berhormat semua, masa kita terhad dan ada banyak kementerian lagi yang perlu menjawab. Kalau boleh sama-sama kita menghargai, menghayati supaya masa itu cepat dan padat, jawapan Menteri pun kalau boleh macam itu jugalah. Silakan.

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Akan tetapi sambil kita berusaha bersusah-payah untuk menarik semula *talents* dari luar negara, apakah usaha kerajaan untuk memastikan tidak ada keciciran *talent* daripada negara kita? Semasa saya berbahas, saya pernah memberikan dua contoh. Misalnya setiap tahun, kerajaan Singapura akan ambil *talent* daripada sekolah kita yang selepas sekolah rendah, yang terbaik akan diberikan biasiswa di Singapura.

Baru-baru ini ada satu kes yang saya sebut pada hari itu. Ada seorang pegawai daripada kerajaan Singapura, dia kebetulan menghadiri sebuah majlis untuk menyampaikan hadiah kepada pemenang satu pertandingan robot, mereka cipta robot. Apabila dia dapati bahawa pemuda-pemuda itu daripada sebuah sekolah menengah di Pulau Pinang begitu *talented*, serta-merta dia berikan kad kepada pelajar itu sambil berkata ; "*Selepas habis sekolah menengah, boleh jumpa saya pada bila-bila masa. Pilih mana-mana universiti di Singapura, pilih apa-apa kursus yang awak hendak. Saya jamin*". Mengapakah kita sendiri tidak boleh buat seperti itu? Kerajaan kita tidak boleh. Kita biarkan kita punya *talent* tercicir daripada negara sambil kita selepas itu cuba hendak menarik balik.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Baik. Saya menyambut baik saranan Yang Berhormat Senator. Pertama, negara Singapura dua juta lebih. Kita 27.5 juta mengikut statistik terakhir dari **SENSOR**, kependudukan kita. So, lainnya, berbeza. Negaranya kecil, pendapatan per kapitanya tinggi. Orang hendak pergi ke sana. Maka, sukar kita hendak bandingkan. Akan tetapi, kita akan cuba untuk menahan, memberikan biasiswa lebih banyak, pinjaman PTPTN supaya mereka kekal di sini Tuan Yang di-Pertua. Berbilion-bilion JPA beri. Maka, itulah saya rasa tidak perlu kita banyak bincangkan mengenai ini.

Saya terus pergi ke isu seterusnya mengenai...

Datuk Akbar bin Ali: Mohon. Pendek sahaja soalan, Tuan Yang di-Pertua. Mohon. Boleh saya tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri magnitud masalah *brain drain* ini kerana mengikut statistik yang saya ada, *based on international migration*, setiap 36 orang penduduk Malaysia, seorang yang *migrate* keluar. Setiap 18 orang penduduk Singapura, seorang keluar. Setiap 15 orang penduduk UK, seorang keluar. Maknanya itu seolah-olah masalah tidak begitu besar di Malaysia. Akan tetapi bagaimana hendak menangani ini?

Kedua, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut pasal R&D tadi. Saya setuju R&D adalah penjanjannya. Berapakah jumlah berbanding peratus GDP peruntukan R&D untuk negara kita? *As a percentage in GDP*. Terima kasih.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: R&D sudah mendapat tempat utama. Ini kerana salah satu model baru ekonomi, elemennya ialah untuk inovasi dan kreativiti. Ini menjadi tunjang daripada enam perkara utama yang ini menjadi tunjang. Maka, R&D mendapat tempat tetapi dahulunya melalui MOSTI tetapi ia punya penkomersialan R&D nya begitu lembap sekali. Itu sebab kita adakan sekarang *National Innovation Council* (NIC) dan bahawa naungan JPM yang mana ada satu jawatankuasa tersendiri untuk melihat bagaimana mengharmonikan R&D dan juga komponen komersial. Itu satu dan bagaimana membawa *talents* daripada luar, pakar-pakar saintis daripada luar. Ini juga akan dimasukkan dalam pelbagai koridor dan pelbagai cara yang bakal kita buat dalam ETP. Akan tetapi tidak ada satu jumlah yang khusus tetapi dimasukkan dalam pelbagai - Saya tidak ada angkanya sekarang.

Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua kerana saya perlu cepat. Baik, seterusnya ...

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Kita akan bincang mengenai - Cukuplah.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Boleh? Saya hendak bertanya sebab saya tidak puas hati.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Oh! Okey.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Kalau tidak puas hati, perlu bertanya. Betul atau tidak?

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Boleh.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Saya ada bangkitkan soal dalam *Talent Corporations* ini. Program *brain drain* ini selepas itu kita jadikan *Talent Corporations*. Ada kes-kes tertentu, pakar-pakar daripada luar negeri rakyat Malaysia dipujuk balik kemudian mengajar ratusan, ribuan penuntut di universiti, hospital misalnya.

Akan tetapi, lama-kelamaan, mereka rasa diboikot oleh pensyarah tempatan. Ada kes. Ini saya dapat daripada sumber dalaman. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak tahu. Saya ingin bertanya mengapakah mereka ini tidak dijaga? Mengapakah dengan sikap pensyarah-pensyarah tempatan ini menyebabkan mereka cabut lari? Orang ini bagus, bertugas,

sanggup tinggalkan ratusan ribu ringgit sebulan di luar negara balik bekerja, tiba-tiba dia cabut balik ke negara asal tempat dia bertugas. Apakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah sikap manusia. Kalau ada masalah *insecurity*. Ada masalah ego maka nasionalisme akan pudar. Kita berdoalah bahawa golongan ini akan lebih terbuka dan hilangkan budaya *little Napoleon* ini. Kita berdoa kerana modal insan dalam agama pun memberitahu bahawa kita perlu bina mereka barulah betul. Akan tetapi sayang, dalam kalangan intelektualisme, ada golongan seperti ini. Saya ucapkan takziah kepada mereka.

Kita teruskan Tuan Yang di-Pertua mengenai pembangunan wilayah.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Oh! Ada lagi. Ya.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Salah satu sebab kenapa talent pergi ke luar negara dan tidak mahu balik, alasan yang diberi ditulis dalam surat khabar ialah mereka dakwa sebab yang pertama ialah rasuah yang terlampau, dasar perkauman dalam semua aspek kerajaan dan sistem pendidikan yang tidak berkualiti. Apa pendapat Timbalan Menteri?

■1530

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, agaknya kalau perkara tanggapan-tanggapan dan sangkaan itu tidak perlu jawab Yang Berhormat, cukup.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Kita berdoa tidak ada yang macam itu. Jika ada pun kita kurangkan. Baik kita teruskan Tuan Yang di-Pertua, soalnya adalah mengenai pembangunan wilayah, empat Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengemukakan soalan-soalan yang berkaitan dengan pembangunan wilayah.

Pertama, Senator Dr. Syed Husin Ali bertanyakan mengapa Sabah terpinggir dalam pembangunan. Saya rasa Sabah tidak dipinggirkan kerana kalau kita bandingkan dengan apa yang rakyat Sabah dan Sarawak dapat ini untuk Rancangan Malaysia Kesepuluh sahaja – saya ada banyak angka-angka di sini hampir RM4 bilion diperuntukkan untuk pelbagai program di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu Sabah Development Corporation, IMTGT dengan BIMP, EAGA itu kerjasama di antara Indonesia – Malaysia – Thailand dengan Brunei dan Indonesia.

Seterusnya juga pembangunan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) ada juga hampir RM3 bilion yang akan dibelanjakan untuk pembangunan jalan, elektrik, air dan juga untuk mengatasi masalah kemiskinan. Seterusnya projek-projek khusus untuk menjana kapasiti agropolitan dan sebagainya pun ada lebih hampir RM51 juta. Maka, kalau ada yang mengatakan bahawa rakyat Sabah dipinggirkan, saya rasa tidak berapa betul. Tolong lihat www.pemandu.com.my untuk melihat apakah projek-projek di Sabah dan berapakah jumlahnya kerana sukar untuk saya beri butiran-butiran di sini.

Kedua juga dari Senator Dr. Syed Husin Ali dan Yang Senator Puan Doris Sophia juga telah membawa isu ini mengenai Sarawak - Sama juga iaitu mengapa Sarawak dipinggirkan dari segi pembangunan. Di Sarawak pula Tuan Yang di-Pertua, saya ingin katakan di sini jumlah keseluruhan untuk Rancangan Malaysia Kesepuluh pelan pertama dua tahun sahaja RM3.37 bilion akan dibelanjakan. Butiran-butiran yang begitu banyak sekali pertama melalui pertama koridor, kedua melalui kementerian, ketiga melalui PEMANDU, NKRA dan juga ETP. NKRA dan NKEA begitu banyak sekali contohnya RM1.67 juta peruntukan untuk Sarawak bagi jalan luar bandar sahaja sepanjang 903 kilometer akan dibina.

Seterusnya soalan wilayah ini juga ditanyakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff mengenai agihan peruntukan pembangunan koridor. Untuk makluman Yang Berhormat, beliau telah bertanya mengenai mengapakah JPM pula menjadi penjana atau penyelaras koridor dan mengapa tidak di peringkat negeri dan kementerian yang seharusnya menjadi pelaksana. Untuk makluman Yang Berhormat, koridor ini berbeza dengan kementerian Tuan Yang di-Pertua. Kementerian akan mendapat maklum balas daripada agensi-agensi di peringkat daerah dan akan dibawa semua senarai-senarai mengikut jabatan-jabatan dan akan dikumpulkan dan dihantar ke ICU untuk melihat apakah keperluan di peringkat akar umbi.

Akan tetapi peranan koridor adalah untuk menjadi pemudah cara atau fasilitator untuk menjana sektor swasta. Kementerian itu untuk rakyat tetapi yang ini untuk sektor swasta. Jadi peranannya berbeza sama seperti PEMANDU sekarang. Skop koridor yang telah bermula di Iskandar pada tahun 2006, selepas itu di perkasa di koridor-koridor lain pada tahun 2008 dan menjadi akta Parlimen. Model yang sama telah dijana semula sebagai Model Ekonomi Baru melalui PEMANDU sekarang kerana nampak sukses. Itu sebabnya kita tengok kalau kadang-kadang perlu untuk buat jalan untuk satu *industrial park* yang dibina – Dia buat bagi jalan. Kemudian *facilitate* sahaja tetapi dia akan bawa berbilion ringgit pelaburan swasta, itu bezanya.

So, peranan perlu diketahui mengapa ada koridor, PEMANDU, kemudian ada kementerian dan negeri, berkecamuk sedikit tetapi saya rasa peranan masing-masing berbeza-beza. So itulah makluman, maka JPM hanya akan menjadi penyelaras untuk membantu. Ia sama seperti sekarang di dalam Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) kita ada *facilitation fund* di mana kerajaan akan beri 10% daripada jumlah pelaburan yang dibawa oleh syarikat swasta sebanyak RM100 juta lebih. Jikalau ada mereka bawa, 10% akan dibawa sebagai *facilitation fund*, itu caranya seperti John Hawkins University baru-baru ini dan banyak lagi yang dibawa ini.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi telah menanyakan mengenai adakah Kelantan dianaktirikan kerana Kelantan tiada infrastruktur pelabuhan, lapangan terbang antarabangsa dan lebuh raya. Saya rasa tohmahan itu suatu yang silap dan salah. Okey, untuk makluman Yang Berhormat tadi, Kelantan telah mendapat banyak sokongan sebenarnya. Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1997 kerajaan bersetuju dengan

Kerajaan Negeri Kelantan untuk membuat konsesi dengan memberi konsesi untuk syarikat swasta untuk pelabuhan di daerah Tumpat. Akan tetapi sampai sekarang konsesi itu tidak jalan dan tidak diambil kerana keupayaan kapasiti perniagaan di situ tidak ada. Maka selepas 10 tahun konsesi itu telah dibatalkan sendiri oleh kerajaan negeri.

Kedua, Unit Perancangan Ekonomi Kelantan pula meluluskan sebuah pelabuhan secara penswastan di Tok Bali dan itu pun tidak menjadi kerana pada November 2009, UKAS telah bersetuju untuk memberi *facilitation fund* untuk projek ini. Maka oleh sebab tidak ada maklum balas sampai sekarang, perkara itu tertangguh. Peruntukkan sebanyak RM248.5 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh untuk pembinaan jalan negeri Kelantan telah diadakan. Baru-baru ini, kerajaan telah meluluskan RM4.6 bilion – Maaf, RM4.748 bilion untuk *central spine road* di mana negeri Kelantan sahaja akan mendapat sebanyak 132 kilometer daripada Kuala Krai sampai Mentara – ia ada *four lane, a dual carriage way* seperti *highway* sekarang sebelah dua jalan sebelah lagi dua jalan. Maka ini akan menembusi kawasan-kawasan luar bandar. Maka adalah salah untuk kita mengatakan kita menganaktirikan Kelantan kerana rakyat Kelantan adalah rakyat kita. Orang miskin di sana 40% tetap akan dibela nasib mereka. Maka tohmahan itu perlulah diberhentikan dan dapatkan maklumat dahulu.

Mengenai Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) bagi pembangunan wilayah ini, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman dan juga empat Ahli-ahli Yang Berhormat telah menanyakan soalan. Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman telah menanyakan mengenai penerangan jelas jumlah pelaburan koridor, berapakah di dalam koridor ini. Saya begitu gembira kerana dahulu orang tidak banyak bercerita tentang koridor ini, mereka tidak tahu. Akan tetapi koridor telah menjana begitu banyak wang berbilion ringgit sebagai pelaburan.

Untuk makluman Yang Berhormat, perkembangan koridor telah dipopularkan – dia kata mengapa penerangan tidak berapa jelas dan orang tidak tahu mengenai koridor ini. Untuk makluman Yang Berhormat, media cetak, laman web, media cetak, radio, pusat perkhidmatan setempat *one stop center* (OSC), program kemasyarakatan hari terbuka dan lawatan pemimpin telah diadakan. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi koridor yang telah menarik jumlah komited Foreign Direct Investment (FDI) sebanyak RM257.18 bilion sudah komited atau ia hampir suku trilion.

Berkenaan *domestic investment* (DI) juga berjumlah RM250 bilion setakat bulan November ini, maka Iskandar RM68 bilion, koridor utara RM40 bilion, Acer RM30 bilion, SDC RM32 bilion dan SKOR Sarawak RM88 bilion. Itulah jumlahnya dan butiran-butiran yang terlalu *detail* kerana Tuan Yang di-Pertua minta saya cepat, saya lajulah macam ekspres rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Maksud saya Yang Berhormat, cepat, ringkas dan tepat. Namun jangan lupa soalan-soalan yang dibangkitkan itu mesti dijawab.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Mesti jawab, oleh sebab itu saya beri ringkas dan kalau hendak *detail* sangat angka-angka ini boleh dapatkan daripada saya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Betul tidak, kerana kita tidak perlu baca *detailnya*.

■ 1540

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim telah menanyakan mengenai status projek Legoland. Ini Legoland ini *interesting* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Taman ini terletak di Medini di Iskandar Malaysia. Saya telah melawat projek ini dua bulan yang lalu. Projek ini adalah projek yang begitu besar sekali yang dijadualkan akan siap pada tahun 2012. Taman ini adalah taman bersepadu yang melibatkan 40 interaktif – *rollercoaster*, persembahan, pertunjukan, pusat membeli-belah, pejabat, hotel, *apartment* dan juga perumahan – seluas 51 hektar. Inilah yang terbesar di Asia. Di depannya sekarang ini sudah ada Universiti Newcastle.

Contohnya saya beritahu Tuan Yang di-Pertua, Ledang Heights iaitu satu taman perumahan yang dibina di depannya. Pada tahun lalu, 400,000 rumah, sekarang ini 800,000 rumah – dalam tempoh setahun. Bayangkan ia punya *impact* pembangunan yang berlaku. Ramai rakyat Singapura datang beli rumah-rumah UEM di Nusajaya sekarang. Maka, saya rasa inilah yang membawa *economic impact* ke kawasan ini. Anggarannya adalah 1.5 juta pelancong yang akan mengunjungi Legoland ini. Kosnya ialah RM750 juta.

Untuk soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat bin Yusop, pembangunan strategik projek seperti Greater Kuala Lumpur dan Sungai Buloh – beliau ingin tahu adakah rakyat tempatan akan dapat keuntungan dari segi pekerjaan dan perjawatan. Sudah tentunya, Tuan Yang di-Pertua. Dua hari yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan projek Mass Rapid Transit yang memperuntukkan RM36 bilion untuk pembangunan dan pengambilan tanah sebanyak RM9 bilion. Jumlah keseluruhannya RM45 bilion. Bayangkan projek ini – berapa besarnya dan berapakah jumlah pekerja yang akan dijanakan pendapatan. Dianggarkan, 5,000 orang akan dapat pekerjaan dan pendapatannya adalah antara RM4,100 sehingga RM5,000 – gaji yang bakal diberi kepada pekerja secara puratanya. Dan KWSP akan jadi peneraju utama. Hampir 12 juta pencarum akan dapat keuntungan daripada projek ini.

Mengenai soalan pengagihan, ada dua orang Ahli Yang Berhormat yang telah menanyakan soalan pengagihan. Pertama, Yang Berhormat Akbar Ali yang menanyakan mengenai penubuhan Suruhanjaya Diraja. Soalannya begitu berbeza sedikit iaitu untuk mengkaji taraf sosioekonomi masyarakat kita selepas Dasar Ekonomi Baru tamat dan apabila Model Baru Ekonomi dilaksanakan. Sudah bermula Model Baru Ekonomi.

Untuk makluman Yang Berhormat, denyutan asal konsep serampang dua mata iaitu membasmi kemiskinan dan juga menyusun masyarakat, dan program *affirmative* memang ada kesinambungannya sehingga sekarang. Belum lagi Malaysia menjadi satu medan di mana *level*

playing field boleh diwujudkan dalam penjanaaan sosioekonomi Malaysia. Maka itu, denyutan itu kita terima. Maka, apakah mekanisme yang diwujudkan?

Pertama, prinsip pengagihan itu disambung melalui Dasar Pembangunan Negara (DPN), selepas itu Dasar Wawasan Negara, selepas itu adalah Misi Nasional dan sekarang Model Baru Ekonomi. Akan tetapi, konsep asal itu mengambil kira dasar-dasar yang telah dikatakan tadi. Maka, adalah pandangan kami bahawa kita tidak perlu mengadakan satu Suruhanjaya Diraja kerana prinsip baru adalah dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *need based, transparent, merit based* dan *market friendly*. Empat perkara ini, dan ini adalah dalam konteks *intra* dan *inter* – antara kaum dan dalam kaum.

Katakan kaum bumiputera, golongan itu juga perlu melihat bagaimana kita hendak *gap* di dalam kaum itu sendiri perlu dikurangkan – apakah masalah. Adakah memberi bantuan kebajikan atau membina kapasiti? Banyak lagi perkara kalau kita hendak masuk lagi ke dalam mekanisme bagaimana kita hendak wujudkan satu *level playing field* dalam keadaan itu. Maka, itulah lebih kurang pandangan kerajaan.

Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz telah menanya mengenai...

Datuk Akbar bin Ali: Boleh saya mencelah?

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Ya.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masalahnya Yang Berhormat Timbalan Menteri, seperti mana yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri, *database* tentang sosioekonomi bagi semua kaum tidak ada sekarang. Jadi, eloklah ia diwujudkan supaya kita mengetahui kedudukan semasa tahun 1970, tahun 1990 dan sekarang, supaya kita tahu kedudukan dan tahu bagaimana hendak melonjakkan lagi dan mengimbangi apa yang dikatakan *inter* dan *intra inequalities* tadi dengan izin, dan apa-apa kekurangan boleh dibaiki. Masalahnya, *database* itu tidak ada sekarang. Terima kasih.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, saya terima cadangan daripada Yang Berhormat tadi. Kita sudah mula budaya data ini – dahulu kita tertinggal sedikitlah. Yang Berhormat pun sendiri kerja di Jabatan Perangkaan tahulah hal-hal ini. Pertama, *cursor* yang kita baru buat itu lebih *detail* untuk melihat balik data-data ini dan kedua, e-kasih. Pertama kali kita wujudkan e-kasih untuk memerangkap semua orang yang miskin di bawah peringkat pendapatan begini – dahulu tidak ada – supaya pengkategorian itu boleh dilakukan secara jitu seperti mana yang dikatakan – untuk digunakan sebagai *planning mechanism* yang lebih jitu. Terima kasih.

Saya teruskan dengan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz yang balik kepada pengeluaran minyak. Ini isu Kelantan balik Tuan Yang di-Pertua. Ia tertinggi, namun masih miskin. Sabah, Sarawak, Kelantan dan Terengganu pengeluar minyak tertinggi tetapi masih dalam keadaan miskin.

Untuk makluman Yang Berhormat, saya ingin mengatakan di sini bahawa statistik kemiskinan semakin berkurangan berbanding dengan tahun 1970 ketika Dasar Ekonomi Baru baru bermula. Untuk Sabah contohnya, maklumat yang ingin saya berikan adalah 23.5% pada tahun 1999, sekarang 19.2%. Sarawak pula 10.9% kepada 4.7%. Kemudian Terengganu pula daripada 27% kepada 4% sekarang dan Kelantan pula daripada 25.2% telah turun kepada 4.8%.

Kita tidak boleh katakan bahawa kemiskinan tidak menurun, tetapi kita terima bahawa dari segi wilayah masih perlu di perkasa lagi dari segi pembangunan. Itu sebabnya koridor telah dimulakan di mana Koridor Timur itu adalah melibatkan Kelantan, Terengganu dan Pahang. Bukan sahaja di persekitaran bandar-bandar tetapi juga diberi tumpuan kepada luar bandar seperti kawasan – contohnya Pahang – Kuala Lipis, Bentong, Raub di mana jauh ketinggalan. Itu sebab *center spine route* ingin dibuat, dibina supaya kawasan ini akan terbongkar untuk aktiviti ekonomi dan sebagainya. So itulah – salah satu contohnya ialah koridor.

Selain daripada itu, dalam NKRA, golongan pendapatan rendah dan infrastruktur luar bandar telah mendapat tempat utama dalam peruntukan kewangan. Maka, program-program pembasmian kemiskinan juga sekarang sudah menjadi inti kepada pembangunan NKRA di mana program latihan pendidikan, program pinjaman mikro kredit, program-program bantuan perumahan dan pembangunan infrastruktur kemudahan asas untuk golongan miskin tanpa mengira lokasi. Itu yang dibuat melalui...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada seorang bangun.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya hendak mencelah sedikit. Saya rasa cadangan yang dikemukakan oleh... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Tekan semula Yang Berhormat, tekan semula.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Akbar Ali tadi tidak dijawab dengan tuntas oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apa yang beliau hendak ialah supaya usaha-usaha yang telus dan sungguh-sungguh diadakan kembali, dihidupkan kembali untuk memantau perkembangan sosioekonomi setiap kaum. Untuk ini, boleh tidak jaminan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri diberi di sini bahawa sejenis badan seperti SERU yang sudah hilang serunya kira-kira – SERU ini dimatikan dalam tahun 1980an, dihidupkan kembali?

Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa sewaktu Dasar Ekonomi Baru dimulakan, memang ada satu badan untuk memantau pertumbuhan atau perkembangan atau perubahan sosioekonomi antara kaum dan *intra* kaum ini, tetapi ini yang tidak ada. Jadi, mungkin ada alasan mengatakan bahawa ini diadakan secara diam-diam tetapi yang kita mahu ialah suatu badan yang telus seperti SERU di suatu waktu dahulu.

Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan bahawa badan seperti 'SERU' itu akan dihidupkan semula? Terima kasih.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi penerangan kepada Yang Berhormat tadi. Saya rasa kalau sebuah negara dilandaskan atas nama kepalsuan, tidak akan berjaya seperti Malaysia dalam tempoh 53 tahun, saya rasa kita ada kekurangan, saya tidak kata kita *perfect* ada kekurangan. Akan tetapi saya yakin bahawa di ICU dan EPU, mekanisme pemantauan ini tetap ada, dan sekarang pula PEMANDU dan SPP II yang diwujudkan untuk mendapatkan semua data ini dari segi impak di peringkat bawah. Cuma dari segi pelaksanaan di peringkat akar umbi mungkin ada kekurangan dan di peringkat penyelarasan dari bawah ke atas, saya setuju.

Akan tetapi saya tidak boleh beri jaminan bahawa segala-galanya *perfect*, kerana tidak ada insan yang *perfect* di dunia. Maka kita akan cuba, cuma yang penting itu adakah model pembangunan yang kita telah uar-uarkan ini ikhlas? Saya yakin itu ikhlas dan Perdana Menteri bekerja kuat, saya tahu kerana saya terlibat dalam proses ini, sehingga malam Tuan Yang di-Pertua, kerana saya rasa model ini bagus, kita ubah. Dinamisme itu ada, itulah ya, saya pun kongsi perasaan Yang Berhormat kerana saya tahu sejarah Yang Berhormat adalah pejuang golongan dari zaman dahulu, Universiti Malaya dan sebagainya. Maka seterusnya Tuan Yang di-Pertua ...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, boleh berhenti sekejap ada satu usul yang hendak dikemukakan.

Tuan S.K. Devamany: Boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

3.52 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Dr. Wee Ka Siong]:Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.00 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Selasa, 21 Disember 2010.”

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah dipersetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Dalam perkara ini Yang Berhormat, saya minta kerjasama semua pihak tetapi sebagaimana yang saya katakan dahulu bahawa kita di dalam Dewan Negara yang mulia ini mesti bertanggungjawab. Maknanya soalan yang tidak berpuas hati boleh diteruskan, asalkan semua bekerjasama dan saya minta kalau kita sampai pukul 12.00 malam pun jangan balik, jangan tinggal tiga, empat orang sahaja. Saya hendakkan semua pegawai komited di atas sesuatu keputusan yang buat. Sekian terima kasih.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Baik Tuan Yang di-Pertua, saya kembali kepada soalan yang diajukan oleh Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat mengenai galakan dan mekanisme memajukan sektor perkhidmatan. Saya juga mengingatkan bahawa sektor perkhidmatan akan mendapat tempat utama di dalam Model Baru Ekonomi. Selalunya ada kekeliruan, yang mana dahulu menggunakan Model Ekonomi Baru dan sekarang menggunakan Model Baru Ekonomi, saya setujulah konsep hukum dahulu menerangkan dalam linguistik bahasa.

Maka galakan sektor perkhidmatan diutamakan, kalau kita dapat lihat daripada 12 sektor yang akan menjadi sektor utama Program Transformasi Ekonomi, hampir lapan sektor adalah sektor perkhidmatan. Contohnya dengan izin, *oil, gas, energy industry and advancing green technology* Tuan Yang di-Pertua, sektor pertanian, pelancongan, komunikasi informasi dan juga sektor berkaitan di dalam koridor sendiri, semuanya adalah memberikan tumpuan kepada sektor perkhidmatan.

Adalah dijangkakan Tuan Yang di-Pertua, sumbangan sektor perkhidmatan kepada KDNK adalah 58% dan pada tahun 2015 akan menjadi 61%, maka apakah cara kita menggalakkan, beliau ingin tahu apakah mekanisme untuk memajukan sektor ini. Pertama melalui Skim Pinjaman Mudah bagi sektor perkhidmatan sebanyak RM200 juta telah diperuntukkan untuk Rancangan Malaysia Kesepuluh, *rolling* pelan pertama.

Kedua, meluaskan pasaran eksport dengan memberikan bantuan promosi eksport oleh MATRADE, kemudian insentif bagi latihan penyelidikan dan pembangunan R&D, pengecualian cukai taraf perintis, *Investment Tax Allowance* dengan izin, oleh MIDA dan mekanisme seterusnya adalah liberalisasi sektor perkhidmatan melalui Perjanjian Rangka Kerja ASEAN bagi perkhidmatan AFAS dan juga Pertubuhan Perdagangan Dunia, WTO dan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA). Bagi AFAS, liberalisasi dilaksanakan untuk 128 subsektor dan juga MADA ataupun MATRADE telah menyediakan RM20 juta untuk SME dan mana-mana pihak

yang ingin membuat pameran perkhidmatan di luar negara, untuk mempopularkan produk-produk daripada Malaysia.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, soalnya adalah mengenai tenaga yang telah diajukan oleh Senator Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim iaitu beliau ingin tahu mengenai bagaimanakah persediaan Malaysia untuk menghadapi kehabisan sumber petroleum. Saya ingat soalan ini menarik juga Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Petronas merupakan sebuah institusi yang telah memulakan jauh lebih awal dan 30% daripada pendapatan datang daripada pelaburan dari luar negara. Rangkaian kita berada di Afrika, Amerika Selatan, Timur Tengah dan juga negara-negara lain di Asia. Maka bukan sahaja di Malaysia, kita telah membuat projek cari gali di serata dunia dan model ini amat berjaya. Pertama, kita kena buat persediaan di peringkat dalaman dan luaran.

Untuk itu Tuan Yang di-Pertua, Dasar Tenaga Baru dan penstrukturan semula subsidi harga gas bagi sektor elektrik dan bukan elektrik akan disemak semula setiap enam bulan, kerana itu kita dapat rasionalisasi harga-harga subsidi, salah satu daripadanya minyak, Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini ada peningkatan lima sen, peringkat demi peringkat kita subsidi secara *direct* dan tidak langsung, RM74 bilion. Sesebuah negara tidak boleh menanggung sehebat ini, itu sebabnya kita buat.

Pendekatan penyahgandingan atau *decoupling* untuk menetapkan harga tenaga akan dilaksanakan untuk memperincikan nilai subsidi dengan *bill* tenaga pengguna. Jaminan bekalan tenaga akan dipertingkatkan melalui pembangunan sumber tenaga alternatif, contohnya pertama sekali kita lihat tenaga hidro, tenaga nuklear, pengimportan arang batu dan Gas Asli Cecair (LNG), maka ini satu yang penting. Seterusnya *renewable energy* akan menjadi satu aspek penting khususnya BIOMAS, biogas, sisa pepejal perbadanan, mini hidro, solar dan penghasilan *biofuel*. Maka teknologi hijau juga akan dijanakan dengan begitu hebat untuk memastikan bahawa kita tidak terperangkap dengan ini.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, rizab kita sekarang ini bagi minyak mentah adalah pada masa kini 5.4 bilion, 22 tahun boleh tahan dan untuk gas asli ini kita boleh bertahan kerana kita mempunyai 89 trilion kaki padu TSCF iaitu selama 39 tahun. Maka okey lagi itu, tidak teruk sangat. Kita boleh bertahan tiga dekad lagi tetapi dalam tiga dekad Tuan Yang di-Pertua, teknologi akan canggih, mungkin kita boleh cari lain contohnya LED..., bukan begitu? Baik, kita teruskan Tuan Yang di-Pertua, soalan seterusnya adalah mengenai...

Datuk Akbar bin Ali: Mohon sedikit Tuan Yang di-Pertua. Mohon izin Yang Berhormat, sedikit sahaja.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Gas...

Datuk Akbar bin Ali: Yang Berhormat tadi ada menyebut satu e-Kasih dan satu lagi skim subsidi.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Akbar bin Ali: Ya, Yang Berhormat sebutkan tadi. Saya hendak tanya bilakah pelaksanaan kenaikan harga ini betul-betul tidak membebankan orang miskin yang di dalam senarai e-Kasih, supaya kenaikan harga ini dibayar oleh syarikat-syarikat besar serta orang kaya. Di bawah e-Kasih tadi, mereka tidak terkena tempias kenaikan harga ini, bilakah hendak dilaksanakan seperti itu? Terima kasih.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, kepada Yang Berhormat telah mula tetapi belum ke peringkat yang tinggilah. Kerana fokusnya *need base*. Katakan ada orang kaya, rumah yang dibeli murah 5% ke bawah ataupun minyak yang dijual itu seorang yang membawa Mercedes itu mempunyai harga tertentu. Apabila duit tersebut kita dapat jimatkan. Kita boleh menggunakannya, katakan RM800 juta dijimatkan dari kenaikan 5 sen ini.

■ 1600

Kita akan gunakan ini untuk membantu golongan yang memerlukan. *So*, itu cara ia - *rationalization of subsidy*. Akan kita bantu gunakan duit ini untuk memperkasakan mereka dari segi infrastruktur, perumahan, pendidikan dan pelbagai aspek lain modal insan. Itu prosesnya. Akan tetapi di bawah cara makro - cara makro. *So, planning mechanism* akan berubah. Saya nampak begitulah Yang Berhormat. Mungkin kita boleh bincang di luar kerana kita kesuntukan masa. *Debate* ini akan panjanglah kerana terlalu luas.

Baik kita teruskan dengan soalan PEMANDU. PEMANDU ini, Dato' Sri Idris Jala penjananya. Baik, yang pertama soalnya adalah dari Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi. Beliau dahulu Menteri EPU. Pertama adalah penekanan GTP, ETP dan EPP. *Government Transformation Plan (GTP)*, *Economic Transformation Plan (ETP)* dan *Entry Point Projects (EPP)*. 131 telah diperkenalkan di bawah ETP kepada kawasan luar bandar, fokusnya luar bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat, untuk kawasan luar bandar ada dua bidang keberhasilan utama di bawah NKRA iaitu *lower-income household* dengan izin, dan *rural basic infrastructure* telah diperuntukkan untuk pembangunan ini. Ribuan projek telah dikenal pasti secara spesifik untuk dilaksanakan. Untuk program transformasi ekonomi (ETP) pula projek permulaan (EPP) adalah untuk kawasan luar bandar iaitu sebanyak 19.3 juta iaitu 66.9% daripada jumlah penduduk di negara ini tinggal di kawasan bandar. Ini statistik penting. 8.7 juta pula tinggal di luar bandar. Bererti 20 juta penduduk Malaysia sekarang duduk di bandar. Hanya lapan juta sahaja duduk di luar bandar. Maka *planning* kita perlu melihat keseimbangan ini. Kalau tidak, kita akan mungkin membuat mekanisme pembangunan yang salah. Daripada EPP iaitu 25 projek atau 25 EPP itu yang membawa anggaran *impact GNI - gross national income* sebanyak RM66 bilion akan melibatkan masyarakat luar bandar dan 323,596 pekerjaan tambahan akan diwujudkan menjelang 2020 di kawasan luar bandar, untuk makluman Yang Berhormat tadi.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya rasa begitu sahajalah soalan-soalan yang telah dikemukakan mengenai perkara-perkara yang berkaitan. Untuk makluman Ahli Dewan, elok kita dapat makluman. Baru sahaja bincang dengan pegawai saya supaya mendekati dengan Ahli-ahli Senat dengan ETP dan GTP dan memaklumkan kerana ini adalah satu elemen yang penting.

Untuk makluman Ahli Dewan, menurut laporan *The World's Best Countries* dengan izin, yang pertama kali diterbitkan oleh *Newsweek* pada 23 Ogos 2010, Malaysia berada di kedudukan ke-37 daripada 100 negara terbaik di dunia dari segi pendidikan, kesihatan, kualiti hidup, daya saing ekonomi dan persekitaran politik. Laporan ini juga boleh dijadikan sebagai salah satu bahan rujukan untuk menilai tahap dan daya saing negara di peringkat antarabangsa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Suka saya nyatakan di sini bahawa, laporan tersebut adalah masih relevan dan selaras dengan laporan-laporan agensi antarabangsa yang lain. Umpamanya, dalam laporan *World Competitiveness Yearbook* oleh *International Institute for Management Development*. Dari segi daya saing Malaysia berada pada tahap tangga ke-10 daripada 58 negara pada tahun 2010 dan laporan *Cost Of Doing Business 2010* oleh *The World Bank* pula Malaysia berada pada tahap tangga ke-23 daripada 183 negara. Pada tangga ke-26 daripada 139 negara dalam laporan *Global Competitiveness Report* oleh *World Economic Forum* pada tahun 2010.

Walau bagaimanapun begitu, kerajaan masih tidak berpuas hati dan akan terus menambah baik kedudukan daya saing negara dengan memberi tumpuan kepada dua bidang utama bagi bersaing dalam pasaran global untuk memastikan Malaysia berjaya dalam perdagangan antarabangsa serta bersaing hebat untuk menarik bakat dan pelaburan langsung asing (FDI) ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya sekali lagi ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan mengemukakan pandangan serta saranan untuk perhatian kerajaan semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2011. Mana-mana isu yang telah dibangkitkan akan tetapi tidak dirangkumi dalam jawapan penggulungan itu akan diambil kira untuk diberi perhatian oleh Jabatan Perdana Menteri. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Minta Kementerian Pelajaran untuk menjawab.

4.05 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Dato' Ir. Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, seluruh warga pendidik merakamkan kesyukuran kerana diberi peruntukan sebanyak RM 29.3 bilion bagi belanja mengurus dan RM6.64 bilion untuk pembangunan dalam Bajet 2011.

Peruntukan yang besar ini merupakan komitmen berterusan kerajaan untuk memastikan pembangunan pendidikan negara berjalan dengan lancar. Saya yakin dengan amalan perbelanjaan berhemah seperti yang dilaksanakan sekarang, kementerian akan dapat melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan dan seterusnya mampu merealisasikan agenda pembangunan pendidikan negara.

Keprihatinan Ahli Yang Berhormat dalam memberi pandangan, saranan malahan teguran yang membina demi penambahbaikan berterusan sektor pendidikan amat saya hargai. Untuk makluman seramai 17 orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Justeru saya akan memperjelaskan dengan sebaik mungkin dan memberi penumpuan khusus kepada isu-isu yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pembangunan fizikal sekolah. Selaras dengan tema 'Transformasi Ke arah Negara Maju Berpendapatan Tinggi' dalam Bajet 2011 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Kementerian Pelajaran akan mengandakan usaha untuk mentransformasikan sistem pendidikan negara dari pelbagai aspek sama ada fizikal atau *soft skill*.

Dalam konteks ini, kementerian akan memperluaskan akses kepada pendidikan berkualiti melalui peruntukan pembangunan yang disediakan bagi membina dan menaik taraf sekolah, asrama, kemudahan dan peralatan. Manakala sebanyak RM250 juta disediakan untuk pembangunan sekolah bantuan kerajaan. Dalam konteks ini, KPM sedia memberi pertimbangan yang sewajarnya berdasarkan kepada permohonan yang benar-benar diperlukan melalui dana yang telah disediakan. Apa yang diharapkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Yeow Chai Thiam akan diberi pertimbangan yang sewajarnya untuk semua sekolah termasuk SMJK.

Untuk makluman Yang Berhormat Puan Doris Sophia ak Brodi, Kementerian Pelajaran telah meletakkan keutamaan untuk pembangunan sekolah-sekolah daif terutamanya di luar bandar dan pedalaman. Ingin saya tegaskan di Dewan yang mulia ini pembangunan infrastruktur yang benar-benar diperlukan sahaja akan diberi keutamaan dan pertimbangan yang sewajarnya berdasarkan kepada laporan audit yang telah dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran pada 20 Oktober 2010 yang lalu.

Selain itu, isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid iaitu mengenai kekhuatiran beliau apabila terbinanya Menara Wawasan Merdeka. Ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, setakat ini Kementerian Pelajaran belum lagi menerima apa-apa pelan pembangunan secara komprehensif tentang menara ini. Lazimnya pihak berkuasa tempatan iaitu DBKL akan memberi pertimbangan sewajarnya dan mengambil kira kepentingan-kepentingan termasuklah institusi pendidikan yang telah bertapak di situ. Maka KPM akan meneliti cadangan tersebut secara terperinci sebelum tindakan di ambil.

Apa yang dimaksudkan adalah tentang sama ada sekolah itu akan dipindahkan - lebih kurang tiga, empat buah sekolah yang terletak dan di situ dan kita akan melihat laporan

kekesanan trafik yang disediakan oleh pihak pemaju sebelum kita buat sesuatu keputusan. Akan tetapi lazimnya pelbagai faktor perlu diambil kira di antaranya termasuklah persetujuan 100% ibu bapa murid sekolah yang dicadangkan untuk dipindahkan perlu diperoleh terlebih dahulu, mengenal pasti tapak baru yang bersesuaian dan sekolah sedia ada mesti beroperasi serta merta setelah sekolah baru beroperasi.

Justeru itu sebarang perpindahan sekolah mestilah ditangani dengan baik supaya persekolahan anak-anak tidak terjejas dan terjamin. Ini bergantung kepada apa yang dikemukakan dalam semasa pelan ini dikemukakan di DBKL dan saya rasa terlalu awal pada setakat ini dan kementerian akan memberi input kami dan kita mahu memastikan apa yang berlaku sekarang apa yang keadaan sekarang patut diambil kira supaya tidak menjejaskan PMP anak-anak kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2011 bahawa dalam pembangunan pendidikan negara, kerajaan bukan sahaja memberi tumpuan kepada aspek fizikal akan tetapi juga berkewajipan merancang pembangunan modal insan.

■1610

Ini kerana mereka ini merupakan aset penting kepada negara. Oleh yang demikian, apa yang disarankan Yang Berhormat Senator Ir. Haji Zamri Yusuf telah diberi perhatian oleh kementerian yang di antaranya termasuklah pembangunan profesionalisme perguruan untuk meningkatkan kualiti guru, kepimpinan pengetua dan guru besar, pembentukan kurikulum yang bersepadu, kaedah pentafsiran dan penilaian pencapaian murid yang standard dan apa yang lebih penting adalah kemenjadian murid itu sendiri.

Justeru, Kementerian Pelajaran sentiasa berusaha untuk memantapkan sistem pendidikan negara sedia ada demi untuk melahirkan modal insan yang holistik sebagaimana yang dihasratkan oleh kerajaan. Di samping itu juga, Kementerian Pelajaran tidak akan mengabaikan pendidikan khas. Malahan peruntukan yang disediakan untuk pembangunan pendidikan khas adalah sebanyak RM295 juta dalam *rolling* yang pertama Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah Mahat, kelas integrasi untuk pendidikan khas akan diperbanyakkan di sekolah rendah dan sekolah menengah.

Dari segi memartabatkan profesion keguruan dan masalah kekurangan guru. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Haji Ahamat Yusop, Yang Berhormat Senator Dr. S. Ramakrishnan, Yang Berhormat Senator Datuk Maijol Mahap dan Yang Berhormat Senator Doris Sophia, pelbagai usaha sedang dilaksanakan untuk memastikan pendidik sentiasa berada pada tahap kualiti yang optimum, berdedikasi, berkemahiran dan berpengetahuan. Ini termasuklah menambah baik sistem pemilihan calon guru, memantapkan latihan perguruan, latihan

kepemimpinan dan pengurusan sekolah, melonjakkan kecemerlangan institusi latihan perguruan dan memperluaskan laluan kerjaya serta kebajikan guru.

Justeru, Bajet 2011 telah menyediakan peruntukan sebanyak RM213 juta kepada Pengetua atau Guru Besar dan guru-guru bagi sekolah-sekolah berprestasi tinggi sebagai ganjaran dan pengiktirafan untuk dinikmati oleh mereka. Di sini saya ingin menyeru kepada Pengetua dan Guru Besar, guru-guru dan staf semua sekolah di seluruh negara supaya menggandakan lagi usaha untuk menjadikan sekolah mereka sebagai sekolah berprestasi tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, pemantauan yang berterusan akan dilaksanakan untuk memastikan profesionalisme guru-guru berada pada tahap yang tinggi kerana mereka merupakan agen pelaksana kepada Dasar Pendidikan Negara. Dalam konteks ini, aspek kualiti pengajaran dan pembelajaran sama ada di bandar, luar bandar dan pedalaman akan terus dipertingkatkan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator Doris Sophia, masalah penempatan guru terutama di kawasan luar bandar dan pedalaman sedang diatasi secara berperingkat-peringkat. Ini termasuklah menetapkan guru-guru yang baru berkhidmat di sekolah-sekolah luar bandar dan pedalaman sekurang-kurangnya tiga tahun di sesebuah negeri melaksanakan *redeployment* bagi mengatasi masalah *mismatch* serta mengutamakan pengisian kekosongan perjawatan di kawasan luar bandar serta pedalaman. Di samping itu juga, dua buah institut pendidikan guru (IPG) iaitu Institut Pendidikan Guru Keningau dan Institut Pendidikan Guru Miri dikhususkan bagi melatih guru-guru yang akan ditempatkan di sekolah-sekolah kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak.

Mengenai kekurangan guru j-QAF seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah Mahat yang pada masa ini dianggarkan seramai 16,000 orang. Kelonggaran syarat akan diberikan kepada calon lulusan Pendidikan Islam yang bersesuaian dan memenuhi syarat-syarat ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran untuk mengikuti latihan perguruan di IPG dan seterusnya dilantik sebagai guru j-QAF seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan Rancangan Malaysia Kesepuluh. Dalam usaha melahirkan modal insan yang berkualiti, peranan pendidikan prasekolah tidak perlu di perkecilkan. Kini ia merupakan salah satu bidang keberhasilan utama negara iaitu NKRA.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun Mat, Yang Berhormat Senator Senator Ir. Haji Zamri dan Yang Berhormat Senator Puan Usha Nandhini, jumlah penyertaan murid prasekolah iaitu dari empat hingga lima tahun yang berdaftar dengan kerajaan sehingga 1 Ogos 2010 adalah seramai 697,469 orang, meningkat sebanyak 5.04% berbanding dengan tahun sebelumnya.

Oleh itu, kementerian akan terus berusaha untuk memastikan penyertaan murid prasekolah dipertingkatkan melalui peluasan program prasekolah khususnya di kawasan luar

bandar dan pedalaman bagi mencapai sasaran 87% pada tahun 2012. Antara pendekatan yang dilaksanakan termasuklah:

- (i) membuka kelas prasekolah di sekolah-sekolah rendah kelolaan Kementerian Pelajaran di kawasan pedalaman yang tidak terdapat perkhidmatan agensi lain;
- (ii) menjadikan ruang-ruang rumah panjang dan pusat-pusat komuniti dijadikan bilik prasekolah seperti yang dilaksanakan di empat buah rumah panjang di Sarawak dan empat buah pusat komuniti di pedalaman Sabah;
- (iii) mengadakan kempen-kempen kemasukan prasekolah melalui PIBG;
- (iv) menyediakan bantuan makanan secara percuma untuk setiap anak di prasekolah Kementerian Pelajaran Malaysia; dan
- (v) menjalin kerjasama dengan agensi pelaksana program prasekolah melalui pembentukan Jawatankuasa Penyelarasan Kemajuan Prasekolah Kebangsaan seperti yang telah ditetapkan di bawah sub NKRA – Pendidikan Prasekolah.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Wan Hazani Wan Mohd dan Yang Berhormat Senator Usha Nandhini supaya KPM mewujudkan satu mata pelajaran khusus untuk subjek Perlembagaan dan alam sekitar amatlah dihargai. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, elemen-elemen tersebut sebenarnya telah pun diterapkan secara merentas kurikulum dalam semua mata pelajaran yang diajar di sekolah pada masa ini. Perkara ini juga telah diberi pertimbangan dan perhatian oleh kementerian semasa penggubalan transformasi kurikulum yang akan mula diperkenalkan pada tahun 2011 untuk sekolah rendah dan tahun 2014 bagi sekolah menengah.

Cadangan Yang Berhormat Senator Datuk Maijol Mahap supaya mata pelajaran khas...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Minta laluan.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Ya.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, bukannya ada bezanya kalau bahan yang dikatakan akan diajarkan melalui merentas kurikulum itu diajarkan secara spesifik dan lebih terfokus? Apabila sesuatu mata pelajaran itu diajarkan secara merentas sahaja, ia macam sambil lalu. Apa yang diharapkan oleh rakan-rakan tadi, Yang Berhormat tadi ialah supaya ada satu mata pelajaran khusus yang lebih terfokus. Terima kasih.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Senator di atas pandangan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya bagi pihak Kementerian Pelajaran, kita berdepan dengan satu situasi di mana masing-masing mempunyai pandangan yang berlainan tentang betapa pentingnya sesuatu elemen itu dalam sukatan pelajaran kita. Dalam soal ini, apa

yang perlu kita lakukan sebagai contoh, kalau sebelum ini ramai yang menyebut tentang apabila berlakunya kemalangan jalan raya, kita minta sekolah kita mengajar pendidikan trafik.

Akan tetapi apabila kita memikirkan dengan cara ini, disebabkan oleh sesuatu insiden, kemudian kita masukkan semata-mata menjadikan ia suatu subjek, ini tidak kena. Jadi, kita kena melihat - kita terima elemen itu perlu dimasukkan tetapi sama ada dijadikan satu subjek semata-mata, kita perlu melihat dari segi kognitifnya. Kita hendak melihat apabila kita hendak menjadikan ia sebagai satu subjek, melihat kesinambungan *syllabus* itu dan kita tidak boleh sekadar memberi input ataupun memberi kandungan sahaja. Apa yang kita hendak bawa pelajar, kemenjadian seseorang insan atau murid itu kita perlu lihat.

Jadi, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Profesor bahawa kita perlu lihat. Seperti elemen alam sekitar, kita boleh masukkan dalam Sains, pada waktu yang sama bahasa juga dan pada waktu yang sama kita ada Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Itu juga...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: *Small point.* Boleh tidak? Satu perkara sahaja. Sebenarnya perkara yang hendak saya sebut itu telah disebut oleh Yang Berhormat dengan memberi satu istilah yang sangat tepat. Yang kita harapkan ialah kesinambungan *syllabus* itu. Apabila ia dibuat merentas kurikulum, maka kesinambungan itu tidak ada. Jadi, terima kasihlah kerana memberi istilah itu untuk saya. Jadi, apa yang disebut oleh rakan-rakan tadi itu untuk memastikan bahawa berlaku kesinambungan mata pelajaran berkenaan bila diajar sebagai mata pelajaran khusus, tidak sebagai mata pelajaran merentas kurikulum. Terima kasih kerana memberi saya istilah yang tepat.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Profesor. Sebenarnya saya pernah menjawab di Dewan Rakyat secara panjang lebar. Kalau kita membuat – kita merangka, kalau kita jadikan sejarah itu sebagai mata pelajaran Tahun 4, apa yang kita hendak buat ialah dari mana kita hendak mula? Elemen apa yang hendak kita masukkan? Sampai sekolah menengah rendah, apa yang hendak dimasukkan? Akhir sekali adalah penghayatan terhadap sejarah pembentukan negara. Jadi, ia merupakan satu proses dan kita tidak terus masuk seperti mana yang ada pihak yang mengungkit-ungkit pendidikan seks. Kita tidak minta Tahun 1 terus belajar seks. Tidak!

■1620

Bagaimana kita hendak menjaga kebersihan? Itu tahun satu, tahun kedua apa yang hendak diajar? Saya rasa kita memang mengambil kira, bahagian pembangunan kurikulum ini, melihat ianya dalam konteks kesinambungan. Kalau kita hendak mengajar dalam tahun enam atau sembilan tahun, kita kena pastikan setiap tahun itu ada kandungan, apa yang hendak kita capai dan kesemuanya akan dihuraikan. Maka huraian sukatan itu kita buat dan bagaimana buku teks yang kita hendak sediakan itu, dapat menterjemahkan falsafah yang ingin kita capai.

Saya rasa kita ada, dan saya mungkin, kalau perlu, saya bagi secara bertulis, apa yang akan kita capai di sekolah rendah, kalau elemen Perlembagaan itu ada, setakat mana? Cuma

kita tidak menulis secara setebal ini, tetapi apa yang kita hendak buat, saya memberi jaminan bahawa apa yang direncanakan oleh kementerian ini bersandarkan kepada nilai-nilai profesionalisme dan ia kesesuaian menjadikan sebagai satu sukatan pelajaran yang mempunyai kesinambungan. Itu saya boleh bagi jaminan.

Cadangan Yang Berhormat Senator Datuk Majjol Mahap supaya mata pelajaran bahasa Kadazan Dusun, dimasukkan dalam jadual waktu persekolahan perlu dipertimbangkan dengan teliti. Ini kerana penjadualan waktu persekolahan harus memberi keutamaan kepada mata pelajaran teras di mana mata pelajaran bahasa etnik adalah merupakan mata pelajaran elektif.

Walau bagaimana pun, Kementerian Pelajaran sentiasa peka dengan tuntutan pelbagai pihak, dan telah mengambil kira pandangan Yang Berhormat Senator Datuk Majjol Mahap. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM akan melaksanakan P&P bahasa etnik dalam jadual waktu sebagai mata pelajaran elektif melalui pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah pada tahun 2011 bermula dengan tahun satu. Selain itu, bagi memastikan mata pelajaran ini dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan, KPM akan menjadikan bahasa Kadazan Dusun sebagai opsyen elektif di IPG bermula pengambilan tahun 2011.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Iberahim, telah membangkitkan dasar 1Murid 1Sukan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat dasar yang diperkenalkan itu bukanlah suatu perkara yang baru, tetapi ia merupakan satu penegasan baru, supaya murid-murid tidak hanya menumpukan kepada pencapaian akademik semata-mata dan membelakangkan kecergasan fizikal.

Sehubungan itu, kementerian berpandangan dasar ini wajar diberi penekanan semula demi untuk membangunkan modal insan yang bukan hanya cemerlang dalam bidang akademik, tetapi berpotensi dalam bidang sukan. Justeru, semua murid tahap dua, iaitu tahun empat, lima dan enam di sekolah rendah dan semua murid di sekolah menengah yang tidak menghadapi masalah kesihatan, diwajibkan memilih satu jenis sukan untuk diikuti.

Manakala murid pra-sekolah hingga tahun tiga sekolah rendah, digalakkan mengikuti aktiviti sukan berdasarkan kemampuan masing-masing melalui bimbingan guru. Oleh itu saya amat mengharapkan supaya ibu bapa sama-sama memainkan peranan dalam mengenal pasti bakat dan minat anak-anak mereka dalam bidang sukan, manakala pihak sekolah akan berusaha mencari kaedah yang bersesuaian supaya kaedah ini dapat direalisasikan.

Menyentuh tentang penambahbaikan UPSR menjelang tahun 2016 dan PMR pada 2014, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Usha Nandhini. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, UPSR masih dikekalkan di tahun enam dengan memberi penekanan sebanyak 60% berdasarkan lima mata pelajaran teras. Manakala 40% lagi berdasarkan pentaksiran berasaskan sekolah yang meliputi penilaian terhadap mata pelajaran lain, aktiviti ko-kurikulum, *psychometric* yang melibatkan ujian kecenderungan dan personaliti.

Manakala bagi PMR pula, penambahbaikan dilaksanakan dalam bentuk pentafsiran berasaskan sekolah sepenuhnya, yang dipantau Lembaga Peperiksaan Malaysia. Antara komponen utama termasuklah mata pelajaran yang dipelajari, kegiatan ko-kurikulum, ujian kecenderungan dan personaliti. Cadangan penambahbaikan ini akan diteliti secara terperinci dalam semua aspek sehinggalah mendapat kata putus yang benar-benar mantap sebelum pelaksanaan bermula.

Ingin ditegaskan di sini bahawa penambahbaikan ini tidak akan merugikan murid atau menguntungkan guru sebaliknya objektif utama penambahbaikan adalah untuk melahirkan modal insan yang holistik, berkeupayaan tinggi dalam semua aspek.

Berhubung dengan dasar wajib lulus mata pelajaran Sejarah dalam SPM pula, yang seperti yang dibangkitkan oleh Dr. Malasingam a/l Muthukumar, Yang Berhormat Senator Datuk Majjol Mahap dan Yang Berhormat Ir. Haji Zamri bin Haji Yusof penjelasan yang telah diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran pada 16 Disember 2010 lepas, melalui jawab lisan di dewan yang mulia ini saya rasa telah mencukupi. Oleh itu saya tidak berhajat untuk mengulas lebih lanjut perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha menjayakan transformasi sistem pendidikan, Kementerian Pelajaran juga akan meneliti secara menyeluruh, dasar-dasar yang sedang dilaksanakan dan baru diperkenalkan. Langkah ini bertujuan supaya tiada sebarang pertindihan berlaku dengan apa yang telah dilaksanakan sebelum ini. Pendokumenan semua dasar dan garis panduan memang perlu dilaksanakan tetapi ia harus dilakukan secara berhati-hati tanpa membelakangkan dokumen-dokumen yang diguna pakai ketika ini. Oleh itu cadangan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat akan diberi perhatian yang sewajarnya.

Mengenai hala tuju dan kedudukan bahasa kebangsaan, Kementerian Pelajaran sentiasa komited untuk memartabatkan bahasa kebangsaan melalui pelaksanaan dasar MBMMBI di samping memperkukuhkan penguasaan bahasa Inggeris. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Akbar bin Ali, satu Jawatan Kuasa Pelaksanaan Bahasa Malaysia yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri telah ditubuhkan pada 30 November tahun ini, demi untuk merencanakan segala program memartabatkan penggunaan bahasa Kebangsaan. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat dijelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pelajaran.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Yang Berhormat minta laluan.

Datuk Akbar bin Ali: *[Bangun]*

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Kalau ada yang tercicir silakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Datuk Akbar bin Ali.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana menjawab soalan apa yang saya bangkitkan tentang bahasa kebangsaan. Cuma saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri penjelasan lebih lanjut. Seperti mana yang

diputuskan oleh Kabinet, difahamkan dua bulan lalu dan susulannya penubuhan jawatankuasa berkenaan yang sudah sebut, saya jangka. Sesungguhnya memang begitu bercelaru Yang Berhormat Timbalan Menteri dan kita pun tidak faham.

Apakah hala tuju tentang bahasa kebangsaan, terutama apabila dalam majlis-majlis rasmi kerajaan sendiri, Menteri atau pegawai tinggi kerajaan masih berucap dalam bahasa Inggeris. Inilah menjadi keluh kesah rakyat tolong Yang Berhormat Timbalan Menteri perjelaskan bagaimana isu-isu seperti ini hendak diperjelaskan. Terima kasih.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat, izinkan saya mengambil sedikit masa untuk saya memperjelaskan. Saya telah dihujani dengan perkara tersebut di Dewan Rakyat dan Dewan Negara, berkali-kali. Ingin saya mengambil kesempatan ingin memperjelaskan, komitmen kerajaan. Sebenarnya kita telah mengarahkan Dewan Bahasa dan Pustaka supaya kita mengkaji bagaimana Akta Dewan Bahasa dan Pustaka dan Akta Bahasa Kebangsaan itu dapat kita mengemaskinikan, termasuk melakukan pindaan. Ini memang kita telah mengarahkan dan ianya draf atau pun penggubalan itu telah pun kita serahkan kepada Pejabat Peguam Negara untuk ditelitikan. Jadi mesyuarat Kabinet yang pernah diadakan beberapa bulan yang lalu, mereka memikirkan dari segi implikasi pelaksanaan itu. Jadi kita kena membezakan sesuatu majlis rasmi dan apa yang dikatakan.

Kadang-kala kalau kita menghadiri satu majlis seperti ETP, kalau melibatkan pelabur asing, apa yang patut kita bagi definisi jelas kalau tidak kita terikat. Kalau kita berdepan dengan, bukan 'mat saleh', dengan pelabur asing, bagaimana kita tidak menggunakan bahasa Inggeris, dan bagaimana pula kalau kita kata itu bukan majlis rasmi. Saya rasa banyak perkara teknikal yang kita perlu kita lihat, yang pokoknya ialah bagaimana kita hendak menggalakkan institusi atau pun pihak swasta, pihak bank menggunakan bahasa kebangsaan dengan betul. Itu yang pertama.

Kedua kalau kita lihat pihak berkuasa tempatan, mereka juga memainkan satu peranan yang penting. Kalau kita lihat pendaftaran syarikat sekarang, DBP akan memberi input, sama ada perkataan yang digunakan itu betul atau tidak, atau kadang-kadang kala perkataan itu memang kalau kita pandang pun, kita gelak kerana perkataan itu tidak tepat langsung. Jadi saya rasa, dalam soal ini kita kena melihat bukan semata-mata hendak memberi saman kepada sesiapa yang tidak menggunakan bahasa dengan betul...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Minta laluan sedikit.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Biar saya jelas, nanti Profesor boleh ulas. Apa yang saya yakin Profesor sebagai bekas mantan ketua pengarah memang arif dalam perkara ini.

■1630

Apa yang hendak saya terangkan di sini ialah kita mempunyai pelbagai usaha. Ianya tidak semata-mata bergantung kepada penguatkuasaan untuk memberi saman, berapa saman yang kita hendak kenakan dan kepada siapa. Saya beri contoh ya. Kita meminta supaya Bank

Negara memainkan satu peranan yang paling penting. Kalau istilah-istilah perbankan dahulu tidak pernah ada dalam bahasa Malaysia, sekarang kita nampak telah diterjemahkan dan begitu baik sekali diterjemahkan termasuk kita mengadakan pertandingan syarahan. Bagaimana kita galakkan pegawai bank gunakan bahasa Malaysia. Itu sebagai satu contoh. Kita tidak tertumpu kepada bank sahaja banyak lagi sektor-sektor yang kadangkala melibatkan orang luar dengan pelabur asing dengan golongan peniaga. Itu boleh kita galakkan.

Kedua, seperti mana yang saya katakan dalam papan iklan yang akan diluluskan oleh semua pihak berkuasa tempatan. Perkhidmatan atau kepakaran Dewan Bahasa dan Pustaka itu memang merupakan satu aset penting pada negara. Sebab itulah kita memberi ejaan yang betul sebutan yang betul. Ini adalah untuk kita mendidik orang ramai supaya mereka menggunakan bahasa yang betul. Di samping itu dalam sistem pendidikan formal MBM MBI memang kita sedar seperti mana yang kita sedia maklum kita hendak memartabatkan kedudukan bahasa kebangsaan sebagai lingua franca itu tidak jadi masalah.

Jadi saya rasa kita kena gunakan pendekatan pelbagai hala bukan satu sahaja sekadar untuk saman sahaja. Kita kena lihat dan bagaimana kita hendak galakkan majlis rasmi itu untuk gunakan bahasa kebangsaan dengan jitu sekali. Saya persilakan Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada dua perkara yang hendak saya minta penjelasan sebenarnya. Satu perkara sebagai satu maklumat untuk kita berkongsi bersama iaitu Gabenor Bank Negara sekarang adalah anak tunggal kepada Pengarah pertama Dewan Bahasa dan Pustaka, Prof. Ungku Aziz. Itu sahaja dan sebagai info menyahut apa Yang Berhormat sebut tadi. Selain daripada itu perkara lain yang hendak saya timbulkan ialah, apa tindakan kerajaan sekiranya Dewan Bahasa dan Pustaka yang diharapkan akan berperanan memberikan input dalam membetulkan bahasa-bahasa yang salah itu diabaikan, dikebelakangkan sahaja oleh pihak berkuasa tempatan, oleh pihak-pihak yang lain umpamanya. Seperti yang berlaku pada masa-masa yang lalu yang seperti saya secara peribadi pernah bincang secara *private* dengan Yang Berhormat sendiri. Apa yang akan dilakukan? Kalau Dewan Bahasa dan Pustaka ini diabaikan sahaja peranannya seperti masa-masa lalu? Satu.

Kedua, daripada pelbagai sungutan yang kita dengar dalam Dewan ini, di luar Dewan ini, di akhbar dan di mana-mana kita tidak dapat lari daripada hakikat. Bahawa pemasyarakatan bahasa kebangsaan itu sebagai bahasa komunikasi sosial, sebagai bahasa ilmu, sebagai bahasa bertamadun. Setelah 50 tahun kita merdeka, kalau perkataan "gagal" terlalu keras adalah tidak berjaya atau sangat kurang berjaya. Meminjam kata Allahyarham Rustam A. Sani katanya proses pemodenan bahasa kebangsaan itu gagal. Jadi apabila proses pemodenan bahasa itu gagal maka bahasa itu tidak akan dapat memikul satu tanggungjawab budaya, tanggungjawab politik, tanggungjawab komunikasi yang besar.

Oleh kerana itu yang saya hendak tanyakan, apakah langkah-langkah kerajaan? Atau adakah kerajaan berhasrat untuk membuat kajian yang menyeluruh di mana silapnya maka kegagalan itu berlaku? Terima kasih.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih atas pandangan yang bernas tersebut. Pertama saya menafikan bahawa peranan Dewan Bahasa dan Pustaka itu gagal dalam konteks pemodenan bahasa kebangsaan. Ini kerana Yang Berhormat sendiri adalah mantan Ketua Pengarah, saya yakin Yang Berhormat telah menjalankan tugas dengan baik sebagai Ketua Pengarah. Sebab itu saya kata saya tidak setuju dengan pandangan ini.

Kedua, saya mengakui bahawa dalam proses kita melakukan pemodenan bahasa kebangsaan itu kita berdepan dengan situasi dan rintangan. Seperti mana Yang Berhormat katakan tadi bagaimana kemasyarakatan bahasa Malaysia itu dapat kita wujudkan.

Jadi saya rasa ini yang menyebabkan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri terpaksa mempengerusikan satu Jawatankuasa Pelaksanaan Penggunaan Bahasa Kebangsaan. Itu yang baru ditubuhkan tidak sampai satu bulan. Saya yakin jawatankuasa ini akan mewujudkan ataupun mempunyai terma-terma rujukan *terms of reference*, dengan izin. Untuk mereka hendak lakukan rombakan, penambahbaikan termasuklah program mana secara khusus, manakah kelemahan yang ada sekarang supaya kita dapat memberi fokus lebih kepada yang lemah itu. Jadi saya rasa dalam soal ini pelaksanaan kita berpandukan kepada hasrat, hasrat kita hendak jadikan bahasa kebangsaan.

Sebenarnya ramai yang tidak tahu potensi bahasa Melayu ini sebenarnya adalah lima bahasa terbesar di dunia. Ianya merupakan satu bahasa termasuk Indonesia kalau kita dapat menguasai bahasa ini saya rasa ianya memberi aset kepada kita. Ini adalah satu daya saing yang kita tidak dapat abaikan. Kalau seseorang dapat menguasai pelbagai bahasa di Malaysia, bahasa Cina, bahasa Tamil, bahasa Inggeris dengan bahasa Malaysia. Orang ini, warganegara Malaysia ini boleh berkomunikasi dengan 70% daripada penduduk di dunia ini. Ini satu kekuatan. Saya lihat potensi itu sangat besar.

Bahasa Malaysia saya begitu kagum kerana di Beijing ramai yang bertutur dalam bahasa Melayu dengan begitu baik sekali. Jadi saya rasa kita perlu sarankan Dewan Bahasa dan Pustaka mengadakan lebih banyak usaha sama dengan *Beijing Foreign Studies University*. Ini kerana di situ ada 44 bahasa, salah satu bahasa yang paling penting adalah bahasa Melayu kita. Mereka boleh berpantun, puisi, syair dan sebagainya. Jadi saya rasa potensi itu ada untuk kita melakukan pengantarabangsaan bahasa Melayu itu sendiri. Jadi saya rasa tidak jadi masalah. Input kalau Dewan Bahasa dan Pustaka ini diabaikan saya rasa setakat ini kita tidak.

Saya rasa peruntukan yang cukup besar kita berikan dan amanah tanggungjawab kepada Dewan Bahasa dan Pustaka memang besar, dan kita tidak pernah mengabaikan. Pemikiran kita, perancangan kita, kita tidak pernah abai.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Minta maaf, minta maaf. Bila saya kata mengabaikan, Yang Berhormat berjalan sendirilah. Daripada Bangsar Shopping Complex turun ke Jalan Maarof, cuba bilang kira nama-nama kedai di sana yang tidak menggunakan bahasa kebangsaan. Bila kita sudah turun daripada Jalan Maarof itu ada dua pusat membeli belah namanya Bangsar Village I and Bangsar Village II. Lagi kita berjalanlah bawa kereta sekilometer terus Yang Berhormat akan bertemu dengan Midvalley Gardens, kemudian ke kanan sedikit lagi akan bertemu dengan Bangsar South, Pantai Hill Park. Ini bahasa apa ini?

Jadi saya percaya siapa yang bertanggungjawab membenarkan pihak-pihak berkenaan untuk menggunakan bahasa-bahasa itu Dewan Bahasa dan Pustaka diabaikan, dibelakangkan. Saya mempunyai pengalaman peribadi dalam hal ini. Terima kasih.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Secara ringkasnya ingin saya nyatakan bahawa sebelum saya benarkan Yang Berhormat Senator. Sebenarnya kalau kita lihat perkataan bahasa Inggeris itu diwujudkan kerana *Midvalley* ini sebagai satu pusat membeli belah yang dikendali oleh masyarakat antarabangsa. Itu yang pertama. Saya rasa kita tidak boleh kata kalau kita hanya boleh satu bahasa Inggeris semata-mata, saya rasa kita boleh gunakan dua-dua sekali dan tidak menjadi masalah pada kita. Kalau kita hendak sebut dengan orang Arab dalam bahasa Melayu mungkin dia tidak faham selagi dia tidak dapat menguasai bahasa Melayu. Keduanya..

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Maaf boleh tidak. Ini masalah ini. Isunya tadi bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka tidak dihargai. Itu isunya.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Okey Betul.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Bukan isu...

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Saya baru hendak jawab ini Yang Berhormat, saya baru hendak masuk ini. Mulai sekarang ianya merupakan satu kewajipan untuk pihak berkuasa tempatan merujuk kepada input Dewan Bahasa dan Pustaka sebelum sesuatu nama taman itu dapat diluluskan. Saya rasa kaedah ini kita kena lakukan oleh kerana kita ada satu mekanisme untuk mengawal. Kalau dahulu papan iklan memang bercelarulah. Saya nampak memang perkataan gunting rambut pun salah, goreng rambut pun ada. Dia tidak menggunakan bahasa dengan baik. Kita kena mendidik dan pada waktu sama betulkan kesilapan yang lalu.

Jadi mungkin ianya merupakan satu proses yang perlu mengambil masa tetapi percayalah bahawa kalau Dewan Bahasa dan Pustaka dapat berfungsi seperti mana yang kita harap-harapkan. Saya rasa kita belum mencapai hasrat tersebut. Saya benarkan Yang Berhormat Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi.

Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kalau kita tutup mata kita tidak usah tengok gambar Yang Berhormat Datuk Dr. Wee Ka Siong ini kalau dia bercakap tidak usah tengok muka dia. Dia cakap macam orang Melayu. Kalau kita

dengar jawapan Dato' Devamany a/l S.Krishnasamy sebelum ini daripada EPU dia lebih baik dia punya bahasa daripada *some of us here*.

■ 1640

Dari segi kejayaan negara memartabatkan bahasa, sebenarnya kita banyak kejayaan. Ramai yang dahulu tidak pandai berbahasa sekarang sudah pandai berbahasa malah lebih pandai daripada orang-orang bangsa Melayu. Jadi dari segi banyak kejayaan kita tidak boleh menafikan ini. Akan tetapi yang saya hendak kemukakan di sini ialah ia mesti dirancang dengan lebih *balance* kerana kita ada realiti. Realitinya ialah dari segi kegiatan ekonomi negara. Realitinya ialah saya melihat berpuluh-puluh ribu anak-anak kita, *graduate* kita yang keluar tetapi tidak mendapat pekerjaan. Mereka pergi beratur untuk diinterview dan akhirnya berpuluh-puluh ribu, 50,000 atau 60,000 orang kadang-kadang *graduate* ini tidak mendapat pekerjaan. Apabila dikaji sebab utamanya ialah *soft skill* dari segi komunikasi dan kekurangan bahasa Inggeris. Bukan bahasa kebangsaan. Itu masalahnya walaupun memang saya selalu berdebat dengan orang yang men*championkan* bahasa kebangsaan. Saya pun *championkan* sama tetapi ada beberapa faktor kualiti di sini kerana saya melihat yang beratur, beribu-ribu tidak dapat kerja Tuan Yang di-Pertua adalah anak-anak kita yang kerana tidak fasih berbahasa Inggeris. MMC atau *private sector* tidak mengambil mereka kerana kekurangan bahasa Inggeris.

Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Datuk Dr. Wee, saya dengar tadi jawatankuasa untuk memartabatkan bahasa kebangsaan ini memang baik tetapi apakah usaha yang sama dari segi meninggikan lagi keupayaan anak-anak Malaysia atau warga tenaga Malaysia dari segi kebolehan mereka dalam bahasa Inggeris? Terima kasih.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri. Saya rasa ini selaras dengan apa yang kerajaan akan lakukan pada tahun hadapan. Terima kasih kepada Ahli Dewan Negara yang banyak bersuara sebelum ini kerana kita tidak mahu PPSMI lagi, kita ditukar pula dengan MBMBI. Penekanan dalam MBMBI ini saya ingin terangkan di sini bahawa kalau untuk SK, SJK(C), SJK(T) secara puratanya semua waktu pengajaran bahasa Malaysia ditambah dan bahasa Inggeris pula merupakan satu jadual waktu yang saya rasa kalau dahulunya zaman saya, saya belajar bahasa Inggeris apabila saya sampai tahun tiga. Saya tidak ada peluang kerana jadual waktu tidak dapat masukkan bahasa Inggeris.

Saya belajar bahasa Malaysia, masa saya berbanding dengan anak saya, waktu yang diberikan pada saya waktu itu malahan tidak sampai separuh daripada anak saya sekarang - 300 minit seminggu. Jadi saya rasa pertamanya keberkesanan kita mengajar. Kedua, kalau kita hendak menguasai bahasa itu kita kena mula dari struktur, dari segi tata bahasa termasuk bahasa Inggeris sebab itulah pada tahun akan datang kita akan mulakan sebagai contoh, bahasa Inggeris. Kalau dahulu kita buat secara komunikasi, *communicative English*, sekarang kita kena pulihkan kepada sistem lama di mana dari segi *grammar*, nahunya, dari segi struktur ayat itu kita kena pegang dengan baik. Kalau dahulu kita tidak pernah fenologi, kita tidak sebut dengan baik

tetapi sekarang kita kena buat supaya waktu itu kalau kita lihat tahun satu di SJK(C) dan SJK(T), dahulunya cuma dua waktu seminggu tetapi sekarang ditambah sehingga lima waktu seminggu. Bermaksud setiap hari ada. Itu sebagai contoh.

Sekolah kebangsaan pula. Daripada 240 minit kita tambah kepada 330 minit. Pada waktu yang sama kita seimbangkan. Kalau PPSMI dahulu, mata pelajaran Sains dan Matematik diajar dalam bahasa Inggeris sekarang kita ubah semula dalam bahasa kebangsaan. Oleh sebab itulah kita gunakan istilah MBMBI. Jadi kita seimbangkan. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Dato' Sri bahawa kita kena seimbangkan dari segi **empower ability** bagi seseorang itu. Kita hendak kebolehpasaran seseorang. Kita kena lihat dari segi penguasaan bahasa *soft skill*nya. Ini sangat penting. Jadi saya rasa bahasa perpaduan difahamkan dan bahasa Melayu tidak boleh kita abaikan. Pada waktu yang sama kalau kita hendak mengantarabangsakan diri sendiri kita juga tidak boleh mengabaikan betapa pentingnya bahasa Inggeris. Oleh sebab itu saya cukup bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Senator. Ada yang bertanya tadi.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, dalam perbahasan saya juga ingin menyentuh mengenai pengajaran dan pembelajaran bahasa pendidikan. Akan tetapi saya nampak Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menjawab mengenai perkara itu. Boleh saya ulang soalan itu?

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Bahasa pendidikan atau Pendidikan Moral?

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Pendidikan Moral.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Saya hendak masuk isu ini. Dalam perenggan akhir saya ini saya hendak masukkan itu. Mengenai pandangan Yang Berhormat Senator tentang Pendidikan Moral itu dari segi cara kita mengajar seolah-olah dilihat seperti menghafal. Saya perhatikan nota saya ada. Jadi itu adalah satu pandangan yang kita ambil maklum kerana bahagian pengembangan kurikulum kita akan buat semakan tentang kurikulum kita dan keberkesanan kita. Jadi saya menghargai pandangan tersebut.

Saya tidak berani hendak memberi satu pengakuan bahawa itu sebenarnya kelemahan kita tetapi kita menerima baik pandangan tersebut dan kita lihat apakah cara terbaik untuk penambahbaikan. Saya faham sebelum itu kita dengar dalam ulasan di surat khabar ada yang mengatakan perkataan tertentu sahaja digunakan iaitu amanah, jujur - kalau ikhlas itu mungkin tidak mendapat markah. Kita akan melihat secara khusus dari sudut pakar-pakar dan kita akan berbincang serta membuat semakan tentang kurikulum yang diperkenalkan. Itu memang kita pernah berbincang di peringkat kementerian. Saya akan menyarankan supaya bahagian perkembangan kurikulum kita bincang secara khusus dari kandungan sungutan itu dan selepas itu kita akan melakukan penambahbaikan sekiranya perlu.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Yang Berhormat Timbalan Menteri. Satu lagi perkara pun Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak sentuh iaitu guru yang mengajar. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menjawab tentang itu?

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Mengenai guru yang mengajar saya sudah hafal apa Yang Berhormat katakan itu. Dia kena belajar pengetahuan moral dahulu tetapi masalahnya guru kita sudah lebih daripada 30 tahun. Kalau zaman dahulu seperti saya berusia 40 lebih tahun, masa itu mungkin saya tidak belajar tentang Pendidikan Moral. Kalau saya telah menjadi seorang guru yang telah bertugas lebih daripada 20 tahun, apabila saya diberi tanggungjawab untuk mengajar, saya hendak memastikan apa yang hendak diajar itu saya faham kandungannya. Kita ada kursus sama ada kursus dalam jangka pendek ataupun untuk jurulatih utama ini kita memberi input yang lebih banyak dan ianya akan diturunkan kepada guru-guru biasa. Itu yang kita lakukan.

Kalau Yang Berhormat kata mereka terpaksa mengambil semula peperiksaan pengetahuan moral sekarang mungkin menjadi masalah pula.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Boleh saya jelaskan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Ya.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Memang saya bersetuju dengan apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi iaitu belajar dahulu ataupun pergi kursus-kursus mengenai Pendidikan Moral. Kedua-duanya saya ingat memang baik dan saya terima juga. Terima kasih.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih. Saya rasa itu sahaja. Apa Yang Berhormat bangkitkan tadi sebenarnya secara amnya ingin saya maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa bagi guru kita setiap tahun kita wajibkan mereka mempertingkatkan ilmu mereka. Dari segi kemahiran mereka mengajar kita tidak boleh katakan kita tahu semua. Kalau ada satu sukatan pelajaran baru atau mata pelajaran baru yang diperkenalkan, kita pastikan kita mempelajarinya dengan secukup-cukupnya melalui IPG ataupun kursus dalam perkhidmatan, latihan dalam perkhidmatan. Itu tidak menjadi masalah kepada kita.

Jadi akhirnya saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah memberi input dan teguran yang membina kepada kementerian. Saya ucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Minta Kementerian Dalam Negeri untuk menjawab.

4.49 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada seramai 13 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2011 di Dewan yang mulia ini dari 14 hingga 16 Disember 2010 yang lalu yang menyentuh berkenaan bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Tuan Yang di-Pertua, jumlah kes perceraian yang melibatkan kaum bukan bumiputera yang didaftarkan sehingga kini sejak lima tahun dahulu yang dibangkitkan Yang Berhormat Senator Dr. Malasingam.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dan Dewan yang mulia ini, berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), jumlah penceraian bagi pasangan bukan beragama Islam sejak tahun 2006 hingga 13 Disember 2010 adalah sebanyak 25,609 kes. Usaha-usaha bagi memantapkan institusi perkahwinan dan kekeluargaan adalah di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) manakala JPN hanya merekodkan kes-kes penceraian tersebut. Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Pendaftaran Negara sentiasa bersedia untuk menjalinkan kerjasama dengan KPWKM untuk sama-sama menyumbang ke arah pengukuhan institusi perkahwinan dan kekeluargaan agar kes-kes penceraian di negara ini dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan masalah pemilikan MyKad dan sijil lahir bagi penduduk di pedalaman Sabah dan Sarawak seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahmad Rosli bin Haji Ibrahim dan Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung. Suka saya jelaskan bahawa KDN telah menetapkan penyelesaian rakyat tanpa dokumen di negeri Sarawak sebagai *key performance indicator* (KPI) kementerian ini bagi tahun 2010 dan 2011. KPI ini menyasarkan penyelesaian pengeluaran dokumen pengenalan diri di Sarawak tidak lewat daripada 31 Disember 2011. Ini adalah merupakan tindakan yang diputuskan oleh kementerian bagi mengeluarkan dokumen-dokumen pengenalan diri kepada mereka yang layak dikeluarkan sijil kelahiran, sijil kewarganegaraan, MyKid dan MyKad.

Antara usaha-usaha kerajaan melalui JPN ialah program *outreach* yang mendekati rakyat yang bermasalah seperti program MyDaftar, program Unit Mobile dan unit-unit khas bergerak UKP bagi penduduk pedalaman Sarawak. Pendaftaran berkaitan penduduk pedalaman Sarawak yang masih belum memiliki kad pengenalan masih lagi giat dijalankan sehingga kini. Selain daripada mengadakan program unit khas bergerak di kawasan pedalaman Sarawak, JPN juga telah menempatkan beberapa pegawai khas untuk melaksanakan program ini di tujuh pejabat cawangan bagi membantu pendaftaran di beberapa daerah seperti berikut iaitu Sibu, Limbang, Sri Aman, Kapit, Miri, Sarikei dan Bintulu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2009 sahaja, JPN Sarawak telah menerima sebanyak 1,605 permohonan kad pengenalan di mana sejumlah 719 permohonan telah diluluskan dan sejumlah tujuh permohonan telah ditolak dan bakinya sedang diproses. Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahim pula, setakat ini sebanyak 26 program unit khas bergerak di seluruh Sabah telah dijalankan sejak Januari hingga November tahun ini. Bagi tempoh tersebut juga, sejumlah 3,189 permohonan sijil lahir dan sebanyak 962 permohonan kad pengenalan telah diterima dan diproses.

Seterusnya saya beralih kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati yang menyentuh berkenaan status isu dua kerakyatan bagi penduduk di Wilayah Selatan Thai. Secara dasarnya negara ini tidak mempraktikkan amalan dwi kerakyatan. Oleh itu bagi mana-mana rakyat Malaysia yang bertaraf warganegara Malaysia

tetapi pada masa yang sama memegang status kerakyatan negara asing, tindakan pelucutan taraf kewarganegaraan Malaysia terhadap golongan tersebut boleh diambil sekiranya terdapat bukti-bukti kukuh yang menunjukkan mereka memegang dua kerakyatan.

Merujuk kepada isu dua kerakyatan bagi penduduk di Wilayah Selatan Thailand, kementerian ini tidak dapat mengambil tindakan pelucutan sewenang-wenangnya jika tiada dokumen yang membuktikan mereka bertaraf warganegara Malaysia dan juga merupakan warganegara Thailand pada masa yang sama. Bagaimanapun, sekiranya Yang Berhormat mempunyai maklumat yang jelas mengenai isu tersebut, Yang Berhormat boleh mengemukakan kepada kementerian ini bagi membolehkan kementerian ini membuat siasatan lanjut serta mengambil tindakan yang sewajarnya.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Iberahim ingin tahu berapa ramai kakitangan Imigresen di seluruh negara dan Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat pula mencadangkan untuk JIM meningkatkan jumlah pegawai untuk menjaga pintu masuk negara. Jabatan Imigresen Malaysia sehingga 30 hari bulan November 2010 mempunyai seramai 9,498 orang anggota Imigresen yang terdiri daripada Skim Keselamatan dan Pertahanan Awam yang merangkumi kumpulan pengurusan dan profesional serta kumpulan sokongan.

Bagi pengurusan di kaunter pula, pegawai-pegawai yang bertugas di kaunter sering kali berubah mengikut jadual bertugas yang ditetapkan oleh pejabat masing-masing. Ini termasuklah sama ada petugas di kaunter di ibu pejabat, pejabat negeri dan pejabat cawangan ataupun di pintu masuk udara, darat dan laut. JIM bercadang untuk meningkatkan jumlah pegawai daripada semasa ke semasa terutamanya keperluan pertambahan pegawai di kesemua 125 pintu masuk negara yang digazetkan. Pertambahan pegawai Imigresen perlu kerana negara menerima kedatangan pelawat asing yang besar seramai 23 juta pada tahun 2009. Nisbah pegawai Imigresen seharusnya diambil kira sejajar dengan kemasukan pelawat asing yang tiba. Cadangan waran perjawatan pada 2011 adalah pertambahan 30% perjawatan pegawai Imigresen.

Seterusnya mengenai langkah Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) memperkenalkan *standard operating procedure* (SOP) sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Lee Cheam Choon. Bagi meningkatkan dan mengamalkan integriti secara berkesan, Jabatan Imigresen Malaysia telah mengeluarkan Arahan Pentadbiran 4/2010 secara khusus di dalam melarang penggunaan telefon bimbit dan membawa duit melebihi RM30 ketika bertugas. Perkara dan inisiatif ini menampakkan kesan yang positif di mana amaran ini telah mengurangkan kebarangkalian pegawai-pegawai terdedah kepada amalan rasuah secara terbuka di kaunter-kaunter. Selain itu pegawai Imigresen lebih fokus di dalam tugas dan produktiviti pegawai meningkat setelah arahan ini dikuatkuasakan.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md Nawli dan Yang Berhormat Senator Tuan Lee Cheam Choon mencadangkan agar kerajaan menetapkan supaya arahan tiket

confirm pergi balik diwajibkan bagi mengelakkan isu pelacur dari China datang ke Malaysia. Jabatan Imigresen Malaysia mempunyai beberapa mekanisme bagi mengawal kemasukan warganegara asing ke negara ini seperti proses tapisan awal melalui pengeluaran visa di kedutaan, kawalan dan pemeriksaan di kaunter-kaunter Imigresen meliputi pemeriksaan dokumen perjalanan, latar belakang **pengembara** dan penyemakan identiti berdasarkan pangkalan data senarai syak jabatan.

Malaysia juga merupakan sebuah negara yang bebas dan mengalu-alukan kedatangan warganegara asing sama ada untuk bekerja atau melancong asalkan mereka tidak tergolong sebagai imigran yang tidak diingini atau PATI.

■1700

Yang Berhormat Senator Tuan Lee Cheam Choon turut membangkitkan mengenai pemansuhan VOA oleh kerajaan. Untuk mempermudah permohonan visa di luar negara, kerajaan telah memperkenalkan *Visa Facilitation Services (VFS)*. Melalui inisiatif ini, Kerajaan Malaysia telah memberikan alternatif kepada warganegara asing yang ingin memohon visa Malaysia melalui *Visa Facilitation Services (VFS)* secara projek perintis oleh Syarikat Outsourcing VFS Global Pte. Ltd yang telah bermula pada 1 Jun 2010 di Mumbai dan Hyderabad, India.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawawi...

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh saya hendak tumpang tanya sedikit? Saya hendak tahu berapa lama tempoh diberi oleh kementerian kepada orang luar yang datang melancong ke mari? Misalnya kalau kita pergi negeri lain, dia ada tulis di situ, hanya 90 hari sahaja. Akan tetapi di Malaysia ini, saya lihat ia tidak letakkan berapa *limit*nya tetapi orang yang datang ini dia boleh masuk berapa hari, kemudian dia keluar sehari ke Singapura, masuk balik, kemudian keluar balik, masuk balik. Dengan itu dia boleh duduk dalam negeri ini selama 365 hari keluar, masuk, keluar, masuk tanpa balik ke negerinya. Jadi apa pandangan kementerian tentang isu ini? Terima kasih.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, kebiasaannya Imigresen akan memberi visa sosial selama 30 hari. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawawi memaklumkan bahawa pada masa akan datang sebanyak 25,000 orang warga asing dari negara India akan datang ke Malaysia. Kerajaan sedang dalam usaha meningkatkan kawalan kemasukan warga asing dan memantau pergerakan mereka dalam negara.

Di antaranya ialah dengan melatih para pegawai imigresen di barisan hadapan serta pasukan penguatkuasaan untuk meningkatkan tahap keupayaan mereka mengekang kemasukan warga asing secara tidak teratur. Selain itu juga, kerajaan kini sedang memperkemaskan sistem pengkomputeran di Jabatan Imigresen Malaysia menerusi perkembangan **myIMS** bertujuan untuk menambah baik sistem kawalan imigresen. Sistem biometrik warga asing yang bakal bermula pada tahun 2011 dijangka dapat memastikan kemasukan warga asing yang tulen dan memantau

pergerakan warga asing dalam negara. Setiap warga asing yang berada dan bakal memasuki Malaysia akan didaftarkan melalui sistem ini.

Berkenaan statistik jenayah yang dilakukan oleh pendatang tanpa izin yang telah datang ke Malaysia dengan pas lawatan tetapi bekerja di Malaysia sebagaimana perbincangan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid, dalam hal ini, statistik Jabatan Imigresen Malaysia sehingga November 2010 menunjukkan sejumlah 5,510 operasi telah dijalankan. Hasil daripada operasi tersebut, sebanyak 30,476 tangkapan telah dibuat. Tangkapan yang membabitkan kesalahan di bawah seksyen 15(4) Akta Imigresen 1959 iaitu kesalahan tinggal lebih masa selepas visa atau pas tamat tempoh adalah sebanyak 7,594 manakala tangkapan di bawah Peraturan 39(b) Peraturan Imigresen 1963 iaitu bagi kesalahan penyalahgunaan pas adalah sebanyak 4,864.

Seterusnya bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahman dan Yang Berhormat Senator Tuan Lee Cheam Choon berkenaan jumlah tahanan di semua depot tahanan di seluruh negara pada masa kini serta kos mengurus di depot tahanan sementara PATI dan masalah jenayah yang dilakukan oleh PATI. Jumlah tahanan di 12 buah depot sehingga 16 Disember 2010 menunjukkan terdapat seramai 5,029 orang tahanan. Kesemua 12 buah depot tahanan sedia ada ini mempunyai kapasiti untuk menampung sehingga 6,640 orang bagi sesuatu masa.

Pecahan kapasiti mengikut depot-depot adalah seperti berikut:

| Depot Tahanan Imigresen | Kapasiti (orang) |
|--------------------------------|-------------------------|
| Belantik | 350 |
| Juru | 550 |
| Langkap | 1,000 |
| Lenggeng | 1,200 |
| Machap Umboo | 200 |
| KLIA | 600 |
| Kemayan | 90 |
| Ajil | 700 |
| Tanah Merah | 350 |
| Semuja | 550 |
| Pekan Nanas | 450 |
| Bekenu | 600 |

Sementara itu, Depot Tahanan Semenyih masih dalam proses pembaikan dan belum dibuka. Kos mengurus 12 depot tahanan di seluruh negara sehingga 30 November 2010 adalah sebanyak RM21,919,000. Kos ini termasuk emolument kakitangan, kos makan minum tahanan serta lain-lain kos pengurusan depot berkenaan.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid menyentuh berkenaan masalah jenayah yang dilakukan oleh PATI dan langkah yang diambil untuk menangani perkara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik tangkapan oleh Jabatan Imigresen Malaysia

bagi kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-peraturan Imigresen 1963 adalah berjumlah 47,823 bagi tahun 2009 dan sebanyak 30,476 sehingga November 2010.

Tuan Yang di-Pertua, KDN khususnya Jabatan Imigresen Malaysia merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih di atas keprihatinan dan cadangan-cadangan untuk memperbaiki imej pegawai dan kakitangan JIM seperti mana yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Lee Cheam Choon dan Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Yang Berhormat, boleh bagi laluan?

Dato' Lee Chee Leong: Ya.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih atas jawapan tadi mengenai statistik PATI dan juga depot tahanan pendatang tanpa izin. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat mengenai Depot Tahanan KLIA. Kenapa berlaku juga bolos sedangkan Ketua Pengarah Imigresen telah pun ditukar diganti dengan orang baru? Kemudian, penambahbaikan dengan pasukan RELA dan juga – tidak tahu sama ada polis ataupun pihak Imigresen membantu menjaga depot ini. Adakah masalah depot ini masih dalam keadaan lama, tidak ada penambahbaikan ataupun pembaikan daripada infrastrukturnya ataupun sama ada – tidak dipasang dengan CCTV? Saya tengok kedai mamak tepi jalan yang buka 24 jam pun pasang CCTV. Akan tetapi depot tahanan ini, adakah masih tidak dipasang CCTV lagi ataupun masih lagi kecuai? Tiba-tiba tengok apabila berlaku bolos kali kedua, komandan ini ditukar serta-merta. Apakah ini jalan penyelesaian? Saya minta pandangan Yang Berhormat.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, memang terdapat satu kelemahan yang berlaku pada satu ketika. Walau bagaimanapun, KDN melalui Jabatan Imigresen Malaysia telah mengambil langkah-langkah untuk mengetatkan lagi pengawalan di depot-depot tahanan. Mengenai dengan CCTV, memang pemasangan CCTV sedang dijalankan yang mana belum ada dipasang. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, ada inisiatif lain seperti *flying squad* yang telah ditubuhkan yang saya akan jawab dalam jawapan ini.

■1710

Saya teruskan ya. Berkenaan dengan hal ini, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dan Dewan yang mulia ini, pasukan khas Kementerian Dalam Negeri yang dikenali sebagai *Flying Squad* KSU, KDN – JIM, turut dikenali sebagai FS telah ditubuhkan pada 22 Oktober 2010. Inisiatif FS ini merupakan sebahagian daripada beberapa usaha berterusan Kementerian Dalam Negeri untuk meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan Jabatan Imigresen Malaysia. Pasukan ini dianggotai oleh sepuluh orang pegawai berdasarkan tahap integriti yang tinggi serta rekod perkhidmatan yang baik. Pelaksanaan inisiatif ini dibuat secara berperingkat. Oleh yang demikian, kementerian hanya akan dapat menilai kejayaannya setelah pelaksanaan dibuat sepenuhnya.

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd. Nor memohon kementerian memberi ruang kepada pemilik kilang untuk mendapatkan pekerja asing dengan memudahkan kelulusan memandangkan terdapat pelbagai masalah birokrasi antara KSM, MITI dan JIM. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri (KDN) hanya bertindak sebagai urus setia di pusat kelulusan setempat (OSC). Setiap kelulusan pengambil pekerja asing di OSC ditentukan mengikut sektor dan norma-norma yang telah ditetapkan oleh pihak agensi kawal selia yang bertanggungjawab untuk menentukan nisbah dan kelayakan majikan berdasarkan norma-norma tersebut.

Sekiranya pekerja asing melanggar peraturan yang ditetapkan oleh pemilik kilang, mereka adalah tertakluk kepada tindakan disiplin ditentukan oleh pemilik kilang terbabit. Sekiranya pekerja asing melanggar peraturan Imigresen, maka mereka adalah tertakluk kepada tindakan undang-undang semasa yang terpakai.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawawi memberi cadangan agar premis pelacuran yang telah diserbu oleh pihak berkuasa menutup operasi secara kekal. Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian melalui PDRM sentiasa melakukan pemeriksaan dan operasi secara berterusan ke atas premis-premis yang disyaki melakukan aktiviti maksiat untuk membendung kegiatan tersebut. Walau bagaimanapun, penyitaan dan penutupan premis yang terlibat adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan yang mengeluarkan lesen. Tindakan tegas turut diambil menggunakan undang-undang pencegahan.

Yang Berhormat Senator Tuan Lee Cheam Choon membangkitkan mengenai sindiket lelaki warga asing khususnya dari negara Afrika yang memperdayakan wanita tempatan untuk mengedar dadah dan sindiket *Nigerian Scam*. Pihak polis memandang serius sindiket berkenaan dan akan mengambil tindakan tegas ke atas mereka yang terlibat. Antara peruntukan undang-undang yang digunakan adalah Seksyen 420, Kanun Keseksaan, Seksyen 4 Akta Jenayah Komputer dan Akta Imigresen bagi warga asing yang menyalahgunakan permit masuk.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahmad Hussin pula mencadangkan untuk mengenakan hukuman sebatan rotan kepada mat rempit. Tuan Yang di-Pertua, undang-undang sedia ada sudah memadai untuk menangani gejala rempit ini. Walau bagaimanapun, pada masa kini kerajaan sedang mengkaji cadangan untuk meminda beberapa peruntukan sedia ada di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987, bagi mengenakan hukuman yang lebih berat ke atas pesalah lumba haram dan samseng jalanan.

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Fatimah binti Hamat pula menyentuh berkenaan strategi yang digariskan dalam Dasar Dadah Negara seperti penguatkuasaan dan pencegahan rawatan dan pemulihan serta kerjasama antarabangsa dilaksanakan dalam membasmi penyalahgunaan dadah dan penglibatan kaum wanita dalam pengagihan dadah dan aktiviti pengedaran dadah antarabangsa. Pelan utama negara melalui Dasar Dadah Negara yang dilaksanakan melalui empat strategi teras seperti berikut:

- (i) strategi penguatkuasaan undang-undang;
- (ii) strategi pencegahan dan publisiti;
- (iii) strategi rawatan dan pemulihan; dan
- (iv) strategi kerjasama antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Fatimah binti Hamat juga membangkitkan mengenai sejauh manakah kejayaan PUSPEN Sungai Besi yang mengendalikan Klinik Cure and Care bagi rawatan dan pemulihan dalam merawat penagih dadah. Untuk makluman Yang Berhormat Senator dan Dewan yang mulia ini, Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Sungai Besi yang sebelum ini dikenali sebagai Pusat Serenti telah dijadikan sebagai PUSPEN terbuka mulai 1 Julai 2010 yang lalu. Diberi nama sebagai Klinik Cure and Care 1Malaysia (Klinik C&C 1Malaysia).

Klinik C&C 1Malaysia ditubuhkan sebagai satu inisiatif kerajaan menambah baik dan mentransformasikan perkhidmatan rawatan dan pemulihan kepada penagih dan pengguna dadah, keluarga, majikan dan sesiapa sahaja dalam kalangan masyarakat yang menghadapi permasalahan yang berkaitan dengan penyalahgunaan dan penagihan dadah.

Untuk makluman Yang Berhormat, keberkesanan Klinik C&C 1Malaysia Sungai Besi dapat dilihat daripada sambutan yang amat menggalakkan oleh mereka yang menghadapi permasalahan yang berkaitan dengan dadah. Di mana dalam tempoh lima bulan setengah, semenjak ianya dibuka pada 1 Julai 2010 hingga 17 Disember 2010, seramai 763 orang klien telah datang mendapatkan perkhidmatan rawatan dan pemulihan di klinik ini sama ada secara *inpatient* atau *outpatient*. Dari jumlah tersebut, seramai 40 orang adalah klien wanita dan selebihnya adalah terdiri daripada klien lelaki.

Perkara terakhir yang ingin saya jelaskan di Dewan yang mulia ini pada petang ini adalah berkenaan bilangan Pusat Serenti untuk wanita pada masa akan datang, seperti mana juga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Fatimah binti Hamat. Untuk makluman Yang Berhormat Senator dan Dewan yang mulia ini, kerajaan telah mewujudkan Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) khas untuk wanita di Bachok, Kelantan sejak tahun 2003 hingga sekarang dan tidak bercadang untuk menambah bilangan PUSPEN untuk wanita.

Berdasarkan sistem maklumat Agensi Antidadah Kebangsaan, jumlah penagih wanita yang dikesan sejak tahun 2005 hingga 2009 adalah seramai 2,032. Bilangan penagih wanita dari Januari hingga Jun 2010 pula adalah sebanyak 338 iaitu 2.8% daripada bilangan penagih dadah lelaki.

Setakat ini sahajalah penjelasan-penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan. Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator, yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan

Kementerian Dalam Negeri. Kementerian akan mengambil perhatian dan tindakan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Diminta Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan untuk menjawab.

5.19 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [Datuk Maglin Dennis D'Cruz]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Memberikan pandangan serta saranan yang menyentuh bidang tugas kementerian saya sepanjang sesi perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2011 yang telah berlangsung dari 14 hingga 16 Disember 2010 yang lalu.

■1720

Pihak kementerian akan memberi perhatian dan mengambil tindakan susulan kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Secara keseluruhannya, antara isu berkaitan kementerian yang telah menarik minat Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah dirumuskan merangkumi beberapa isu iaitu industri filem tempatan, dana industri kreatif, pengiktirafan ijazah ASWARA, warisan tulisan Jawi dan perkhidmatan internet dan jalur lebar.

Isu industri filem tempatan. Berhubung cadangan pemberian pulangan duit hiburan adalah dimaklumkan bahawa kementerian melalui FINAS sedang mengkaji semula pelaksanaan galakan pulangan duit hiburan agar pemberian ini akan dapat memberikan manfaat secara menyeluruh kepada semua penerbit filem tempatan. Mengenai penerbitan filem dokumentari, kementerian melalui Jabatan Filem Negara Malaysia telah membuat rancangan untuk menerbitkan produksi dokumentari kenegaraan pada tahun 2011 dan tahun 2012. Tajuk-tajuk produksi yang akan diterbitkan sedang dibincangkan dan didokumentasikan. Ini akan diterbitkan sebanyak 30 tajuk setahun dengan *duration* 60 minit setiap satu produksi.

Berhubung cadangan pengkorporatan FINAS...

Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram: [*Bangun*]

Datuk Maglin Dennis D'Cruz: ...Buat masa ini, kementerian tidak bercadang untuk membuat demikian.

Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram: Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat.

Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya bertanya berkenaan produksi drama-drama tempatan dan juga drama-drama bersiri. Berapa banyak dokumentari dalam bahasa Tamil yang sedang disiarkan pada waktu ini dan berapa banyak drama-drama tempatan bahasa Tamil yang disiarkan? Apakah langkah-langkah kementerian

bagi meningkatkan produksi pengeluaran drama-drama sebegini dan apakah bentuk-bentuk bantuan yang boleh didapati oleh para pengeluar filem? Terima kasih.

Datuk Maglin Dennis D’Cruz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, dalam bantuan meningkatkan industri ini RTM telah meningkatkan persatuan rancangan Tamil dari 9.82% kepada 14.58%, di mana jumlah jam seminggu ditingkatkan dari 16.5 jam kepada 24.5 jam dan juga industri-industri Tamil boleh datang ke kementerian untuk mendapatkan bantuan. Kalau mereka tidak datang ke kementerian, kami pun tidak tahu sebab FINAS bagi banyak bantuan pada masa sekarang. Sekian.

Isu dana kreatif. Isu dana industri kreatif...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Boleh mencelah? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak minta bahawa filem-filem Tamil yang ditayangkan sekarang dan juga filem di tayangan ada banyak elemen-elemen keganasan dan juga *vulgar* dengan izin. Ini tidak begitu sesuai untuk masyarakat India di Malaysia. Boleh saya tahu adakah wakil masyarakat ataupun wakil yang *independent* atau NGO yang menganggotai badan penapisan? Terima kasih.

Datuk Maglin Dennis D’Cruz: Terima kasih Yang Berhormat. Bagi pengetahuan Yang Berhormat, hanya filem-filem yang telah lulus penapisan barulah dibenarkan untuk ditayangkan di saluran TV kerajaan dan juga swasta. Penapisan ini dijalankan oleh Lembaga Penapisan Filem di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Isu dana industri kreatif. Pinjaman dana industri kreatif merupakan satu tabung modal pusingan yang boleh digunakan secara berterusan oleh penggiat industri kreatif yang menghadapi kekangan kewangan. Pinjaman dana ini merupakan pinjaman yang perlu dibayar balik dan produk kreatif yang dihasilkan perlu mempunyai strategik pemasaran berkesan dan berkualiti supaya mempunyai daya saing dan berupaya menjana pendapatan. Sehingga 30 November 2010, sebanyak 53 permohonan telah ditolak atas justifikasi berikut:

- (i) rekod kredit syarikat yang kurang memuaskan;
- (ii) pembangunan kandungan kreatif yang lemah; dan
- (iii) projek atau produk yang dipohon dan di cadang perniagaan yang tidak berjaya maju.

Isu pengiktirafan ijazah ASWARA. Tuan Yang di-Pertua, ASWARA adalah sebuah institusi pengajian tinggi yang ditubuhkan di bawah Akta Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan 2006 [Akta 653]. Di bawah akta ini, ASWARA boleh menawarkan pengajian peringkat diploma dan ijazah tinggi.

Sebelum ini, ASWARA dikenali sebagai Akademi Seni Kebangsaan (ASK) dan diploma yang ditawarkan mendapat pengiktirafan daripada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Ramai graduan lulusan ASK mendapat pekerjaan di pelbagai sektor awam dan swasta. ASWARA ketika ini sedang dinilai oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi mendapatkan

pengiktirafan kepada program diploma dan ijazah sarjana muda dengan kepujian ASWARA bagi membolehkan graduan menyertai perkhidmatan awam. Selain itu, mengenai cadangan untuk menambah sukatan pelajaran dalam Pendidikan Islam. Subjek tersebut telah terangkum dalam sukatan pembelajaran di ASWARA untuk memantapkan keterampilan dan sahsiah dari graduan ASWARA.

Isu warisan tulisan Jawi. Kementerian menerusi Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sentiasa melaksanakan usaha-usaha membudayakan tulisan Jawi di kalangan rakyat Malaysia terutamanya kepada pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi (IPT). Antara program dan aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) mengadakan pameran, bengkel, pertandingan dan permainan Jawi antara pameran tulisan Jawi bergerak, bengkel, klinik Jawi dan seni giat, pertandingan esei dan cerpen Jawi;
- (ii) menerbitkan dan mengadakan perisian k-Jawi, buku tatih Jawi, majalah Semarak Jawi dan Antologi Cerpen Kemerdekaan, tadika, sekolah rendah dan menengah di seluruh Malaysia; dan
- (iii) menerbitkan sisipan akhbar Jawi, Utusan Melayu, Mingguan pada setiap hari Isnin.

■1730

Tuan Yang di-Pertua, isu perkhidmatan Internet dan jalur lebar. Merujuk kepada kemudahan akses Internet di kawasan pendalaman dan luar bandar, adalah dimaklumkan bahawa di bawah Strategik Inisiatif Jalur Lebar Nasional (NBI) seluruh negara termasuk kawasan luar bandar akan disediakan liputan jalur lebar berkelajuan setinggi 2 Mbps menerusi jalur lebar untuk orang awam atau *Broadband for General Population Project* dengan izin. Ini menyediakan perkhidmatan jalur lebar kepada rakyat Malaysia dengan menggunakan pelbagai teknologi berwayar dan tanpa wayar di bawah insentif pihak swasta.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Kementerian di bawah SKMM telah menguatkuasakan standard mandatori untuk mutu perkhidmatan – *mandatory standard for service* bagi perkhidmatan capaian jalur lebar talian tetap wayar broadband akses, dengan izin yang mesti dipatuhi oleh – menyediakan perkhidmatan jalur lebar sejak tahun 2004.

Mengenai dakwaan produk jalur lebar yang ditawarkan oleh Telekom Malaysia Berhad (TM) dimonopoli oleh golongan tertentu sahaja adalah tidak benar. TM telah menawarkan pelbagai produk mengikut keperluan penggunaan, penawarnya mencukupi. Empat segmen pelanggan yang dikenal pasti iaitu segmen pengguna, pengusaha kecil dan sederhana (PKS),

korporat dan kerajaan. Perkhidmatan utama TM seperti Streamyx and UniFi pula boleh didapati di semua kawasan yang mempunyai infrastruktur rangkaian Streamyx dan UniFi.

Pihak TM sentiasa komited dalam memastikan semua produknya memberikan perkhidmatan yang berkualiti. Walau bagaimanapun beberapa faktor seperti kecurian, kerosakan kabel serta peralatan semasa membina jalan serta bencana alam seperti petir dan banjir, menjejaskan perkhidmatan yang kekal bagi mengawal risiko tersebut. TM telah mewujudkan Pusat Jaminan Perkhidmatan (SAC) dan Program Kesinambungan Perkhidmatan (BCM) untuk memastikan gangguan perkhidmatan di tahap minimum.

Selain daripada itu, isu pengagihan jalur-jalur spektrum 700Mhz, 850, 900, kementerian melalui SKMM sedang menyusun semula proses pengagihan bagi membolehkan industri selular menyediakan perkhidmatan jalur lebar, memudahkan generasi baru, *Next Generation Mobile Network* (NGMN).

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sikit sahaja soalan saya berkenaan dengan perkhidmatan *broadband* dan sebagainya. Masalah sekarang ini contohnya di tempat saya di Baling. Jualan *broadband* itu begitu banyak, sedangkan kapasiti pemancar tidak cukup. Jadi kita terpaksa bila guna *broadband*, tunggu sejam untuk *booked ticket*, pergi Sembahyang Jumaat, balik-balik tiket dah naik harga. Jadi begitu lama, soalnya perkhidmatan itu dijual tetapi penyediaan peralatan termasuk pemancar tidak cukup. Apa tindakan kementerian Yang Berhormat?

Datuk Maglin Dennis D'Cruz: Sebenarnya sekarang kementerian telah membuat satu kajian untuk membuat *high-speed* dengan izin, *high-speed broadband*. Kajian ini sedang dijalankan di bandar-bandar terlebih dahulu.

Merujuk kepada isu penguat kuasa dan pemantauan. Kedudukan laman web dan *blog* kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa memantau dan mengambil tindakan ke atas *bloggers* yang melanggar peraturan dan undang-undang sedia ada. Kerjasama bersepadu bersama Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Peguam Negara sentiasa diberi perhatian oleh kementerian ini, memandangkan sesetengah kes perlu dirujuk kepada kementerian, jabatan yang berkaitan khususnya bagi tindakan yang melibatkan isu Kanun Keseksaan, hasutan dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Kementerian Sumber Manusia.

Puan Chew Lee Giok: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya tidak dijawab.

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalan Yang Berhormat itu?

Puan Chew Lee Giok: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk. Sewaktu perbahasan, saya ada membangkitkan soalan tetapi tidak dijawab. Saya ulangi soalan itu,

adakah duti hiburan sebanyak 20% untuk *Ice-Kacang Puppy Love* itu akan dipulangkan kepada penerbit filem dalam masa yang terdekat ini. Terima kasih.

Datuk Maglin Dennis D'Cruz: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Yang Berhormat, saya dah jawab tadi iaitu hal ini masih dalam kajian.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta beginilah Yang Berhormat, dapatkan satu jawapan kemudian jawab secara bertulis. Saya teruskan kepada Kementerian Sumber Manusia, sila Yang Berhormat.

5.37 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan yang menyentuh isu-isu berkaitan dengan Kementerian Sumber Manusia. Pertama saya ingin menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Usha Nandhini dan Yang Berhormat Dato' Dr. Yeow Chai Thiam yang membangkitkan isu program pemilikan rumah untuk pekerja ladang. Kementerian Sumber Manusia telah diberi peruntukan sebanyak RM50 juta bagi melaksanakan program pembiayaan perumahan kos rendah untuk pekerja-pekerja estet.

Kementerian sedang dalam proses untuk melancarkan program ini pada tahun 2011, pengumuman akan dibuat di dalam sedikit masa lagi. Untuk makluman Dewan yang mulia, skim ini hanya terbuka kepada pekerja-pekerja ladang yang masih bekerja di ladang secara tetap, bekas-bekas pekerja ladang adalah tidak layak untuk memohon pinjaman di bawah skim ini. Di antara kandungan pakej pinjaman Program Pembiayaan Perumahan Kos Rendah untuk pekerja-pekerja estet ini ialah di antara lain ia adalah untuk pembelian rumah kos rendah sahaja dan rumah kos rendah didefinisikan sebagai nilai semasa hartanah atau harga belian yang tidak boleh melebihi RM60,000 di mana lebih rendah. Ia mestilah pinjaman atau pembiayaan perumahan pertama sahaja.

Pembeli rumah terdiri daripada pekerja-pekerja estet yang berjawatan tetap dan mempunyai pendapatan tetap. Jenis-jenis ladang yang diambil kira adalah seperti ladang getah, kelapa sawit, kelapa, teh, buah-buahan, tebu dan lain-lainnya. Selain daripada itu, peminjam mestilah warganegara Malaysia dan pinjaman boleh dibuat secara individu atau secara bersama dengan pasangan suami atau isteri atau anak.

■1740

Seterusnya, pinjaman ini merentasi pembiayaan dua generasi dibenarkan anak berumur 21 tahun ke atas dan telah bekerja untuk dinamakan sekali di dalam pinjaman tersebut. Pekerja mestilah sudah bekerja sekurang-kurangnya selama 10 tahun. Itu adalah di antara daripada syarat-syarat yang dikenakan dan syarat yang lebih terperinci akan diumumkan dan di edarkan untuk pengetahuan seterusnya. Bercakap tentang skim pemilikan rumah ada lagi satu isu

perumahan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Yeoh Chai Tiam yang juga membangkitkan isu pekerja asing Indonesia yang dipaksa duduk di asrama.

Jadi bagi makluman Dewan yang mulia ini, setiap pekerja asing yang bekerja di negara ini tanpa mengira sektor akan diberi kemudahan tempat tinggal atau asrama. Kemudahan ini mesti disediakan oleh majikan kepada setiap pekerja asing yang digajikan dan diberi secara percuma. Contohnya, bagi majikan di sektor perladangan di mana rumah ladang disediakan. Hanya pembantu rumah asing sahaja yang dibenarkan untuk menetap bersama-sama majikan kerana faktor tugas yang berkait rapat dengan tugas harian seperti menguruskan rumah tangga, memasak, menjaga anak, menjaga orang tua, dan lain-lainnya.

Saya juga difahamkan Yang Berhormat merujuk kepada kenyataan akhbar yang baru ini menyiarkan bahawa pembantu rumah sedang dikaji oleh pihak tertentu untuk di – supaya mereka berulang alik daripada asrama yang akan disediakan. Merujuk kepada hal ini, saya ingin memaklumkan bahawa perkara ini tidak ada dimaklumkan kepada kementerian secara rasmi tetapi pada masa ini pembekuan pengambilan pembantu rumah dari Indonesia masih lagi berkuat kuasa. Ingin saya maklumkan dalam pada itu terdapat negara-negara sumber lain yang sudah bertambah kedatangan pembantu rumah. Contohnya, dari Kemboja kita dapati bahawa sejak tahun 2008 hanya 8,508 orang pembantu rumah. Tahun 2009 meningkat kepada 10,153 orang dan sehingga Ogos 2010 sudah meningkat lagi kepada 24,547 orang.

Nampaknya Tuan Yang di-Pertua, Kemboja merupakan negara sumber yang kian popular pada masa ini dan kita juga sedang mengkaji tentang negara-negara sumber yang lain. Seterusnya, saya ingin merujuk kepada Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn yang mana ada bertanya tentang kemajuan yang telah dicapai mengenai dengan isu gaji minimum. Untuk makluman...

Datuk Akbar bin Ali: Mohon izin Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Maznah binti Mazlan: Saya.

Datuk Akbar bin Ali: Berkenaan dengan pembantu rumah dari Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya lihat Indonesia dalam bahasa mudah banyak sangat songehnya dalam urusan pembantu rumah dan juga nampaknya bertegang urat dan kurang berterima kasih serta menghargai terhadap negara kita. Boleh atau tidak di dalam rundingan itu nanti Yang Berhormat Timbalan Menteri pihak kerajaan lebih bertegas dalam berunding dengan kerajaan Indonesia dan kita mencarilah sumber-sumber lain seperti mana yang disebutkan tadi *to diversify* dengan izin sumber untuk pembantu rumah. Terima kasih.

Dato' Maznah binti Mazlan: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Akbar. Saya rasa *market forces* dan keadaan-keadaan di mana pembekuan ini berkuat kuasa kita lihat berlaku proses-prosesnya sendiri. Itu sebab saya rasa kini ramai rakyat Malaysia sudah berusaha berikhtiar untuk melihat negara-negara sumber yang lain. Maka itu kita lihat Kemboja salah satu negara *favorite*, kegemaran rakyat Malaysia pada hari ini dan bilangannya nampaknya kian

meningkat. *Insyah-Allah*, dalam rundingan saya yakin Kementerian Dalam Negeri dan juga Kementerian Sumber Manusia yang merupakan satu anggota dalam rundingan tersebut akan sentiasa mengambil kira kepentingan majikan di Malaysia.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjawab tadi. Saya hendak tanya ada atau tidak kementerian mempunyai hasrat untuk menyelaraskan pembayaran mendapatkan pembantu rumah ini kepada agen-agen kepada kita? Ini kerana kita lihat sekarang ini agen-agen mengikut suka hati mereka yang bayar RM8,000, RM3,000, RM10,000 tidak selaras penyelarasan agen ini untuk mendapatkan pembantu rumah. Boleh atau tidak kementerian mengawal kepada agen ini supaya dapat diselaraskan pembayaran bagi mendapatkan pembantu rumah. Terima kasih.

Dato' Maznah binti Mazlan: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati. Di dalam rundingan kita dengan kerajaan Indonesia, faktor struktur kos ini adalah salah satu daripada perkara yang dibicarakan. Begitu juga dengan negara-negara lain di mana kita ada sama ada persefahaman ataupun persefahaman yang mana kos merupakan salah satu faktor yang mendorong sama ada negara sumber itu akan diterima dengan lebih daripada negara yang lain.

Seterusnya, saya memohon untuk menjawab lagi sekali tadi soalan Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati mengenai dengan gaji minimum. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan telah bersetuju untuk menubuhkan Majlis Konsultasi Gaji Negara pada Januari 2011 dan majlis ini akan menjadi gelanggang utama dalam penetapan upah pekerja-pekerja di negara ini. Kementerian Sumber Manusia sedang membuat persiapan bagi penubuhan majlis ini dan majlis ini akan dianggotai oleh wakil-wakil majikan, kesatuan sekerja, agensi-agensi kerajaan, ahli-ahli akademik dan individu-individu berkepakaran.

Majlis ini antara lain bertanggungjawab mengenal pasti mekanisme pelaksanaan gaji minimum yang terbaik dari segi kadar gaji, liputan sektor atau industri yang akan terlibat dan sebagainya. Dalam masa yang sama, draf undang-undang akan diangkat *insyah-Allah* pada April 2011 mengenai dengan pelaksanaan perkara ini dan satu kajian juga akan dibuat dengan dua bank sebagai perundingan untuk melihat aspek guna tenaga, pelaburan belanjawan dan produktiviti yang akan diambil kira oleh majlis itu di dalam membuat cadangan kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin membangkitkan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan yang begitu kluatir terhadap perjanjian yang akan dimeterai mengenai dengan pekerja iaitu berhubung dengan hubungan Malaysia-EU dan juga *Free Trade Agreement* yang akan ditandatangani. Kita dapati bahawa Kementerian Sumber Manusia sebagai salah satu ahli dalam rundingan tersebut mengambil maklum mengenai isu-isu kepentingan yang akan dibangkitkan dalam rundingan Malaysia-EU

FTA ini khususnya berkaitan pemburuan. Kementerian akan memastikan bahawa kepentingan negara, pekerja dan majikan diutamakan.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang begitu memandang berat dan mengingatkan kerajaan supaya berhati-hati di dalam hal ini. Seterusnya, Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati juga ada membangkitkan tentang isu skim pencen bagi sektor swasta dan pada masa ini saya ingin memaklumkan kerajaan masih belum menentukan mekanisme skim pencen bagi sektor swasta memandangkan satu kajian *actually* yang komprehensif perlu dijalankan sebelum skim pencen ini dapat dilaksanakan. Satu kertas akan diangkat ke kabinet oleh Kementerian Sumber Manusia dan perkembangan seterusnya akan boleh diikuti dari pengumuman-pengumuman yang akan dibuat oleh pihak kerajaan.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

■ 1750

Yang Berhormat Timbalan Menteri itu MNC apabila ia *outsource*, dengan izin kerja kepada kontraktor, saya nampak perlindungan sosial kepada pekerja-pekerja kontraktor sangat kurang. Gaji pun sangat kurang. Saya nampak di beberapa tempat pekerja-pekerja ini dalam keadaan kemiskinan. Apakah jaminan untuk kebajikan warganegara Malaysia yang bersangkutan dengan perkara ini? Terima kasih.

Dato' Maznah binti Mazlan: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tentang perlindungan dan juga pelaksanaan yang dibuat oleh syarikat-syarikat *outsource* ini merupakan perkara-perkara yang dalam perhatian kerajaan yang sedang dikaji. Untuk makluman bersama, berkenaan dengan isu kemiskinan ini, memang kerajaan sudah mengakui fakta-fakta ini, yang mana kita dapati di dalam kajian sumber tenaga kerja 2009 yang diadakan baru-baru ini, kita dapati daripada 1.3 juta *sampling* yang kita buat, kita dapati 33.9% daripada pekerja-pekerja di Malaysia mempunyai bayaran ataupun upah yang kurang daripada RM700 iaitu di bawah paras kemiskinan. Oleh itu, gaji minimum merupakan salah satu daripada kaedah yang telah dipersetujui oleh kerajaan untuk memastikan bahawa paras gaji yang akan diputuskan ini dapat menampung kos-kos kehidupan rakyat Malaysia di masa yang akan datang. Jadi, ini isu perlindungan upahan dan yang lain-lainnya akan diambil kira di dalam pelaksanaan yang akan dibuat oleh Majlis Konsultasi Gaji ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat mencadangkan pemberian cuti bersalin kepada pekerja wanita tidak dihadkan kepada lima orang anak sahaja. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, seksyen 37A Akta Kerja 1955 telah memperuntukkan cuti bersalin bagi tempoh tidak kurang daripada 60 hari berturut-turut bagi setiap kali pekerja wanita bersalin, dan tidak dihadkan kepada bilangan anak. Walau

bagaimanapun, seksyen 37C memperuntukkan bayaran gaji pada masa bersalin hanya setakat lima orang anak sahaja. Buat masa ini, kerajaan belum berhasrat untuk memanjangkan bayaran gaji kepada anak keenam dan seterusnya. Walau bagaimanapun, kajian mendalam yang melibatkan pihak-pihak lain iaitu melalui kaedah *tripartism* yang melibatkan kerajaan, majikan dan wakil pekerja, perlu dilakukan sebelum pindaan mana-mana peruntukan dalam Akta Kerja 1955 hendak dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh tentang isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Ng Fook Heng dan juga Yang Berhormat Senator Datuk Paul Kong Sing Chu berkaitan dengan latihan usahawan dan latihan graduan yang mana mereka bercakap mengenai program kebolehpekerjaan siswazah. Salah satu yang dibangkitkan ialah mengenai dengan sistem latihan yang dibuat oleh pembangunan sumber manusia yang mana latihan *speacialized and advanced training* bagi melatih semula graduan untuk mengatasi masalah tidak kompeten itu dapat diatasi. Kerajaan melalui pembangunan sumber manusia berhad telah melaksanakan program ini untuk melengkapkan graduan dengan kemahiran yang diperlukan dan juga untuk memastikan mereka akan mendapat penempatan dalam sektor pekerjaan. Setakat ini program diploma untuk siswazah-siswazah yang ada diploma dan graduan yang telah dilaksanakan melibatkan 2,250 orang graduan.

Seterusnya, saya ingin juga menyentuh tentang soalan yang dibangkitkan oleh lagi sekali Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati berkenaan dengan jawatan kekosongan tenaga pekerja di sektor pembuatan, perkhidmatan dan profesional. Bagi maklumat Dewan yang mulia ini, pelbagai langkah telah diambil oleh kementerian bagi mengurangkan kekosongan tenaga kerja di sektor pembuatan, perkhidmatan dan profesional. Salah satu kaedahnya ialah yang mana kita menggunakan portal pendaftaran dan carian kerja secara elektronik yang *dibrankan* sebagai JobsMalaysia. Di dalam pendaftaran ini, kita dapati sehingga ini jumlah profesional yang berdaftar untuk mencari kerja ialah dalam 11,144, dalam bidang perkhidmatan seramai 22,557 dan seterusnya dalam sektor pembuatan seramai 89,030. Keseluruhannya penempatan yang telah dilaksanakan melalui sistem ini ialah dalam 106,725 termasuklah antaranya mereka daripada sektor-sektor yang disebutkan tadi.

Selain daripada itu, lain-lain usaha yang dibuat Kementerian Sumber Manusia telah mewujudkan pusat JobsMalaysia di 12 pusat di seluruh negeri. Juga JobsMalaysia *point* di 80 pejabat Jabatan Tenaga Kerja seluruh negeri dan di lain-lain pusat latihan di bawah Kementerian Sumber Manusia sebanyak 27 buah pusat. Usaha-usaha ini ialah untuk membolehkan mereka yang mencari kerja untuk membuat carian juga untuk mendapatkan kaunseling daripada pegawai-pegawai yang bertugas dan panduan-panduan melalui risalah-risalah yang ada disediakan. Selain daripada itu, karnival-karnival pekerjaan juga iaitu satu kaedah yang mana majikan-majikan dibawa turun ke satu lokasi yang dibuat sepanjang tahun. Melalui karnival ini, ia

merupakan kaedah yang mana kerajaan membawa pekerjaan kepada pencari kerja. Ini adalah antara usaha-usaha yang dibuat dalam usaha untuk mengisi kekosongan jawatan yang ada.

Seterusnya, saya ingin merujuk pada soalan yang dibangkitkan lagi sekali oleh Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat yang ingin tahu langkah-langkah kerajaan untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga buruh. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita dapati bahawa pada masa ini bilangan tenaga kerja dalam pasaran adalah dalam 11.5 juta, yang di luar pekerjaan adalah dalam 6.9 juta. Daripada 6.9 juta ini, sebahagian besarnya mempunyai potensi untuk bekerja dan kita memanggilnya sebagai *latent workforce*, dengan izin iaitu mereka yang boleh bekerja sekiranya disediakan kemudahan-kemudahan dan sokongan-sokongan tertentu. Daripada 6.9 juta ini, 3.2 juta adalah wanita dan sebahagian besarnya adalah suri rumah tangga. Lain-lain adalah tenaga yang sudah berpencen, yang mana Tuan Yang di-Pertua, keadaan kesihatan di negara kita ini standardnya sudah meningkat. Oleh itu, ramai mereka yang sudah berpencen tetapi masih segar-bugar dan boleh bekerja lagi. Ini ada dalam 400,000 di negara ini, Orang Kurang Upaya dalam 100,000 dan pelajar-pelajar 2 juta yang boleh dianggap mempunyai potensi untuk bekerja.

Berbalik kepada soalan tadi, apakah yang boleh kita lakukan untuk melibatkan lebih ramai wanita. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, usaha-usaha untuk meningkatkan keupayaan wanita bekerja, pertama mestilah kita bersedia menyediakan pusat-pusat untuk mereka meninggalkan anak-anak kecil mereka. Ini saya yakin akan dapat memudahkan mereka untuk meninggalkan rumah dan berkeyakinan bahawa anak mereka berada dalam sejahtera.

■ 1800

Seterusnya kaedah *flexi-hours* yang membolehkan wanita bekerja datang lambat sedikit atau menyesuaikan waktu bekerja mengikut persetujuan dengan majikan. Pada 1 Oktober yang lalu kita dapati Yang Berhormat Menteri juga telah mengumumkan peraturan kerja separa waktu di mana jika mereka bekerja 30% hingga 70% waktu yang sepatutnya bekerja – maksud saya waktu bekerja sepenuhnya adalah lapan jam sehari, jika mereka kurang 30% hingga 70% di antara 2.4 jam hingga 5.6 jam, mereka layak diiktiraf sebagai pekerja dan layak mendapat hak-hak sebagai seorang pekerja seperti cuti am, cuti awam, cuti sakit dan lain-lainnya.

Selain daripada itu, begitu juga dengan latihan-latihan kemahiran yang ada pada masa ini ia juga boleh melibatkan wanita ini untuk meningkatkan keupayaan mereka memasuki sektor pekerjaan. Selain daripada itu, kemudahan-kemudahan mikro kredit membolehkan mereka berniaga dan Kementerian Sumber Manusia juga pada masa ini ada satu kaedah di mana kerja dihantar ke rumah suri-suri rumah tangga, ibu tunggal dan mereka di bawah paras kemiskinan untuk terlibat dengan kerja-kerja dengan pihak swasta seperti pembungkusan, menjahit, memintal dawai dan lain-lainnya dan mereka boleh mempunyai bayaran sebulan di antara RM400 hingga RM600.

Setakat ini 161 buah syarikat sudah terlibat dalam Program Homeworking dengan izin atau bekerja di rumah ini yang melibatkan 2,830 orang wanita.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh soalan Yang Berhormat Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd Nor yang meminta jawapan berkenaan dengan usaha-usaha kerajaan untuk mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing.

Untuk menjawab soalan ini, pada masa ini kita dapati terdapat dalam 1.8 juta pekerja asing di negara ini dan dasar untuk memperkasakan bidang kemahiran di mana tenaga kerja di negara ini bilangan yang berkemahiran tinggi akan dipertingkatkan daripada 28% pada masa ini kepada 40% hingga 45% menjelang tahun 2020 akan membekalkan pekerja-pekerja Malaysia dengan kemahiran tinggi yang boleh meneruskan kerja berasaskan kepada teknologi.

Penggunaan teknologi automasi dan sistem kerja yang terkini akan dapat bukan hanya memberi mereka pulangan atau upahan yang tinggi seperti hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi, tetapi juga akan dapat mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing.

Contohnya di dalam sektor perladangan, kerajaan menggalakkan penggunaan teknologi automasi seperti mesin cantas, alat pembungkusan secara mekanikal, struktur jaring kalis serangga dan lain-lain lagi. Di sektor perkhidmatan, penggunaan mesin pencuci pinggan mangkuk dan *self-service* dengan izin, layan diri di restoran dan juga di pam minyak antara kaedah-kaedah yang boleh dilaksanakan termasuk juga dalam sektor pembinaan menggunakan teknologi berasaskan *industrial building system* dengan izin dapat mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing.

Tadi saya telah menyentuh bagaimana penggunaan *Layton workforce* dengan izin yang begitu ramai juga dapat mengurangkan penggantungan kepada pekerja asing. Tadi kita juga telah membincangkan tentang gaji minimum yang akan dikenalkan di mana akan menarik lebih ramai tenaga kerja tempatan untuk bekerja. Seperkara lagi ialah supaya kerajaan dapat menempatkan industri di kawasan-kawasan di mana sudah tersedia ada ramai tenaga kerja seperti di kawasan saya contohnya.

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Kabinet Pekerja Asing yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sentiasa memantau dan membuat keputusan-keputusan berkaitan dengan pekerja asing di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya izinkan saya untuk menjawab soalan mengenai dengan bayaran rawatan dialisis yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Yeow Chai Thiam di mana Yang Berhormat telah mencadangkan supaya PERKESO dapat membantu golongan mereka yang mengidap penyakit kronik seperti penyakit buah pinggang dengan membiayai kos perubatan dan juga kos pemeriksaan darah yang diperlukan dari semasa ke semasa.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, PERKESO sehingga kini telah melebarkan perkhidmatannya bukan hanya sekadar memberi pampasan tetapi penyakit buah pinggang

adalah salah satu daripada perkara yang diberi tumpuan. Kita dapati bahawa tahun 2010 bilangan pekerja yang mengidap penyakit buah pinggang yang ditanggung oleh PERKESO ialah seramai 5,255 orang dan kita dapati ia melibatkan kos pada tahun 2009 ialah lebih daripada RM53.52 juta.

Kita dapati bahawa selain daripada itu, bagi mereka yang terlibat dengan penyakit buah pinggang ini, PERKESO juga memberi lain-lain perkhidmatan dan menampung lain-lain kos seperti memasang alat '*fistula*' untuk memudahkan kemasukan jarum yang dibuat tiga kali seminggu contohnya di mana kosnya adalah RM1,000 pada setiap kali. Tiap-tiap kali juga mendapat perubatan, kos perubatan itu di antara RM100 hingga RM150 setiap *treatment* ditanggung oleh PERKESO. Selain daripada itu kita dapati juga mereka yang sudah menjalani dialisis tiga kali seminggu dan dua kali seminggu terpaksa diberi suntikan untuk merangsang pertumbuhan darah merah di mana kosnya *disubsidizekan* juga oleh PERKESO.

Oleh itu buat masa ini PERKESO tidak lagi bercadang untuk membiayai kos pemeriksaan kesihatan bagi pekerja itu buat sementara waktu ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan Yang Berhormat Senator yang telah mengemukakan soalan, pandangan, cadangan dan juga komen-komen yang mana diambil serius oleh kementerian ini. *Insyah-Allah* sekiranya ada perkara-perkara yang tidak saya sentuh dan huraikan, saya memohon supaya Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dapat terus menghubungi saya atau Yang Berhormat Menteri. Saya sudah dengan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Dipersilakan.

6.09 ptg.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Perbekalan 2011 yang menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Seramai sembilan orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini tetapi saya buat *count* tadi Tuan Yang di-Pertua, cuma enam Ahli-ahli Yang Berhormat yang masih ada dalam Dewan ini. Saya minta pandangan Tuan Yang di-Pertua sama ada saya perlu menjawab isu-isu yang telah dibangkitkan mereka yang sekarang tidak ada dalam Dewan ini.

■1810

Tuan Yang di-Pertua: Betul. Bagus Yang Berhormat, saya mencadangkan Yang Berhormat jawab mana yang ada sahaja.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang lain itu Yang Berhormat jawab bertulis.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Doris Sophia Brodi memohon peruntukan yang lebih kepada rakyat Sarawak bagi kemudahan asas infrastruktur dan program bantuan rumah. Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh untuk dua tahun yang pertama iaitu tahun 2011 dan 2012, kementerian menerima siling peruntukan pembangunan sebanyak RM14.93 bilion. Dari jumlah tersebut Negeri Sarawak menerima sebanyak RM4.85 bilion iaitu 32.48%. Manakala dalam Bajet 2011 negeri Sarawak merupakan antara negeri yang tertinggi menerima peruntukan pembangunan iaitu sebanyak RM2.56 bilion atau 32.4% daripada jumlah keseluruhan peruntukan pembangunan Bajet 2011 iaitu sebanyak RM7.9 bilion.

Di bawah program bantuan rumah pula, agihan Bajet 2011 bagi negeri Sarawak adalah berjumlah sebanyak RM110.402 juta yang merupakan 36.8% daripada jumlah keseluruhan sebanyak RM300 juta. Berdasarkan peruntukan ini disasarkan sebanyak 3,811 unit buah rumah akan dibina dan di baik pulih di negeri berkenaan. Yang Berhormat Senator Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf menyarankan agar peruntukan pembangunan di Pulau Banggi tetapi ada orang sebut 'Banggi' kalau ikut ejaan Banggi, berjumlah RM174 juta digunakan untuk meningkatkan ekonomi penduduk setempat.

Seperti mana Yang Berhormat Senator sedia maklum bahawa pelaksanaan Projek Agropolitan Pulau Banggi adalah untuk mengeluarkan ketua isi rumah miskin tegar daripada belunggu kemiskinan melalui peningkatan pendapatan. Projek Agropolitan Pulau Banggi melibatkan 400 peserta berkeluasan 1,800 hektar dengan aktiviti tanaman getah dan ternakan ikan. Saranan Yang Berhormat Senator adalah selari dengan matlamat yang disasarkan kementerian dalam memastikan peruntukan yang dibelanjakan itu memberi limpahan manfaat bukan sahaja kepada peserta tetapi juga kepada penduduk Pulau Banggi secara keseluruhannya.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Yeow Chai Thiam memohon diwujudkan tanam permainan kanak-kanak, taman rekreasi bagi belia-belia dan juga memohon supaya balai-balai raya di kampung-kampung diganti dengan dewan-dewan orang ramai yang lebih besar. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian sentiasa prihatin dan komited di dalam menyediakan kemudahan ameniti sosial kepada masyarakat di kawasan luar bandar seperti penyediaan taman permainan kanak-kanak dan juga balai-balai raya. Sehubungan itu, kementerian telah dan akan mempertimbangkan setiap permohonan yang diterima bagi tujuan

penyediaan kemudahan ameniti sosial ini kepada masyarakat di luar bandar berdasarkan keutamaan serta peruntukan yang disediakan.

Selaras dengan pembentangan Bajet 2011 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, permohonan bagi program ameniti sosial termasuk penggantian balai-balai raya di kampung-kampung yang diterima oleh kementerian akan disalurkan kepada Unit Penyelaras Projek (ICU) Jabatan Perdana Menteri untuk dipertimbangkan di bawah projek Penyelenggaraan Infrastruktur Awam (PIA) dan Projek Infrastruktur Asas (PIAS) yang dibiayai melalui peruntukan khas Kementerian Kewangan.

Yang Berhormat Senator juga menyarankan agar bekalan elektrik dan air hendaklah dipastikan agar 100% dapat diberikan kepada penduduk luar bandar. Kementerian sememangnya komited dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan infrastruktur asas luar bandar. Di bawah Tempoh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dari tahun 2010 sehingga 2012 kementerian telah menasaskan:

- (i) liputan bekalan elektrik luar bandar di Semenanjung Malaysia sebanyak 99.9% dan 95% di Sabah dan Sarawak; dan
- (ii) liputan bekalan air luar bandar di Semenanjung Malaysia sebanyak 98% dan 90% di Sabah dan Sarawak.

Berkaitan dengan lampu-lampu dipasang di jalan-jalan kampung, kerajaan masih meneruskan pelaksanaan Projek Lampu Jalan Kampung di kampung-kampung yang belum dipasang dengan lampu jalan kampung tertakluk kepada skop dan peruntukan yang diluluskan oleh Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri pada tahun ini. Sehingga kini sejumlah 170,201 unit lampu jalan kampung telah siap dipasang di kampung-kampung yang layak seluruh negara berdasarkan senarai muktamad yang disediakan oleh Pejabat Pembangunan Negeri. Kerajaan juga akan meneruskan pembiayaan kos operasi dan penyelenggaraan bagi semua lampu jalan kampung yang telah siap dipasang.

Berhubung dengan baik pulih dan naik taraf jalan-jalan di kawasan luar bandar pula, pada tahun 2010 sejumlah RM1.3 bilion telah diperuntukkan untuk membina dan menaik taraf jalan-jalan di kawasan luar bandar di seluruh Malaysia di bawah Program Jalan Luar Bandar dan RM65 juta di bawah Program Jalan Kampung. Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh skop bagi pelaksanaan Projek Jalan Kampung ini juga telah diperluaskan kepada naik taraf jalan ladang dan jalan pertanian untuk kemudahan dan keselesaan masyarakat di luar bandar.

Yang Berhormat Senator Datuk Akbar bin Ali memohon Projek Jalan Luar Bandar di kampung tersusun Tehel dan Kampung Pantai dibuat, dibina. Kementerian akan menyenaraikan – kita telah dapat permohonan ini melalui surat dan juga melalui soalan Yang Berhormat Senator, kementerian akan menyenaraikan permohonan ini di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Yang Berhormat Datuk Hajah Fatimah Hamat memohon penglibatan MARA secara aktif dalam Program Kewujudan Perbandaran. Kementerian mengucapkan terima kasih atas saranan Yang Berhormat supaya MARA melibatkan diri secara aktif di dalam Program Kewujudan Perbandaran. Untuk makluman Yang Berhormat MARA sememangnya terlibat dan berperanan secara tidak langsung dalam perwujudan perbandaran melalui pelaksanaan program dan projek di kawasan-kawasan berkenaan.

Malahan perancangan dan pelaksanaan program ataupun projek MARA adalah menyeluruh dan merangkumi kawasan luar bandar, pekan kecil, bandar serta pusat-pusat pertumbuhan baru. Sebagai contoh pembinaan dan pembelian premis-premis perniagaan di bawah MARA telah mengambil kira perancangan dan keperluan pembangunan di pusat-pusat pertumbuhan baru mahupun di kawasan perbandaran baru.

Di samping itu MARA turut menyediakan kemudahan pembiayaan perniagaan bagi membantu usahawan setempat untuk merencanakan lagi aktiviti ekonomi di kawasan berkenaan. Melalui sektor pendidikan pula institusi-institusi pendidikan ataupun latihan seperti Giat MARA, Institut Kemahiran MARA (IKM), Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTm), Maktab Rendah Sains MARA, Kolej Profesional MARA, Kolej Politeknik MARA dan Kampus Universiti Kuala Lumpur turut menyediakan kemudahan infrastruktur yang secara tidak langsung menyokong dan menyumbang pada kewujudan kawasan perbandaran baru.

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Fatimah binti Hamat juga memohon supaya kakitangan KEMAS yang berstatus jawatan kontrak diserap secara tetap. Pada masa kini kementerian sedang dalam usaha untuk mendapatkan jawatan hakiki ataupun jawatan tetap kepada kakitangan KEMAS yang bertaraf kontrak. Perkara ini sedang diteliti oleh kementerian dan juga Jabatan Perkhidmatan Awam. Sebenarnya kementerian kita, pegawai kita telah berjumpa dengan JPA bersama dengan pegawai-pegawai dari Jabatan Perpaduan Negara.

■1820

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Olian bin Abdullah yang sendirinya Orang Asli, menyarankan agar fungsi dan tanggungjawab Jabatan Hal Ehwal Orang Asli diperkasakan sejajar dengan penjenamaan semula jabatan sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Bajet 2011.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, satu Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli (PSKOA) telah dirangka dan akan dilancarkan pada awal tahun hadapan. Pelan strategik ini adalah bagi tempoh lima tahun bermula tahun 2011 hingga tahun 2015 dengan tujuan menyediakan garis panduan, hala tuju dan strategi pembangunan masyarakat Orang Asli. Ia dirangka secara komprehensif bertunjangkan kepada Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar (PILB) selaras dengan dasar pembangunan luar bandar yang berhasrat melahirkan masyarakat luar bandar yang progresif, berilmu dan berintegriti.

Dalam merangka strategi ini, kementerian turut mengambil kira empat tiang utama kepada transformasi kerajaan seperti 1Malaysia, Modal Baru Ekonomi, Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Ekonomi serta Rancangan Malaysia Kesepuluh. Justeru itu, ke arah memajukan masyarakat Orang Asli, pelan strategik ini juga turut meliputi teras pemantapan sistem penyampaian perkhidmatan dan tadbir urus yang baik. Melalui teras ini, strategi berhubung penstrukturan semula perjawatan di semua peringkat turut dirangka bagi meningkatkan kecekapan pengurusan organisasi dan pemantapan sistem penyampaian kepada kumpulan sasaran.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Senator agar satu badan atau yayasan ditubuhkan bagi mengurus harta dan ekuiti masyarakat Orang Asli, ingin saya mengumumkan bahawa kementerian mengalu-alukan dan mengambil maklum akan cadangan Yang Berhormat Senator. Kementerian melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli akan mengkaji syor dan cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator dengan mengambil kira kepentingan terhadap masyarakat Orang Asli.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini telah terdapat yayasan dan dewan perniagaan yang telah ditubuhkan iaitu Yayasan Orang Asli Perak (YOAP) dan Dewan Perniagaan Orang Asli Malaysia. Fokus penubuhan lebih tertumpu kepada perniagaan dan kebajikan usahawan-usahawan Orang Asli.

Yang Berhormat Senator juga berharap agar Model Baru Pembangunan Orang Asli dirancang dengan teliti dan juga mencadangkan agar pembangunan kawasan ala FELDA dan Agropolitan dilaksanakan di kawasan Orang Asli. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pada masa ini kementerian menerusi Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah melaksanakan pembangunan penempatan Orang Asli ala FELDA melalui penubuhan Rancangan Pengumpulan Semula (RPS). Sehingga kini, terdapat 17 RPS telah dibangunkan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, ketika ini Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah mengadakan perbincangan dengan Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri bagi merancang satu model penempatan bersepadu Orang Asli di Pos Manson dan Telanuk, Cameron Highlands, Pahang. Model tersebut dijangka akan mula dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Mengenai saranan Yang Berhormat Senator agar pendidikan Orang Asli diutamakan dengan penyediaan infrastruktur asas, kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Focus Group Pendidikan bagi membincangkan isu-isu dan masalah berkaitan pendidikan termasuk kemudahan infrastruktur di kawasan persekolahan. Syor dan cadangan yang telah dikemukakan oleh Focus Group ini akan ditangani oleh pihak kementerian termasuk agensi-agensi yang berkaitan seperti Kementerian Pelajaran Malaysia.

Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah bertanyakan status pembayaran elaun Tok Batin dan JKKK yang masih tertanggung. Sehingga kini, terdapat 590 orang Tok Batin

dan 190 orang Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Orang Asli (JKKKOA) di bawah pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Sebagai pengiktirafan Tok Batin dalam membantu kerajaan, pada tahun 2011 – belum lagi dimulakan – mereka akan dibayar elaun sebanyak RM800 sebulan berbanding bayaran mengikut kategori jumlah penduduk sekarang, iaitu dalam kumpulan A sebanyak RM400 sebulan, kumpulan B sebanyak RM300 sebulan dan kumpulan C sebanyak RM200 sebulan. Manakala Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Orang Asli juga akan menikmati bayaran insentif sebanyak RM800 walaupun tidak ada insentif bagi mereka sebelum ini. Pembayaran ini adalah selaras dengan pengumuman Bajet 2011 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 15 Oktober tahun ini,

Jabatan Hal Ehwal Orang Asli mengambil kaedah pembayaran terus secara tunai atau ke dalam akaun Tok Batin dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Orang Asli masing-masing. Ini secara *in direct* menyahut komen tentang bayaran yang tertanggung. Bagi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Orang Asli pula, mereka akan diberikan elaun kehadiran dan pengendalian mesyuarat.

Yang Berhormat Senator juga bertanyakan apakah tindakan yang diambil terhadap memorandum Orang Asli yang telah diserahkan kepada Yang Berhormat Menteri pada bulan Mac 2010. Sebenarnya saya sudah sediakan *flow chart* tentang apa yang telah berlaku sehinggalah tindakan yang terkini berkenaan dengan memorandum ini, tetapi jawapan secara lisan adalah – kementerian menerusi Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah meningkatkan usaha dengan mewujudkan Dasar Pemberimilikan dan Pembangunan Tanah Kepada Orang Asli seperti mana yang telah diluluskan oleh Majlis Tanah Negara pada 4 Disember 2009 bagi merealisasikan hasrat pemilikan tanah dan peningkatan kualiti hidup di kalangan masyarakat Orang Asli. Akan tetapi pada 17 Mac tahun ini, terdapat segelintir masyarakat Orang Asli membantah dasar ini.

Sehubungan dengan ini, satu bengkel kajian semula Dasar Pemberimilikan dan Pembangunan Tanah Kepada Orang Asli telah diadakan pada 6 April 2010 melibatkan NGO-NGO, cendekiawan Orang Asli dan pemimpin masyarakat Orang Asli. Jabatan Hal Ehwal Orang Asli mengambil maklum di atas cadangan dan pandangan yang dikemukakan dalam bengkel tersebut. Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ini juga telah mengadakan mesyuarat di antara Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Yang Berhormat Menteri KKLW bagi membincangkan dan memperhalusi tuntutan masyarakat Orang Asli. Antara negeri yang telah diadakan mesyuarat dengan Menteri Besar ialah Johor, Pahang, Negeri Sembilan dan Perak.

Sehubungan dengan itu, perkara ini akan diperhalusi di dalam mesyuarat bersama agensi yang berkaitan sebelum kertas dasar ini diangkat dalam mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri di negeri masing-masing. Seterusnya, ia akan dibentangkan ke dalam mesyuarat Jemaah Menteri sebelum dibentangkan ke mesyuarat Tanah Negara pada tahun 2011.

Berhubung dengan saranan Yang Berhormat Senator agar Jabatan Hal Ehwal Orang Asli diketuai oleh wakil Orang Asli, pada masa sekarang terdapat tiga jawatan yang diisi oleh pegawai Orang Asli daripada kumpulan pengurusan dan profesional iaitu Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Pembangunan yang merupakan jawatan kedua tertinggi dalam Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Penolong Pengarah di Bahagian Perancangan dan Penyelidikan dan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang.

Dalam usaha menambah bilangan kakitangan Orang Asli dan memberi peluang kepada Orang Asli untuk mentadbir di jabatan, kementerian telah mendapatkan pandangan Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menempatkan pegawai-pegawai tersebut secara perjawatan bersilang ataupun *cross fertilization programe* yang kita adakan sekarang, bagi mengisi jawatan kumpulan pengurusan dan profesional di Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

■1830

Setakat ini perkara tersebut masih dalam peringkat rundingan. Dalam perancangan akan datang kementerian melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli bercadang untuk menggalakkan lebih ramai masyarakat Orang Asli berkhidmat di Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Sasaran Jabatan Hal Ehwal Orang Asli masa kini adalah tertumpu kepada pelajar-pelajar Orang Asli yang berada di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) untuk memasuki alam pekerjaan di Jabatan Hal Ehwal Orang Asli khususnya serta di sektor awam amnya.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada yang berdiri. Sekali lagi...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Minta...

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Menyesal saya menyebut. [Ketawa]

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: [Ketawa] Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua adakah Orang Asli bekerja di Jabatan Perhutanan? Itu yang pertama, yang kedua ialah adakah memorandum yang mereka hantar, adakah jawapan yang diberi kepada mereka? Terima kasih.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Tentang ada tidak dia orang bertugas di Jabatan Perhutanan, itu saya kena tanya JPA lah ataupun jabatan itu sendiri. Kita tidak simpan di mana setiap Orang Asli ini ditawarkan pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu spesifik. Rasanya...

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak bolehlah jawab sekarang.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Ya. Akan tetapi saya boleh usahakan jawab...

Tuan Yang di-Pertua: Ha! Boleh beri jawapan selepas ini.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Yang Berhormat Senator kemudian. Tentang apa yang tadi itu?

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Jawapan kepada memorandum, adakah...

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Oh! Memorandum. Kita sekarang, memorandum ini akan di... bengkel sudah diadakan. Semasa bengkel ini diadakan kita telah bincang dengan berbagai-bagai pihak yang mewakili Orang Asli termasuk NGO dan juga intelektual Orang Asli. Jadi memorandum ini sekarang masih dengan kementerian dan ianya akan dibincangkan balik dengan Menteri Besar ataupun kerajaan negeri masing-masing.

Itulah tindakan yang akan kita ambil selepas ini. Apabila ini dapat diperhalusi dan sebagainya, kita akan hubungi balik orang atau kumpulan-kumpulan Orang Asli yang berkaitan. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Kementerian Pengajian Tinggi.

6.43 ptg.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Dr. Hou Kok Chung]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, yang telah mengambil bahagian serta memberi cadangan dan pandangan yang bernas semasa membahaskan Bajet 2011 yang menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan Kementerian Pengajian Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab isu pelaburan kerajaan dalam sektor pendidikan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah. Kerajaan telah membuat pelaburan yang besar dalam sektor pengajian tinggi bagi melahirkan modal insan yang mencukupi dan berkualiti untuk pembangunan negara. Malahan Bajet 2011 memberi tumpuan kepada empat strategi utama yang antara lainnya termasuk membangun modal insan negara.

Modal insan yang berkualiti, berkemahiran dan berpengetahuan, kreatif dan inovatif adalah satu prasyarat bagi mencapai status negara maju berpendapatan tinggi. Untuk tujuan ini Kementerian Pengajian Tinggi diperuntukkan belanja mengurus sebanyak RM10.2 bilion yang menunjukkan peningkatan sebanyak 19.6% berbanding RM8.5 bilion pada tahun 2010. Manakala bagi belanja pembangunan tahun 2011 pula, KPT diperuntukkan sebanyak RM2.4 bilion berbanding RM4.5 bilion tahun 2010 yang menurun sebanyak 46.7%.

Oleh yang demikian, tumpuan bajet KPT 2011 akan dimanfaatkan bagi membangunkan modal insan dan infrastruktur intelektual sejajar dengan aspirasi negara untuk memajukan ekonomi yang berlandaskan pengetahuan dan inovasi. KPT telah diperuntukkan dana sebanyak RM741 juta di bawah RMKe-10 bagi tempoh dua tahun pertama. Untuk menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan melalui institusi pengajian tinggi.

Dana penyelidikan akan diagihkan bagi tempoh dua tahun pertama RMke-10 mengikut program-program seperti berikut:

- (i) penyelidikan fundamental iaitu RM500 juta;
- (ii) penyelidikan dalam bidang tujahan atau *niche area*, RM200 juta dan;

- (iii) insentif penyelidikan RM41 juta.

Peruntukan dana R&D yang diluluskan di bawah RMKe-10 bagi tempoh dua tahun pertama adalah merupakan satu peningkatan yang besar berbanding dengan peruntukan dana R&D bagi tempoh lima tahun di bawah RMKe-9, yang berjumlah hanya sebanyak RM315 juta. Bilangan institusi pengajian tinggi juga telah bertambah seiring dengan kualiti program-program pengajian yang ditawarkan.

Sehingga 30 Jun 2010, di bawah kementerian ini telah terdapat 20 buah institusi pengajian tinggi awam atau IPTA dan 440 buah institusi pengajian tinggi swasta yang berdaftar di seluruh negara. Daripada jumlah IPTS tersebut sebanyak 21 buah adalah bertaraf universiti, 22 bertaraf kolej universiti. Sebanyak 392 IPTS adalah bertaraf kolej dan lima IPTS, kampus cawangan universiti luar negara.

Di samping itu, di bawah kementerian ini juga terdapat 27 buah politeknik dan 42 buah kolej komuniti induk serta 22 buah kolej komuniti cawangan. Kerajaan berpandangan bahawa jumlah IPTA sedia ada adalah mencukupi untuk menampung keperluan sumber tenaga mahir negara. Pada masa ini kementerian memberi tumpuan untuk memperkasakan IPTA sedia ada. Walau bagaimanapun kementerian tiada halangan bagi penubuhan IPTS termasuk daripada GLC terutama yang menawarkan program-program kritikal.

Ini adalah di antara banyak lagi pelaburan kerajaan dalam sektor pengajian tinggi yang dapat saya sebutkan sekarang. Menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali dan Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat berkaitan meningkatkan bilangan pemegang PHD dalam negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara ataupun PSPTN telah meletakkan program *MyBrain15* sebagai salah satu agenda yang akan menjadi *indicator* perubahan kualiti dan mentaliti modal insan ke tahap yang lebih cemerlang. Dengan wujudnya modal insan bertaraf dunia ini, kreativiti dan inovasi akan dapat digembleng sepenuhnya untuk memartabatkan Malaysia ke tahap yang lebih unggul.

Mereka ini juga akan bertindak sebagai pencetus dan penggiat kemakmuran ekonomi dan pembangunan negara secara konsisten. Melalui Bajet 2011, kementerian telah diperuntukkan sebanyak RM483.9 juta bagi program *MyBrain15*. Pecahan peruntukan di bawah program ini ialah:

- (i) RM427.9 juta untuk Skim Latihan Akademik Bumiputera atau SLAP dan Skim Latihan Akademik IPTA atau SLAI;
- (ii) RM4 juta untuk program *industrial* PhD;
- (iii) RM12 juta untuk program MyPhD dan;
- (iv) RM40 juta untuk program MyMaster.

Jumlah ini adalah untuk membiayai sejumlah 7,610 pelajar yang sedia ada dan juga menyediakan 11,170 tempat baru bagi pengajian pasca siswazah di peringkat sarjana dan PhD.

Program pembiayaan ini akan menjadi penentu kejayaan program *MyBrain15* iaitu menghasilkan 48,000 orang pemegang PhD menjelang tahun 2020. Sasaran ini adalah sebahagian daripada sasaran asal untuk 60,000 pemegang PhD yang diharap akan dapat dihasilkan menjelang tahun 2023 atau selanjutnya dalam tempoh RMKe-12.

Mengulas isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung mengenai PTPTN berkaitan laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009.

■1840

Isu ini juga mendapat perhatian ramai Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan-pertanyaan bertulis setelah saya menjelaskan bahawa terdapat beberapa perkara yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2009.

Pertama, laporan tersebut menyatakan tiada perjanjian ditandatangani dengan pelajar bagi membolehkan tindakan penguatkuasaan kutipan balik Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) dibuat. Suka saya maklumkan walaupun pemberian WPP tidak menggunakan perjanjian, pelajar yang ditawarkan WPP adalah disyaratkan menandatangani surat setuju terima semasa menunaikan waran WPP ini. Dokumen ini boleh digunakan bagi tindakan perundangan kerana semua syarat penunaian ini dinyatakan di dalam dokumen berkenaan.

Bagi pelajar memohon dan diluluskan pembiayaan PTPTN, potongan untuk bayaran balik WPP akan dibuat mulai semester kedua. Namun demikian, bagi memperkemas proses penyaluran wang WPP, mulai kemasukan bulan Julai 2010, pelajar-pelajar perlu menyatakan sama ada ingin menerima atau tidak WPP semasa membuat permohonan secara *online* di laman web UPU. PTPTN hanya memproses permohonan bagi pelajar yang bersetuju menerima WPP sahaja. Pengagihan WPP akan dibuat melalui surat tawaran dan surat setuju terima yang akan ditandatangani oleh pelajar sebelum di benar menunaikan waran WPP.

Dimaklumkan bahawa tindakan penguatkuasaan telah diambil terhadap penerima WPP di mana setakat 26 Oktober 2010, sebanyak 2,126 penerima WPP telah dihantar surat peringatan kedua dan 9,948 penerima telah dihantar surat peringatan ketiga. Tindakan ini telah berjaya mengutip sebanyak hampir RM10.4 juta daripada 7,709 penerima WPP.

Kedua, Laporan Audit Negara juga menyebut sejumlah 187,540 set dokumen perjanjian pembiayaan pendidikan atau 82% daripada 227,595 set yang telah dipulangkan oleh pelajar masih belum ditandatangani pihak PTPTN dan saksinya. Perkara ini sebenarnya berlaku disebabkan masalah pembangunan sistem *End-to-End Financing System* (ETEFS) yang masih belum siap dibangunkan sepenuhnya pada masa itu. Submodul tandatangan pegawai hanya boleh digunakan bermula 22 Oktober 2009. Kelewatan pembangunan submodul ini menyebabkan aktiviti tandatangan pegawai PTPTN telah tertunggak. Tindakan segera sebenarnya telah diambil dengan menubuhkan pasukan khas bagi menyelesaikan urusan tandatangan dokumen perjanjian tersebut. Urusan ini telah selesai dilaksanakan pada 9 November 2010 yang lalu.

Ketiga, Laporan Ketua Audit juga memaklumkan tentang jumlah kutipan bayaran balik hanya RM1.51 bilion iaitu 47% daripada yang sepatutnya pada tahun 2009. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pelbagai usaha sedang dijalankan bagi meningkatkan prestasi kutipan balik pinjaman. Setakat 30 November 2010, sejumlah RM2.111 bilion telah dikutip iaitu 48% daripada jumlah yang sepatutnya dikutip sebanyak RM4.438 bilion. Di samping itu, PTPTN sedang mengadakan perbincangan dengan LHDN untuk membolehkan kewajipan potongan gaji melalui LHDN dilaksanakan.

Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram mengenai kebolehpasaran graduan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian telah melaksanakan pelbagai usaha melahirkan graduan yang holistik dan memenuhi permintaan pasaran pekerjaan. Antara langkah-langkah yang telah diambil ialah:

- (i) memastikan semua program yang ditawarkan di institusi pengajian tinggi adalah bersesuaian dan relevan dengan kehendak pasaran dan potensi kerjaya mengikut keadaan semasa dan akan datang;
- (ii) mewujudkan jalinan kerjasama yang baik di antara IPT dan pihak industri;
- (iii) menyediakan modul pembangunan insaniah atau *soft skills* yang direka bentuk khusus untuk memberi nilai tambah kepada pelajar-pelajar supaya dapat memenuhi keperluan pasaran kerja pada masa kini;
- (iv) kementerian juga telah menerapkan elemen keusahawanan dalam program pengajian yang mana dapat memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai *entrepreneur skills* dengan izin, bagi memantapkan budaya keusahawanan di kalangan graduan. Modul keusahawanan ini telah diperkenalkan untuk bidang-bidang lain selain ekonomi dan perniagaan contohnya, bidang kejuruteraan, pertanian dan teknologi maklumat agar mereka boleh bekerja sendiri dan menjadi usahawan yang mampu pula mewujudkan peluang pekerjaan;
- (v) dalam penggubalan kurikulum, ilmu dan keperibadian graduan diperkukuhkan melalui kursus elektif terkini yang berkaitan dengan industri yang dipelajari, kursus-kursus Bahasa Inggeris yang berterusan, modul pengucapan awam dan komunikasi, pendedahan dalam bersatu-satua serta kehidupan di kampus yang berbilang kaum. Selain itu, latihan industri adalah diwajibkan dalam setiap program pengajian dan diberikan penilaian 12 jam kredit atau tempoh enam bulan; dan
- (vi) melaksanakan karnival kebolehpasaran graduan seperti program K3G yang terbaru dilaksanakan pada bulan Mei 2010 yang lalu bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Yang Berhormat Dato' Zaitun binti Mat membangkitkan tentang penilaian kualiti program pengajian oleh MQA. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem jaminan kualiti Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dilaksanakan secara menyeluruh dan menyokong pembangunan kualiti pendidikan tinggi negara. Bagi program-program yang telah mendapat akreditasi sementara dan perakuan akreditasi, kualitinya akan dipantau dengan menggunakan *Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA)* sebagai instrumen penilaian.

Program-program yang telah mendapat perakuan akreditasi, penilaian audit pemantauan akan dilakukan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima tahun bagi memastikan kualiti program yang ditawarkan sentiasa terjamin. Penilaian audit pemantauan ini termasuklah mengadakan sesi lawatan bagi memastikan segala kemudahan, tenaga pengajar serta program yang ditawarkan terjamin kualitinya.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Di samping itu, MQA juga akan menjalankan audit jika terdapat sebarang aduan berkenaan kualiti program yang ditawarkan. Selain daripada menilai program yang ditawarkan, MQA juga akan menjalankan audit institusi ke atas institusi pengajian tinggi khususnya sebelum sesebuah IPT diberi status Swa Akreditasi, IPT yang diberikan status Swa Akreditasi juga akan dipantau kualitinya melalui kaedah audit institusi sekali dalam tempoh lima tahun.

Audit institusi yang dijalankan ke atas IPT ini akan menggunakan *Code of Practice for Intitutional Audit*. Sejak penubuhannya sehingga Oktober 2010, MQA telah selesai menjalankan penilaian akreditasi terhadap 1,771 program. Daripada jumlah tersebut, hanya 2% permohonan perakuan akreditasi program telah ditolak. Kebanyakan program yang gagal mendapat perakuan akreditasi adalah disebabkan oleh beberapa faktor antaranya:

- (i) kemudahan pembelajaran yang tidak memuaskan;
- (ii) kurikulum program yang tidak mematuhi *standard* yang ditetapkan;
- (iii) masalah tenaga pengajar; dan
- (iv) pengendalian mata pelajaran wajib tidak memuaskan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, penilaian kualiti bagi sesuatu program pengajian di institusi pengajian tinggi luar negara adalah dibuat oleh badan jaminan kualiti di negara masing-masing. Begitu juga dengan MQA yang menjalankan penilaian kualiti program pengajian bagi semua institusi pengajian tinggi di dalam negara bagi semua peringkat pengajian iaitu Sijil, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah.

■1850

Akreditasi MQA merupakan satu pengiktirafan rasmi bahawa sesuatu kelayakan yang dianugerahkan pada graduan adalah selaras dengan standard yang ditetapkan.

Yang Berhormat Senator Puan Doris Sophia telah mencadangkan agar melantik tenaga pengajar yang berasal dari Sarawak untuk berkhidmat di politeknik di negeri Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan pelantikan tenaga pengajar politeknik adalah di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran dan urusan penempatan staf akademik dibuat oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Secara umumnya, penempatan dibuat berdasarkan perbadanan bidang pengajian seseorang pensyarah dengan program pengajian yang ditawarkan di sesebuah politeknik dan juga berdasarkan alamat tetap seseorang pensyarah. Statistik pada November 2010 menunjukkan 291 orang daripada 6,729 orang pensyarah di politeknik seluruh negara adalah berasal dari negeri Sarawak. Peratus pensyarah berasal daripada negeri Sarawak yang bertugas di Politeknik Kuching ialah 40.7%, manakala di Politeknik Mukah pula ialah 47.3%, pun begitu kita sewajarnya menggalakkan mobiliti tenaga pengajar bukan sahaja untuk kebaikan tuan tubuh itu tetapi juga untuk pelajar-pelajar yang berpeluang diperkaya dengan cara pengajaran yang berlainan.

Mengenai isu berkaitan penjualan ijazah palsu dan tawaran untuk membuat PhD dan *master* dalam tempoh yang singkat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengajian Tinggi memandang serius mengenai isu berkaitan penjualan ijazah palsu serta tawaran untuk membuat PhD dan *master* dalam tempoh yang singkat. KPT melalui Agensi Kelayakan Malaysia atau MQA sentiasa bekerjasama rapat dengan badan-badan akreditasi dan universiti luar negara bagi menilai ijazah yang dikeluarkan oleh universiti di negara berkenaan. Di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi, proses pengesahan sijil pelajar dilakukan dengan menyemak status program berdasarkan senarai *Malaysian Qualification Register* atau MQR. Semakan juga dilakukan melalui universiti berkaitan untuk memastikan kelayakan yang dikeluarkan adalah sah. Di samping itu, luluskan juga boleh dibuat kepada Jabatan Perkhidmatan Awam yang bertanggungjawab menyimpan semua senarai program dan universiti luar negara yang telah mendapat pengiktirafan. Senarai ini akan menjadi panduan dan rujukan dalam memastikan sesuatu program ditawarkan secara sah di universiti berkaitan.

Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali membangkitkan mengenai wujudnya amalan rasuah di kalangan pelajar dalam pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar atau MPP. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan peruntukan mengenai pemerian kuasa autonomi kepada setiap IPTA, kementerian telah menurunkan kuasa kepada naib canselor untuk menguruskan proses pemilihan majlis perwakilan pelajar di institusi masing-masing. Kementerian berpendapat IPTA mampu menjalankan amanah yang diberikan ini dengan penuh tanggungjawab bagi memastikan proses pemilihan berjalan dengan telus dan adil serta tidak mengganggu proses pembelajaran di IPTA berkenaan. Kementerian berharap jika terdapat maklumat atau bukti mengenai berlakunya amalan rasuah dalam pemilihan MPP, kemukakanlah

maklumat atau bukti itu kepada IPTA berkaitan dan juga kementerian untuk kita bersama-sama menanganinya.

Tuan Yang di-Pertua, setakat sahaja yang dapat saya jelaskan.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Mohon mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin sedikit penjelasan tentang *tuition fees* itu atau yuran pelajaran di IPTA dan IPTS kita sekarang. Memang saya dapat mengesan ada perbezaan *tuition fees* di antara satu IPTA dengan satu IPTA yang lain walaupun satu khusus bidang yang sama. Lebih-lebih lagi IPTS. IPTS kita faham lah.

Jadi, penjelasan yang saya minta daripada Yang Berhormat ialah adakah penetapan *tuition fees* ini dibuat oleh universiti itu sendiri dengan kuasa-kuasa autonomi yang diberikan kepada sesebuah universiti itu atau pun Kementerian Pengajian Tinggi mempunyai satu *regulatory body* kah untuk meluluskan *tuition fees* itu sebelum ia dijadikan syarat untuk pelajar-pelajar yang masuk ke universiti.

Kedua, berkaitan dengan *tuition fees* ini juga. Sekarang ini terdapat ramai pelajar-pelajar *international* yang belajar di IPTA kita. IPTS kita faham lah. Adakah mereka ini dikenakan *tuition fees* yang sama juga dengan pelajar-pelajar tempatan. Kalau di UK dan Australia kita tahu pelajar *international* memang perlu bayar jauh lebih tinggilah daripada pelajar-pelajar tempatan mereka. Itu sahajalah. Terima kasih.

Dr. Hou Kok Chung: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat. Biasanya *tuition fees* ini sebelum setiap IPTS mereka memohon setiap khusus dijalankan. Mereka mesti ada had maksimum *tuition fees* yang akan mereka *charge* untuk pelajar itu. Jadi, inilah satu cara bagaimana kita memantau setiap IPTS supaya *tuition fees* mereka tidak terlalu tinggi. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, memang kalau kita lihat IPTS mereka juga terpaksa *compete* di antara satu sama lain. Jadi, kalau kita lihat yang di IPTS memang yuran ini kalau tidak begitu tinggi kalau kita banding dengan *tuition fees* di luar negara. Untuk di IPTA memang untuk makluman Dewan yang mulia ini kerajaan memang telah subsidi supaya pelajar kita ini tidak membayar yuran yang begitu tinggi.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, IPTA walaupun kita menerima pelajar daripada luar negara, yuran yang dibayar oleh pelajar dari luar negara itu memang berbeza dengan yang dalam negara ini dan biasanya mereka *discharge* dua kali ganda. Ini ialah yang dahulu dan kerajaan sekarang sedang mengkaji supaya yuran itu juga dapat dinaikkan supaya pelajar yang dari luar negara ini tidak dibebankan untuk pendapatan rakyat negara sebab pelajar-pelajar IPTA memang semua di subsidi. Akan tetapi kita juga mesti lihat sebab kita mahu Malaysia ini jadi sebagai *education hub* di rantau ini. jadi kita juga mesti lihat dari segi bagaimana *comparison* ini. Ini kerana sebab yang sekarang kita pun tahu, pengajian tinggi memang merupakan satu

business atau satu cara semua negara yang luarkan dia *compete* antara satu sama lain. Jadi, kita sama-sama berusaha supaya cita-cita atau pun *vision* negara kita ini dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah yang dapat saya jelaskan tentang...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Dr. Hou Kok Chung: Ada.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada minta laluan.

Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin: Saya ada satu soalan untuk mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat. Berhubung dengan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) dahulunya telah pun dinaikkan taraf. Akan tetapi bolehkah akademi ini melahirkan atau mengujudkan pengajian ijazah, *master* dan PhD kerana ia bukan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi, ia di bawah Kementerian Penerangan. Apakah pandangan Yang Berhormat jika sekiranya diterbitkan itu kerana hari ini ia bukan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi. Bolehkah diwujudkan ijazah, *master* dan PhD? Terima kasih.

■1900

Dr. Hou Kok Chung: Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengajian Tinggi hanya menjaga kursus-kursus yang dipohon melalui Kementerian Pengajian Tinggi. Jadi kita hanya dapat mengawal kursus-kursus yang di bawah jagaan MQA yang setakat ini saya boleh jawablah sebab kementerian yang lain mempunyai polisi yang berlainan. Jadi ini yang setakat yang saya boleh jawab.

Tuan Yang di-Pertua setakat ini sahaja yang dapat saya jelaskan tentang perkara-perkara yang dibangkitkan berkaitan Kementerian Pengajian Tinggi. Saya mengucapkan sebanyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang memberi pandangan dan cadangan untuk kita menambahbaik perkhidmatan sektor pengajian tinggi negara. Bagi isu dan cadangan yang tidak sempat dijawab kementerian akan tetap memberi perhatian dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Minta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk menjawab.

7.01 mlm.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I [Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Bajet 2011. Ini yang menyentuh mengenai bidang tugas di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Seramai 12 orang ahli Yang Berhormat Dewan Negara telah menyentuh isu-isu berkaitan MITI di dalam perbahasan kali ini.

Di antara isu-isu utama yang telah disentuh termasuklah mengenai isu-isu pelaburan langsung asing (FDI), pelaburan domestik (DDI), dasar liberalisasi, AP dan cukai kereta hibrid dan elektrik, keusahawanan, tenaga solar dan teknologi hijau 1Daerah 1Industri, pengimportan gula dan pekerja asing sektor perkilangan. Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg dan Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah telah membangkitkan mengenai pelaburan langsung asing yang telah disasarkan oleh kerajaan di dalam ETP. Langkah-langkah untuk meningkatkan FDI serta untuk memastikan pelabur kekal di dalam negara dan mampu bersaing dengan negara-negara lain.

Sasaran Program Transformasi Ekonomi (ETP) adalah pelaburan domestik akan menyumbang 73% dari jumlah pelaburan swasta dan pelaburan asing menyumbang 27%. Walaupun fokus diberikan kepada pelaburan domestik dalam ETP, menyedari kepentingan meningkatkan pelaburan asing masuk ke Malaysia. Maka kerajaan telah mengambil pelbagai langkah pro aktif termasuk memperkenalkan 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang dijangka akan menarik pelaburan yang tinggi ke Malaysia. Memfokus kepada sektor-sektor yang bernilai ditambah tinggi, berintensifkan modal dan pengetahuan serta teknologi baru muncul. Menjadikan MIDA sebagai agensi penggalakan pelaburan utama bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan. MIDA Juga telah dikorporatkan dan diberi kuasa untuk membuat keputusan secara *real time* dengan izin ketika berunding dengan para pelabur yang berpotensi.

Menjalankan aktiviti promosi penggalakan pelaburan dan perdagangan yang lebih agresif bagi menarik lebih banyak pelaburan tempatan dan asing. Melaksanakan inisiatif penambahbaikan ke atas sistem penyampaian perkhidmatan secara berterusan melalui pemantauan Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) dan juga menggalakkan pertumbuhan sektor perkhidmatan sebagai enjin pertumbuhan ekonomi yang baru. Juga terus meliberalisasikan sektor perkhidmatan sejajar dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan lebih banyak pelaburan langsung asing ke Malaysia.

Kerajaan juga terus melipatgandakan usaha serta memperkenalkan pendekatan berfokus atau *targeted approach* dengan izin bagi menggalakkan kemasukan pelaburan. Kerajaan kini menggalakkan pelaburan dalam sektor baru muncul seperti *advanced electronic* dengan izin dan *semi conductor*, peralatan dan peranti perubatan, sumber tenaga alternatif dan tenaga solar, *photonic*, *auto electronics*, teknologi nano, jentera dan industri sokongan kejuruteraan terkini. Di samping penekanan terhadap industri berintensif modal dan teknologi serta penglibatan dalam R&D. Kerajaan juga menganjurkan specific project mission (SPM) dengan izin untuk menarik pelaburan daripada industri-industri yang dikenal pasti berpotensi untuk masa hadapan.

SPM ini diadakan ke negara-negara yang terpilih untuk berbincang dengan syarikat-syarikat yang dikenal pasti untuk menarik mereka ke Malaysia. Untuk tahun 2010 sahaja sejumlah 37 misi SPM telah dianjurkan ke negara Jepun, Asia Barat, Taiwan, Amerika Syarikat,

Eropah, Korea, Singapura, China, Australia dan India. Selain daripada promosi pelaburan yang dianjurkan oleh kementerian ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga telah mengadakan beberapa siri lawatan seperti ke Indonesia dan Korea bagi mempromosi dan menggalakkan pelaburan masuk ke Malaysia. Seperti contoh bagi lawatan ke Indonesia Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menemui beberapa tokoh perniagaan dan jutawan yang telah menyatakan minat untuk melabur di Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Yang Berhormat Dato' Sri Idris Jala telah mengadakan lawatan ke Singapura pada 7 Disember baru-baru ini. Untuk memberikan taklimat mengenai program transformasi ekonomi kepada seramai 300 peserta forum yang terdiri daripada tokoh-tokoh perniagaan. Selain itu perbincangan meja bulat juga telah diadakan dan dihadiri oleh seramai 20 orang tokoh-tokoh perniagaan terkemuka yang dianjurkan oleh pihak Forms Asia. Di samping itu kementerian juga telah mempergiatkan lagi aktiviti promosi pelaburan di mana bagi tahun 2010 sahaja sebanyak 9 misi penggalakan pelaburan telah dilaksanakan ke Eropah, Amerika Syarikat, Jepun, Korea, Singapura, India, Arab Saudi dan Qatar. Kementerian juga turut menjemput dan menerima lawatan rasmi Menteri Perdagangan dari luar negara. Di mana antara program yang digariskan oleh kementerian termasuklah menjalankan program *business matching* serta sesi *networking* dengan izin antara pelabur Malaysia dan pelabur dari negara pelawat.

Tuan Yang di-Pertua dalam menggalakkan kemasukan pelaburan ke Malaysia kerajaan telah menyediakan pelbagai insentif pelaburan yang menarik dan kompetitif berbanding negara-negara lain. Insentif-insentif ini dalam bentuk fiskal dan bukan fiskal. Bertujuan untuk memudahkan cara dan meningkatkan pelaburan di Malaysia dan sekali gus menjadi salah satu faktor penarik kepada kemasukan pelaburan. Antaranya adalah:

- (i) Kemudahan dan insentif yang bersifat *broad range* dengan izin di mana produk dan aktiviti yang digalakkan disediakan pelbagai insentif yang kompetitif oleh kerajaan dalam bentuk antara lain pengecualian cukai pendapatan dan elaun cukai pelaburan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan juga Akta Cukai Pendapatan 1967;
- (ii) galakan pusingan kali kedua dalam bentuk galakan taraf perintis dan elaun cukai pelaburan bagi industri terpilih seperti pemprosesan makanan, industri berasaskan sumber seperti getah, kelapa sawit dan kayu, pengilangan jentera dan peralatan serta penggunaan biomas kelapa sawit untuk menghasilkan keluaran;
- (iii) pengecualian duti import atau cukai jualan ke atas bahan mentah atau komponen dan mesin atau peralatan kepada syarikat perkilangan dan penyedia perkhidmatan terpilih; dan

- (iv) pelabur asing dibenarkan memiliki 100% ekuiti di dalam sektor perkilangan dan beberapa sub sektor perkhidmatan yang tertentu.

Bagi menjadikan Malaysia ini lebih berdaya saing berbanding negara-negara jiran, Malaysia turut menyediakan penggalakan istimewa atau *repackage* kepada syarikat-syarikat yang berminat untuk melabur di Malaysia di sektor berintensifkan modal, berintensifkan pengetahuan dan bernilai ditambah tinggi. Galakan istimewa tersebut ditawarkan berdasarkan perundingan dan persetujuan antara pihak syarikat dan juga pihak kerajaan. Antara insentif istimewa yang disediakan adalah terdiri daripada pengecualian cukai, geran latihan dan geran untuk pembangunan dan penyelidikan.

■1910

Sebagai perbandingan antara galakan utama yang diberikan kepada pelabur baru oleh negara-negara jiran seperti Singapura adalah insentif dalam bentuk galakan cukai bagi tempoh lima hingga sepuluh tahun dan elaun modal pelaburan. Manakala bagi Thailand pula insentif disediakan mengikut kawasan yang digalakkan di mana kawasan yang agak mundur akan menerima insentif yang lebih menarik.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Haji Ahamat @ Ahmad bin Yusop dan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahim Haji Abdul Rahman telah menyentuh mengenai galakan pelaburan tempatan dalam sektor perindustrian tempatan..

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh minta laluan?

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir: Ya, silakan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih. Sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri pindah kepada subjek yang lain, saya nampak subjek tentang FDI sudah hampir habis. Saya hendak bertanya sedikit tentang FDI ini. Adakah MITI merasa bahawa telatah-telatah politik yang amat provokatif sesetengah pihak telah memberi kesan negatif terhadap kemasukan FDI ke negara kita ini?

Sebelum Yang Berhormat pindah kepada subjek lain, saya minta sedikit keterangan yang lebih lanjut tentang perangai sesetengah pihak yang provokatif, berlagak menjadikan Parlimen sebagai sarkas. Adakah ini agaknya akan menjejaskan kemasukan FDI ke negara ini? Terima kasih.

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya seperti yang Tuan Yang di-Pertua sedia maklum kerja-kerja kami untuk mempromosi negara ini sebagai destinasi pelaburan berjalan begitu lancar sekali sehinggakan hendak dikatakan hampir semua negeri atau boleh saya katakan kesemua negeri dalam negara kita ini mendapat pelaburan termasuk jugalah negeri-negeri yang dikuasai oleh pakatan pembangkang. Contohnya negeri Selangor adalah negeri yang paling banyak mendapat pelaburan.

Tahun ini sahaja bulan Januari sehingga bulan Oktober 2010 ini di negeri Selangor jumlah pelaburan kedua-duanya FDI dan juga DDI RM7.9 bilion. Keduanya Johor – RM3.7 bilion.

Ketiganya Pulau Pinang – RM2.9 bilion, Perak – RM2.9 bilion, Sarawak, kemudian Kedah – RM1.9 bilion. Maksudnya kerajaan langsung tidak bersikap memilih ataupun tidak adil dalam soal mempromosi negara kita ini sebagai destinasi pelaburan, tetapi pada waktu yang sama kerja kami menjadi rumit apabila ada juga pihak-pihak tertentu mungkin atas sebab-sebab politik mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang sudah tentu memburukkan nama negara kita. Apabila kenyataan-kenyataan itu dibuat dan kadang-kadang mendapat liputan media yang agak meluas di negara-negara asing, maka sudah tentu pelabur-pelabur yang asalnya berhasrat untuk melabur di dalam negara kita ini mungkin membuat keputusan untuk pergi ke negara-negara lain.

Jadi kita harap supaya pihak-pihak tertentu ini turut bersikap patriotik walaupun tidak sehaluan dengan kerajaan yang memerintah, tetapi biarlah kita sama-sama menarik pelabur-pelabur asing ini untuk melabur di dalam negara kita ini lebih-lebih lagi apabila negeri mereka sendiri juga mendapat manfaat yang begitu besar sekali. Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tersebut.

Kerajaan Malaysia telah memperkenalkan Model Baru Ekonomi di mana tumpuan akan diberikan bagi meningkatkan lagi pelaburan daripada sumber tempatan. MIDA telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif penggalakan yang lebih agresif untuk mencapai matlamat tersebut. Langkah-langkah proaktif yang dijalankan termasuk:-

- (i) mensasarkan syarikat tempatan yang berpotensi untuk dipertimbangkan pemberian insentif khas. *Future business plan* dengan izin, syarikat terbabit akan dikenal pasti terlebih dahulu untuk dipertimbangkan insentif tersebut;
- (ii) mengenal pasti sektor-sektor pelaburan yang berpotensi untuk diceburi oleh usahawan tempatan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan. Sektor ini disasarkan berdasarkan kekuatan sumber yang wujud dan kemampuan usahawan untuk membangunkan sektor tersebut seperti keluaran dan perkhidmatan halal, teknologi hijau atau tenaga yang boleh diperbaharui seperti solar, *biomass*, angin dan hidro, perkhidmatan perniagaan iaitu pelancongan, perubatan, perkhidmatan, minyak dan gas dan sebagainya juga jentera dan peralatan;
- (iii) menyediakan pelbagai galakan khas untuk syarikat milik tempatan termasuklah galakan pusingan kali kedua bagi industri pemprosesan makanan, industri berasaskan sumber iaitu getah, kelapa sawit dan kayu dan juga pengeluaran jentera dan peralatan;
- (iv) mengadakan perjumpaan yang lebih kerap dengan syarikat-syarikat tempatan yang disasarkan serta syarikat-syarikat yang berpotensi bagi mengenal pasti isu-isu yang mempengaruhi para pelabur dalam

membuat keputusan pelaburan di Malaysia serta mendapatkan pandangan atau insentif baru yang boleh diperkenalkan untuk menggalakkan pelaburan tempatan;

- (v) menjalankan kajian perindustrian untuk membantu pelabur tempatan mengenal pasti sektor atau aktiviti yang boleh dilabur seperti keluaran halal, teknologi hijau, peranti perubatan, perkhidmatan perniagaan dan aktiviti penyelenggaraan, pembaikan dan membaik pulih atau MRO;
- (vi) membangunkan pelbagai pangkalan data yang bertujuan menggalakkan aktiviti *business outsourcing* dan *business matching* dengan izin, bagi menghasilkan peluang-peluang perniagaan baru di antara pengeluar produk dan pembekal perkhidmatan tempatan dan asing;
- (vii) mempergiatkan program promosi yang melibatkan seminar pelaburan tempatan, seminar industri spesifik serta dialog bersama Dewan Perdagangan dan Perniagaan serta persatuan industri tempatan di samping Program Turun Padang oleh Yang Berhormat Menteri ke syarikat tempatan yang terpilih bagi menggalakkan syarikat-syarikat tersebut untuk melakukan pelaburan tambahan; dan
- (viii) penambahbaikan sistem penyampaian kerajaan dengan mempertingkatkan lagi kecekapan jentera kerajaan di semua peringkat supaya para pelabur boleh mendapatkan kelulusan-kelulusan berkaitan dalam *real time*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelaburan di wilayah ekonomi koridor bagi tempoh 2006 sehingga Oktober 2010, sebanyak 1,956 projek pengilangan telah diluluskan oleh MIDA dengan jumlah pelaburan sebanyak RM126.9 bilion. Dalam jumlah tersebut RM74.6 bilion adalah pelaburan langsung asing dan RM52.3 bilion adalah pelaburan tempatan. Pecahan jumlah pelaburan mengikut setiap wilayah ekonomi koridor adalah seperti berikut:-

- (i) Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) sebanyak RM55.5 bilion daripada 887 projek;
- (ii) Iskandar Malaysia sebanyak RM25.8 bilion daripada 586 projek;
- (iii) Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) sebanyak RM18.2 bilion daripada 184 projek;
- (iv) Koridor Pembangunan Sabah (SDC) sebanyak RM16.1 bilion daripada 213 projek; dan
- (v) Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE) sebanyak RM11.3 bilion daripada 86 projek.

Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn membangkitkan mengenai pengimportan kenderaan hibrid dan elektrik dan bagaimana kadar

harga kenderaan tersebut yang akan dikeluarkan oleh Proton pada tahun 2012. Beliau juga menanyakan mengenai struktur cukai bagi kenderaan hibrid dan elektrik yang siap sepenuhnya atau CBU dan terurai atau CKD yang dipasang secara tempatan. Beliau juga menanyakan status pemberian AP bagi kenderaan hibrid dan mengenai struktur cukai kenderaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat PROTON mensasarkan untuk memperkenalkan kereta hibrid dan elektrik keluarannya di pasaran tempatan pada tahun 2012. Walau bagaimanapun harga jualan bagi kedua-dua kenderaan ini masih di peringkat kajian. Sehingga 16 Disember 2010 sebanyak 700 unit AP telah dikeluarkan bagi pengimportan kereta hibrid manakala bagi kereta elektrik pula sehingga kini tiada sebarang AP dikeluarkan.

Teknologi kenderaan hibrid dan elektrik adalah masih baru. Oleh itu kadar penggunaan kenderaan ini di merata dunia masih pada tahap yang rendah. Pelbagai kajian sedang giat dijalankan oleh pengeluar-pengeluar kenderaan untuk terus memperbaiki teknologi mereka dan mempromosikan jualan kenderaan keluaran mereka.

■ 1920

Usaha-usaha ini dijalankan selaras dengan komitmen mereka untuk mengurangkan atau menghapuskan terus pelepasan asap kenderaan yang menjejaskan kesihatan manusia dan juga alam sekitar. Di Malaysia, kadar penggunaan kenderaan hibrid dan elektrik masih rendah kerana perbezaan harga yang ketara dengan kenderaan yang menggunakan bahan api. Selain itu, pengguna juga kurang kesedaran mengenai faedah yang akan diperolehi dalam jangka masa panjang daripada segi penjimatan kos penyelenggaraan kenderaan.

Namun demikian, dengan adanya galakan pengecualian cukai yang ditawarkan oleh kerajaan, jualan kenderaan sudah mula menunjukkan peningkatan dan ini dijangka akan terus mempengaruhi kadar penggunaan kenderaan hibrid dan elektrik pada masa-masa akan datang. Dasar semasa menetapkan AP bagi pengimportan kenderaan hibrid dan elektrik secara CBU dikeluarkan kepada syarikat pemegang francais sedia ada sahaja.

Bagi pengimportan CKD, AP hanya dikeluarkan kepada syarikat yang diluluskan aktiviti pemasangan kenderaan hibrid dan elektrik. Buat masa ini, duti import bagi semua jenis kenderaan penumpang yang diimport dari negara-negara bukan ASEAN adalah seperti berikut, CBU (30%) dan CKD (10%). Duti import bagi semua jenis kenderaan penumpang yang diimport dari negara-negara ASEAN pula telah dihapuskan bermula 1 Januari 2010. Duti eksais bagi kenderaan hibrid adalah sama dengan kenderaan konvensional iaitu bergantung kepada kapasiti enjin. Walau bagaimanapun duti eksais bagi kenderaan elektrik masih belum ditetapkan. Kerajaan di bawah Bajet 2009 telah memberikan pengecualian duti import 100% dan duti eksais 50% ke atas pengimportan kereta hibrid CBU baru bagi tempoh hingga 31 Disember 2010.

Di bawah Bajet 2011 pula, kerajaan telah meluaskan lagi pengecualian ini dengan memberi 100% pengecualian duti import dan duti eksais kepada kenderaan hibrid dan elektrik serta motosikal hibrid dan elektrik bagi tempoh sehingga 31 Disember 2011. Tuan Yang di-

Pertua, Yang Berhormat Senator Haji Ahamat Yusop, Yang Berhormat Senator Datuk Paul Kong Sing Chu dan Yang Berhormat Senator Puan Usha Nandini a/p S.Jayaram mengemukakan cadangan supaya dasar pembangunan usahawan termasuk program-program keusahawanan untuk graduan menganggur diperkukuhkan bagi mengurangkan jumlah graduan yang tidak mempunyai pekerjaan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, MITI melalui Institusi Keusahawanan Negara (INSKEN) telah pun melaksanakan beberapa program keusahawanan untuk membantu kerajaan bagi mengurangkan kadar pengangguran di kalangan graduan. Pada masa ini, INSKEN telah pun bekerjasama dengan 20 universiti tempatan dalam mengadakan beberapa program keusahawanan sebagai persediaan awal kepada bakal graduan untuk menceburi bidang keusahawanan selepas menamatkan pengajian mereka. Program-program tersebut adalah;

- (i) Kursus Asas Keusahawanan Siswa;
- (ii) Student Mall dalam pembinaan dan operasi;
- (iii) Kem Usahawan Siswa, program yang baru bagi tahun 2011;
- (iv) Student in Enterprise (SIFE);
- (v) SME Corp Universiti Internship Program.

Seramai 48,465 pelajar bagi tahun 2006 hingga Oktober 2010 dari 20 universiti telah menyertai pelbagai program keusahawanan seperti kursus, persidangan, bengkel, konvensyen, lawatan sambil belajar dan kem pembudayaan keusahawanan. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, satu dana pembiayaan khas turut disediakan oleh kerajaan bagi membantu para usahawan siswazah yang diuruskan secara bersama oleh MITI dan SME Bank. Dana tersebut ialah Tabung Usahawan Siswazah (TUS) yang diberi dalam bentuk pinjaman mudah daripada serendah RM20,000 hingga maksimum RM250,000. TUS ini merupakan dana yang diwujudkan bertujuan untuk membantu pada siswazah yang ingin memulakan perniagaan selepas menamatkan pengajian di universiti. Dana ini diperkenalkan untuk menggalakkan dan meningkatkan penglibatan siswazah dalam bidang keusahawanan sejajar dengan hasrat negara untuk melahirkan lebih ramai usahawan yang berpendidikan tinggi dan meningkatkan lagi ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Hajah Fatimah Hamat menyentuh mengenai langkah-langkah proaktif kerajaan bagi menangani kenaikan harga gula yang dipengaruhi oleh harga pasaran dunia memandangkan kontrak jangka panjang atau LTC akan berakhir pada akhir tahun 2011 serta mencadangkan penghapusan subsidi gula. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pembelian gula mentah di pasaran dunia melalui kontrak jangka panjang ini telah dilaksanakan oleh kerajaan sejak tahun 1975. Bagi menjamin harga dan bekalan gula bertapis yang stabil, kerajaan akan mempertimbangkan untuk meneruskan pembelian gula mentah di pasaran dunia melalui kaedah LTC ini memandangkan LTC sedia ada akan berakhir pada akhir tahun 2011.

Subsidi harga gula akan dihapuskan secara berperingkat-peringkat melalui penyelarasan semula subsidi harga gula. Penyelarasan semula ini akan menyebabkan harga gula bertapis naik secara perlahan-lahan. Kerajaan juga tidak bercadang untuk mengimport gula bertapis memandangkan semua permintaan gula bertapis tempatan dapat dipenuhi oleh pengilang-pengilang gula tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja penjelasan saya mengenai isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan, Antarabangsa dan Industri. Segala teguran dan saranan Ahli-ahli Yang Berhormat akan kami berikan perhatian yang serius oleh kementerian dan tindakan susulan sewajarnya akan kami laksanakan.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Minta penjelasan.

Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir: Ya, silakan.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Saya *miss the point* sedikit dengan izin berhubung dengan dua penjelasan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Pertama ialah berhubung dengan pembangunan koridor ini. Angka-angka Yang Berhormat bagi seperti RM55 bilion untuk NCR, RM25.8 bilion untuk Iskandar, RM18.2 bilion untuk ECR misalnya, adakah angka-angka ini angka yang sebenarnya yang wang sudah pun dibelanjakan ataupun ianya anggaran sahaja sebab saya dari Kelantan, ECR merangkumi Kelantan, Terengganu, Pahang dan *part of* Johor dengan izin tapi sebagai orang Kelantan, saya tak terasa bahawa RM18.2 bilion ini yang mana *should be part of* Kelantan ada dibelanjakan dan program-programnya memang ada ataupun adakah ini yang dijanjikan oleh orang-orang yang akan membuat projek-projek ini dari luar negara.

Keduanya berhubung dengan program *liberazation*. Saya sokong penuh dan merasai bahawa program *liberazation* ini adalah amat penting jika kita hendak menarik FDI dari negara-negara luar tetapi saya berpendapat bahawa sektor profesional *services* yang mana kerajaan harus sedar bahawa tiap-tiap profesion di negara ini mempunyai institusi masing-masing yang menetapkan beberapa syarat sebelum profesional-profesional dari luar negara datang praktis ke negara ini dan saya tak tahulah semasa perundingan dengan WTO dan AFTA dan sebagainya sama ada pegawai-pegawai dari Kementerian Luar sedar bahawa saya bagi contoh saya sendirilah. Saya seorang penilai, profesionnya *evaluation*. Saya buka pejabat saya di Shenzhen dua tahun lepas, sampai sekarang lesen untuk membuat penilaian di negeri China tak dapat.

Jadi kalaulah dipermudahkan *foreign* profesion datang ke negara ini, saya takut saya khuatir standard profesionalisme itu akan menurun kerana saya berharaplah apabila kerajaan berunding dengan WTO, AFTA dan sebagainya bahawa representatif daripada industri akan dijemput hadir. Kalau tidak dapat merancang pun sekurang-kurangnya mendengar apakah syarat-syarat yang dikenakan oleh negara-negara asing ini. Sekian, terima kasih.

■1930

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir: Terima kasih Yang Berhormat atas dua perkara yang telah dibangkitkan. Pertamanya ingin saya membuat sedikit *clarification* atau penjelasan. Mengenai angka-angka yang telah saya nyatakan tadi yang berkisar projek pengilangan yang telah diluluskan oleh MIDA bagi semua koridor. Apabila kita sebut diluluskan, maksudnya apabila satu syarikat pelabur asing dan juga pelabur tempatan ingin melabur dalam suatu projek maka ia memohon kelulusan daripada pihak MIDA.

Angka yang diberikan itu kadang-kadang akan dibelanjakan dalam tempoh waktu kalau tidak setahun mungkin dua tahun, tiga tahun dan sebagainya. Maka angka yang dilaporkan oleh MIDA ini adalah semuanya angka yang diluluskan dan tidak semestinya semuanya dibelanjakan pada tahun yang pertama. Keduanya, bagi angka yang mana berkait dengan jumlah wang yang dimasukkan pada tahun tersebut untuk tujuan pelaburan, yang itu dilaporkan oleh pihak Bank Negara iaitu pengimbangan bayaran atau *balance of payment*. *Balance of payment* ini sudah tentu mengambil kira wang yang masuk dan juga wang yang dikeluarkan.

Jadi ada pihak yang lebih berminat untuk melihat angka *balance of payment* ini dengan izin. Akan tetapi bagi kami di MIDA, kelulusan yang diberikan kepada syarikat-syarikat yang ingin melabur di dalam negara kita ini menunjukkan minat ataupun hasrat mereka untuk melaburkan sejumlah wang di dalam satu-satu projek itu. Jadi agaknya itu antara sebabnya apabila kita lihat angka ataupun jumlah pelaburan, kedua-duanya FDI dan DDI bagi NCER ini berjumlah RM55.543 bilion. Agaknya seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, di negeri Kelantan sahaja belum lagi dirasai pelaburan tersebut. Saya anggarkan bahawa mungkin dalam tahun hadapan ini ataupun tahun kedua selepas ini, jumlah itu akan menjadi kenyataan *insya-Allah*. Apa pun pihak kami sentiasa memantau semua pelabur ini yang telah diberikan kelulusan seperti yang saya nyatakan tadi.

Soalan kedua mengenai liberalisasi sektor perkhidmatan di mana bidang profesional dibuka luas untuk pakar-pakar daripada luar negara untuk bersaing dengan pakar-pakar tempatan kita ini. Di dalam perjanjian kita dengan negara-negara yang berkaitan, sekiranya ada sebarang masalah seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi di mana sambil pasaran kita terbuka untuk pakar-pakar asing berkhidmat di sini, tetapi di sana agak payah untuk kita mendapat kelulusan atas sebarang sebab sekalipun. Maka sila kemukakan aduan kepada pihak kami, maka kita akan bangkitkan perkara itu dengan *counterparts* dengan izin kami di sana supaya perkara-perkara ini boleh diberi perhatian yang sewajarnya. Ini adalah sebab sudah tentu ia tidak adil sekiranya pasaran kita terbuka luas bagi pihak asing tetapi pasaran mereka sendiri mempunyai macam-macam halangan. Ada juga negara di mana sebagai *non tariff barriers* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, adalah contohnya borang-borang di dalam bahasa mereka sendiri.

Malah bukan setakat bahasa sahaja tetapi tulisan yang digunakan pun bukannya *romanise*. Jadi itu yang menjadi masalah bagi kita apabila kita ingin memohon sebarang kelulusan di pasaran-pasaran tersebut. Jadi sila kemukakan aduan-aduan ini. *Insyallah* akan kami ambil tindakan yang sewajarnya.

Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi: [*Bangun*]

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir: Ya, silakan.

Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya berminat dengan kenyataan dan penerangan Yang Berhormat tadi mengenai skim usahawan siswazah. Adakah kita sedikit laporan atau maklumat mengenai pencapaian atau kejayaan skim ini? Terima kasih.

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan tersebut. Sebentar ya Yang Berhormat, minta maaf, hendak cari nota. Maksud Yang Berhormat ialah dana ya, skim..

Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi: Saya ada mendengar penjelasan Yang Berhormat tadi mengenai skim usahawan siswazah. Saya ingin mendengar sedikit penerangan mengenai kejayaan atau pencapaian skim ini. Terima kasih.

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir: Untuk makluman Yang Berhormat, skim siswazah ini berbentuk dana yang *rolling*. Buat masa ini, jumlah ataupun baki semasanya berjumlah lebih kurang RM49 juta dan masih boleh digunakan oleh mana-mana pihak siswazah yang berkelayakan.

Di antara syarat-syarat kelayakannya agak panjang lebar sebenarnya. Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat, kita ada apa yang saya panggil tadi Tabung Usahawan Siswazah (TUS). Jadi, ada beberapa syarat dan kelayakan:-

- (i) mestilah lepasan siswazah daripada IPTA atau IPTS di dalam mahupun di luar negara dan tamat pengajian tidak melebihi 10 tahun;
- (ii) umur tidak melebihi 35 tahun;
- (iii) pemohon hendaklah memiliki kelulusan ijazah ataupun diploma;
- (iv) terbuka kepada semua rakyat Malaysia. Mestilah pengusaha sepenuh masa ataupun pemilik majoriti perniagaan;
- (v) mesti ada kertas rancangan perniagaan; dan
- (vi) telah menghadiri salah satu kursus asas keusahawanan yang kami anjurkan.

Jadi itu antara - Seperti yang saya nyatakan tadi, pinjaman ini:-

- (i) di antara RM20,000 hinggalah RM250,000 dan membiayai keperluan harga tetap atau modal kerja projek perniagaan ataupun kedua-duanya sekali;
- (ii) kadar faedahnya 4% setahun;

- (iii) tempoh bayaran balik satu tahun hingga lima tahun;
- (iv) tempoh pengecualian bayaran balik pinjaman di antara 6 bulan hingga 12 bulan;
- (v) bagi pinjaman modal kerja, bank akan mengambil jaminan pihak ketiga; dan
- (vi) had pembiayaan 90% atas kos projek dan pembiayaan secara konvensional dan syariah.

Saya harap maklumat tersebut memadai Yang Berhormat.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Tuan Yang di-Pertua, boleh satu soalan? Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ada minta dalam ucapan saya iaitu dalam perbincangan mengenai FDA Malaysia dengan EU, saya tidak dengar jawapan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan menteri menerangkan apakah keadaan sekarang, di peringkat manakah Perjanjian FDA Malaysia dengan EU? Satu lagi ialah walaupun sebelum ini FDA Malaysia dengan USA tidak dilaksanakan ataupun gagal, tetapi mengapa Malaysia mahu berjanji dengan EU? Terima kasih.

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan berkaitan dengan perjanjian bebas atau FDA dengan pihak EU. Kerajaan masih dalam proses perundingan dengan pihak EU. Dalam proses ini kita mengambil kira komen-komen dan maklum balas daripada kebanyakan pihak di dalam negara kita termasuklah dewan-dewan perniagaan, NGO dan sebagainya selain daripada pakar-pakar akademik dalam bidang yang berkaitan supaya akhirnya sebarang perjanjian yang dimeterai itu mestilah menjaga kepentingan rakyat dan negara.

■1940

Walaupun wujud beberapa isu yang menimbulkan kebimbangan pihak tertentu, yakinlah bahawa pihak kerajaan tidak akan menandatangani sebarang perjanjian yang akhirnya menjejaskan kepentingan negara.

Keduanya, walaupun kita tidak menandatangani perjanjian FTA bersama dengan Amerika Syarikat pada tahun yang lepas, kita lihat bahawa perjanjian dengan EU ini agak berlainan ataupun berbeza dan seperti yang saya nyatakan tadi, kita masih dalam proses untuk mendapat maklumat daripada semua pihak. Lebih khusus lagi, rundingan pusingan pertama baru diadakan pada 6 hingga 9 Disember baru-baru ini di Brussels dan rundingan US FTA seperti yang saya nyatakan tadi, tidak diteruskan. Sebaliknya, kerajaan sekarang ini berfokus kepada rundingan *TPP (Trans Pacific Partnership)* yang melibatkan beberapa negara yang lain termasuk Amerika Syarikat. Terima kasih.

Kalau tidak ada lagi soalan Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat yang begitu tinggi terhadap apa yang kami lakukan di MITI dan saya mohon supaya minat ini dapat diteruskan

malah dipertingkatkan lagi supaya dapat kami memperbaiki sebarang kepingcangan dan berjaya dalam KPI kita menarik pelaburan asing dan meningkatkan perdagangan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Diminta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi untuk menjawab.

7.42 mlm.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu izinkan saya bagi pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ataupun singkatannya MOSTI mengucapkan ribuan terima kasih kepada dua orang Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh isu-isu di bawah kementerian ini semasa perbahasan Bajet 2011 pada 14 hingga 16 Disember 2010.

Sebanyak dua isu mengenai kementerian ini telah disentuh iaitu mengenai pertamanya, program menarik *research, scientist and engineer (RSE)* tempatan di luar negara ke Malaysia dan kedua, pewujudan dasar internet yang lebih selamat untuk kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff menyarankan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi supaya meneliti semula program penggalakan untuk menarik dan membawa balik RSE yang bekerja di luar negara untuk berkhidmat di Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini terdapat dua program untuk menggalak, menarik dan membawa balik saintis dan jurutera penyelidik ataupun *research, scientist and engineer (RSE)* yang bekerja di luar negara untuk berkhidmat di Malaysia. Program-program yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- (i) Program menggalak warganegara Malaysia yang berkepakaran, yang bekerja di luar negara pulang ke Malaysia di bawah kendalian Kementerian Sumber Manusia yang melibatkan pakar-pakar dalam bidang perubatan dan kesihatan, teknologi maklumat, perakaunan dan kewangan, industri, sains dan teknologi, seni dan budaya, aeroangkasa, penyelidikan maritim, pertanian dan lain-lain lagi; dan
- (ii) program Brain Gain Malaysia di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Program ini mengguna pakai strategi jaringan (*networking*) dengan izin, dan kolaborasi dan program ataupun projek yang melibatkan *research development* dan *commercialization* dengan izin, di mana saintis, penyelidik, jurutera ataupun *innovator technology* – singkatannya RSET, tidak perlu kembali secara kekal di Malaysia.

MOSTI juga mendapat kerjasama dan sokongan yang erat daripada beberapa kementerian ataupun agensi seperti Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Sumber Manusia, Jabatan Imigresen serta perwakilan-perwakilan Malaysia di luar

negara dalam menjayakan program tersebut. Kerajaan dari semasa ke semasa mengkaji dan meneliti semula pencapaian program ke arah memperkukuhkan pelaksanaan program tersebut dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-10.

Penelitian ke atas program ini turut dibuat baru-baru ini semasa sesi *lab* penubuhan Talent Corporation yang dianggotai oleh wakil dari MOSTI. Beberapa inisiatif dan idea bagi penambahbaikan program baru dalam Rancangan Malaysia Ke-10 yang diutarakan oleh MOSTI telah diterima oleh Talent Corporation yang diberi mandat untuk menarik, memupuk dan mengekalkan modal insan berbakat tinggi yang diperlukan bagi mencapai status ekonomi berpendapatan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, ini bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah berkenaan keperluan kerajaan untuk mewujudkan dasar internet yang lebih selamat kepada kanak-kanak dengan mewujudkan satu jawatankuasa yang dianggotai oleh Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat mengambil berat terhadap isu keselamatan siber terutamanya dalam melindungi pengguna-pengguna seperti kanak-kanak bagi memperkasakan ruang siber negara daripada ancaman-ancaman siber yang semakin meningkat. Antara langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak kerajaan melalui kerjasama dengan pelbagai kementerian dan agensi-agensi kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) Melaksanakan Dasar Keselamatan Siber Nasional (*National Cyber Security Policy*);
- (ii) membangunkan Pelan Pengurusan Krisis Siber Negara di bawah kawal selia Majlis Keselamatan Negara;
- (iii) mengkaji kelompangan undang-undang negara bagi membolehkan ancaman siber ditangani dengan lebih berkesan;
- (iv) menggalakkan pihak penyedia perkhidmatan internet (ISP) menyediakan aplikasi dengan izin, *content filtering software*;
- (v) mengarahkan organisasi-organisasi *CNII (Critical National Information Infrastructure)* melaksanakan pensijilan *Information Security Management System (ISMS)*;
- (vi) membangunkan strategi nasional untuk program pembudayaan dan pembangunan keupayaan dan keselamatan siber;
- (vii) melaksanakan program kesedaran siber di peringkat nasional bagi memberi pendedahan dan kesedaran berkenaan isu keselamatan siber;

- (viii) mengadakan pusat pengaduan setempat berkenaan insiden siber di mana masyarakat boleh mendapatkan khidmat dan bantuan teknikal secara percuma melalui Pusat Koordinasi Siber 999; dan
- (ix) mengadakan pasukan petugas mengambil tindakan segera laman web KPKK yang diterajui oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan.

Buat masa ini negara mempunyai peruntukan undang-undang yang mencukupi bagi perlindungan kepada kanak-kanak termasuk dari segi persekitaran siber. Di samping itu, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Perundangan Siber yang dipengerusikan oleh Jabatan Peguam Negara bagi mengkaji keperluan penambahbaikan undang-undang sedia ada. Jawatankuasa Perundangan Siber merupakan sebuah jawatankuasa di bawah Jawatankuasa e-Sovereignty yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, MOSTI melalui agensinya, CyberSecurity Malaysia telah melaksanakan Program CyberSAFE, singkatan kepada *Cyber Security Awareness For Everyone* dengan izin, atau Kesedaran Keselamatan Siber Untuk Semua bagi meningkatkan kesedaran terhadap isu-isu keselamatan siber termasuk kanak-kanak dan golongan pelajar. Sehingga bulan November 2010, seramai 11,913 pelajar dan 940 guru dari 50 buah sekolah telah mengikuti Program CyberSAFE.

Antara aktiviti dan inisiatif di bawah Program CyberSAFE adalah seperti berikut:

- (i) Laman web Cyber Safe. Laman web Cyber Safe boleh diakses di sesawang www.cybersafe.my. Laman web ini menyediakan maklumat-maklumat keselamatan siber untuk masyarakat awam dan maklumat-maklumat khas untuk kumpulan sasaran. Pengunjung laman web ini boleh memuat turun bahan-bahan rujukan seperti poster dan video keselamatan siber. Selain itu, perisian percuma juga boleh dimuat turun daripada laman web ini seperti perisian antivirus untuk melindungi komputer pengguna;
- (ii) Program Duta CyberSAFE. Program ini melatih sukarelawan di kalangan masyarakat untuk membantu menyampaikan mesej kesedaran siber kepada semua peringkat masyarakat;
- (iii) *newsletter* dan *web zine*. Kandungan *newsletter* dan *web zine* ini merupakan penulisan-penulisan yang menyampaikan mesej-mesej keselamatan siber terkini;
- (iv) ceramah-ceramah di mana ceramah keselamatan siber di sekolah-sekolah dan agensi-agensi kerajaan dan swasta diadakan. Sekolah-sekolah serta organisasi-organisasi boleh meminta CyberSecurity Malaysia untuk menyampaikan taklimat-taklimat keselamatan siber dan

mengambil bahagian membentangkan kertas-kertas kerja berdasarkan tema keselamatan maklumat yang ditentukan oleh penganjur;

■1950

- (v) pertandingan dan *road show* mengenai keselamatan siber. Antaranya melalui laman *Facebook Cyber Safe*; dan
- (vi) kerjasama dengan komuniti dan kumpulan NGO.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, dalam memantapkan lagi capaian Program CyberSAFE kepada pelajar-pelajar dan warga sekolah, CyberSecurity Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia telah melancarkan Program CyberSAFE *in School* pada 24 September 2010. Program ini telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran di Kota Marudu, Sabah. CyberSecurity Malaysia sedang berbincang dengan Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia mengenai perincian pelaksanaan Program CyberSAFE *in School* pada tahun 2011.

CyberSecurity Malaysia juga sedang merancang dengan pihak-pihak syarikat swasta bagi menjayakan program CyberSAFE pada tahun 2011. Untuk itu Tuan Yang di-Pertua sekali lagi kementerian kami mengucapkan terima kasih di atas sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat serta pandangan dan teguran bagi kami terus meningkatkan khidmat kami kepada negara dan rakyat keseluruhannya. Terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Minta Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar menjawab.

Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya bertanya? Jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Boleh? Boleh izin, Tuan Yang di-Pertua? Kalau tidak, mungkin cepat sahaja.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Menteri. Minta dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Boleh jawab, Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi: Sedikit.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Benarkan.

Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi: Saya hendak bertanya begini. Mengenai *brain gain* ataupun... *Research and Development Specialist* balik ke Malaysia. Mereka sukar datang dari segi kalau mendapatkan gaji yang lebih tinggi kerana gaji kita memang rendah. Mereka akan tertarik datang kalau mereka diberi peluang untuk *research and development* sendiri dalam kepakaran mereka ataupun mereka ada peluang, skim untuk mereka membawa *enterprise* mereka sendiri sebagai *entrepreneurs*. Adakah kementerian mempunyai skim-skim ini? Terima kasih.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Dato Sri Mohd. Effendi. Program utama di bawah *Program Brain Gain*, MOSTI ialah apa yang kita gelar sebagai diaspora *option*. Strategi ini agak fleksibel di mana pakar atau saintis kita boleh berada di mana-mana

tempat di seluruh dunia. Akan tetapi mereka akan datang memberi kepakaran mereka secara rundingan kepada kita ataupun apa-apa IP yang ada untuk dibawa ke Malaysia dan seterusnya dibangunkan termasuklah *commercialization*. Mereka boleh berada di mana-mana tetapi sekadar kita akan membayar tambang, kos pergi, penginapan dan sebagainya. Cadangan ini sebenarnya kita sudah majukan kepada *Talent Corporation* yang akan mengambil alih keseluruhan Program *Brain Gain* untuk Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Kita akan menjadi ahli untuk memberi pandangan terus kepada mereka bagaimana fleksibel program ini dapat diteruskan. Kalau kita hendak membawa memang kita bersetuju bahawa ada kekangan. Contohnya dari segi gaji. Adakah kita dapat menawarkan gaji yang lumayan seperti mana yang mereka peroleh di luar negara misalnya. Ada juga kekangan dari segi sosioekonomi perspektif termasuklah pembelajaran misalnya. Anak-anak mereka yang membesar di luar negara hendak di bawa balik dan sebagainya.

Menyedari inilah kita adakan pelbagai diaspora program supaya program yang kita tawarkan lebih fleksibel, lebih *attractive* dengan izin, untuk mereka kembali berkhidmat kepada negara. Memberi khidmat tetapi mereka boleh berada terus di luar negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

7.54 mlm.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Seri Douglas Uggah Embas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan dan pandangan terhadap perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2010 di Dewan ini.

Yang Berhormat Senator Puan Doris Sophia telah membangkitkan isu pengukuran tanah NCR di negeri Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, hal ehwal tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Namun begitu, *Lab Bumiputera* yang diadakan pada awal tahun ini telah memutuskan untuk memohon bantuan Kerajaan Persekutuan dalam usaha untuk mengukur tanah NCR di negeri Sarawak.

Berasaskan kepada perkara di atas, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan RM20 juta pada tahun ini supaya usaha mengukur tanah dapat dipercepatkan lagi. Kerajaan Persekutuan juga akan terus membantu usaha ini dan akan memberi peruntukkan pada tahun akan datang. Bantuan daripada Kerajaan Persekutuan akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Langkah pertama modus operandi tersebut adalah mengukur perimeter kawasan tanah NCR dan mewartakannya sebagai *Native Communal Reserves* di bawah Seksyen 6, *Sarawak Land Code*.

Setelah tindakan ini selesai, kerja-kerja mengukur lot individu berdasarkan persetujuan bersama para pemilik akan diambil. Setelah itu pemberi milikan hak milik individu akan dibuat. Setakat ini, kita telah dimaklumkan bahawa lebih 83,000 hektar telah siap dan sedang diukur di bawah fasa pertama program ini.

Yang Berhormat Senator Datuk Akbar Ali telah mencadangkan supaya semakan semula ke atas Kanun Tanah Negara dibuat untuk menjaga tanah rizab Melayu. Untuk makluman Yang Berhormat, Kanun Tanah Negara 1965 merupakan undang-undang seragam yang diguna pakai oleh negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Mengenai sistem pemegangan tanah... *system*, dengan izin. Melalui pemberi milikan dan pendaftaran hak tanah. Kanun Tanah Negara ini digubal berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan, di bawah Fasal 4 Perkara 76. Bagi tujuan keseragaman undang-undang berkaitan pemegangan tanah, konsultasi dengan kerajaan-kerajaan negeri perlu dibuat melalui Majlis Tanah Negara yang ditubuhkan di bawah Perlembagaan Persekutuan di bawah Fasal 9 Perkara 91.

Bagi tanah rizab Melayu, undang-undang yang mengawal pemegangan dan perizaban adalah Enakmen Rizab Melayu mengikut negeri-negeri yang berkenaan. Oleh itu, hal yang demikian, sebarang kajian semula atau pindaan ke atas Enakmen Rizab Melayu tersebut perlulah mendapat persetujuan daripada kerajaan negeri yang berkenaan dan seterusnya mendapat ketetapan dasar daripada Majlis Tanah Negara bagi tujuan keseragaman dalam pelaksanaan dasar tersebut.

Merujuk kepada persoalan jumlah keluasan tanah rizab Melayu yang masih ada. Adalah dimaklumkan bahawa sehingga tahun 2008 terdapat 4.3 juta hektar tanah rizab Melayu di seluruh Semenanjung Malaysia kecuali negeri Pulau Pinang dan Melaka. Sehingga 2008, sejumlah 19,100 hektar telah diambil dan diganti dengan 12,900 hektar. Untuk makluman Yang Berhormat, tanah-tanah rizab Melayu yang telah dibatalkan status hendaklah diganti dan mana-mana tanah lain yang sama jenis dan keluasan itu tidak melebihi dari keluasan tanah yang dibatalkan itu seperti mana yang termaktub dalam Fasal 3, Perkara 89 Perlembagaan Persekutuan. Persoalan penggantian tanah rizab Melayu telah diambil adalah bergantung kepada dasar tanah yang diamalkan oleh pihak berkuasa negeri masing-masing.

Terdapat amalan pihak berkuasa negeri yang mengekalkan tidak membatalkan status tanah rizab Melayu yang terlibat dengan pengambilan tanah oleh Kerajaan Persekutuan. Sekiranya tanah rizab Melayu diambil itu kemudian dipegang oleh Suruhanjaya Tanah Persekutuan, bagi pihak Kerajaan Persekutuan, ia tidak memerlukan status tanah rizab Melayu tersebut dibatalkan. Ini disebabkan Suruhanjaya Tanah Persekutuan telah diiktiraf sebagai Melayu di sebahagian negeri yang terlibat.

Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan berbincang dengan kerajaan-kerajaan negeri untuk mendapatkan pandangan. Sekiranya

diperlukan sebarang pindaan dibuat kepada Enakmen Rizab Melayu berdasarkan kepada perkembangan semasa tersebut.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi membangkitkan jumlah keluasan *wetland* yang telah diwartakan dan berapa baki tanah tapak *wetland* yang telah dikomersialkan. Beliau bertanya apakah dasar kementerian mengenai *biodiversity ecosystem* di tanah lembap. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, keluasan tanah lembap di Malaysia dianggarkan 7 juta hektar. Sebahagian besar tanah lembap adalah merupakan kawasan hutan simpan dan tanah kerajaan. Daripada jumlah ini, seluas 120,000 hektar di enam kawasan tanah lembap telah diisytiharkan sebagai tapak Ramsa selaras dengan konvensyen ke atas tanah lembap atau Konvensyen Ramsa.

Enam tapak Ramsa ini adalah di Tanjung Piai, Pulau Kukup dan Sungai Pulai di Johor, Tasik Bera di Pahang, Kuching Wetland National Park di Sarawak dan Lower Kinabatangan Segama Wetland di Sabah. Sehingga kini tidak ada sebarang kawasan tanah lembap yang diisytiharkan sebagai tapak Ramsa pernah dikomersialkan.

■2000

Kerajaan telah merangka Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan pada tahun 1998 untuk menggalakkan konservasi dan penggunaan biodiversiti secara berkekalan. Di bawah dasar ini kepentingan kawasan tanah lembap perlu dipelihara dan diguna dengan lebih lestari.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, masih panjang lagi jawapannya?

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Kalau tidak ada gangguan, mungkin dalam masa tujuh minit.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram bertanya apakah bentuk promosi program untuk meningkatkan kesedaran tentang perlunya pemuliharaan alam sekitar. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak kementerian melalui jabatan-jabatan seperti Jabatan Alam Sekitar, Jabatan PERHILITAN dan juga Jabatan Pengaliran dan Saliran telah melaksanakan pelbagai program di bawah Promosi Kesedaran dan Penyelidikan Alam Sekitar.

Program baru yang diperkenalkan ialah Program Rakan Alam Sekitar di setiap kawasan Parlimen di seluruh negara. Jawatankuasa khas ini telah ditubuhkan semenjak tahun 2009. Program ini melibatkan anggota masyarakat secara *hands on* atau fizikal untuk menggembeng tenaga agensi kerajaan dalam membanteras kegiatan yang mencemar atau merosakkan alam sekitar. Sejak dilancarkan pada Jun 2009, sehingga kini 375 aktiviti kesedaran dan pendidikan telah dijalankan di bawah program RAS ini.

Di samping itu, JAS juga melaksanakan aktiviti kesedaran dan penyelidikan alam sekitar, sama ada seperti kem kesedaran, ceramah, pameran alam sekitar. Pada tahun 2009, sebanyak 1400 aktiviti yang telah berjaya dilaksanakan. Bagi meningkatkan kesedaran tentang alam sekitar

di kalangan orang awam, JAS juga telah menerbitkan bahan cetak dan elektronik, contohnya bahan cetak berkenaan adalah Majalah Hijau, Majalah Impak, masing-masing di cetak empat penerbitan setiap tahun. Bagi bahan elektronik pula, JAS telah menyiarkan filem iklan alam sekitar di stesen TV dan radio pada 2007, 2008, 2009, 2010, JAS juga akan menyiarkan mesej alam sekitar di akhbar-akhbar tempatan.

Bagi mengiktiraf peranan masyarakat yang bergiat aktif ke arah pemuliharaan alam sekitar, JAS juga telah memberi penganugerahan kepada pihak-pihak seperti warga sekolah dan pihak berkuasa tempatan serta individu yang menjalankan aktiviti pengurusan ke arah kelestarian alam sekitar. Program berkenaan adalah Program Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar, Program Lestari Anugerah Alam Sekitar, Anugerah Langkawi dan Anugerah Wira Alam.

Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad telah pun bertanya mengenai isu pencemaran sungai dan bertanya bagaimana cara untuk mengatasi masalah ini. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Program Pengawasan Kualiti Sungai pada tahun 2009, Jabatan Alam Sekitar telah memantau sebanyak 577 sungai melalui 163 stesen pemantauan seluruh negara. Hasil daripada pemantauan ini, didapati sebanyak 306 ataupun 53% sungai adalah dikategorikan sebagai bersih, 217 ataupun 38% sungai dikategorikan sebagai sederhana tercemar dan 54 batang sungai ataupun 9% adalah dikategorikan sebagai tercemar.

Di antara langkah-langkah spesifik yang diambil oleh Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Pengairan dan Saliran untuk mencegah pencemaran sungai dan memelihara sungai yang tercemar adalah:

- (i) meningkatkan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya di peringkat punca khususnya daripada punca tetap - *point source* dengan izin. Dari bulan Januari 2009 hingga bulan Mei 2010, sejumlah 441 kes pencemaran telah diselesaikan oleh pihak JAS dengan melibatkan denda sebanyak RM5.6 juta;
- (ii) melaksanakan 1 Negeri 1 Sungai untuk memulihara dan mengembalikan sungai serta kawasan sekitarnya yang tercemar, rosak kepada keadaan asalnya;
- (iii) memasang 105 perangkap sampah - *log boom* dengan izin, di lapan batang sungai;
- (iv) meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan menjaga sungai.

Untuk makluman Dewan ini, punca pencemaran sungai adalah daripada punca tetap dan punca tidak tetap seperti pertanian, industri ataupun kumbahan. Perkara ini adalah di bawah bidang kuasa pelbagai kementerian dan jabatan. Oleh yang demikian, cadangan Yang Berhormat supaya penyelarasan di antara kementerian dan agensi ke arah menangani pencemaran sungai perlu diadakan adalah cadangan yang baik dan telah pun dilaksanakan.

Untuk makluman Dewan ini, satu jawatankuasa pengurusan sumber air, kuantiti dan kualiti air yang dipengerusikan oleh Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, jawatankuasa ini dianggotai oleh kementerian saya, Kementerian Kesihatan, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Kementerian Pertanian dan Asas Tani, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Matlamat jawatankuasa ini adalah untuk menyelaras usaha-usaha menentukan bahawa sungai dan sumber air negara sentiasa bersih dan tidak tercemar.

Yang Berhormat Dato' Dr. Yeow Chai Thiam memohon supaya kerajaan mengkaji kaedah mengurangkan banjir di Kuala Lumpur. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi mengurangkan masalah banjir di Kuala Lumpur, kerajaan telah melaksanakan beberapa projek pelepasan banjir yang dirancang berdasar kepada Pelan Induk Tebatan Banjir Kuala Lumpur. Tebatan banjir utama yang telah siap dibina ialah Terowong SMART Pakej A, Kolam Takungan Batu Jinjang Pakej B, serta kerja-kerja menaik taraf sungai seperti Sungai Kerayung dan meninggikan Empangan Klang Gate.

Dengan siapnya projek-projek ini, kerajaan yakin bahawa kebanyakan masalah banjir yang sering berlaku di kawasan Kuala Lumpur ini dapat diatasi. Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya semua sungai diperdalamkan untuk mengatasi masalah banjir, kerajaan sering mengambil langkah proaktif dalam menangani masalah banjir yang disebabkan oleh sungai-sungai yang cetek yang terhalang laluan. Sebagai contoh, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kerajaan telah membelanjakan RM100 juta di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi bagi seluruh Malaysia untuk mengatasi masalah seperti yang disebutkan tadi.

Ahli Yang Berhormat, itu adalah beberapa perkara yang kementerian telah jelaskan dalam perbahasan rang undang-undang...

Datuk Akbar bin Ali: Mohon mencelah Yang Berhormat, boleh? Sedikit sahaja. Terima kasih. Saya berminat hendak tahu kedudukan tentang *global warming* – usaha menangani *global warming* oleh negara kita, bersama-sama usaha negara lain. Ini kerana saya rasa masalah ini agak serius berdasarkan apa yang kita baca dan kita lihat. Mohon kalau Yang Berhormat boleh memberi sedikit masa untuk menerangkan kepada kita usaha yang dibuat ke arah menangani *global warming* ini. Terima kasih.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Maaf Yang Berhormat. Mencelah juga, sekali jawab. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh menjelaskan juga apa peranan kita dalam *Mexico Summit* yang lepas, tentang perkara yang sama juga. Mungkin *update* untuk kita. Terima kasih.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Yang Berhormat Menteri, satu lagi soalan yang belum dijawab, saya ada bentangkan semasa perbahasan tetapi tidak dijawab iaitu apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk memulihkan pencemaran di Sungai Rajang yang semakin teruk. Terima kasih.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Saya jawab soalan yang paling singkat. Untuk makluman Yang Berhormat, Sungai Rajang tidak tercemar teruk seperti dituduh oleh Yang Berhormat. Ini kerana mengikut pemantauan kita, Sungai Rajang adalah di antara dalam kategori 3 - jadi ia tidak teruk. Saya harap Yang Berhormat tahu mana Sungai Rajang, jangan pandang dari sini sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu *global warming* - apakah tindakan Malaysia. Pertama, Malaysia percaya bahawa fenomena *global warming* ini ataupun perubahan iklim ini memang berlaku.

Kedua, kebanyakan sebab atau faktor-faktor yang menyebabkan fenomena ini berlaku adalah sebab kegiatan-kegiatan manusia. Itu adalah pendirian kita, kita juga dalam *climate change conference* atau dalam Persidangan Ahli-ahli Dunia - *Conference of the Parties* (CAP) sama ada di Copenhagen ataupun di Cancun baru-baru ini bersetuju bahawa dunia mesti berusaha untuk menentukan bahawa suhu ataupun *temperature* dunia ini tidak boleh meningkat lebih daripada dua *degrees* dari apa yang berlaku pada era *industrial age*. Ini kerana kalau lebih daripada itu akibatnya kepada kita, kepada dunia tidak boleh kita jangka. Kalau *temperature* itu naik kepada tiga *degrees* ataupun empat *degrees* sehingga tahun 2050.

■2010

Jadi berlandaskan ini maka kerajaan kita juga memainkan peranan, memberi sumbangan walaupun kita negara kecil, walaupun kita hanya menyumbang kepada 0.6% kepada *emission* di seluruh dunia. Akan tetapi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat pendirian di Copenhagen bahawa negara Malaysia akan berusaha mengambil tindakan untuk mengurangkan gas rumah hijau ini dengan mengurangkan beberapa peratus intensiti pengurangan karbon pada tahun 2020 berasaskan kepada angka pada tahun 2005.

Jadi dengan dasar itu maka kerajaan telah pun merangka berbagai program, berbagai tindakan dan untuk mencapai sasaran ataupun pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu kita telah pun mengadakan satu *road map*. Saya ingin mengumumkan dengan bangga di sini sehingga kini kita telah mencapai 63% dari sasaran 40% itu tadi kerana untuk kita mencapai apa yang telah diumumkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Copenhagen kita perlu mengurangkan 38 juta *Co2 equivalent*. Sekarang pun kita telah dapat mengurangkan kira-kira dalam 24,000 *Co2 equivalent*. Saya tidak ingin menjelaskan itu begitu panjang kerana ini saya belum mendapat kepastian.

Akan tetapi, saya juga ingin menjawab mengenai Cancun. Cancun adalah juga ada *conference of parties* yang baru selesai pada 11 hari bulan ini dan Cancun adalah lebih berjaya daripada Copenhagen. Sekurang-kurangnya di Cancun kita dapat persetujuan *the two track*. Satu, *working group for long term corporation*. Dua, *the track* adalah *track* mengenai Kyoto Protocol. Dalam *conference* ini juga dalam persidangan ini dunia juga bersetuju menubuhkan

Green Climate Change Fund. Inilah satu pencapaian yang agak memuaskan hati negara Malaysia kerana inilah yang kita telah perjuangkan bersama-sama dengan negara G-77.

Kedua juga ada ditubuhkan satu pusat pertukaran teknologi kerana ini juga adalah masalah-masalah yang dihadapi oleh negara membangun. Kalau kita – walaupun kita memang berusaha untuk mengamalkan dasar membuat masyarakat kita lebih mengamalkan *low carbon society* tetapi kita perlukan teknologi-teknologi yang lebih canggih. Jadi dalam mesyuarat ini dipersetujukan ada satu *centre* di mana pertukaran teknologi telah pun diadakan. Cuma yang tidak memuaskan adalah kerana Jepun telah pun memberikan pendirian bahawa mereka tidak akan mengambil bahagian dalam *second commitment of the Kyoto Protocol*.

Jadi ini akan membawa impak yang begitu berat sekali dan mereka juga diikuti dengan oleh negara Russia. Ini kerana yang penting bagi *second commitment of the Kyoto Protocol* adalah kita mengharapkan negara-negara maju dapat mengurangkan *taking a very deep heart in their Co2 emission*. Akan tetapi, dengan mereka tidak mahu masuk *the second commitment Kyoto Protocol*...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri. Dua minit lagi.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Dua minit lagi. Jadi...

Timbalan Yang di-Pertua: Satu minit lagi.

Dato' Seri Douglas Uggah Embas: Okey, satu minit lagi. *Half minute* lagi saya bagi. Jadi kalau dia tidak membuat *deep cut Co2 emission* maka matlamat dunia hendak mengurangkan *temperature* tidak lebih daripada 2° *Celsius* mungkin tidak akan tercapai. Inilah membimbangkan kita dan Malaysia akan memainkan peranan untuk terus berjuang supaya usaha ini dapat kita tangani dengan bersama-sama kebaikan dunia *to save the only planet that we have*. Terima kasih dan apa-apa perkara yang tidak dijawab oleh kementerian kita akan mengambil perhatian dan kita akan berbincang dengan Yang Berhormat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Selasa, 21 Disember 2010. Terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.15 malam.